

**KUASA INSANIAH NEGARA MALAYSIA
DAN IMEJ-IMEJ SELEBRITI
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**

JUNITA BUDI RAHMAN

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
NOVEMBER 2014**

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika tiada kebenaran beliau, Penolong Naib Canselor diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebaran bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan keserjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan mesti diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan keserjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk membuat salinan atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada :

Penolong Najib Canselor
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
0610 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, Malaysia

ABSTRAK

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk menjawab soalan berikut: Bagaimanakah konteks kuasa insaniah negara di Asia Tenggara semasa Malaysia mengupayakan pembinaan kuasa insaniah? Apakah bentuk kuasa insaniah Malaysia yang dibina oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad? Apakah bentuk dan bagaimanakah imej selebriti yang dibina oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menyokong dan mengekalkan kuasa insaniah Malaysia? Apakah bentuk penerimaan khalayak terhadap semua usaha Tun Dr. Mahathir Mohamad? Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti dan memahami kuasa insaniah yang dibina oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Data diperoleh secara lapangan, iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pulau Langkawi, dari kajian perpustakaan, dan temu bual. Kajian ini membincangkan secara deskriptif dan kritis kesemua persoalan untuk memenuhi objektif penyelidikan. Kajian ini memperincikan bahawa Malaysia mengambil kira gambaran konteks serantau Asia Tenggara dalam membangunkan kuasa insaniah. Selain itu, terdapat usaha yang memberi kesan terhadap khalayak antarabangsa bahawa Malaysia merupakan negara yang cekap, amanah dan bersih sebagai imej kuasa insaniah Malaysia. Tun Dr. Mahathir yang berimej selebriti melalui prestasinya mahupun eksistensi media pendedahan didapati boleh mengukuhkan dan mengekalkan kuasa insaniah dan kuasa bintang. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat penerimaan awam dengan terciptanya *para-social relationship* menerusi pemberian pelbagai penghargaan dan penubuhan kelab peminat dan pengikut Tun Dr. Mahathir. Kajian memperlihatkan bahawa usaha kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan citra Tun Dr. Mahathir dalam membangunkan kuasa insaniah Malaysia telah memunculkan sekali kuasa bintang. Kajian ini merapatkan jurang ilmu mengenai sifat kuasa dalam Kajian Hubungan Antarabangsa dan dalam Kajian Budaya Populer serta Kajian Selebriti dengan menawarkan konsep kuasa bintang ke dalam kerangka teori kuasa insaniah.

Kata kunci: Kuasa insaniah, imej selebriti, Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad

ABSTRACT

This research was conducted to answer the following questions : What was the context of the soft power of the nations in Southeast Asia while Malaysia was building its soft power? What kind of soft power did Malaysia build during Tun Dr. Mahathir Mohamad's leadership? What was the form and the celebrity image that was constructed by Tun Dr . Mahathir Mohamad to support and maintain soft power of Malaysia? What was the public's acceptance of Tun Dr . Mahathir Mohamad's efforts? The objective of this study is to identify and understand the soft power built by Tun Dr. Mahathir Mohamad's leadership. Data were collected by field research in Kuala Lumpur, Putrajaya and Langkawi Island, and from literature review and interviews. This study is descriptive, and a critical discussion of all the questions to meet the research objectives. The study details the considerations of Malaysia in the regional context of Southeast Asia in developing soft power. Besides there were efforts to influence an international audience that Malaysia was efficient, trustworthy and clean as an image of Malaysian soft power. The celebrity image of Mahathir Mohamad which he got through his achievement as well as by his media exposure contributed to strengthen and maintain Malaysia's soft power and star power. The study also found that there was public acceptance with the creation of a para-social relationship through various acknowledgements and the establishment of fan and followers clubs. The study showed that Dr Mahathir Mohamad's efforts in developing Malaysia's soft power generated star power as well. This study bridges the gap in the knowledge about the nature of power in the Study of International Relations and Popular Cultural Studies and also Celebrity Study by offering the concept of star power in the framework of the theory of soft power.

Key words: Soft power, Celebrity images, Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

PENGHARGAAN

Pertama sekali puji syukur saya panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang telah memberikan taufik dan hidayahNya kepada saya sehingga tesis ini dapat diselesaikan. Selanjutnya saya ingin merekamkan penghargaan kepada individu-individu yang telah memberikan sumbangan bagi membolehkan saya melengkapkan tesis Pasca Sarjana (Ph.D) saya ini.

Terdahulu saya mengucapkan banyak terimakasih kepada Prof. Dato' Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz sebagai Penyelia Utama dan Prof. Madya Dr. Mohd Azizudin Mohd Sani sebagai Penyelia Pendamping atas arahan, pandangan dan dorongan di sepanjang kajian dijalankan dari mulai penulisan sampai tamatnya tesis ini.

Terimakasih saya tujukan kepada Prof. Jayum Anak Jawan Ph.D., Assoc. Prof. Dr. Ahmad Martadha Bin Mohamed, dan Assoc. Prof. Dr. Mohammad Basir Saud atas kehadiran dan arahannya dalam Ujian Viva.

Terimakasih saya sampaikan untuk semua pihak di Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarbangsa (COLGIS) Universiti Utara Malaysia.

Beribu-ribu terimakasih kepada semua kakitangan Institut Pemikiran Tun Dr Tun Dr. Mahathir Mohamad Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah memberikan kebenaran dan kemudahan untuk menjalankan kajian serta mendapat maklumat, terutama: Dr. Haji Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri sebagai Timbalan Pengarah, dan Encik Shahidan Shafie, Encik Nor Azman Nordin, Puan Hartini Hanapi dan Puan Sharom Bakar.

Terimakasih saya dedikasikan kepada semua pemberi sumber maklumat yang memberikan maklumat, komen dan konfirmasi penyelidikan saya, iaitu Dr. Yasraf Amir Piliang, M.A., Prof. Aelina Surya, Dr., Dra., Drs. Ramli Rauf M.A., Encik Esa bin Haron, Encik Pizi Jihat dan Hasniza Hashim.

Terimakasih juga saya dedikasikan kepada para kolega dari Jurusan HI-Unpad yang sama-sama menuntut ilmu di UUM.

Terimakasih saya dedikasikan kepada keluarga besar Budi Rahman: Budi Anre, Juli A. Noel, Nina S. Berry, Mayke D. Ramli; dan kepada sahabat-sahabat saya beserta keluarga: Rozita Hamzah Jensen, Indra F. Soenarso, dan Linda S. Sjarief.

Terimakasih yang tak terhingga saya sampaikan untuk ananda tercinta Gusti Aditya Rizki Amesar. Dorongan, kasih sayang dan harapan Allahyarham semasa hidup tetap menyemangati penyelidik untuk terus bertahan dalam menuntaskan penulisan tesis ini. Semoga arwahmu tenang dan bahagia di alam keabadian (alfatihah).

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Junita Budi Rahman

Matric: 90787

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
TAJUK MUKA	
SURAT PENGAKUAN KERJA TESIS	
KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRACT	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGAKUAN	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	6
1.3 Soalan-soalan Kajian.....	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian.....	9
1.6 Sorotan Karya	10
1.7 Kaedah Penyelidikan.....	26
1.8 Skop Penyelidikan.....	36
1.9 Definisi Konsep	36
1.10 Pembahagian Bab.....	37
BAB 2 KERANGKA KONSEP.....	40
2.1 Pengenalan	40

2.2 Arena Persaingan Anatarabangsa.....	40
2.3 Kuasa dalam Hubungan Antarabangsa	42
2.4 Kuasa Insaniah (<i>Soft Power</i>)	45
2.4.1 Makna	45
2.4.2 <i>Currency of Power</i>	52
2.4.3 “ <i>The 3B</i> ” dan Imej-imej Positif	55
2.4.4 Tujuan	58
2.4.5 Instrumen: Diplomasi Awam dan Diplomasi Selebriti	59
2.4.5.1 Diplomasi Awam	59
2.4.5.2 Diplomasi Selebriti	63
2.4.5.2.1 Selebriti	64
2.4.5.2.2 Imej-imej Selebriti dan Kuasa Bintang.....	69
2.4.5.2.3 Pemimpin Selebriti.....	71
2.5 Rumusan.....	75

BAB 3 MALAYSIA DAN KUASA INSANIAH NEGARA-NEGARA DI RANTAU ASIA TENGGARA..... 76

3.1 Pengenalan	76
3.2 Erti Penting Serantau Asia Tenggara	77
3.3 Kuasa Insaniah Negara-Negara Di Asia Tenggara	79
3.3.1 Indonesia	79
3.3.2 Singapura	83
3.3.3 Thailand	87
3.3.4 Brunei Darulssalam.....	90
3.4 Kehadiran Kuasa Insaniah Negara-Negara dari Luar Rantau	93
3.5 Hubungan Antarabangsa Malaysia Di Rantau Asia Tenggara.....	103
3.6 Rumusan.....	107

BAB 4 KUASA INSANIAH NEGARA MALAYSIA 110

4.1 Pengenalan	110
4.2 Profil Malaysia	110

4.3 Daya Tarikan Kuasa Insaniah Malaysia: <i>Bersih, Cekap</i> dan <i>Amanah</i>	115
4.4 Sumber Nilai Politik Kuasa Insaniah Malaysia	117
4.5 Sumber Budaya Malaysia	122
4.5.1 Projek Kereta Nasional Proton	123
4.5.2 Bangunan Ikon: Menara Berkembar Petronas	127
4.5.3 Koridor Raya Multimedia Malaysia, KLCC, Cyberjaya dan Putrajaya.....	134
4.5.4 Lapangan Terbang Udara Antarabangsa Kuala Lumpur	143
4.5.5 Acara: <i>Commonwealth Games</i> ke XVI - 1998	150
4.5.6 Litar Antarabangsa Perlumbaan Kereta F1 Sepang	154
4.6 Sumber Dasar Luar Malaysia.....	156
4.6.1 Aktif dalam Pelbagai Pertubuhan Antarabangsa.....	158
4.6.2 Memberikan Bantun Luar Negara dalam Hubungan Dua Hala	160
4.6.3 Memberikan Bantuan Kemanusiaan dan Perdamaian Dunia.....	162
4.7 Analisis Semiotika Terhadap Sumber Kuasa Insaniah Negara Malaysia ..	162
4.7.1 Analisis Semiotik pada Aras Pertama dan Kedua: Sumber Budaya.	163
4.7.2 Analisis Semiotik pada Aras Pertama dan Kedua: Sumber Dasar Luar	165
4.7.3 Analisis Semiotik pada Aras Pertama dan Kedua: Sumber Nilai Politik	167
4.8 Mesej-Mesej Politik Kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad	169
4.9 Rumusan.....	172

BAB 5 IMEJ-IMEJ SELEBRITI MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI SUMBER KUASA INSANIAH NEGARA MALAYSIA	175
5.1 Pengenalan	175
5.2 Nama, Sebutan dan Gelaran.....	175
5.3 Pemimpin Selebriti.....	178
5.4 Imej-imej Selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad.....	181
5.4.1 Imej <i>Elevation</i>	182
5.4.1.1 Prestasi dalam Karya Tulis	183

5.4.1.2 Kerjaya dalam Politik dan Kenegaraan.....	187
5.4.1.2.1 Kerjaya Politik	188
5.4.1.2.2 Kerjaya sebagai Perdana Menteri.....	191
5.4.2. Imej <i>Magic</i>	194
5.4.2.1 Gaya Hidup Populis (Kerakyatan)	194
5.4.2.2 Pentas ‘Drama Monolog’	196
5.4.2.3 Berniaga Roti: Pemimpin yang Sederhana	198
5.4.2.4 <i>Celebrity Endoser</i>	201
5.4.2.5 Sebagai <i>Netizen</i>	204
5.4.2.6 Berkongsi Aura Bintang dengan Artis-artis Hiburan	209
5.4.3 Imej <i>Immortality</i>	213
5.4.3.1 Institut Pemikiran Tun Dr.Mahathir Mohamad	213
5.4.3.2 Galeria Perdana Tun Dr. Mahathir Mohamad	215
5.5 Rumusan.....	222

BAB 6 PENERIMAAN KHALAYAK TERHADAP USAHA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI SUMBER KUASA INSANIAH MALAYSIA..... 223

6.1. Pengenalan	223
6.2. <i>Para-social Relationship</i>	223
6.2.1. Pelbagai Penghargaan untuk Mahathir Mohamad	225
6.2.1.1. Pelbagai Anugerah Kehormat	226
6.2.1.2. Hasil Penulisan Akademik Peringkat Sarjana.....	234
6.2.1.3. Mahathir Global Peace School di Yogyakarta Indonesia	240
6.2.1.4. <i>Mahathir Award</i> (Anugerah Mahathir).....	241
6.2.1.5. Pentas Muzikal Tun Dr. Mahathir Mohamad	244
6.2.1.6. Sebagai Ikon Malaysia	250
6.2.1.7. Sebagai Wira dalam Permainan Video	253
6.2.1.8. Sebagai Karakter Utama Dalam Buku Komik	250
6.2.1.8. Patung Lilin Tun Dr. Mahathir Mohamad	255
6.2.2. Penubuhan Institusi-institusi	257

6.2.2.1. Yayasan-yayasan	257
6.2.2.2. Kumpulan-kumpulan Peminat dan Pengikut (Fans Club)	259
6.3. Pendapat Informan	263
6.4. Rumusan.....	265
 BAB 7 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
PENYELIDIKAN.....	266
7.1 Pengenalan	266
7.2 Kesimpulan Penyelidikan.....	266
7.3 Implikasi Penyelidikan dan Cadangan	273
 BIBLIORAFI	276
 LAMPIRAN.....	286

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Informan, Alasan dan tarikh temu bual.....	31
Jadual 2.1 Perbandingan antara <i>Hard Power</i> dan Kuasa Insaniah.	48
Jadual 2.2 Instrumen Kuasa Insaniah: Diplomasi Awam.	61
Jadual 5.1 Tajuk - tajuk Artikel Che Det yang pernah Disiarkan oleh Akhbar Straits Times.	184
Jadual 5.2. Tajuk buku yang ditulis oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad	186
Jadual 5.3 Tajuk tulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada www.chedet.com	205
Jadual 6.1 Anugerah Tempatan dari institusi-institusi Kerajaan Malaysia. ...	226
Jadual 6.2 Anugerah dari institusi-institusi antarabangsa	228
Jadual 6.3 Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah	231
Jadual 6.4 Hasil Penulisan Akademik Siswazah.....	235

SENARAI GAMBAR

Gambar 4.1 Peluncuran Proton Putra pada Disember 30, 1996	126
Gambar 4.2 Menara Berkembar Petronas.	130
Gambar 4.3 <i>The Putrajaya International Convention Centre (PICC)</i>	141
Gambar 4.4 Monumen Milenium dan Mercu dan Tanda Pertama Putrajaya ..	142
Gambar 4.5 Logo Coomonwealth Games XVI 1998 Kuala Lumpur	153
Gambar 5.1 Kedai Roti The Loaf di Pulau Langkawi	199
Gambar 5.2. Di dalam Kedai Roti The Loaf di Pulau Langkawi	200
Gambar 5.3 Sebagai <i>Celebrity Endoser</i> dalam Iklan Kereta Proton.....	203
Gambar 5.4 Laman <i>Timeline</i> Blog Tun Dr. Mahathir Mohamad	204
Gambar 5.5 Laman <i>Timeline</i> Blog Mahathir.com	206
Gambar 5.6 Sampul Majalah.	208
Gambar 5.7 Berkongsi Aura Bintang dengan Siti Nurhaliza.....	210
Gambar 5.8 Berkongsi Aura Bintang dengan Shah Rukh Khan.....	212
Gambar 5.9 Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di UUM.....	214
Gambar 5.10 Pameran Gambar-gambar Tun Dr.Mahathir Mohamad	219
Gambar 5.11 Pameran Penghargaan Terhadap Tun Dr.Mahathir Mohamad..	220
Gambar 6.1 Mahathir Global Award	242
Gambar 6.2 Poster Muzikal Tun Mahathir.	247
Gambar 6.3 Tun Dr Mahathir Mohamad bersama dengan Ipin dan Upin	250
Gambar 6.4 Keping-keping Permainan Video Tun. Dr.Mahathir Mohamad ..	252
Gambar 6.5 Sampul Buku Komik “Mahathir Mohamad” oleh E. Yu	253

Gambar 6.6 Sampul Buku Dr.Who? oleh Lat..	254
Gambar 6.7 Patung Lilin Tun Mahathir Mohamad.....	256

SENARAI SINGKATAN

OIC	: Organization of Islamic Conference
AIA	: ASEAN Investment Agreement
AFTA	: ASEAN Free Trade Area
ARF	: ASEAN Regional Forum
ASEAN	: Associaton of South East Asia Nations
ASEM	: Asia-Europe Meeting
CHOGM	: Commonwealth Heads of Government Meeting
D-8	: The Developing 8 Countries
NAM	: Non Alignment Movement
APEC	: Asia Pacific Economic Community
G-15	: Group of 15 Countries
G-17	: Group of 17 Countries
PATA	: Pacific Asia Travel Association
SEARCCCT	: South East Asia Regional Centre For Counter-Terrorism
UMNO	: United Malays National Organisation
UNSC	: United Nations Security Council

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Sejak akhir abad ke-20 semakin banyak negara telah tertarik untuk melancarkan kuasa insaniah (*soft power*) secara terbuka. Pada ketika itu, negara-negara tersebut semakin sedar bahawa imej baik dan reputasi positif mereka yang diperoleh tanpa menggunakan kekerasan (*non-coersive*) boleh menjadi sumber strategik yang penting dalam hal ehwal dunia. Malaysia tidak terkecuali terlibat dalam perkara tersebut. Walaupun pandangan “kuasa insaniah” jarang dibincangkan secara meluas di Malaysia, namun apa yang telah diusahakan dan dipamerkan dalam pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh dikatakan merupakan suatu pelaksanaan strategi kuasa tersebut. Sebagai sebuah negara yang dikelilingi oleh beberapa kuasa insaniah daripada negara-negara lain yang bersaing di kawasan Asia Tenggara, kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad juga berupaya untuk menunjukkan kuasa insaniah negaranya dengan corak yang berbeza.

Usaha unik yang dilakukan dalam corak yang berbeza merupakan penglibatan yang aktif dan menonjol daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Beliau sebagai Perdana Menteri, merupakan tokoh yang terkenal melalui "diplomasi selebriti" atau diplomasi awam (*public diplomacy*). Bersama dengan pelbagai media, beliau mempamerkan wajah Malaysia yang diwakilinya ke peringkat dunia. Gaya Tun Dr. Mahathir Mohamad begitu unik dan berbeza

daripada gaya pemimpin Asia yang lain, keberaniannya dalam bersuara dan bertindak sering mendapat perhatian orang ramai dan perhatian media antarabangsa. Hal ini telah menjadikan nama Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara Malaysia yang terkenal dan disegani sebagai peneraju Malaysia dalam memenangi minda dan hati rakyat sendiri dan masyarakat antarabangsa, terutamanya di Asia. Watak yang ditunjukkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyebabkan wujudnya pemikiran bahawa pemimpin mempunyai peranan yang besar dan penting sebagai sumber kuasa insaniah sesebuah negara yang perlu diambil perhatian.

Kuasa insaniah seperti yang ditakrifkan oleh Joseph S. Nye dalam bukunya "*Soft Power*" pada tahun 2004, menerangkan tentang tiga faktor yang boleh digunakan untuk faedah mendapatkan imej antarabangsa yang menarik dan positif tanpa menggunakan keganasan dan paksaan. Faktor-faktor tersebut ialah budaya, nilai-nilai politik dan dasar luar yang menarik dan disukai ramai sehingga mereka boleh memberikan penilaian atau penghargaan yang diharapkan (Nye. 2004: 5-6). Nye tidak menyebut dengan jelas dalam penulisannya mengenai sumber pemimpin mengikut sejarah yang banyak terbukti telah memainkan peranan yang amat penting dalam mewakili negara dan rakyat untuk memperoleh kuasa insaniah. Nye juga tidak meneruskan perbincangan lebih mendalam bahawasanya pemimpin yang mewakili negaranya untuk memperkenalkan, mempromosi dan mengangkat negara di pentas dunia, beliau boleh menggunakan cara-cara atau kaedah selebriti. Dengan memperkasakan imej-imej selebriti, seorang pemimpin tidak hanya memperoleh populariti tetapi kesan, sokongan dan

kesetiaan dari ramai peminat, penyokong dan pengikut. Lebih daripada sekadar demonstrasi imej positif kuasa insaniah yang mengandungi unsur-unsur 3B (*brilliance, benignity, beauty*), seperti yang dicadangkan oleh A.L Vuving (2009), untuk menarik minda dan hati kumpulan sasaran agar memiliki keinginan yang sama. Pada amnya peminat dan pengikut yang setia akan menempatkan pemimpin selebriti berada di peringkat atasan, menghormati, mempercayai dan akan melakukan apa sahaja serta menjaganya. Untuk memperoleh keistimewaan ini, yang disebut sebagai satu kuasa bintang, selebriti tersebut harus boleh mempamerkan kepada masyarakat tentang imej-imej selebriti, seperti yang dibincangkan oleh Chris Rojek (2001), iaitu *elevation, magic* dan *immortality*. Dengan kata lain, selebriti harus sentiasa memiliki prestasi yang selalu meningkat (*elevation*) untuk sentiasa dapat diandalkan dan dipercayai; mempunyai potensi membuat sesuatu atau perilaku yang menyenangkan dan membuat masyarakat berasa kagum (*magic*) untuk boleh dicintai dan disayangi; dan boleh menghasilkan sesuatu atau menyakinkan dirinya sebagai seseorang yang patut dikekalkan (*immortality*) untuk boleh selalu disokong dan dilindungi (Rojek. 2001: 75-78). Oleh sebab itu, kuasa bintang bermanfaat bagi negara, pemimpin atau kepada sesiapa sahaja yang sedang mengusahakan kuasa insaniah dan menginginkan kuasa tersebut bertahan lama. Hanya pemimpin negara yang pintar, rendah hati, dan berwawasan luas yang tahu apa yang terbaik untuk dilakukan untuk negeri dan negaranya dalam mencapai tujuan-tujuan bersama, walaupun dengan melakukan cara-cara selebriti.

Melihat fenomena pembinaan kuasa insaniah negara Malaysia pada masa kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad dan legasinya pada masa sekarang, proses ini boleh dikatakan memiliki ciri-ciri pembinaan kuasa bintang yang diusahakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri sejak perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981. Usaha pembinaan kuasa insaniah dan kuasa bintang dilaksanakan secara bersama. Dari satu sudut, pembinaan kuasa insaniah dilakukan dengan memperkasakan ketiga-tiga faktor seperti yang telah dijelaskan. Dari sudut yang lain pula, pembinaan kuasa bintang digunakan dengan memperkasakan sumber pemimpin sebagai selebriti dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kuasa insaniah sesebuah negara yang menarik bagi masyarakat antarabangsa adalah apabila sumber-sumbernya dilihat mengandungi nilai-nilai yang sepadan atau tidak bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat mereka dan diterima sebagai nilai yang dikongsi bersama. Tun Dr. Mahathir Mohamad menawarkan nilai-nilai politik yang diyakininya boleh membawa rakyat dan negara Malaysia, negara jiran, negara dunia ketiga, dan negara islamik kepada kehidupan yang lebih baik, maju dan damai tidak hanya untuk jangka masa semasa tetapi berkekalan.

Kebudayaan mengikut Tun Dr. Mahathir Mohamad, dinyatakan dalam kebanyakan buku beliau, kedua-dua budaya tinggi dan budaya popular, bukan semata-mata untuk menunjukkan identiti sebenar tetapi juga menunjukkan tahap tamadun, peringkat kemajuan, dan keupayaan ekonomi sesebuah negara. Oleh sebab itu, pembinaan pelbagai projek spektakular berteknologi canggih, dan

berkelas dunia berjaya dibangunkan di Malaysia. Namun bukan mudah untuk menerapkan atau mencorak identiti kebudayaan yang tunggal pada semua sumber budaya yang dibangunkan kerana penduduk Malaysia terdiri dari pelbagai kaum dan etnik seperti Melayu, Cina, India, dan pelbagai suku asli Borneo di Malaysia Timur.

Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber pemimpin dalam pembinaan kuasa insaniah telah membuat beliau, sengaja atau tidak, berperanan seperti selebriti, atau dalam hal ini adalah sebagai pemimpin selebriti. Tun Dr. Mahathir Mohamad harus selalu berkarya agar terus boleh dipercayai dan amanah; Tun Dr. Mahathir Mohamad harus menghasilkan sesuatu atau memperlihatkan perilaku yang membolehkan masyarakat merasa bahagia; Tun Dr. Mahathir Mohamad harus menghasilkan sesuatu atau menyakinkan masyarakat bahawa dirinya sebagai seorang pemimpin yang patut dikekalkan sehingga sesiapa saja terdorong untuk memberikan sokongan dan perlindungan. Namun, perlu juga diberi perhatian akan pendedahan yang berlebihan boleh membawa kepada gambaran *narcisious*, atau pemujaan individu Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Aura kuasa insaniah yang telah dibina oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad masih dapat dilihat dan dirasai hingga ke hari ini. Justeru itu, pada masa kini warisan daripada hasil pembangunan kuasa insaniah tersebut boleh dicontohi dan diikuti oleh rakyat Malaysia dan dinikmati pula oleh masyarakat awam antarabangsa. Bukti penerimaan dan penghargaan masyarakat dari dalam dan luar negara terhadap segala kepayahan yang telah dilakukan oleh Tun Dr.

Mahathir Mohamad dalam memimpin pembinaan kuasa insaniah dan kuasa bintang hingga kini masih terus dihormati dan dilakukan.

Oleh yang demikian, fenomena dan fakta tentang Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang dilihat membina kuasa insaniah di pentas dunia, terutama di Asia Tenggara di satu sisi, tetapi mewujudkan juga kuasa bintang di sisi yang lain, seperti yang telah dijelaskan di atas, sangat menarik dan sesuai untuk dikaji. Dengan menggunakan pendekatan eklektik dari dua kajian, iaitu Kajian Hubungan Antarabangsa (KHA) dan Kajian Budaya dan Budaya Popular, terutama Kajian Selebriti, penyelidikan ini berusaha untuk merapatkan jurang teori yang ada di antara kajian-kajian tersebut untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam terhadap perkara yang telah berlaku di Malaysia.

1.2. Permasalahan Kajian

Negara Malaysia merupakan negara membangun yang berusaha untuk mengejar kemajuan untuk mencapai peringkat negara maju pada tahun 2020. Pada masa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dikenal pasti mempunyai ciri-ciri pembangunan kuasa insaniah. Pada saat yang sama negara-negara di rantau Asia Tenggara juga tengah membina kuasa insaniah bagi negara masing-masing dalam menghadapi kuasa insaniah negara lain yang lebih besar yang juga hadir dirantau mereka. Oleh sebab itu, Malaysia harus berusaha untuk memperlihatkan kemampuannya dalam membina sumber-sumber budaya, nilai-nilai politik, dan dasar luar untuk menghasilkan kuasa insaniah yang berbeza. Dengan menjadikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber pemimpin yang berperanan sebagai

selebriti dengan imej-imej yang ditonjolkan, diharapkan tidak hanya untuk mengukuhkan tetapi juga mengekalkan kejayaan kuasa insaniah. Penerimaan masyarakat sasaran diharapkan tidak hanya untuk memihak tetapi juga tertarik dan setia kepadanya sehingga kuasa insaniah yang dimiliki beliau mahupun Malaysia yang diwakilinya boleh bertahan lama.

1.3. Soalan-soalan Kajian

Berdasarkan masalah kajian, kajian ini adalah untuk menjawab beberapa persoalan, antaranya:

1. Bagaimana kuasa insaniah diwujudkan di sesetengah negara di rantau Asia Tenggara ketika Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sedang membina kuasa insaniahnya?
2. Apakah yang telah dibina daripada kewujudan kuasa insaniah Malaysia dengan menggunakan sumber-sumber budaya, nilai-nilai politik dan pelaksanaan dasar luar? Apakah mesej politik di sebalik kewujudan semua sumber kuasa insaniah Malaysia?
3. Apa dan bagaimanakah imej-imej selebriti yang dibina oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menyokong dan mengekalkan kuasa insaniah di Malaysia?
4. Apa dan bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap usaha Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber kuasa insaniah Malaysia?

1.4. Objektif Kajian

Berdasarkan masalah kajian dan soalan-soalan yang telah dikemukakan di atas, maka objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji kuasa insaniah Malaysia yang telah dibina oleh kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan imej-imej selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad hingga masa kini. Objektif utama ini telah mendorong kepada beberapa objektif khusus dijalankan dalam kajian ini seperti untuk:

1. Menggambarkan kewujudan dan kehadiran kuasa insaniah sesetengah negara di rantau Asia Tenggara ketika Malaysia sedang membina kuasa insaniahnya.
2. Mengenal pasti kewujudan kuasa insaniah yang telah dibina Malaysia dengan menggunakan sumber-sumber budaya, nilai-nilai politik dan pelaksanaan dasar luar; dan mendedahkan mesej politik di sebalik semua kewujudan daripada sumber kuasa insaniah Malaysia itu.
3. Mengenal pasti dan memahami apa dan bagaimana imej-imej selebriti dibina oleh pemimpin Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber kuasa insaniah untuk menyokong dan mengekalkan kepada kuasa insaniah Malaysia.
4. Mengenal pasti penerimaan orang ramai terhadap usaha Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber kuasa insaniah Malaysia.

1.5. Kepentingan Kajian

1.5.1. Sudut Teori

- 1) Dapat menambah pandangan teori mengenai usaha pembangunan kuasa insaniah suatu negara disertai dengan pembinaan imej-imej selebriti pemimpin negara dalam konteks pembinaan kuasa insaniah negara-negara lain di rantau yang sama.
- 2) Sebagai wacana baharu bagi Kajian Hubungan Antarabangsa yang menekankan pelaku pemimpin negara sebagai sumber kuasa insaniah negara dalam memberikan sumbangan melalui pembinaan imej-imej selebriti.
- 3) Sebagai sumbangan akademik dalam menemukan konsep dan teori bentuk kuasa lain bagi teori kuasa di dalam KHA melalui kajian eklektik dari Kajian Budaya atau Budaya Popular dan Kajian Selebriti.

1.5.2 Sudut Amalan

- 1) Penelitian ini boleh dijadikan sumber pengetahuan mengenai kuasa insaniah Malaysia dan diplomasi selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad di Asia Tenggara.
- 2) Penelitian ini boleh dijadikan bahan evaluasi dan pertimbangan oleh pemerintah Malaysia selanjutnya mengenai pencapaian dan kekurangan dari pembinaan kuasa insaniah yang telah dibangunkan semasa pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

1.6 Sorotan Karya

Sorotan karya di bawah ini adalah kajian mengenai hasil karya para penulis dalam bentuk buku, artikel jurnal, dan tesis yang membahas mengenai perkara yang berkaitan dengan kuasa insaniah Malaysia. Kuasa insaniah dalam penyelidikan ini dibina berdasarkan sumber-sumber yang dimiliki, iaitu nilai-nilai politik, budaya dan dasar luar, serta pemimpin. Dengan demikian, pandangan-pandangan para penulis dipilih berdasarkan kaitannya dengan sumber-sumber kuasa insaniah. Pandangan-pandangan mereka dijadikan dapatan dan rujukan untuk pengkajian tesis ini.

1.6.1 Nilai-nilai politik: Mahathirisme

Nilai-nilai politik yang menjadi falsafah, landasan, pedoman atau panduan negara Malaysia semasa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerap disebut sebagai *Mahathirism*.

Mahathirisme ialah suatu istilah yang diperkenalkan oleh Khoo Boo Teik (1995). Istilah tersebut dianggap berjaya dalam merumuskan nilai-nilai atau idea-idea politik daripada Mahathir sebagai Mahathirisme, yang mencakup perspektif nasionalisme, kapitalisme, Islam, populisme, dan autokrasi, yang tidak terlepas dari sisi paradoksnya. Mahathirisme sebagai gaya politik Tun Dr. Mahathir Mohamad mencirikan latar belakang kelas, keislaman, dan cara menangani kesihatan yang terdapat pada dirinya. Mahathirisme juga merupakan usaha Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam mengatasi masalah sosial, menangani cabaran dan menyediakan penyelesaian bagi kemajuan bangsanya (Boo Teik: 171).

Konsep Mahathirisme yang diajukan oleh Boo Teik ini banyak mendapat tanggapan yang menjelaskan mahupun mengkritik. Dalam tulisan Ahmad Fawzi (1996) Mahathirisme dimaksudkan sebagai dasar awam yang dibuat dan diarahkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mewujudkan sebuah negara dan kerajaan yang kukuh dan sanggup membawa kepada pembaharuan. Selain itu, terdapat juga strategi politik yang dibentangkan serta gaya kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam kerajaan mahupun dalam parti (UMNO). Pembentukan pemikiran Mahathirisme ini, dikatakan, berdasarkan kepada empat perkara iaitu keluarga, penjajahan negara, kedoktoran, dan Che Det. Berdasarkan pengamalan idea Mahathirisme inilah negara Malaysia memperoleh pelbagai kemajuan baik dari segi keharmonian, keamanan, mahupun kestabilan ekonomi dan kemakmuran, serta mendapat penghormatan di peringkat global.

Mohd Azizudin Mohd Sani (2008) menegaskan bahawa Mahathirisme tidak hanya merupakan pemikiran-pemikiran ideologi Tun Dr. Mahathir Mohamad tetapi juga mencakup amalan-amalan pelaksanaannya semasa kepemimpinan Perdana Menteri keempat tersebut. Selain itu, Mahathirisme juga bercorak Asia Timur, nilai-nilai Asia (*Asian Values*) dan islamik.

Sivamurugan Pandian (Sivamurugan Pandian 2005) memberi nama lain bagi Mahathirisme, iaitu “Doktrin Mahathir” yang merupakan gabungan komitmen dan keyakinan terhadap Islam, kapitalisme, kewajaran sosialisme dan sekularisme yang tersirat dan yang mendasari suatu legitimasi politik (Sivamurugan Pandian: 360). Rusdi Omar dan Sivamurugan Pandian (2010) pula menyebut bahawa istilah Mahathirisme dicetuskan dari idea yang melihat

keunikan pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pentadbiran negara oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad di dalam negara dan di peringkat antarabangsa mencerminkan falsafah Mahathirisme. Oleh sebab itu, menurut mereka Mahathirisme adalah suatu bentuk gaya kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang cuba mengubah negara kepada satu landasan pembangunan berdasarkan pemikiran dan falsafahnya sendiri, dan diterima oleh rakyat Malaysia keseluruhannya semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad memerintah negara.

Mahathirisme dilihat oleh Kamila Ghazali (2004) sebagai formasi (pembentukan) wacana kuasa. Beliau cuba membuktikan dalam penyelidikannya terhadap teks ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad (1982-1996) pada saat Persidangan Agung UMNO untuk menemukan perhubungan ideologi dan kekuasaan dalam ucapan-ucapan yang disampaikan olehnya. Hasil daripada penyelidikan Kamila Ghazali ini telah menemukan bahawa posisi kekuatan pembicara, atau kekuatan posisi pembicara tercermin dalam setiap ucapannya. Kemudian disimpulkan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pembicara yang menggerakkan beberapa strategi untuk mewujudkan perpaduan sekaligus menegaskan autoriti yang tercermin dari naskah-naskah ucapan beliau.

Demikian pula Idris Aman (2006) yang mengkaji kuasa bahasa atau wacana kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, khususnya yang terdapat dalam perutusan tahun baharu (1982-1999). Menurutnya, melalui wacana perutusan yang dilatari oleh keadaan dan kesan struktural yang ada, kuasa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad berusaha membentuk minda

masyarakat supaya menyokong, mengukuhkan dan mengekalkan kuasa kepemimpinannya.

John Hilley (2001) pula melihat Mahathirisme sebagai suatu kuasa hegemonik kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Berasaskan kepada pendekatan Gramscian, Hilley melihat pelaksanaan kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam negara dan UMNO seperti suatu pembinaan identiti-identiti hegemonik. Hilley menjelaskan pelbagai kekuatan yang membentuk pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, merancang dan melaksana pemerintahan dengan gaya hegemoni Gramscian yang meliputi bidang politik, ideologi dan ekonomi. Dengan menerapkan strategi pembinaan berasaskan wawasan ke hadapan, iaitu wawasan 2020, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengukuhkan legitimasi blok kuasanya iaitu dari dominasi pemaksaan dan memainkan kartu etnik kepada menjadi bentuk sokongan hegemonik yang lebih konseptual. Namun, menurut Hilley juga, dalam perkembangannya, telah mencipta identiti kelas yang kompleks, gangguan-gangguan sosial, tekanan awam dan aksi-aksi kontra-hegemonik dari pihak pembangkang.

Mahathirisme diarahkan untuk menjawab cabaran dan peluang globalisasi masa kini dan masa hadapan di mana panduan arah tujuannya dirumuskan dalam Wawasan 2020. Wawasan 2020 sebagai konsep yang menjana dasar dan tindakan politik juga dilihat bersaing dengan konsep-konsep lain yang serupa dari negara-negara lain, terutama yang berada dikawasan yang sama. Dalam menjawab cabaran ini, pelaksanaan kemudiannya terlihat pada sumber budaya dan dasar luar

Malaysia, serta prestasi dari pemimpin utamanya, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mahathirisme yang bercorak nilai-nilai islamik dan pelaksanaanya dalam negara Malaysia telah dianalisis oleh Zulfa Jamalie (2011). Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap ucapan-ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Zulfa Jamalie mendapatkan corak tersendiri yang disebut sebagai “Islam Mahathir”. Ianya adalah islam yang berpandukan kepada Al-Quran dan hadis yang berteraskan kepada *reason*, *argument*, dan *logic*, serta islam dan negara merupakan suatu perkara yang berkait rapat dan tidak boleh diasingkan.

Menyambung mengenai nilai-nilai islam di Malaysia, kajian R. Sivaperegasm P. Rajanthiran (2010) menambahkan, bahawa berbanding kepemimpinan Perdana Menteri Malaysia sebelumnya, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berperanan secara amat dinamik dan progresif dalam mengembalikan status dan martabat islam sebagai *ad-din* dalam pengisiannya dalam aspek politik, sosio-ekonomi dan perundangan di Malaysia.

1.6.2 Budaya

Kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia yang dibimbing oleh nilai-nilai bersama yang berlaku dan berperanan penting dalam proses pembangunan negara. Cara hidup bangsa dan negara Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dibimbing oleh nilai-nilai Mahathirisme untuk menggapai Wawasan 2020. Antaranya seperti meningkatkan pembangunan sosio ekonomi dan politik bagi membentuk identiti bangsa

Malaysia yang bermaruah, cekap, maju, dan moden yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Claudia Derichs (2003) menjelaskan bahawa dalam menjawab cabaran antarabangsa, pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad memilih untuk melakukan pembinaan projek-projek mega (seperti Multimedia Super Corridor, Menara Kembar, Lapangan terbang) sebagai hasil daripada target Wawasan 2020 yang boleh diperlihatkan kepada dunia sebagai cerminan identiti negara bangsa yang bersaing.

Bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad (1998), globalisasi patut diambil kira sebagai satu peluang bagi Malaysia (dan Asia) dan bukannya sebagai sesuatu yang merbahaya kepada masyarakat. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad melontarkan idea *multimedia corridor* yang melambangkan kemajuan, pemodenan, dan peluang untuk menarik pelabur. Pembinaan Multimedia Super Corridor (MSC) berkait rapat dengan pembinaan bandar baru seperti Putrajaya dan Cyberjaya dan pembangunan prasarana dan penghubung baru yang lain, seperti KLIA yang juga dibina secara besar-besaran.

Pembangunan negara dan bangsa yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia, khususnya melalui projek pembangunan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, iaitu MSC (*Multimedia Super Corridor*) Malaysia, mendapat sorotan dan ulasan yang kritikal dari Tim Bunnell (2004). Bunnell menyoroti kemunculan pembangunan kebangsaan Malaysia yang berorientasikan global dan peringkat teknologi tinggi secara dinamik di Asia Tenggara berdasarkan interpretasinya sendiri atas kemodenan dan dirangka dengan visi politik (Visi 2020), khususnya oleh Perdana

Menterinya, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Menurut Bunnell juga, Pembangunan bangsa Malaysia dikatakan telah dibangunkan dengan kos pembiayaan yang sangat tinggi.

Penjelasan tentang Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia sebagai salah satu contoh pembangunan bangsa Malaysia juga diterangkan oleh Azly Rahman (2004). Dari perspektif yang berbeza, iaitu variasi dari Gramscian yang disebutnya dengan "*towards a theory of hegemonic formations*" menyatakan bahawa idea mengenai MSC, yang merupakan satu projek besar bagi perubahan sosial merupakan penciri utama dalam agenda kepimpinan politik untuk pembangunan bangsa Malaysia di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Rahman menyelidik dimensi hegemoni dan utopianisme daripada MSC yang membentuk kesedaran bangsa Malaysia dan menciptakan bentuk baru hegemoni yang menguntungkan kelas yang berkuasa.

Beberapa pembinaan projek mega dan reka bentuk bangunan yang megah yang dibina pada masa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad seperti yang dijelaskan dalam R. S. Milne dan Diane K. Mauzy (1999) dinyatakan dalam kajiannya, perkara tersebut tidak hanya untuk memenuhi keperluan ekonomi, tetapi juga untuk mengagumkan dan tercatat oleh dunia sebagai sesuatu yang kompetitif dan berprestij. Selain itu juga, untuk memuatkan aspirasi-apirasi aesthetik dan simbol-simbol ideologi tertentu.

Walaupun pada awalnya terdapat banyak kritikan berkenaan dengan pembinaan MSC, Zaini Othman (2009) menyatakan bahawa pada masa kini rakyat Malaysia dapat merasa manfaat daripada penubuhannya kerana MSC telah

mempercepat dan memesatkan pembangunan ruang demokrasi. Tun Dr. Mahathir Mohamad dikatakan bertanggungjawab kepada perkembangan ini yang mendorong masyarakat negaranya menggunakan perangkat teknologi maklumat (IT) yang memudahkan urusan kerja mereka ekoran pembinaan MSC tersebut.

Perkara lain yang mengangkat identiti bangsa Malaysia ialah apabila menjadi tuan rumah bagi acara besar perlumbaan sukan antarabangsa. Sebagai negara membangun, apabila dilaksanakan dengan baik, besar dan megah, bukan hanya akan memperoleh kebanggaan dari bangsa negaranya sahaja, malah dapat membangkitkan rasa patriotisme, juga mendatangkan keuntungan ekonomi dan politik. Mohamed Mustafa Bin Ishak (2005) mengamati kejayaan Malaysia sebagai tuan rumah acara *Comonwealth Games* pada tahun 1988 dan Sepang Formula 1 Grand Prix yang dikatakan telah memperoleh reputasi antarabangsa yang terkemuka. Oleh sebab itu, Beliau menyarankan bahawa acara sukan tidak hanya dilihat sebagai bentuk budaya popular khususnya oleh negara membangun seperti Malaysia sahaja, namun perlu juga dilihat tentang sumbangan yang boleh diberikan oleh sukan bagi pembangunan bangsa, antara lain di kaca mata antarabangsa.

1.6.3 Dasar Luar

Dasar luar Malaysia semasa pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad dianalisis dan dijelaskan oleh Karminder Singh Dhillon (2009). Dhillon berupaya memberikan pandangan yang seimbang dari pembangunan faktor-faktor (gaya kepemimpinan, ideologi politik dan jenama nasionalisme, dan masalah domestik

dan kekuatan luaran yang berkaitan dengan globalisasi) yang membentuk dan mempengaruhi dasar luar negara Malaysia, meskipun mengakui bahawa faktor idiosinkratik Tun Dr. Mahathir Mohamad berperanan besar dalam merumuskan dan pelaksanaan dasar luar negara Malaysia. Dasar luar yang menjadi sorotan kajian Dhillon, ialah *Buy British Last; Anti-Commonwealth; Look East Policy; Regional engagement, Islamic Posturing*; dan *Third World Spokesmanship* dan *Commercial and Developmental Diplomacy*. Di sebalik produk dasar luar yang menunjukkan kebimbangan sesama kaum ini, seperti yang diterangkan oleh Dhillon, terdapat pertimbangan faktor mengekalkan kuasa Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri dalam menghadapi inisiatif politik dan sosial (terdapat beberapa yang berakar umbi dalam Islam), dan keinginan untuk mencapai pembangunan negara. Faktor luaran antara lain dengan adanya tekanan luar, termasuk reka bentuk serantau Jepun, bentuk pertahanan Singapura dan kepentingan China yang semakin meningkat kedatangan China di rantau Asia Tenggara.

Joseph Liow (2003) juga menunjukkan faktor peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ketara di samping faktor-faktor lain yang telah menentukan bentuk dan ciri dasar luar pentadbiran pada tahun 1981 hingga 2000. “Impak Mahathir” dalam dasar luar Malaysia dianggap telah menyimpang daripada tradisi, tetapi mewujudkan sesuatu yang positif yang membawa negara Malaysia dihormati oleh dunia (Liow: 136-137). Faktor idiosinkratik Mahathir yang kuat dalam dasar luar Malaysia juga didorong oleh faktor keperluan politik (seperti mengatasi masalah PKM/Parti Komunis Malaya) dan ekonomi domestik Malaysia (seperti kepentingan NIB/Negara Industri Baru), serta faktor nasionalisme

(identiti Melayu, khususnya). Selain itu juga, faktor tuntutan politik antarabangsa (Perang Dingin dan Pasca Perang Dingin) juga menjadi pendorong. Dengan demikian, faktor idiosinkratik Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan diberikan tetapi hasil dari tuntutan dan dorongan dari dalam mahupun luar negara.

Peranan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam membuat dasar luar Malaysia dan pelaksanaannya secara spesifik kepada Kerjasama Selatan-Selatan tahun 1986-1999 telah dikaji oleh Amad Faiz Abdul Hamid (2005). Dengan pendekatan sejarah secara kronologi, dasar-dasar luar dicatat dan digunakan dalam kajian, sebab dan dampak dari penglibatan aktif Malaysia dalam negara-negara Dunia Ketiga. Kajian ini menunjukkan bahawa, walaupun banyak faktor telah menyumbang dalam penglibatan Malaysia dalam kerjasama Selatan-Selatan, namun yang paling signifikan adalah faktor-faktor kepentingan nasional, lingkungan luaran dan kepemimpinan. Faktor yang terakhir ini menunjukkan keterampilan tinggi Tun Dr. Mahathir Mohamad di dalam banyak aktiviti dengan mengusung dasar “*prosper-thy-neighbour*”.

Dalam menyelidik tentang diplomasi Malaysia selama lima puluh tahun yang dikaji dari pemahaman seumur hidup dari kedua-dua perkembangan iaitu nasional dan antarabangsa, Chandran Jeshurun (2007) antara lain berhasil menyelongkar keperibadian dari Perdana Menteri Mahathir Mohammad yang begitu mandiri dalam hal dasar luar. Beberapa dasar luar yang memberi cukup kesan bagi Malaysia di luar negara, contohnya adalah pelaksanaan dasar luar sebagai tuan rumah CHOGM (*Commonwealth Heads Of Governments Meeting*) pada 1989, dan *Commonwealth Games* pada 1998, yang dikatakan oleh Jeshurun

telah berjaya dalam menarik pelabur asing untuk datang ke Malaysia. Jeshurun juga menunjukkan bahawa dasar luar Malaysia semasa pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan diri beliau lebih terlihat secara antarabangsa, dibandingkan dengan dasar luar Perdana Menteri Malaysia yang lain. Jeshurun membuat kesimpulan bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi manifestasi daripada Malaysia.

Lingkaran sepusat dasar luar Malaysia semasa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad meletakkan ASEAN sebagai perhatian peringkat utama, selanjutnya adalah negara-negara Islam dan Gerakan Non-Blok (Non-Alignment Movement /NAM). Sementara Komanwel dan negara-negara lainnya berada di turutan terakhir. Ruhanas Harun (2006) menyatakan bahawa dengan gaya diplomasi pelaksanaan dasar luar Malaysia yang tegas dan lurus yang ditunjukkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada pelaku-pelaku antarabangsa telah berjaya meletakkan Malaysia dalam peta dunia untuk diperhatikan. Sumbangan Malaysia dalam penglibatan untuk mengatasi masalah dunia mahupun persoalan atau masalah yang menimpa negara-negara jiran telah membentuk reputasi positif bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad dan negara Malaysia. Meskipun begitu, pada sisi yang lain, suara Tun Dr. Mahathir Mohamad yang lantang dan pedas dalam berdiplomasi sering mendapat tanggapan yang negatif daripada pihak pembangkang, seperti yang dinyatakan oleh Kho Boo Teik dalam, *“Mahathir’s diplomacy seemed destined to lose friends if not designed to gain enemies”* (Boo Teik :97).

1.6.4 Pemimpin

Pemimpin negara yang berkarisma sebagai sumber insaniah memegang peranan penting dalam membawa negara yang dipimpinnya untuk berjaya tampil dan berada di pentas politik antarabangsa. Karismatik diperoleh oleh seseorang pemimpin daripada kerjaya yang ditunjukkan dan dinilai oleh masyarakat awam.

Tun Dr. Mahathir Mohamad memulakan ucapan awamnya melalui hasil pemikirannya yang ditulis dan diketengahkan sehingga diketahui umum. Sivamurugan Pandian (2005) membuat kajian tentang Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pemikir intelektual sekaligus sebagai seorang pejuang yang menggerakkan hati dan minda pembaca di Malaysia melalui penulisan. Kualiti intelektual yang dimiliki beliau telah dapat menonjolkan sifat karismatik beliau sebagai seorang ahli politik dan pemimpin daripada pemimpin dan golongan ahli politik semasa yang lain. Semua pandangan dan pemikiran beliau semasa beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia seperti ideologi, dasar ekonomi, pembangunan sains dan teknologi, pengikhtirafan antarabangsa dan pengendalian krisis yang telah cuba direalisasikan dan berjaya telah menjadikan diri beliau sebagai tokoh pemimpin Malaysia yang sah untuk terus berada diposisinya. Sehingga, seperti yang dinyatakan oleh Pandian, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada sokongan pengundi dan mekanisme pilihan raya dalam mempertahankan kepemimpinannya (Pandian: 352). Legasi dari “Doktrin Mahathir” bagi rakyat dan negara Malaysia merangkumi antara lain pertumbuhan kelas pertengahan, berpendidikan dan berkeyakinan diri dengan semangat “Malaysia Boleh” (Pandian: 359).

Sikap positif Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai wira dilihat oleh Hasan Hj. Hamzah (1990) yang menganugerahkan beliau sebagai wira besar Malaysia (*Great Malaysian Hero*). Berdasarkan pemahamannya dalam berita dan catatan peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam era Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak Julai 1981, Hamzah mendapati bahawa pelbagai cabaran dan halangan dihadapi Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kerap menjejaskan pemerintahan dan kepemimpinannya dapat diatasi oleh beliau dengan cerdik dan baik, bahkan dengan cara yang tidak dapat difikirkan oleh orang lain. Beliau dikatakan juga sebagai seorang yang cukup berani bersidang dengan musuhnya, namun cukup lembut untuk menyelesaikan masalah dengan sesiapa pun yang ingin bertolak ansur. Hamzah memberi kesimpulan bahawa keberanian yang besar yang dimiliki Oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membawa Malaysia ke arah kejayaan dan kebesaran, dan tiada sesiapa pun yang meragukan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad itu adalah seorang pahlawan besar bagi Malaysia.

Ahmad Fawzi dan Abdul Rahman Abdul Aziz dalam penulisan bersama mereka (2004) bersetuju bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang yang bersemangat patriotisme bagi negara dan bangsanya. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga seorang nasionalis yang terlihat dari kegigihannya dalam mencari jalan bagi kemajuan bangsanya, khususnya dalam menjana pembangunan dan pengurusan ekonomi Malaysia.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dianggap gigih dalam memberikan pandangan dan sokongan moral kepada dunia Islam seperti yang dikaji oleh Ismail Ibrahim (2002). Tun Dr. Mahathir Mohamad dikatakan memiliki integriti

dalam memajukan umat Islam di dalam mahupun luar negara dan dalam mengembalikan semula tamadun Islam. Dalam menunjukkan komitmennya terhadap Islam yang dapat dilihat daripada isu Bosnia-Herzegovina, yang kemudian berjaya mengangkat imej Malaysia sebagai negara Islam juga menjadikan dirinya dianggap sebagai jurucakap dan pejuang negara-negara Islam.

Ho Khai Leong (2003) menggambarkan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang berkuasa, seorang nasionalis Melayu, pemoden, dan ahli politik yang pragmatik. Selama 20 tahun tumpuan utama pentabiran beliau adalah pada transformasi masyarakat Malaysia yang bukan sekadar sebagai pemimpin dalam membawa negara kepada status negara membangun dengan pertumbuhan ekonomi terpacu di kawasan Asia Pasifik. Menurut Ho Khai Leong juga, terdapat banyak perkara yang boleh disenaraikan sebagai prestasi membanggakan yang ditunjukkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Namun, wujudnya masyarakat yang lebih berpolarisasi dalam kalangan orang Melayu dan Cina, mementingkan etnik dan kelas merupakan warisan dari kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang harus dikurangkan (Leong: 26-27).

R.S. Milne dan Diane K. Mauzy (1999) menjelaskan peranan-peranan yang berbeza daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad seperti agresif, defensif, dan ofensif (menyinggung perasaan) dalam menangani setiap permasalahan yang ada (konfrontasi dengan sultan dan pengadilan; perselisihan dengan parti pada akhir 1980-an; krisis hubungannya dengan Anwar Ibrahim (parti pembangkang) pada tahun 1997-98). Meskipun kemudiannya masih wujud permasalahan (wujud permasalahan seperti ketidakpuasan etnik dan kebangkitan islam, hak asasi

manusia; dasar luar dan suksesi), namun dasar ekonomi baru pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya membawa negara Malaysia memiliki status ekonomi industri baru (Nies). Dalam mengamalkan dasar luar dan amalannya, Mahathir Mohamad tidak terlepas daripada menerima cabaran dan kekangan baik dari dalam mahupun dari luar negara.

1.6.5 Rumusan

Dari sorotan karya tulisan terdahulu mengenai negara Malaysia yang dipilih adalah berdasarkan kesesuaiannya dengan sumber-sumber kuasa insaniah, iaitu nilai-nilai politik, budaya, dasar luar, dan pemimpin dapat memberi manfaat yang boleh memberi pemahaman yang diperlukan dalam penyelidikan kajian ini.

Dapat difahami bahawa nilai-nilai politik Malaysia semasa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Mahathirisme mempunyai maksud yang pelbagai: sebagai fahaman dan pandangan hidup; bentuk dan gaya kepemimpinan; wacana hegemonik; pendekatan penyelesaian masalah; dasar-dasar awam tindakan dirinya sebagai pemimpin; doktrin politik; dan ikon Malaysia. Mahathirisme diusahakan dan direalisasikan oleh kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan juga diikuti dan diamalkan oleh masyarakat dalam negaranya, khususnya orang Melayu dan amnya negara Malaysia. Sebagai suatu legasi, 'Mahathirisme' dikekalkan dan dipertahankan, tetapi bergantung pada usaha, penerusan dan pengubahsuaian tertentu oleh pemimpin Malaysia seterusnya. Sebagai 'ikon', Mahathirisme ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad yang

menjadi ikon utama negara Malaysia yang tidak dapat digantikan dengan sesiapa pun hingga kini.

Selain itu, sumber budaya merealisasikan Mahathirisme untuk menggapai Wawasan 2020 (sosioekonomi dan politik, identiti bangsa Malaysia) yang bermaruah, cekap, maju, dan moden yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa, dengan melakukan pembinaan projek-projek mega (seperti Multimedia Super Corridor, Menara Kembar Petronas, Lapangan terbang) untuk diperlihatkan kepada negara-negara dunia yang bersaing.

Sumber dasar luar Malaysia diarahkan untuk menghadapi cabaran dan saingan di rantau Asia Tenggara, dan mengatasi masalah dalam negara yang direalisasikan oleh kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara sekaligus sebagai diplomat yang berperanan besar dalam pelaksanaan dasar luar pentadbiran pada tahun 1981 hingga 2000.

Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Malaysia memiliki karisma yang diperoleh dari kerjaya yang ditonjolkan dan dinilai oleh masyarakat awam. Semua pandangan dan pemikiran Mahathir mengenai ideologi, dasar ekonomi, pembangunan sains dan teknologi, pengiktirafan antarabangsa dan pengendalian krisis telah menjadikan dirinya sebagai tokoh pemimpin Malaysia yang paling bersemangat dan kukuh dalam membawa Malaysia ke arah kejayaan.

Oleh yang demikian, daripada semua kajian terdahulu seperti yang telah dijelaskan boleh disimpulkan kenyataan bahawa tidak ada satu pun daripada kajian-kajian tersebut yang menyebut secara eksplisit bahawa Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membina kuasa insaniah; dan

tidak ada satu pun yang menjelaskan bahawa kewujudan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada masa kepemimpinannya (bahkan hingga masa kini) sebagai fenomena selebriti. Hal ini kerana fokus kajian, bidang kajian dan kaedah kajian yang mereka gunakan berlainan dengan apa yang digunakan dalam penyelidikan ini meskipun mereka juga membuat kajian tentang fenomena Malaysia dan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itu, penyelidikan yang dijalankan dalam kajian ini adalah perkara baru yang diterokai oleh penyelidik yang boleh menyumbang dalam sektor pengetahuan akademik mengenai negara Malaysia dan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam membina kuasa insaniah di peringkat antarabangsa dari perspektif Kajian Hubungan Antarabangsa dan Kajian Budaya dan Budaya Popular.

1.7. Kaedah Penyelidikan

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan memahami amalan kuasa insaniah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad di negaranya, Malaysia, dan di rantau Asia Tenggara dari aspek budaya, nilai-nilai politik, dan dasar luar di satu pihak, dan dari peribadi pemimpin di pihak lainnya, serta penerimaan khalayak yang berhubungan. Untuk mencapai tujuan itu suatu prosedur pelaksanaan penyelidikan disusun dan dijalankan seperti yang dijelaskan di bawah ini.

1.7.1. Reka Bentuk

Penyelidikan ini mengambil bentuk penyelidikan kualitatif. Mengikut seperti yang dikemukakan oleh John W. Creswell (2002), dan Sugiyono (2011), bahawa kaedah penyelidikan kualitatif adalah kaedah penyelidikan yang berlandaskan pada falsafah *postpositivism*, digunakan untuk menyelidiki pada keadaan objek yang semula jadi, (sebagai lawan daripada eksperimen) di mana penyelidik adalah sebagai instrumen utama, pengambilan data *purposive*, teknik pengumpulan dan pengabsahan dengan metod trianggulasi (gabungan), analisis data bersifat induktif/kualitatif dan deskriptif-interpretatif, serta hasil penyelidikan kualitatif yang lebih menekankan pada makna dari pada generalisasi.

1.7.2. Objek dan Subjek Penyelidikan

Obyek penelitian dapat dinyatakan sebagai situasi sosial penelitian (fenomena) yang ingin diketahui apa yang terjadi di dalamnya. Pada obyek penyelidikan ini, penyelidik dapat mengamati secara mendalam aktiviti, orang-orang (*actors*), dan artefak-artefak yang ada pada tempat (*place*) tertentu (Sugiyono. 2007:215).

Obyek dari penyeldikan ini adalah pembinaan kuasa insaniah Malaysia yang dilaksanakan oleh Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara dan sebagai peribadi yang mewakili bangsa Malaysia, serta penerimaannya daripada khalayak. Wujud perwakilan dari kuasa insaniah ini adalah objek-objek yang boleh diamati. Objek-objek ini dipisah dan dimasukkan ke dalam dua kategori peringkat analisis

dengan unit-unitnya yang berbeza tetapi saling berhubungan, iaitu peringkat analisis negara dan peringkat analisis individu.

Pada peringkat analisis negara, yang difokuskan disini adalah Negara Malaysia, khasnya adalah perkara-perkara yang berakitan dengan kepemimpinan Mahathir Mohamad dalam membina kuasa insaniah di dalam negara dan di antara negara-negara di rantau Asia Tenggara. Pada peringkat ini diturunkan lagi menjadi beberapa bahagian atau unit-unit analisis yang dibezakan berdasarkan ‘teori’ *soft power* dari Joseph S. Nye yang mengajukan tiga sumber penting yang boleh menunjukkan suatu kuasa insaniah sebuah negara, iaitu sumber nilai-nilai politik, sumber budaya dan sumber dasar luar. Setiap sumber akan dikenal pasti dan dijelaskan melalui tiga unsur *currency of power* (3 B: *brilliance*, *benignity* dan *beauty*), seperti yang dikemukakan oleh L. Vuving, untuk memunculkan imej-imej positif yang menarik sebagai kekuatan magnet dalam memperoleh preferensi sasaran (*target*).

Peringkat Analisis Negara: Nagara Malaysia

	Unit-unit Sumber Kuasa Insaniah	Nilai-nilai 3 B		
		<i>Brilliance</i>	<i>Benignity</i>	<i>Beauty</i>
1	Nilai-nilai Politik			V
2	Budaya	V		
3	Dasar Luar		V	

Pada peringkat analisis seterusnya adalah individu. Di sini individu adalah orang yang mewakili negara, iaitu pemimpin, yang dalam hal ini adalah Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pemimpin bagi kajian ini dianalogikan sebagai figur yang terkenal atau selebriti dalam membina imej-imej khas seorang bintang, seperti yang dikemukakan oleh Chris Rojek, iaitu *elevation*, *magic* dan *immortality*. Oleh karena itu, diri peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai unit analisis akan dikenal pasti dan dijelaskan melalui ketiga imej tersebut sebagai kuasa yang senantiasa dikerahkan untuk menarik perhatian dan preferensi target. Selanjutnya untuk mengetahui samaada efektiviti dari usaha Tun Dr. Mahathir Mohamad ini akan dikenal pasti pelbagai bentuk penerimaan khalayak awam yang ada.

Peringkat Analisis Individu-Selebriti: Tun Dr. Mahathir Mohamad

	Imej-imej Selebriti		
	<i>Elevation</i>	<i>Magic</i>	<i>Immortality</i>

Subjek penyelidikan merupakan sumber data yang dimintai informasinya sesuai dengan masalah kajian. Oleh karena itu diperlukan subjek-subjek yang memiliki kompetensi, pengalaman, pengetahuan sesuai dengan keperluan data (*purposive*), yang boleh memberikan data yang tepat.. Parameter daripada subjek penyelidikan ini adalah sebagai berikut: mengetahui mengenai kuasa insaniah yang telah dibina oleh kepemimpinan Mahathir Mohamad bagi Malaysia dari sudut akademik dan amalan; mengenal corak peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai tokoh awam (*public figure*); mengalami dan merasakan hasil

pembinaan tersebut; mengagumi dan memberi sokongan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dari parameter di atas, subjek kajian yang dianggap memenuhi kriteria yaitu: pegawai kerajaan, ahli akademik, diplomat, pendukung, dan peminat.

1.7.3. Teknik Pengumpulan Data dan Lokasi Penyelidikan

Data dikumpulkan dengan melakukan observasi, temubual, dan pemeriksaan dokumen atau kepustakaan lainnya yang dilakukan sendiri oleh penyelidik sebagai instrumen utama dalam penyelidikan kualitatif.

1. 7.3.1. Obesrvasi Lapangan

Penyelidik melakukan observasi lapangan (kajian luar) di beberapa tempat di mana sumber-sumber kuasa insaniah Malaysia, khasnya adalah sumber budaya, yang telah dibina oleh kepemimpinan Mahathir Mohamad berada. Dalam melakukan pengamatan penyelidik menggunakan instrumen mata dan pemikiran penyelidik, mengambil gambar dan mencatat.

Lokasi observasi lapangan berada di tiga tempat. Yang pertama adalah di bandar Kuala Lumpur untuk melihat dan mengalami secara langsung segi tiga mas KLCC yang di dalamnya juga terdapat Menara Berkembar Petronas. Kemudian penyelidik menyusuri jalur rangkaian MSC dengan melawat Bandar raya Putrajaya, Bandar Cyberjaya, dan Arena perlumbaan kereta F1 di Sepang, dan terakhir ke Lapangan Terbang Internasional Kuala Lumpur (KLIA). Lokasi seterusnya adalah di Institut Pemikiran Tun Dr Tun Dr. Mahathir Mohamad

(IPDM) Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok. Lokasi lain terletak di Pulau Langkawi tempat Galeria Perdana berada.

1.7.3.2. Temu Bual

Temu bual dilakukan terhadap beberapa informan yang dipilih. Informan adalah pihak yang dianggap mampu memberi gambaran dan maklumat yang digunakan untuk menjawab permasalahan yang ada dalam penyelidikan (Sugiyono. 2009:140). Dalam penyelidikan ini penyelidik melakukan temu bual tidak hanya untuk memperoleh data atau maklumat, tetapi juga untuk melakukan pengesahan sebagai salah satu dari pelaksanaan triangulasi data.

Temu bual dilakukan dengan beberapa informan yang relevan dengan masalah yang dibincangkan dalam kajian ini. Teknik temu bual yang dilakukan adalah *in depth interview* (temu bual mendalam). Berikut ini adalah senarai informan yang dipilih beserta alasannya dan hari bulan pelaksanaannya.

Jadual 1.1. Informan, Alasan dan tarikh temu bual

No urut	Nama	Jawatan	Kriteria	Keahlian dan tarikh
1.	Dr .Yasraf Amir Piliang, M.A.	Dekan Fakulti Desain dan Seni Rupa ITB	Ahli akademik	Kuasa insaniah: sumber budaya 10 Januari 2011
2.	Prof Aelina Surya, Dr., Dra.	Pembantu 3 Rektor UNIKOM	Ahli akademik	Kuasa insaniah: Sumber dasar luar negara 10 Januari 2011

Sambungan: Jadual 1.1.

3	Drs. Ramli Rauf. M.A.	Duta Besar RI untuk Afrika Selatan	Diplomat	Perspektif diplomat RI pelaksanaan kuasa insaniah 15 Maret 2011
4	Dr. Haji Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri	Timbalan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad	Institusi Kerajaan Malaysia	Kuasa insaniah: Sumber nilai-nilai politik 17 April 2014
5.	Esa bin Haron	Pengarah Galeria Perdana Tun Dr. Mahathir Mohamad	Kerajaan Malaysia	Corak kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, dan sejarah Griya Perdana 7 September 2012
6.	Pizi Jihat	Presiden Kelab Che Det	Kumpulan peminat/pengikut	Relasi para-sosial dalam penubuhan kelab peminat dan pengikut 30 April 2014
7.	Hasniza Hashim	Pengerusi/pustakawan pada Perdana Leadership Foundation	Yayasan penyokong Tun Dr. Mahathir Mohamad	Relasi para-sosial dalam penubuhan yayasan 31 April 2014

1.7.3.3. Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan dilakukan untuk mengumpulkan data kedua (sekunder) melalui sumber tertulis atau dokumen rasmi yang diperoleh dari perpustakaan-perpustakaan, jawatan-jawatan, dan juga internet mengenai Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Serantau Asia Tenggara, serta pihak lain yang berkaitan. Dokumen atau arsip rasmi yang dimiliki institusi Kerajaan Malaysia berupa naskah-naskah pidato Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kajian kepustakaan dilakukan di tiga perpustakaan yang banyak terdapat maklumat yang berkaitan dengan fokus kajian, iaitu Perpustakaan Sultanah Bahiyah di UUM, Perpustakaan Institut Pemikiran Tun Dr Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) di UUM, dan di perpustakaan mini di Jurusan Hubungan Internasional, FISIP, Universiti Padjadjaran, di Jatinangor.

1.7.4. Pengesahan Data

Kesahihan data dilakukan dengan menggunakan triangulasi. Dalam penyelidikan ini digunakan dua bentuk triangulasi, iaitu menyemak konsistensi data melalui teknik pengumpulan data yang berbeza dan menyemak konsistensi data melalui sumber data yang berbeza.

Teknik pengumpulan data yang berbeza iaitu dari kajian lapangan kepada kajian kepustakaan dengan subjek-subjek penyelidikan yang sama, khususnya dari sumber budaya, untuk memeriksa konsistensinya. Konsistensi data diperiksa melalui sumber data yang berbeza, iaitu teks-teks subjek kajian yang sudah dilakukan atau serupa dengan penyelidikan ini yang terdapat pada pelbagai media yang ada, seperti buku dan artikel secara fizikal atau virtual.

Konsistensi data berikutnya adalah membandingkan penyelidikan ini dengan data ulasan, hujah, atau penjelasan orang lain dari hasil temu bual dengan beberapa informan.

1.7.5. Analisis Data

Seperti yang dikatakan oleh Sugiyono (Hlm. 244) analisis data adalah proses mencari, mentafsir dan menyusun data yang diperoleh dari hasil catatan observasi lapangan, temu bual, kepustakaan dan bahan-bahan lain secara sistematik sehingga mudah difahami dan hasil penemuannya boleh disampaikan kepada orang lain. Dalam penyelidikan ini digunakan kaedah analisis kualitatif deskriptif dan analisis tafsiran (interpretatif).

1.7.5.1. Analisis Deskriptif Kualitatif


Analisis deskriptif kualitatif adalah memberikan ulasan atau tafsiran terhadap data yang diperoleh sehingga menjadi lebih jelas dan bermakna berbanding dengan sekedar angka-angka. Analisis data dilakukan dengan cara menetapkan secara sistematik data lapangan, pedoman temu bual, data kepustakaan kemudian merumuskan secara deskriptif, selanjutnya memproses data dengan tahapan pengurangan data, menyajikan data dengan carta dan teks, dan kemudian menyimpulkan.

1.7.5.2. Analisis Tafsiran-Semiotik

Setelah data menjadi fakta dihuraikan kemudian ditafsirkan dengan menggunakan kaedah semiotik Barthesian. Tujuannya adalah untuk menyingkap lapisan makna konotatifnya yang bersifat subjektif dan ideolog dan mencari mesej-mesej yang tak terucap dari kewujudan kuasa insaniah Malaysia yang dibina oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kaedah semiotik Barthesian mendasarkan teknik analisisnya pada tiga perkara yang tidak dapat dipisahkan, iaitu penanda (*signifier*), petanda (*signified*), dan tanda (*sign*). Penanda adalah objek material, petanda adalah konsepnya, dan tanda adalah penanda yang diberi muatan petanda. Namun demikian, konsep yang menjadi petanda tidak boleh hanya dilihat sebagai konsep yang bebas nilai atau abstrak semata, melainkan berada dalam konteks sejarah dan tujuan-tujuan tertentu. Proses menyingkap makna tanda pada lapisan pertama akan memunculkan makna denotatif, iaitu makna yang bercorak am, apa adanya dan semula jadi, yang dikatakan oleh Barthes, adalah mitos atau imej-imej yang sangat dikenal oleh khalayak tarjet. Pada lapisan kedua boleh tersingkap makna konotatif yang bercorak ideologi yang merupakan pesan-pesan yang sebenarnya ingin disampaikan.

Gambar 3.3. Signifikan Dua Tahap Barthesian



Analisis semiotik dalam penyelidikan ini diterapkan pada bab empat sahaja, iaitu secara tidak ketara pada setiap objek atau data daripada setiap sumber kuasa insaniah (nilai-nilai politik, budaya, dan dasar luar) Malaysia. Sedangkan

secara ketara diterapkan pada dua tingkatan semiotik terhadap keseluruhan objek atau data daripada sumber-sumber kuasa insaniah Malaysia itu untuk menyingkap dan menunjukkan makna ideologi yang ditafsir.

1.8. Skop Penyelidikan

Skop atau batasan dalam penyelidikan ini meliputi:

1.8.1. Berdasarkan aspek keilmuannya, penyelidikan ini berada dalam skop Pengkajian Hubungan Antarabangsa (PHA), dan Kajian Budaya dan Budaya Popular (KB dan BP). Dalam KHA, khasnya mengenai kuasa negara, pemimpin, kuasa insaniah dan diplomasi awam dan diplomasi selebriti. Sementara dalam KB dan BP, khasnya mengenai kuasa selebriti, imej-imej kuasa bintang, hubungan para-sosial.

1.8.2 Berdasarkan aspek subjek dan objeknya iaitu media dan medium penyampaian sumber-sumber kuasa insaniah negara dan sumber pemimpin Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai subjek; sementara objek kajian adalah fenomena pembinaan kuasa insaniah oleh negara Malaysia dan imej-imej selebriti

1.8.3. Berdasarkan aspek tempoh masa yang diselidiki ialah masa ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad memimpin pembinaan kuasa insaniah dan menampilkan imej-imej selebriti hingga masa kini ketika hasil dari pembinaan kuasa insaniah dan imej-imej selebriti boleh dilihat pada masa kini pasca kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

1.9. Definisi Konsep Utama

Tajuk penyelidikan ini disokong oleh dua istilah yang perlu dijelaskan sebagai konsep utama kajian ini, iaitu kuasa insaniah dan imej-imej selebriti.

1.9.1. Kuasa Insaniah

Mengikuti Joseph S. Nye kuasa insaniah atau bahasa asalnya iaitu *soft power* yang dimaksudkan di sini adalah kuasa yang bergantung kepada daya tarikan tanpa pemaksaan, dengan memperkasakan sumber-sumber nilai-nilai politik, budaya dan dasar luar, serta sumber pemimpin.

1.9.2. Imej-imej Selebriti

Imej merupakan gambaran mental yang terdapat dalam fikiran seseorang yang diperoleh dari luar. Selebriti adalah orang yang terkenal. Oleh sebab itu, imej-imej selebriti yang dimaksudkan adalah gambaran mental yang terdapat dalam fikiran seseorang mengenai selebriti yang diperoleh dari sumber yang dimasukkan secara sengaja dari luar melalui pelbagai media atau medium perwakilan. Imej-imej selebriti sebagai kuasa yang dapat mempengaruhi fikiran dan hati orang lain adalah yang bernilai positif, menarik dan menyenangkan. Imej-imej selebriti tersebut, menurut Chris Rojek adalah *elevation*, *magic* dan *immortality*. *Elevation* adalah peningkatan; *magic* adalah kiat-kiat yang menarik; dan *immortality* adalah kekal abadi.

1.10. Pembahagian Bab

Bab 1 merupakan pendahuluan, yang menjelaskan tentang pengenalan mengenai fokus penyelidikan iaitu pembinaan kuasa insaniah Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan imej-imej selebriti pemimpin sebagai salah satu sumber kuasa insaniah. Selanjutnya ialah latar belakang penjelasan mengenai alasan penyelidikan, fokus kajian, kepentingan dan sumbangan dari penyelidikan ini. Dilengkapi dengan, sorotan karya terdahulu dan kaedah penyelidikan yang digunakan.

Bab 2 memberi penerangan tentang kerangka teori penyelidikan. Kerangka teori terdiri dari blok-blok konseptual dari dua bidang kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini, iaitu Pengkajian Hubungan Antarabangsa dan Kajian Budaya, meliputi: pelbagai dimensi konsep kuasa, kuasa insaniah, sumber-sumber dan nilai-nilai positif sebagai daya tarikan, instrumen diplomasi awam dan diplomasi selebriti, selebriti, pemimpin selebriti serta imej-imej kuasa bintang dalam pencarian akan reputasi dan prestij negara di peringkat antarabangsa.

Bab 3 memberi penjelasan jawapan terhadap persoalan penyelidikan yang pertama. Bab ini menjelaskan tentang paparan mengenai konteks di kawasan serantau Asia Tenggara ketika kuasa insaniah Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Selain itu, juga dijelaskan mengenai pembinaan kuasa insaniah yang turut dilakukan oleh negara serantau yang berjiran dengan negara Malaysia, seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Brunei Darussalam, juga tentang kuasa insaniah negara-negara lebih besar yang turut mewarnai rantau, iaitu Amerika Syarikat, China, dan Jepun.

Bab 4 memberikan jawapan terhadap persoalan penyelidikan kedua. Dalam bab ini dimuatkan tentang penjelasan analisis mengenai pembinaan kuasa insaniah Negara Malaysia oleh pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dengan memperkasa sumber-sumber budaya, sumber dasar luar dan sumber nilai-nilai politik Malaysia digunakan untuk memperlihatkan imej-imej bernilai kebaikan positif Malaysia sebagai daya tarikan.

Bab 5 memberikan jawapan terhadap persoalan penyelidikan ketiga, iaitu analisis mengenai tokoh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber pemimpin kuasa insaniah Malaysia dalam melaksanakan tugasnya. Tun Dr. Mahathir Mohamad ditempatkan sebagai pemimpin yang berperanan sebagai pemimpin selebriti yang harus mempamerkan secara berterusan imej-imej selebriti untuk mengukuhkan kuasa bintang yang bermanfaat bagi pembinaan kuasa insaniah Malaysia.

Bab 6 pula memberi jawapan terhadap soalan keempat mengenai penerimaan khalayak ramai dalam hubungan para-sosial terhadap usaha Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber pemimpin dalam pembinaan kuasa insaniah Malaysia.

Bab. 7 merupakan kesimpulan daripada hasil penyelidikan, penemuan-penemuan baru yang ditemui dari segi teori mahupun fakta, serta implikasi penyelidikan.

BAB 2

KERANGKA KONSEP

2.1. Pengenalan

Teori digunakan sebagai panduan arah dalam menjalankan kajian ini yang berkaitan rapat dengan beberapa konsep yang terlibat. Oleh yang demikian konsep dan teori yang terlibat dijelaskan dalam bahagian-bahagian seterusnya. Konsep-konsep yang digunakan berasal dari bidang kajian Pengajian Hubungan Antarabangsa (PHA) dan daripada Kajian-Budaya dan Budaya Popular serta Kajian Selebriti yang merangkumi konsep dan teori kuasa negara, kuasa insaniah (*soft power*), serta konsep dan teori selebriti.

2.2. Arena Persaingan Antarabangsa

Sejak berakhirnya Perang Dingin dan memasuki abad komunikasi global, banyak negara semakin sedar akan pentingnya memperoleh reputasi antarabangsa yang berbeza dari masa dahulu dengan membina imej-imej yang positif secara sistematik dan berstruktur. Apabila pembentukan imej yang baik dapat dibangunkan secara efektif, fungsi yang baik juga dapat diwujudkan yang dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu dapat mencipta sokongan domestik politik dan memperluas pengaruh antarabangsa negara. Kelebihan untuk memperluas pengaruh antarabangsa negara pada masa kini dianggap satu kepentingan yang mendesak kerana banyak negara berkeinginan untuk bergabung dalam pasaran

global, menyertai dalam menyelesaikan permasalahan dunia, dan meningkatkan status mereka di pentas dunia agar lebih dikenali.

Pembangunan imej yang positif diarahkan untuk menghasilkan pengaruh melalui dua cara: penghormatan (*respect*) dan dicontohi atau ditiru (*emulation*). Penghormatan pihak lain akan meningkatkan kedudukan negara kerana pihak lain cenderung untuk lebih tunduk, menghindari konflik atau menyokong pihaknya dalam permasalahan antarabangsa (Gallarotti. 2011). Emulasi, di sisi lain, membuatkan sistem negara-negara lain untuk berperilaku konsisten dengan bangsa yang dikagumi. Oleh sebab itu, potensi berlakunya konflik melalui isu-isu antarabangsa akan berkurang kerana negara-negara lain tidak akan mengusulkan alternatif secara drastik yang bertentangan dengan bangsa yang memegang kuasa (Ikenberry & Kupchan. 1990). Dalam hal ini, kuasa tersebut merupakan kuasa insaniah (*soft power*) yang membentuk konteks sosial di mana pihak-pihak lain membuat keputusan berdasarkan kaedah yang dipegang oleh negara yang dihormati yang telah berjaya membentuk jati diri mereka yang dihormati melalui imej-imej yang telah diamalkan sebelumnya.

Cara yang digunakan oleh sesebuah negara, khususnya negara berkembang, berjaya dalam mengamalkan, menyampaikan dan mengutamakan imej-imej tersebut di fikiran dan di hati pihak lain tanpa menggunakan kekerasan dan paksaan di antara persaingan antara negara yang juga melakukan hal yang sama menjadi amalan dan ikutan. Maka, diperlukan suatu usaha tambahan yang membolehkan negara menjadi negara tumpuan dengan mendapat lebih perhatian sehingga pembangunan imej berjalan sesuai dengan rencana di peringkat

antarabangsa. Selain dengan mengerahkan potensi sumber kekuatan yang ada, negara perlu mempunyai seorang pemimpin yang mampu menjalankan kewajibannya dengan baik dengan strategi yang harus dilaksanakan untuk membawa negara-bangsanya pada kejayaan, iaitu memperoleh kuasa, khususnya kuasa tanpa kekerasan iaitu, kuasa insaniah dan lain-lain.

Peranan imej-imej negara dalam meraih kuasa antarabangsa antara lain dapat dijelaskan melalui teori-teori kuasa, instrumen-instrumen yang digunakan, dan pelaku-pelaku yang berperanan penting dalam proses pembangunan kuasa tersebut.

2.3. Kuasa Dalam Hubungan Antarabangsa

Kuasa adalah satu konsep teras di dalam Pengajian Hubungan Antarabangsa, tetapi mempunyai pelbagai makna sebanyak aliran pemikiran yang ada di dalam pengajian tersebut. Oleh yang demikian, dalam kata-kata Kenneth Waltz (1986), definisi kuasa sentiasa menjadi kontroversi, dan dipertandingkan secara epistemologi dan ontologi. Robert Gilpin (1981) pula menyatakan bahawa kuasa adalah salah satu konsep dalam PHA, yang paling sukar, terutama yang berkaitan dengan bukti sebenar daripada kuasa dan pengaruhnya. Arus perdana (*mainstream*) menginginkan bukti nyata kuasa yang boleh dikira, boleh dilihat dan kesannya bersifat langsung. Manakala menurut aliran bukan arus perdana (*non-mainstream*) adalah sebaliknya.

Untuk mengetahui pelbagai makna kuasa tersebut, Steven Lukes (2005) membahagikannya kepada tiga dimensi kuasa (*three dimension of power*) yang

diilhamkan dari tiga lapisan kuasa (*three faces of kuasa*) dari Peter Bachrach dan Morton Baratz (1962). Dimensi pertama dan dimensi kedua daripada kuasa adalah berkaitan dengan konflik. Pada dimensi pertama disebut '*one dimensional power*', iaitu kemampuan memenangkan konflik kepentingan di dalam proses pengambilan keputusan (*decision making*), konflik keutamaan, dan perang yang disokong oleh kemampuan yang boleh dilihat dan dikira (kekuatan ketenteraan dan kekuatan ekonomi) yang bersifat menekan dan memaksa (*to make others follow your will*). Di sini berlaku kuasa seperti yang didefinisikan oleh Robert Dahl (1961), iaitu '*A getting B to do something B would otherwise not do*' untuk memperoleh kemenangan atau dominasi.

Kuasa pada dimensi kedua merupakan kemampuan untuk mengawal pembentukan agenda (*agenda setting*). Kuasa bekerja secara tidak langsung kepada sasaran melalui prosedur institusi (Bachrach and Baratz. 1962: 8). Kuasa merujuk kepada pengawalan atas aturan (*rule of the games*). Dengan kata lain, kuasa diterapkan oleh pelaku yang boleh menggerakkan, mengawal dan membuat aturan yang berat sebelah (bias) dan menghadkan pilihan-pilihan keputusan untuk keuntungannya. Ole R. Holsti (1996) menyatakan kuasa adalah sebagai "*structural power*" yang mengiktiraf bahawa hubungan sosial berlangsung dalam konteks posisi, authoriti dan tradisi tertentu. Jika pihaknya memiliki kekuatan struktur, maka mereka mempunyai kemampuan untuk menetapkan aturan permainan dan menentukan keinginan pihak yang lain.

Dalam dimensi ketiga, kuasa ialah keupayaan untuk mengawal dan memanipulasi keinginan pihak lain secara tidak langsung dan secara halus.

Sasarannya ialah minda, kesedaran, persepsi, kognisi dan citarasa pihak lain untuk menerima peranan mereka dalam susunan yang sedia ada.

Terdapat kuasa-kuasa lain di luaran PHA yang serupa dengan kuasa dimensi ketiga dari Lukes. Pertama, adalah kuasa integratif daripada Boulding (2013), iaitu kemampuan membawa pihak lain untuk mengambil berat, menghormati, dan mengenal pihak yang memiliki kuasa. Kedua, adalah kuasa hegemoni dari Antonio Gramsci (1971), iaitu kepemimpinan moral dan intelektual yang sasarannya adalah kesedaran dan akal yang sihat (*common sense*) dari kelas-kelas masyarakat yang ingin dikuasai. Ketiga, ialah gagasan Michel Foucault (1998) mengenai kuasa badan (*bio-power*), kuasa menghasilkan (*productive power*), dan kuasa wacana, sebagai kemampuan membentuk peribadi yang disiplin dan normal melalui pengetahuan. Steven Guzzini (2007) menyatakan kuasa dari Foucault disebut dengan “Lukes plus Foucault” sementara Peter Digeser (1992) menempatkan kuasa tersebut pada dimensi keempat (Peter Digeser. 1992: 977-1007).

Wujudnya satu jenis kuasa yang dikemukakan oleh Nye, iaitu kuasa insaniah (*soft power*) telah diperdebatkan oleh para pakar politik dan hubungan antarabangsa mengenai di mana tempatnya kuasa tersebut di dalam dimensi kuasa. Sebahagian daripada mereka mengkategorikan kuasa ini dalam dimensi kedua, dan yang lainnya berpendapat kepada dimensi ketiga. Istilah kuasa insaniah dari Nye ini, kemudiannya lebih mendapat perhatian dan terkenal dari kuasa-kuasa yang dianggap serupa, dan lebih dari sekadar wacana akademik terutama selepas Perang Dingin dan era maklumat. Sejak akhir abad ke 20 kuasa

insaniah dijadikan alat untuk memperoleh legitimasi, kredibilitas dan populariti antarabangsa semakin penting bagi negara dan pemimpinnya dalam menghadapi persaingan di pentas politik peringkat antarabangsa.

2.4. Kuasa Insaniah (*Soft Power*)

Dapat disimpulkan daripada beberapa maksud tentang kuasa yang berbeza seperti yang telah dijelaskan pada umumnya kuasa merupakan kemampuan untuk mempengaruhi perilaku pihak lain sesuai dengan yang diinginkan oleh satu pihak. Namun, adakah melalui kekerasan dengan ancaman, sogokan dengan bayaran, atau membuat pihak lain tertarik dan memilih atau berpihak (*to attract or co-opt*)?. Selanjutnya akan dijelaskan mengenai kuasa yang terakhir, yang disebut kuasa insaniah.

2.4.1. Makna

Istilah ‘kuasa insaniah’ telah diperkenalkan oleh Nye untuk pertama kalinya dalam buku “*Bound to Lead*” pada tahun 1990, dan kemudian dikembangkan lagi pada tahun 2004 dalam buku “*Soft Power, The Means to Success in World Politics*”. Menurut Nye, kuasa insaniah adalah kemampuan pelaku untuk membentuk keutamaan-keutamaan pihak lain (membuat pihak lain menginginkan apa yang anda inginkan) melalui *co-opting* atau cara-cara yang menarik untuk memikat hati dan fikiran pihak lain yang tidak menggunakan cara kekerasan (*coercion-stick*) ataupun bayaran (*payments-carrot*) (Nye. 2004: 5). Kemampuan untuk membentuk keutamaan lebih cenderung dihubungkan dengan perkara-

perkara yang tidak kelihatan (*intangible*) seperti keperibadian, budaya, nilai politik dan institusi, serta dasar-dasar yang menarik, yang kelihatan sah atau mempunyai kuasa moral. Negara dapat memperoleh hasil yang diinginkan di dunia kerana negara lain menyukai nilai-nilai yang ditunjukkan, meniru dan mencontohinya, menginginkan kemakmuran dan keterbukaannya.

Selain itu, Nye juga menegaskan bahawa, kuasa insaniah tidak sama dengan pengaruh (*influence*) yang lebih ke arah *hard power* (kuasa kasar) atau bayaran (*inducement*) di mana amalannya bersifat secara langsung (*direct*), boleh diukur dan diramal dalam memaksa pihak lain dengan pemaksaan, kekuatan ketenteraan, sekatan atau bayaran. Kuasa insaniah juga lebih dari sekadar pujukan atau keupayaan untuk menggerakkan orang lain dengan hujah, walaupun perkara tersebut merupakan hal yang penting. Kuasa insaniah adalah usaha untuk menarik perhatian dan dengan cara tersebut akan membawa kepada persetujuan. Seperti yang dinyatakan oleh Nye, dalam istilah perilaku, kuasa insaniah adalah kuasa tarikan. Sumber-sumber kuasa adalah aset yang menghasilkan tarikan tersebut. Sumber-sumber tersebut adalah: Budaya (di tempat-tempat yang menarik bagi pihak yang lain); Nilai-nilai politik (ketika disesuaikan kepada mereka di dalam dan di luar negara); dan Dasar-dasar (ketika dasar-dasar tersebut kelihatan sebagai yang sah dan memiliki kuasa moral) (Nye. 1990: 153-171; Nye. 2004: 6).

Sumber-sumber kuasa yang dinyatakan seperti di atas adalah sama dengan sumber-sumber yang pernah diajukan oleh para pakar Hubungan Antarabangsa mengenai instrumen normatif kuasa insaniah, iaitu tarikan budaya, ideologi, dan diplomasi (Cox and Sinclair. 1996). Sama seperti pengkaji-pengkaji yang lain,

Nye juga tidak secara spesifik menempatkan keperibadian pemimpin sebagai individu (ketika pemimpin mewakili nilai-nilai yang ingin diikuti oleh orang lain) sebagai sumber keempat, meskipun beliau menyatakan bahawa pemimpin adalah penting dalam menampilkan kuasa yang dilakukan secara lembut iaitu tanpa kekerasan. Nye lebih menempatkan kepemimpinan yang di antaranya terdapat seorang pemimpin sebagai struktur pemerintahan sebagai pelaku dalam negara.

Nye banyak mendapat kritikan ketika beliau menyatakan bahawa kuasa insaniah tidak bergantung pada *hard power* (Nye. 2004: 9). Hal ini kerana terdapat banyak sarjana yang menyatakan bahawa kuasa insaniah adalah lanjutan dari *hard power*. Antara contoh, Samuel Huntington (1996) memberi kenyataan bahawa kuasa insaniah adalah derivatif dari *hard power*, kerana kejayaan menggunakan kuasa insaniah akan memerlukan *hard power*. Pendapat yang serupa dinyatakan oleh Ying Fan, iaitu kuasa insaniah adalah '*the soft face*' dari *hard power*, yang merupakan manifestasi lain daripada *hard power* itu sendiri (Ying Fan, 2008: 147-158). Demikian pula Niall Ferguson (2003), yang menyatakan bahawa kuasa insaniah seperti sarung tangan baldi yang membalut genggam tangan besi untuk menyelembungi kuasanya dengan altruisme.

Selain itu juga, kritikan-kritikan lain juga diterima Nye terhadap konsep sumber kuasa insaniah yang diperkenalkan. Contohnya, Mingjiang Li (2009) mempertikaikan kesahihan Nye yang menempatkan ketiga-tiga sumber yang diperkenalkan memiliki daya penarik dan persuasif yang diwarisi dan semulajadi. Menurut Li, ketiga-tiga sumber tersebut pada realitinya boleh menghasilkan kemarahan, penolakan, permusuhan, dan juga konflik, ketika sesebuah negara

mengeksplotasinya secara agresif yang menjurus kepada hegemoni atau imperialisme budaya, misalnya (Li : 4).

Jadual 2.1. Perbandingan antara *Hard Power* dan Kuasa Insaniah

Jenis	<i>Hard Power</i>		Kuasa Insaniah (<i>Soft Power</i>)
	<i>Ketenteraan</i>	<i>Ekonomi</i>	
Perilaku	Kemampuan untuk mengubah posisi pihak lain melalui paksaan dan penolakan	Kemampuan untuk mengubah posisi pihak lain melalui pancingan (<i>inducements</i>) dan paksaan	Kemampuan untuk membentuk keutamaan pihak lain melalui tarikan, kerjasama, penetapan agenda, godaan, pujukan dan pengaruh
Sumber-sumber	Paksaan and ancaman	Sekatan dan pembayaran	Budaya , nilai-nilai, dan dasar-dasar luar; institusi
Dasar-dasar Kerajaan	Diplomasi paksaan; perang; bersekutu	Bantuan; sogokan	Diplomasi publik; diplomasi dua hala dan banyak hala
Perolehan	Absolut (mutlak)		Relatif, berdasarkan konteks
Sifat	Terlihat, mudah diukur, dapat diramal sampai darjat tertentu; Aktif, mudah dilaksanakan, mudah diawasi Langsung; tidak memakan waktu: sekejap, dan cepat		Terselindung, sulit untuk diukur, tidak dapat diramal; Pasif, sulit diwujudkan, tidak mudah diawasi Tidak langsung, Memakan waktu yang lama dan lambat
Pemilikan	Pemilikan spesifik		Banyak sumber, tidak spesifik
Kontrol	Dikawal oleh Negara atau organisasi		Sebahagian besar oleh pelaku bukan negara, tidak terkawal
Arah dan aksi	Luaran, aksi, dorong		Dalaman, reaksi/tindak balas, tarikan
Kesan	Langsung, jangka pendek, kesan segera		Tidak Langsung, jangka panjang, kesan tidak segera

Selain itu, *hard power* juga tidak selalu menggunakan pemaksaan dan juga bayaran. Bahkan *hard power* dapat juga menghasilkan sesuatu yang menarik, memikat, dan persahabatan dalam satu keadaan tertentu. Misalnya, *hard power* digunakan untuk tujuan kemanusiaan, membantu mencegah korban bencana alam dan korban pasca konflik dalam kegiatan *peace keeping* antarabangsa. Bahkan kekuatan ketenteraan sesebuah negara dapat menjadi inspirasi yang menarik pihak lain untuk menghargainya ketika memenangi perang. Oleh yang demikian, kuasa insaniah tidak bersifat semulajadi dari sumber-sumber kuasa tertentu sahaja, melainkan dari sumber apapun yang sengaja dipelihara dan dirancang dan diperuntukkan kegunaannya sebagai kuasa yang halus dan menarik oleh negara. Seperti yang dinyatakan oleh Thomas Hartman (2009), perkara yang membuat sesuatu kuasa itu halus bukan cara semulajadi yang digunakan tetapi bagaimana cara tersebut digunakan. Oleh yang demikian, kuasa insaniah secara sengaja harus diolah atau diuruskan melalui penggunaan dengan teliti semua sumber kuasa yang tersedia di dalam hubungan sosial tertentu.

Nye kemudiannya menyemak semula pandangannya bahawa negara-negara yang menjalankan dan menikmati kuasa komando (*the ability to change what others do*) yang erat dengan *hard power* bagaimanapun disokong oleh daya tarik dari adanya mitos-mitos kuasa insaniah yang kerap diciptakan dengan sengaja. Pada sisi lain kuasa komando diperlukan dan bertindak sebagai agen dari kuasa insaniah. Demikian pula, ekonomi dapat menghasilkan *hard power* (seperti sekatan atau bayaran), dan pada masa yang sama dapat bertindak sebagai sumber tarikan. Pada masa yang sama, kemerosotan ekonomi dan sifat agresif ketenteraan

tidak hanya akan mempengaruhi *hard power* tetapi juga daya tariknya atau kuasa insaniah. Selain itu, kadar penggunaan dari kedua-dua kuasa ini tidak sama dan bergantung dengan konteks yang ada. Konteks dapat menentukan sumber kuasa dapat dinyatakan sebagai *hard* atau *soft*. Dalam hal ini, Nye menggambarkan hubungan antara *soft* dan *hard* kuasa seperti dua sisi mata wang, dan interaksi kedua-dua kuasa ini seperti “kadang saling memberdayakan dan kadang saling tumpang tindih satu sama lain” (kadang-kadang saling memberi dan kadang-kadang saling tumpang tindih antara satu sama lain) (Nye.2004: 25). Oleh sebab itu, Nye menyatakan bahawa kombinasi antara *soft* dan *hard power* ini dalam suatu strategi ataupun pelaksanaannya adalah sebagai *smart power* (Nye. 2011: 5). Semakan Nye mendapat sokongan dari Philip Seib yang menyatakan bahawa *smart power* membangun strategi yang berintegrasi, asas sumber-sumber daya dan satu set alat untuk mencapai tujuan negara berdasarkan pada *soft power* dan *hard power* (Seib. 2009: 5).

Pada asasnya, kuasa insaniah terletak dalam penggunaan secara halus kekuasaan (*the soft use of power*) untuk meningkatkan tarikan, rayuan, dan daya pikat suatu pihak atau negara. *The soft use of power* yang melibatkan kemampuan dalam membuat semua sumber kuasa menjadi penarik yang boleh menjadi suatu kuasa tersendiri.

Jika suatu negara bangsa (atau mana-mana pelaku) dapat memanfaatkan dengan baik sumber-sumber kuasa melalui pelbagai program budaya, ekonomi dan politik untuk tujuan nasional, maka kegiatan tersebut akan menghasilkan banyak perhatian dari negara-negara yang lain. Jika suatu negara menggunakan

sumber-sumber kuasa melalui pendekatan yang bijaksana, berhati-hati, bertolak ansur, dan penuh pertimbangan dalam hubungannya dengan negara lain, dan memainkan suatu peranan memimpin dalam menyediakan *public goods* (perkhidmatan awam) kepada masyarakat antarabangsa, sesebuah negara sudah pasti akan memperoleh penghormatan, tindak balas positif dan persahabatan yang baik dari negara-negara yang lain. Jika negara dianggap mampu membuat cadangan-cadangan yang memungkinkan, menguntungkan dan sah dalam institusi-institusi pelbagai hala, maka negara tersebut akan memperoleh prestij dan kredibiliti antarabangsa. Jika sesebuah negara berjaya mengamalkan perkara-perkara tersebut di atas secara serentak, maka Negara tersebut akan mendapat reputasi antarabangsa yang baik dan memperoleh kuasa insaniah.

Namun yang perlu ditambahkan di sini menurut penyelidik ialah unsur tarikan, seperti yang diusulkan oleh Nye, sebagai pemancing untuk menarik dan mendapatkan persetujuan dari pihak lain masih tidak cukup. Perlu ditambah unsur yang lain seperti unsur suka (*to get other like it*), senang (*to make people entertained*) dan terhibur (*to make other people happy*). Dalam suasana hati yang senang seseorang akan lebih mudah, secara spontan dan secara suka rela (bahkan patuh) memberikan persetujuan di atas hal-hal yang diinginkan negara. Jika berhasil, maka kuasa insaniah juga mencapai tahap kebenarannya. Ketiga-tiga unsur suka, senang dan terhibur mempunyai perkaitan yang rapat dengan dunia hiburan atau dunia selebriti.

Oleh sebab itu, sesebuah negara yang lebih mengutamakan daya tarikan dan hiburan (*entertainment*) dalam memperkasakan sumber-sumber kuasanya, baik

kuasa insaniah, *hard power* atau kedua-duanya, untuk mempengaruhi dan membentuk keutamaan pihak lain dalam suatu hubungan, maka *power of attraction* (kuasa tarikan), atau *attractive power* yang menyenangkan boleh dipertimbangkan sebagai suatu kuasa yang lebih daripada kuasa insaniah Nye.

2.4.2 Currency of Power

Gagasan kuasa insaniah Nye memang terdapat kekurangan dan menimbulkan beberapa salah faham, khususnya apabila menyamakan kuasa dengan sumber kuasa dan perilaku kekuasaan. Alexander L. Vuving (2009) menyebut hal ini sebagai "*vehicle fallacy*" kerana pada faktanya penggunaan kuasa bergantung pada nilai kuasa daya tarikan (*currency of power*). Namun Vuving sepakat dengan Nye bahawa kuasa menyerupai dengan sumber kuasa, walau bezanya sumber kuasa yang sama dapat menghasilkan pelbagai jenis perilaku. Misalnya, nilai-nilai moral dapat digunakan untuk memujuk pihak lain sebagai kuasa insaniah, sekaligus sebagai *hard power* untuk menekannya. Kekuatan ketenteraan dapat menjadi suatu ancaman dan juga daya tarik. Oleh sebab itu untuk menghubungkan dilema ini, Vuving menarik perbezaan antara sumber kuasa (*power of resources*) dan nilai kuasa (*power of currencies*). Kedua-duanya dapat dilihat sebagai sumber kuasa, tetapi sumber kuasa dan *power of currencies* adalah dua jenis sumber yang berbeza yang menghasilkan kuasa. Perbezaan tipis antara kedua-dua dapat dibandingkan dengan analogi antara struktur (*hard power*) dan seni bina (kuasa insaniah).

Kuasa yang menarik dan menyenangkan bukan semata-mata terletak pada sumber-sumber budaya, nilai-nilai politik atau ideologi, dan dasar luarnya, tetapi pada segi 'kehalusan' muatan *curency* atau daya magnet yang dapat menarik dan menggoda perhatian, keutamaan dan penilaian masyarakat yang diinginkan atau diharapkan. *Curency* atau magnetisme yang mudah menarik kesadaran masyarakat secara spontan adalah yang memuat nilai-nilai standard kebenaran dasar (*basic standard*) atau universal meskipun bersifat lokal. Muatan standard sebagai modal dasar dalam suatu penilaian yang harus dimiliki untuk dapat menjadi daya magnetisme atau daya tarikan dan daya kekuatan (kuasa *currency*) reputasi diri. Standard nilai-nilai bersama sebagai imej dari identiti yang diperlihatkan dan diharapkan.

Sejak zaman Yunani Kuno di Eropah sehingga ke hari ini, seperti yang dijelaskan oleh Mark Eisenegger (2009), senantiasa trio atau tiga dimensi daya kuasa atau magnetisme menjadi penanda aras. Para ahli falsafah, seperti Plato dan Aristotle mengajukan trio *currency of power* (nilai kuasa), iaitu *the good* (yang baik), *the beautiful* (yang cantik), dan *the true* (yang benar); E.Kant mengajukan trio lainnya, iaitu yang objektif, etika, dan estetik. Manakala Sir Karl Popper pula mengajukan, yang objektif, subjektif dan dunia sosial dan Jurgen Habermass pula mengajukan tiga dimensi, *proporsional truth* (kebenaran seimbang), *normative rightness* (kebenaran normatif) dan *subjective truthfulness* (kebenaran subjektif). (Eisenegger: 2-3)

Pada masa ini, Eisenegger juga memfailkan kuasa tiga dimensi dalam menerangkan pencapaian reputasi. Dimensi itu adalah: *kecekapan* (kompeten)

dalam pelbagai bidang kehidupan ekonomi, politik, teknologi, dan sebagainya; *integriti* dan tanggungjawab terhadap persekitaran di dalam dan di luar negara; dan *kemenarikan* (atau keunikan) dalam gambaran pandangan diri. Ketiga-tiga kuasa ini sebaiknya diperkasa untuk mendapatkan hasil yang maksimum (Eisenegger: 2-3).

Tiga jenis standard magnetism secara tradisionalnya juga terdapat di kawasan Asia. Di Indonesia pada masa kepemimpinan Presiden Soeharto menerapkan falsafah suku Jawa (khususnya Jawa Tengah) mengenai nilai-nilai yang baik dan bagus untuk diikuti dalam kehidupan bernegara dan berbangsa iaitu “*bibit, bebet, dan bobot*”¹. Selain itu, di negara-negara lain nilai-nilai falsafah tempatan yang bersifat universal juga dirumuskan, seperti di India, Singapura, China, dan lain-lain.

Setiap pemimpin akan berusaha membina nilai kuasa (*power of currencies*) yang ada dan menanam kuasa tersebut sebagai imej dan identiti yang dapat menarik perhatian dan penilaian umum seperti yang diharapkan dalam pencariannya dalam mendapat reputasi, legitimasi dan kemasyhuran. Seperti yang telah dijelaskan oleh Vuving bahawa kewujudan kuasa, baik *hard* atau *soft*, yang menarik (dan juga yang menyenangkan) bergantung pada *power of currencies* yang merangsang pihak sasaran untuk berada di bawah kekuasaannya. *Power of currencies* tersebut merupakan properti yang menyebabkan sesuatu kuasa boleh

¹ *Bibit* bererti asal usul bawaan atau keturunan. *Bobot* berarti nilai, kekuatan, kualiti, maruah, darjat dan martabat seseorang yang diperoleh berkat pekerjaan dan perilaku sosial yang dilakukannya sendiri. Sementara *Bebet* bererti penampilan seseorang mengungkapkan siapa dirinya. Hampir serupa dengan falsafah tradisional suku Sunda (Jawa Barat), iaitu “*Gemah Ripah Repeh Rapih*”. *Gemah-ripah* bererti subur dan makmur; *repeh* bererti sentosa yang meliputi rukun, aman dan damai; dan *rapih* bererti bersih, sihat dan asli. Di India salah satu falsafah yang serupa juga berlaku iaitu *swadesi* untuk kecerdasan, *satyagraha* untuk kesantunan perilaku, dan *rasa* untuk keindahan.

wujud, dan sebaliknya kuasa tersebut akan menjadi aset dari sumber daya dan kegiatan (Vuving: 5).

2.4.3. 'The 3B' dan Imej-Imej Positif

Vuving menyarankan tiga *power currency* yang merupakan nilai-nilai positif falsafah yang merupakan juga nilai standard atau penanda aras yang berlaku secara umum atau universal yang biasa disebut '*Three B*', iaitu *brilliance* (bijaksana), *benignity* (kemurahan), dan *beauty* (kecantikan) sebagai daya magnetisme penarik minat dan keutamaan masyarakat dalam kuasa insaniah.

Nilai pertama adalah *brilliance*, atau *brain*, atau *bright*, iaitu suatu properti atau kemampuan kejayaan yang berkaitan dengan kepintaran, dan yang diperoleh berkat daripada hasil kerja keras yang dilakukan. Dalam hubungan antarabangsa *brilliance* wujud dalam pelbagai bentuk, seperti ketenteraan yang kuat dan cekap, ekonomi yang stabil, kuat dan memberi kesejahteraan, karya-karya budaya yang cemerlang dan kaya, atau masyarakat yang berjalan dengan baik dan damai, serta menghasilkan kemajuan ilmu dan teknologi yang canggih. Faktor-faktor tersebut menjadi daya tarikan kerana masyarakat awam akan melihat pihak yang dinilai sebagai mampu membangun, menyelesaikan masalah dan cabaran yang belum tentu dapat dihadapi oleh mereka, (Vuving. 2009: 11) memiliki rasa kagum, hormat dan suka (*admiration*).

Nilai kedua, iaitu *benignity* atau *behaviour*, iaitu sifat ramah atau memiliki sifat kemurahan sosial yang terdapat dalam suatu spektrum luas perilaku. Mempunyai perilaku yang tidak membahayakan pihak lain, sehingga secara pro-

aktif dan aktif melindungi dan menyokong pihak lain. *Benignity* antara lain terletak pada kebaikan, ramah dan kemurahan hati, serta bertanggungjawab, cinta akan kedamaian dan tidak mementingkan diri sendiri, menghormati, menghargai dan mendengar atau memberi perhatian terhadap pihak lain. Bentuknya antara lain adalah seperti pemberian bantuan ekonomi, pertolongan kemanusiaan (melalui pelaku masyarakat sivil atau pejabat perwakilan negara, atau tentera dengan peranti ketenteraannya) dan sokongan diplomatik (L.Vuving. 2009: 14). *Benignity* akan mewujudkan dan menerima rasa terima kasih dan penghargaan (*gratitude*) serta simpati.

Beauty atau *bold* yang dimiliki dan dipamerkan dalam politik dunia adalah sebagai nilai ketiga. Nilai ini berkenaan dengan gema atau magnet yang menarik pelaku untuk lebih mendekati satu sama lain melalui perkongsian pendapat, cita-cita, nilai, sebab-sebab atau visi yang sama, sehingga memberikan rasa keselesaan dan aman, harapan dan perluasan diri (*self extension*).

Menurut Vuving, nilai-nilai 3B sebagai nilai kuasa insaniah yang diperkasa melalui pelbagai perwakilan akan menghasilkan kuasa ketika mendapat persetujuan, kepercayaan, saling memahami, keinginan untuk bekerjasama, dan mendapatkan pengaruh, pengikut atau penyokong setia, serta secara automatik dan sukarela memberikan penilaian reputasi yang positif dan menjadikannya sebagai pedoman, contoh, pendorong, ilham dan idola.

Semua nilai yang baik adalah menarik. Nilai-nilai yang menarik boleh dimanfaatkan oleh negara atau pihak lain sebagai imej-imej atau gambaran tentang dirinya atau dipamerkan pada dirinya sesuai dengan nilai-nilai tersebut

sebagai identitas. Imej, seperti yang dikatakan oleh Xiufang Li et.al (2009), dapat dikategorikan dalam kategori imej yang diilhamkan dan imej yang dijangkakan. Imej yang diilhamkan merupakan pembentukan satu pihak mengenai bangsanya ke dalam minda pihak lain yang digunakan dalam pelbagai atribut. Imej yang dijangkakan ialah imej-imej yang dikomunikasikan untuk dapat dilihat atau sampai pada sasaran melalui objek, kegiatan (*event*), atau orang-orang (Li (leih) & Naren Chitty. 2009).

Namun, seperti yang dinyatakan oleh Daniel S. Boorstin (1965), penggunaan imej bukan berarti penciptaan kebohongan melainkan penajaman kebenaran melalui perilaku-perilaku yang menarik dan menyenangkan untuk mendapatkan perhatian umum. Imej-imej yang menjanjikan bukan hanya sekadar ilusi, tetapi juga dapat memenuhi jangkauan masyarakat. Masyarakat harus dapat mengakses imej kemudian merasakan imej tersebut sebagai daya tarik dari suatu objek atau yang disebut Vuving sebagai *currency*. Imej atau nilai inilah yang menjadi pendorong keutamaan masyarakat untuk berpihak memberikan penilaian-penilaian yang positif bagi suatu reputasi antarabangsa. Reputasi antarabangsa yang baik atau positif yang diperoleh sesebuah negara akan berjaya dinilai oleh pihak lainnya sebagai yang berimej nilai-nilai yang dimiliki, pada umumnya adalah nilai-nilai 3B (*brilliance*, *benignity* dan *beautiful*).

Semua *currency of power* (nilai kuasa) sebagai *power of attraction* (kuasa tarikan) untuk membentuk imej-imej positif dalam usaha memperoleh reputasi antarabangsa melalui pelbagai media dan cara tarikan dan kesan semulajadi mungkin sehingga pihak sasaran tidak terasa telah tertarik, terpengaruh atau

terpikat hati dan fikirannya sesuai dengan gambaran imej yang mengandungi nilai-nilai tersebut. Cara bagaimana *currency of power* bagi kuasa insaniah ini berfungsi dan secara automatik memberi kesan efektif bergantung kepada bagaimana cara kuasa tersebut dibentangkan dan disampaikan kepada masyarakat sasaran. Salah satu cara membentangkan dan menyampaikan adalah seperti yang dikutip oleh Carnes Lord (2006) dari pernyataan Nye, iaitu melalui diplomasi publik.

2.4.4. Tujuan

Tujuan dari pelaksanaan kuasa insaniah oleh sesebuah negara adalah untuk memperoleh kuasa atas fikiran, hati dan keinginan pihak sasaran mengikut apa yang diharapkan dan diinginkan oleh penguasa tanpa menggunakan kekerasan dan paksaan. Masyarakat sasaran ialah individu-individu yang berpotensi dari negara yang berlainan dan dasar luar negaranya. Selain itu, sasaran juga terdiri daripada individu-individu domestik yang diperlukan untuk menyokong dan membantu dalam pelaksanaan kuasa insaniah negara. Untuk mencapai objektif yang diperlukan, pemimpin perlu memiliki imej dan reputasi yang baik dan positif. Imej-imej yang baik secara umum merupakan gambaran yang mencerminkan nilai 3B seperti yang telah dijelaskan yang dipamerkan pada diri pengusaha dan dipromosikan atau dipertunjukkan melalui pelbagai jenis media dan medium penyampaian kepada masyarakat untuk memperoleh maklum balas daripada mereka sebagai penilaian reputasi.

Bagi mencapai tujuan tersebut, diperlukan instrumen yang jitu, iaitu salah satunya merupakan diplomasi awam. Diplomasi awam yang berkaitan dengan pembentukan keutamaan, keinginan, harapan dan bahkan khayalan individu sasaran memperoleh sokongan dari diplomasi awam lain, iaitu diplomasi selebriti.

2.4.5. Instrumen: Diplomasi Awam dan Diplomasi Selebriti

2.4.5.1. Diplomasi Awam

Jan Melissen (2005) menyebut bahawa salah satu instrumen penting daripada kuasa insaniah ialah diplomasi awam (*public diplomacy* atau PD). Tujuannya menurut Wang (2006) adalah untuk mempromosi imej-imej positif dan mendulang reputasi antarabangsa yang diinginkan. Makna PD pada amnya ialah “informasi” dan “komunikasi” dalam kata-kata dan aksi yang mempunyai kesan politik (Lord, 2006: 27-29).² PD, menurut Malone (1985), ialah komunikasi langsung dengan orang-orang asing yang bertujuan untuk mempengaruhi pemikiran dan kemudian pemerintah negara mereka. PD merupakan perluasan dari diplomasi tradisional yang kerap digunakan dalam pelaksanaan dasar luar secara tertutup antara negara untuk menyelesaikan permasalahan antarabangsa (Melissen, 2005). PD juga merupakan penambahbaikan dari propaganda satu arah dari pemerintah atau negara kepada masyarakat. PD juga perluasan dari diplomasi kerjasama transnasional antara negara kepada pelaku bukan negara (insitusi, masyarakat atau rakyat dan individu) dan dari orang ke orang (*people to people*) yg terlibat dalam aktiviti diplomatik dan menjadi sasaran akhir, secara kerjasama,

² Lord, 2006, 27-29 menjelaskan kaitan dan perkembangan istilah “*public diplomacy*” dengan “*psychological warfare*”, “*propaganda*”, “*psychological operations*” (PSYOP), dan “*public affairs*”.

terbuka dan telus, serta pelbagai peringkat. Namun, PD bukan sahaja merupakan teknik instrumen dasar LN, tetapi sebahagian dari yang mengubah struktur hubungan antarabangsa.

Stuart N Soroka (2003) menyatakan bahawa PD didasarkan pada hubungan kompleks antara tiga komponen utama, iaitu: kerajaan atau pemerintah, media dan pendapat awam. Hans Tuch (1990), pula memberi pernyataan bahawa, PD ialah usaha untuk mempromosikan dan membuat pihak asing untuk memahami akan pandangan, cita-cita, institusi- institusi, budaya, dasar-dasar dan tujuan-tujuan negara-bangsanya; mewujudkan pendapat awam dalam suatu negara yang dapat membolehkan para pemimpin negara sasaran membuat keputusan yang menyokong tujuan-tujuan dasar luar negara; mencipta identiti, menonjolkan imej-imej, jenama, dan membina reputasi antarabangsa.

Selain itu juga, PD ialah mengenai pembentukan hubungan. Tujuannya adalah: meningkatkan keakraban satu negara dengan negara lain; meningkatkan penghargaan pihak luar terhadap negaranya (mewujudkan persepsi positif, membuat pihak lain melihat isu-isu global penting dari perspektif yang sama); melibatkan orang luar dengan pihak negaranya (memperkuat ikatan-ikatan di bidang pendidikan; mendorong pihak luar melihat negaranya sebagai destinasi bagi pelancongan yang menarik; membuat pihak luar membeli hasil produksi negaranya; dan membuat mereka memahami dan melanggan terhadap nilai-nilai).

Namun, seperti yang dinyatakan oleh Lord, PD tidak perlu seperti propaganda yang bergantung pada penyelewengan dan manipulasi terhadap fakta yang menyulitkan untuk memperoleh kesan strategik (Lord. 2008: 61-62).

Melainkan dalam komitmen untuk menyatakan kebenaran mengenai peristiwa dunia walaupun harganya mahal bagi penyampai, kerana tujuan utama PD adalah memperoleh kredibiliti, sehingga tujuan kuasa insaniah, iaitu hormat (*respect*) dan emulasi (*emulation*) dapat dicapai dan dipertahankan.

Diplomasi awam yang dijalankan oleh negara dalam mempromosikan imej-imej sebagai mesej-mesej politik memerlukan media dan medium penyampaian yang boleh diperolehi dari sumber-sumber kuasa insaniah yang tersedia. Jadual 2.2 berikut menunjukkan keterangan mengenai sumber-sumber insaniah, aspek-aspek, dan media atau medium penyampaian yang diarahkan untuk menunjukkan imej-imej negara.

Jadual 2.2. Instrumen Kuasa Insaniah: Diplomasi Awam

	Sumber	Aspek	Media	Imej
1	Budaya	• Budaya tinggi • Budaya popular	• Program pertukaran (pelajar, ahli akademik). • Festival budaya • Kegiatan sukan • Bangunan dan seni bina; • Pameran kemajuan ilmu dan teknologi • Bahasa • Acara-acara TV, Radio. • Persidangan antarabangsa • Bandar atau taman bertema • Bandar berkembar	<i>Brilliance</i>

Sambungan: Jadual 2.2.

	Sumber	Aspek	Media	Imej
		•	• Karya media publikasi: buku, naskah pidato, akhbar, iklan • Pusat kajian • Muzium • Selebriti • Pusat-pusat pelancongan • Karya seni filem, lagu	<i>Brilliance</i>
2	Nilai-nilai politik	• Ideologi, • nilai-nilai, • mitos	• Visi • Slogan • Jenama	<i>Beauty</i>
3	Dasar-dasar	• Dasar luar	• Bantuan luar negara • Tindakan penghargaan dan toleransi • Hubungan persahabatan dua hala atau lebih • Kerjasama antarabangsa • Aktiviti dalam organisasi antarabangsa	<i>Benignity</i>

Pelaksana PD biasanya adalah para diplomat kerjaya atau pegawai negara, juga terdiri daripada pemimpin negara sebagai wakil dari kerajaan negaranya. PD masa kini boleh dijalankan oleh pelaku bukan negara, seperti institusi bukan-pemerintah, pemimpin perusahaan atau kelompok, sehingga individu yang terkemuka mahupun warganegara biasa (*citizen*). Namun, semua pelaku PD harus

memiliki kemampuan, kepercayaan dan pengaruh terhadap target, dan hakikatnya PD yang dilaksanakan mereka adalah untuk kepentingan negara asal.

Dalam persaingan antarabangsa yang ada, terutama di suatu kawasan yang mempunyai banyak persamaan, tahap kemasyhuran dan penglibatan para diplomat diperlukan sebagai pembeza. Kemasyhuran dimiliki dari persepsi yang diberikan oleh pihak awam di atas sikap ramah yang diberikan dalam imej selebriti yang dalam era budaya selebriti masa kini. Imej penglibatan akan semakin disedari dan mendapat perhatian media dan awam sehingga peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu, selebriti sebagai diplomat menjadi rebutan institusi-institusi yang berkepentingan untuk melaksanakan diplomasi awam yang kemudian disebut sebagai diplomasi selebriti.

2.4.5.2. Diplomasi Selebriti

Persaingan antarabangsa dalam kuasa insaniah yang mementingkan dan mengutamakan tarikan telah mengangkat selebriti sebagai peranti baru politik luar negara dalam melakukan diplomasi yang disebut dengan diplomasi selebriti. Andrew Fenton Cooper (2007) mendefinisikan bahawa diplomasi selebriti adalah kegiatan diplomasi yang dilakukan oleh selebriti, khususnya dari dunia hiburan, yang mewakili suatu kepentingan atau tujuan pihak lain mahupun dirinya sendiri dalam menyampaikan mesej-mesej atau perhatian kepada pihak-pihak yang berkaitan dan awam. Dengan menggunakan bentuk-bentuk lama dan baru daripada media dan pertunjukan, serta dengan memanfaatkan imej populariti

selebriti dan kuasa bintangnya telah menjadikan diplomasi selebriti memiliki daya magnet (seperti *currency of power* dalam kuasa insaniah) tarikan yang efektif³ dan luar biasa dalam mendapatkan perhatian umum dan liputan media massa dalam menyampaikan mesej yang dikehendaki. Oleh sebab itu, diplomasi selebriti, terutama diplomasi advokasi (sokongan) selebriti, menjadi alternatif dari bentuk diplomasi normal, formal dan konvensional yg biasanya dilakukan oleh diplomat profesional atau pegawai negara.

Dalam kajian selebriti, amalan diplomasi selebriti menyerupai dengan istilah *celebrification*, politik selebriti, *personalization of politics* (personalisasi politik), *self naming politics* (politik penamaan diri) sebagai instrumen untuk menyampaikan mesej-mesej secara langsung atau tidak langsung kepada pihak sasaran. Instrumen ini menggunakan bentuk pertunjukan, tontonan media (*media spectacle*) atau perhatian media (*media attention*) serta medium-medium penyampaian yang menarik perhatian masyarakat. Selebriti itu sendiri bukan hanya sebagai pelaku tetapi juga sebagai instrumen.

2.4.5.2.1. Selebriti

Selebriti menurut Adrienne Lai (2006) pada amnya digunakan untuk merujuk kepada seseorang (atau apapun) yang telah mencapai populariti yang baik, sama ada secara prestasi, kebetulan, atau kemasyhuran (*fame/famous*). Unsur yang terpenting dari menjadi selebriti, seperti yang diajukan oleh Chriss Rojek, adalah populariti yang diperoleh kerana keturunan (*ascribed*); prestasi-prestasi awamnya

³ Mark Wheeler, berpendapat bahawa politik selebriti dan bintang-bintang yang dipolitikkan harus ditaktrifkan oleh 'kemampuan afektif' mereka untuk beroperasi dalam ruang publik.

(*achieved*) (Rojek. 2001: 9); mahupun, seperti yang juga dinyatakan oleh Boorstin (1992) kerana populariti itu sendiri, atau kata lainnya adalah populariti hasil pendedahan media (*attributed*).

Terdapat dua pendapat yang berbeza mengenai selebriti, yang pertama menyatakan bahawa populariti adalah sumber selain prasyarat dari selebriti. Seperti Boorstin menyatakan bahawa selebriti adalah individu yang telah terkenal kerana sememangnya dikenali ramai atau pencapaian populariti yang diperolehi ("*celebrity is a person who is known for wellknownness*" atau "*famous for being famous*") (Boorstin . 1992: 57) atau dapat dikatakan bahawa tanpa populariti tidak akan ada selebriti. Selebriti dibentuk untuk dirai dalam suatu majlis acara yang dibuat oleh media massa disebutnya sebagai "*human pseudo events*"⁴. Pramod K. Nayar (2009) senada menyatakan bahawa selebriti adalah nama atau kesan yang diperoleh dari publisiti dan menjadi selebriti hanya apabila diakui oleh masyarakat awam seseorang itu memiliki sesuatu yang istimewa, unik dan lebih dari biasa, yang ditunjukkan dan didedahkan oleh media massa. Graeme Turner (2004) memberi kesimpulan bahawa selebriti adalah gejala dari perubahan budaya.

Neal Gabler (2000) pula berhujah sebaliknya bahawa populariti adalah produk bukan sumber bagi selebriti, dan selebriti bukan gejala dari kemerosoton budaya, melainkan suatu bentuk seni yang dibuat di dalam medium kehidupan, dan memberikan hiburan atau kesenangan bagi pihak lain yang disebut sebagai "*human entertainment*". Walaupun populariti menjadi sebuah prasyarat, namun

⁴ Boorstin menjelaskan makna dari *Pseudo-events* sebagai suatu "*happening*" yang memiliki ciri-ciri sebagai berikut: (1) bukan spontan, melainkan dirancang; (2) dirancang terutama untuk tujuan segera dilaporkan atau diterbitkan semula sebagai yang layak berita atau tayangan untuk dunia realitinya; (3) bersifat kabur yang membuat khalayak ingin mengetahui; dan (4) diarahkan untuk menjadi *self-fulfilling prophecy*.

selebriti mempunyai pencapaian besar sebagai reputasi berdasarkan prestasi yang bernilai awam. Sumber populariti selebriti adalah *a great story* (naratif) yang mempunyai nilai hiburan (*entertainment value*) dan dijaga kesinambungannya agar populariti yang dimiliki akan berkekalan. Demikian pula Larry Z. Leslie (2011), menyatakan bahawa selebriti ialah populariti yang dimodenkan, unggul, berbakat, mempunyai pencapaian besar yang signifikan, kaya, kehidupan yang mewah dan menarik lebih daripada orang biasa. Selebriti juga memainkan peranan penting dalam kehidupan orang kebanyakan, baik sebagai model peranan (*role model*) ataupun pemimpin.

Selebriti yang dijadikan sebagai diplomat oleh negara atau pihak-pihak yang berkepentingan bukan sahaja kerana memiliki populariti, gaya tarikan dan keistimewaan tersendiri sahaja, tetapi kerana turut memiliki nilai sosial, budaya dan politik, psikologi, komersial, dan ideologi bagi masyarakat. Selebriti berfungsi sebagai penghubung dari perdamaian antara prinsip-prinsip yang bersaing, iaitu identiti personal dengan identiti sosial, dan individualisme dengan konformiti. Oleh yang demikian, seperti yang Rojek nyatakan, selebriti memiliki fungsi mengintegrasikan dan mempromosikan makna baru dan perpaduan yang ditunjukkan oleh selebriti ketika agama institusional mengalami kemunduran (khususnya di Barat) (Rojek. 2001: 99)

Selebriti boleh memainkan banyak peranan yang menghasilkan kesan emosi terhadap orang ramai terutama orang yang bukan selebriti, dan melayani banyak keperluan seperti yang diinginkan dan diharapkan oleh banyak orang kepadanya sebagai wakil mereka. Antara contoh, selebriti dapat menjadi wakil

atau penyampai suara bagi yang diketepikan dan yang dieksplotasi dalam pelbagai perkara.

Selebriti boleh dimanfaatkan dalam projek-projek ekonomi dan komersial yang berkaitan dengan industri dan kapitalisme. Seperti berperanan sebagai penarik pelabur asing, pegawai jualan (*sales personnel*), *endorsements* (sokongan) mahupun jenama atau *brand* bagi pelbagai produk. Selebriti juga boleh menjadi pengeluar sekaligus sebagai komoditi atas produk dan dirinya sendiri untuk menghasilkan keuntungan.

Daripada semua manfaat selebriti yang dimiliki dan yang diperolehi, terdapat satu manfaat yang paling relevan bagi kuasa insaniah adalah kemampuannya dalam menghasilkan pengikut. Seperti yang dibincangkan oleh Richard Schicke (2000), bahawa selebriti memiliki kemampuan, walaupun melalui bantuan media, dalam mewujudkan interaksi atau hubungan dalam masyarakat, tidak tulen, ilusi kemesraan dan rasa memiliki antara peminat atau konsumen dengan selebriti, sehingga kesetiaan dan kesukarelaan mereka boleh dipercayai. Dengan kata lain, selebriti mampu menghasilkan peminat (*fans*) atau pengikut yang setia dan fanatik yang berguna bagi kepentingan dan keuntungan negara asal selebriti. Oleh sebab itu, selebriti menjadi pelaku penting dan boleh dimanfaatkan untuk melaksanakan diplomasi awam atau diplomasi selebriti untuk tujuan di luar kepentingan dirinya sendiri kepada tujuan-tujuan yang lebih besar, baik dari negara asal mahupun kemanusiaan global.

Untuk terpilih menjadi pelaksana diplomasi selebriti, seseorang harus memenuhi syarat sebagai selebriti terlebih dahulu. Antara syarat tersebut, seperti

yang disusun oleh Leslie, iaitu: 1) memimpin kehidupan masyarakat awam dan bekerja atau melakukan aktiviti di kalangan masyarakat awam; 2) telah memiliki pencapaian atau prestasi yang bererti dan penting bagi masyarakat awam pada umumnya; 3) dikenali dan terkenal kerana pencapaian-pencapaian yang ditunjukkan; 4) berusaha dengan pelbagai cara untuk secara teratur dan berterusan dilihat dan didengar sebagai individu yang dikenali dan terkenal; 5) sering dapat dilihat (*visible*) pada atau dalam media; dan 6) berhubungan dengan masyarakat awam pada suatu aras ketidaksedaran, membina impian dan keinginan-keinginan mereka (Leslie. 2011: 17). Gabler (2000) juga mengemukakan beberapa syarat, iaitu: 1) harus nampak menawan dalam penampilan; 2) pertubuhannya dengan naratif selebriti lain; meminjam naratif atau naratif tokoh popular (kisah pencapaian atau tokoh populariti); 3) membuat naratif sensasi (*plotdriven*) yang menempatkan dirinya sebagai pusat perhatian media awam, atau mengeksploitasi status selebritinya dalam cerita baru atau media lain. Selain itu, John Street mengemukakan beberapa syarat lain, seperti: 1) menggunakan pendekatan mendekatkan diri dengan selebriti tanah hiburan atau bintang terkenal untuk mengangkat namanya sendiri; 2) mengeksploitasi landasan atau format bukan-tradisional untuk promosi diri; 3) mengamalkan teknik-teknik dan keahlian 'marketing' selebriti; 4) menggunakan status selebriti yang dimiliki dan medium liputan untuk menyuarakan perhatiannya terhadap masyarakat awam dan mendapat perhatian awam sebagai justifikasi tuntutan. Dengan kata lain adalah kemampuan untuk membentuk tuntutan ke atas penyampaian yang dilakukan dari orang lain (John Street. 2004: 437, 438, 442).

Namun, terdapat syarat yang lebih penting, yang dengannya kuasa insaniah akan lebih mantap dalam memperoleh kejayaan terutama ketika budaya selebriti berlaku sebagai norma dalam kehidupan politik dunia. Syarat tersebut merupakan kemampuan dalam menonjolkan aura karismatik atau persona kuasa bintang sebagai imej-imej yang dimiliki. Karisma menurut Max Weber merupakan kurnia atau bakat semula jadi (*given*) (1947; 1964) yang boleh membuat pihak lain terpesona dan terperangkap dalam kehendak yang memiliki karisma (Peter. 2009). Di luar dari kepercayaan bahawa seseorang memiliki karisma semula jadi, karisma juga boleh diuruskan. Pengurusan karisma melalui pelbagai penampilan yang menarik dan berkesan di depan khalayak yang dirai dalam suatu media atau medium penyampaian mahupun dalam kegiatan yang mengandungi nilai-nilai kualiti sosial dan politik yang positif. Nilai-nilai positif bintang yang hendak ditunjukkan menjadi kesan adalah imej-imej. Imej-imej bintang yang dikenakan seseorang selebriti akan menjadi kuasa yang harus dipelihara untuk kelangsungan untuk tetap berkuasa.

2.4.5.2.2. Imej-imej Selebriti dan Kuasa Bintang

Kuasa bintang merupakan kuasa tertinggi selebriti yang mengandungi imej-imej yang khas yang boleh diperoleh melalui suatu proses dalam memenuhi syarat untuk menjadi selebriti seperti yang telah dijelaskan dan kemudiannya mempertahankan imej tersebut. Imej-imej kuasa bintang ini, seperti yang dikemukakan oleh Rojek, ialah: *elevation* (peningkatan), *magic* (karisma), dan *immortality* (keabadian) (Rojek: 74-78).

Imej *elevation* merujuk kepada proses sosial dan budaya yang dibuat untuk mewujudkan dan mengangkat tahap selebriti untuk lebih daripada masyarakat awam yang lain. Selain kekayaan dan kemewahan yang dimiliki, simbol-simbol kejayaan dan kehormatan di dalam pasaran masyarakat dan diakui adalah penting untuk diperoleh, dipertunjukkan dan dipertahankan sebagai selebriti yang signifikan.

Imej *magic* merupakan gambaran kemampuan selebriti dalam melakukan pelbagai strategi helah dan usaha atau menjalankan kegiatan untuk menegaskan dan mengukuhkan kuasanya. Selebriti diharapkan supaya dapat mempamerkan prestasi yang menakjubkan dan luar biasa dalam bidang yang diceburi.

Imej *immortality* (keabadian) merupakan gambaran model budaya diri selebriti yang dihormati sepanjang masa. Aura atau energi kuasa bintang dan ikutan selebriti terus-menerus dihasilkan dan diterbitkan semula oleh pihak media massa, pengikut dan para penggemar sendiri dan juga oleh selebriti di dalam hubungan *para-social interaction* (interaksi para-sosial).

Selebriti pelaksana diplomasi boleh memanfaatkan kuasa bintang yang dimiliki sebagai strategi untuk menarik perhatian masyarakat sasaran untuk menyukai dan berpihak kepadanya dalam memberi sokongan kepada misi-misi diplomatik yang dilaksanakan sekaligus untuk memperkukuhkan kuasa bintang yang dimiliki. Dengan demikian, selebriti diplomat yang mewakili negara dapat memberikan sumbangan yang signifikan lebih daripada yang boleh diberikan oleh diplomat bukan selebriti. Kesannya negara yang diwakili oleh diplomat selebriti

dapat memanfaatkan kuasa bintang tersebut untuk tujuan dan kepentingan selanjutnya.

Namun, tidak semua selebriti sebagai pelaku diplomasi negara boleh melakukan perkara sebagaimana yang dilakukan oleh selebriti diplomat yang merangkap sebagai seorang pemimpin politik atau ketua negara dalam sesebuah negara. Pemimpin negara yang mempunyai kualiti selebriti dengan kuasa bintang boleh dijadikan diplomat selebriti dan dimanfaatkan sebagai sumber sekaligus sebagai aset penting negara dalam memperjuangkan kuasa insaniah di peringkat antarabangsa.

2.4.5.3. Pemimpin Selebriti

Pemimpin boleh ditakrifkan sebagai suatu kedudukan apabila seseorang mempunyai kemampuan memimpin atau mengarahkan suatu kumpulan manusia. Pemimpin selalu berada di depan yang diikuti oleh pengikutnya dibelakang. Oleh sebab itu, pemimpin harus menjadi contoh, model, dan ikutan yang boleh diteladani oleh pengikutnya. Kepemimpinan pula merupakan suatu proses yang sangat bergantung kepada keinginan para pengikutnya untuk bergerak ke arah tujuan yang telah dirancang oleh pemimpin. Walaupun pemimpin tidak harus selalu memberikan arahan secara jelas kepada pengikutnya, namun sebaliknya pemimpin seharusnya boleh berbuat sedemikian agar pengikutnya boleh melakukan sesuatu perkara dengan sendirinya dan suka rela di atas perkara yang diarahkan oleh pemimpin. Oleh itu pemimpin harus memenuhi kriteria kualiti kepemimpinan yang sesuai dengan kriteria awam. Lebih dari itu, pemimpin harus

juga menjadikan dirinya sebagai sumber perhatian masyarakat lebih daripada sekadar sebagai seorang pemimpin tetapi sebagai seorang bintang yang disukai ramai, diinginkan dan diharapkan kemunculan dan kehadirannya di khalayak ramai. Keadaan ini menyebabkan pemimpin memerlukan strategi tersendiri yang boleh diambil daripada cara seseorang selebriti dalam mengukuh dan mengekalkan kedudukannya sebagai selebriti dan kuasa bintangnya.

Dengan menggunakan strategi ini, pemimpin yang kemudian berperanan sebagai selebriti, secara teori ahli-ahli akademik menamakan pemimpin ini sebagai ‘pemimpin selebriti’, atau *celebrity in-chief*, atau *celebrity politician* dan juga diplomat selebriti. Pemimpin selebriti kemudian harus melakukan usaha, seperti yang biasa dilakukan oleh selebriti lain dalam mengukuh dan mengekalkan kuasa bintangnya. Caranya adalah dengan memperkasakan imej-imej selebriti iaitu *elevation*, *magic* dan *immortality* bersama dengan nilai-nilai 3B dan nilai-nilai khasnya sendiri jika ada, ke dalam pelbagai naratif-naratif yang dipamerkan di hadapan awam dan pengikut melalui media dan medium yang menarik perhatian secara berterusan.

Pemimpin selebriti dipilih melalui proses pilihan raya oleh rakyat kerana telah mampu menunjukkan dirinya sebagai orang yang diperlukan oleh pengundi. Keinginan pengundi adalah juga keinginan konsumen dalam budaya selebriti dan budaya industri kapitalis yang boleh diubah sesuai dengan perkembangan pasaran. Namun dalam perkara ini pasaran kapitalis bukan sahaja telah mengubah wajah awam selebriti menjadi komoditi yang diinginkan konsumen, bahkan juga telah mengaitkannya dengan sentimen-sentimen yang diwujudkan oleh pasaran. Oleh

sebab itu, selebriti telah menjadi objek yang diinginkan dan objek keinginan sentimen manusia. Oleh yang demikian, selebriti mempermanusiakan proses penggunaan komoditi bagi konsumen yang ingin memiliki selebriti. Sebagai komoditi selebriti yang diinginkan, ia harus harus boleh memenuhi dan memastikan segala hasrat dan sentimen konsumen dapat dicapai.

Di pihak pemimpin selebriti, menjadi seseorang yang diharapkan dan diinginkan oleh para konsumen atau pengundi adalah penting sebagai bentuk legitimasi dan kepercayaan awam di dalam sistem politik demokrasi. Menjadi pemimpin negara merupakan kedudukan strategik tertinggi dalam membolehkan tersalurnya naluri kepimpinan dan wujudnya obsesi terpendam bukan sahaja bagi kepentingan dirinya sendiri tetapi bagi masyarakat yang dipimpinnya. Oleh sebab itu, memenangi pilihan masyarakat yang memihak kepadanya merupakan suatu yang harus diusahakan.

Seiring sebagai objek yang diperlukan sekaligus sebagai komoditi yang disukai oleh masyarakat pengundi atau konsumen, pemimpin selebriti harus berusaha untuk mempamerkan daya tarikan. Dalam perkara ini, daya tarikan pemimpin tidak hanya dari segi fizikal tetapi juga tarikan dari segi peluang dan kemampuan dia dalam mewakili segala pencapaian hasrat dan sentimen masyarakat, pemilih atau konsumen. Apabila hasrat yang diperlukan dapat dipenuhi, mereka akan menjadi pelanggan atau pengikut yang setia dan bergantung kepada pemimpin selebriti. Hubungan kemesraan yang dibayangkan antara pemimpin selebriti dan masyarakat oleh Rojek disebut sebagai *para-social relationship* (perhubungan para-sosial) (Rojek: 52). Hubungan ini tercipta dari

media atau medium perwakilan diri pemimpin selebriti berbanding oleh bentuk fizikal sebenar. *Para-social relationship* ini menjadi aspek penting dalam mendapatkan pengiktirafan atau pengakuan (*recognition*), dan kekitaan (*belonging*). Sementara selebriti menawarkan ikrar-ikrar yang sangat kuat akan kekitaan, pengakuan dan makna di tengah-tengah kehidupan masyarakat yang mungkin kurang atau tidak memuaskan. Pemimpin selebriti dengan bantuan media massa mewujudkan diri melalui medium perwakilan dirinya dengan imej-imej yang mendekatkan dirinya dengan khalayak ramai dan melayani jangkaan mereka. Apabila berjaya, pemimpin selebriti menjadi model yang diikuti, diidolakan dan juga dibudayakan. Bagi pemimpin selebriti sendiri, hubungan seperti ini perlu dan penting dipelihara untuk menjaga kesinambungan legitimasi dan sokongan. Oleh sebab itu, daya tarikan imej-imej pemimpin selebriti yang ditunjukkan melalui media atau medium lain kepada khalayak menjadi kewajipan sosial dan politik bersama yang harus dihasilkan dan diterbitkan semula secara berterusan.

Pada peringkat antarabangsa, dalam menghadapi persaingan antara pemimpin selebriti dari negara-negara di suatu kawasan yang saling berjuang dalam masyarakat awam untuk pelbagai bangsa dan negara bagi wujudnya *parasocial interaction* yang menyokong kemenangannya akan bergantung pada bagaimana cara pemimpin selebriti sebagai diplomat menampilkan imej-imej kuasa bintang melalui media atau medium penyampaian seperti yang telah dijelaskan di atas.

2.5 Rumusan

Sesebuah negara di dalam arena persaingan kuasa insaniah di kawasan yang secara relatif mempunyai persamaan, harus mengendalikan dan menunjukkan sumber-sumber kuasa yang berbeza dan khas untuk memiliki hati dan minda masyarakat walaupun melintasi sempadan negara tanpa menggunakan kekerasan dan paksaan bagi terbentuknya *para-social relationship* yang bermanfaat dan setia. Semua sumber yang dipunyai, iaitu budaya, nilai-nilai politik, dasar-dasar luar dan pemimpin digunakan dan diperkasa bersama dengan nilai-nilai 3B sebagai *currency* ke dalam pelbagai media dan medium perwakilan dan kemudian dibentangkan secara menarik di hadapan khalayak di dalam mahupun di luar negara.

Pembentangan sebagai salah satu jenis diplomasi awam dan diplomasi selebriti adalah instrumen kuasa insaniah yang dilaksanakan oleh negara melalui diplomat atau pemimpin sebagai perwakilan. Diplomasi selebriti atau politik selebriti dilaksanakan oleh diplomat selebriti mahupun pemimpin selebriti. Pemimpin selebriti yang bertugas sebagai pelaksana diplomasi selebriti perlu memiliki kualiti kepemimpinan mahupun kualiti selebriti yang membawa nilai-nilai atau imej-imej kuasa bintang. Para pengikut atau peminat yang tertarik bersama pemimpin selebriti kemudiannya akan mengembangkan hubungan *parasocial* yang bertujuan untuk mengukuhkan dan mengekalkan kuasa insaniah negara.

BAB 3

MALAYSIA DAN KUASA INSANIAH NEGARA-NEGARA DI RANTAU ASIA TENGGARA

3.1. Pengenalan

Bab ini memberikan jawapan untuk soalan pertama penyelidikan ini, iaitu bagaimana kuasa insaniah diwujudkan di sesetengah negara di rantau Asia Tenggara ketika Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sedang membina kuasa insaniahnya. Konsep kuasa insaniah dirujuk sebagai salah satu komponen dasar negara yang paling penting berasaskan pada daya tarikan dan rayuan, berlawanan dengan paksaan dan anjuran sama ada kekuatan tentera atau ekonomi. Dalam pada itu, kuasa pada amnya dan kuasa insaniah negara khususnya, merupakan konsep yang agak sensitif kepada struktur antarabangsa di mana kuasa-kuasa tersebut digunakan. Oleh sebab itu, struktur serantau yang terdekat dengan negara tersebut adalah penting dan menjadi tumpuan sekaligus menjadi kawasan percubaan bagi suatu negara memperoleh legitimasi atas kuasa, khususnya kuasa insaniah. Kesahihan yang diperoleh kemudian menjadi reputasi yang akan membawa negara untuk menjangkau daerah kuasa yang lebih luas di kawasan luar serantau. Walaupun begitu, hal yang sebaliknya boleh berlaku, iaitu gaya kuasa insaniah negara di luar rantau boleh mempengaruhi perolehan legitimasi dari rantau terdekatnya. Akan tetapi kuasa insaniah negara serantau lain turut mempunyai peluang yang sama dalam struktur serantau, dan ketika kuasa

insaniah daripada negara-negara besar dari luar serantau turut bersaing pengaruh dalam serantau, maka pertimbangan dan perhatian mendalam terhadap keadaan serantau terdekat tetap tidak boleh diabaikan.

Bab ini akan membincangkan tentang kuasa-kuasa insaniah negara-negara serantau Asia Tenggara dan beberapa kuasa insaniah negara besar di luar serantau Asia Tenggara yang mengunjurkan kuasa insaniahnya ke dalam serantau tersebut. Negara-negara Asia Tenggara yang difokuskan adalah Singapura, Indonesia, Thailand, dan Brunei Darusalam sebagai negara yang berdekatan secara geografi dengan Malaysia. Manakala negara besar lain dari luar Asia Tenggara iaitu negara Amerika Syarikat, Jepun, dan China. Tujuannya adalah untuk memperoleh penjelasan daripada konteks Asia Tenggara yang berlaku apabila kuasa insaniah Malaysia yang dibangunkan khusus untuk menghadapi cabaran dari projek-projek kuasa insaniah negara-negara tersebut. Potensi kuasa insaniah daripada sesetengah negara di rantau Asia Tenggara itu akan ditinjau dari tiga sumber seperti yang diajukan oleh Nye. Sumber-sumber tersebut adalah budaya yang menarik kepada orang lain, nilai-nilai politik yang dianuti di dalam dan di luar negara, dan dasar-dasar luar yang dilihat mempunyai legitimasi dan moral.

3.2. Erti Penting Serantau Asia Tenggara

Asia Tenggara merupakan sebuah kawasan di tenggara benua Asia. Kawasan ini termasuk Indochina dan Semenanjung Malaysia serta kepulauan di sekitarnya. Asia Tenggara bersempadan dengan Republik Rakyat China di sebelah Utara,

Lautan Pasifik di Timur, Lautan Hindi di Selatan, dan Lautan Hindi, Teluk Bengal, dan anak benua India di Barat. Asia Tenggara disusun dalam dua kumpulan: Asia Tenggara Benua (ATB) dan Asia Tenggara Maritim (ATM). Walaupun ada bahagian yang bersambung ke benua Asia, Malaysia dimasukkan ke dalam ATM kerana alasan budaya.

Asia Tenggara merupakan kawasan yang sangat beruntung kerana semua kawasannya dianggap strategik. Kedudukan Asia Tenggara tepat di persimpangan antara kebanyakan industri, teknologi dan kekuatan tentera di Asia Timur laut ke utara, sub-benua dan sumber-sumber minyak di Timur Tengah ke Timur, dan Australia ke selatan. Secara ekonomi, Asia Tenggara merupakan bahagian perniagaan dengan mempunyai kekuatan yang tinggi dari negara Jepun, Korea, Taiwan, dan Australia, termasuk import minyak, *transit Sea-lanes of Communications* (SLOCs) (transit laut untuk lorong komunikasi) negara-negara tersebut di Asia Tenggara. Dilihat dari aspek tentera, pergerakan Angkatan Bersenjata Amerika Syarikat dari Pasifik Barat ke Lautan Hindi dan Teluk Parsi memerlukan jalur laut Asia Tenggara untuk dilayari dengan aman. Dengan jumlah penduduk yang sangat besar, Asia Tenggara merupakan pasaran yang luas tidak hanya untuk produk tetapi juga bagi industri perkhidmatan. Asia Tenggara adalah rakan eksport dan import bagi negara-negara lain dari luar kawasannya.

Negara-negara yang termasuk dalam rantau ini ialah Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Philipina, Brunei Darusalam, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja dan Timor Leste. Semua negara tersebut menjadi ahli pertubuhan yang bernama *Association of South East Asian Nations Countries* (ASEAN). Timor

Leste merupakan negara terakhir mengajukan diri untuk menjadi anggota ASEAN. Negara-negara ini pada umumnya sedang membangun yang bergantung pada sumber bahan mentah, pertanian, dan barangan industri. Bagaimanapun negara-negara Asia Tenggara ini dalam pertumbuhan ekonomi mereka sangat memerlukan pelaburan asing untuk menjalankan pelbagai program peningkatan hidup sosial, ekonomi, pendidikan dan pengurangan kemiskinan. Jumlah penduduk yang besar, keadaan sosial budaya yang berbeza, sistem pemerintahan yang cenderung lemah, serta krisis ekonomi yang masih belum pulih, adalah gambaran keadaan sebenar yang dialami sebahagian besar negara Asia Tenggara, secara tidak langsung memberi kesan kepada kepentingan-kepentingan negara-negara lain di luar kawasan.

3.3. Kuasa Insaniah Negara-Negara Di Asia Tenggara

3.3.1. Indonesia

Indonesia merupakan negara yang mempunyai wilayah terbesar di Asia Tenggara. Kedudukan yang strategik di antara dua benua dan dua samudera telah menjadikan Indonesia dan kestabilannya sangat penting bagi keselamatan dan keamanan pelayaran antarabangsa.

Penduduk Indonesia berjumlah keempat terbesar di dunia dan terbanyak di Asia Tenggara. Selain itu, Indonesia adalah negara yang terbanyak penduduknya di dunia yang menganut agama Islam. Akan tetapi, Indonesia sendiri bukan negara Islam secara rasmi, melainkan negara yang berbilang kaum dan sekular.

Dengan jumlah yang besar dan corak yang khas ini penduduk Indonesia diambilkira sebagai sumber kuasa insaniah yang ketara.

Indonesia diberkati dengan sumber asli yang melimpah dalam sektor pertanian (beras, kopi, cengkih, rempah, kayu, rotan), perlombongan (minyak, gas, arang batu), dan perikanan marin, yang telah menjadi komoditi ekport yang dipercayai. Kelebihan ini menjadikan Indonesia sebagai sebuah negara yang menarik bagi negara-negara asing, dan menjalin hubungan ekonomi dan politik dengan Indonesia yang menyumbang kepada pembangunan Indonesia selepas kemerdekaan.

Sejak merdeka pada tahun 1945 seluruh rakyat Indonesia diikat oleh nilai-nilai politik yang berasaskan Pancasila¹. Nilai-nilai Pancasila merupakan nilai-nilai dan cara hidup orang dan budaya asli Indonesia. Oleh sebab itu, Pancasila bercorak ke-Indonesiaan, dan agak berbeza atau tidak sama dengan nilai-nilai Asia (*Asian Values*) yang kebanyakan diusung oleh negara-negara Asia atau Asia Tenggara yang lain. Pada era kepemimpinan Soeharto, Pancasila benar-benar digalakkan dan dikawal untuk diterapkan secara konsisten dalam kehidupan bernegara dan kehidupan harian oleh rakyatnya. Pancasila sebagai dasar ideologi di Indonesia terbukti kuat (terutama semasa kepemimpinan Soeharto) tidak hanya dalam menjalin perpaduan kepelbagaian dan kemajmukan yang ada, tetapi juga mengaburkan segala perbezaan di bawah semboyan *Bhineka Tunggal Ika*.

¹ Pancasila iaitu: kepercayaan akan adanya Tuhan bersama, kemanusiaan yang adil dan beradab, semangat nasionalisme dengan semboyan *bhineka tunggal ika*, demokrasi yang dipimpin, dan keadilan sosial bagi seluruh rakyat.

Keampuhan nilai-nilai Pancasila ini telah memberi inspirasi kepada negara-negara lain.

Nilai-nilai Pancasila yang wujud dalam budaya boleh dilihat dari kegiatan pembangunan negara Indonesia yang diarahkan untuk memaparkan karya-karya dan perilaku yang mencerminkan budaya Indonesia yang kreatif, bersahabat dan unggul. Pembangunan Indonesia pada era Orde Baru (era kepemimpinan Presiden Soeharto) diarahkan untuk mewujudkan kestabilan negara dari segi ekonomi dan politik, kesejahteraan rakyat dan penyelesaian hutang-hutang luar negeri. Instrumen yang sering digunakan ialah pelaburan swasta, diplomasi untuk bantuan dan sokongan asing, perdagangan bebas, kekuatan tentera dan daya tahan serantau. Pembangunan negara kemudian berjalan stabil dan mencapai kemajuan ekonomi dan infrastruktur. Indonesia bahkan berjaya dari pengimport beras terbesar di dunia menjadi negara yang boleh mengamalkan hidup sara diri.

Indonesia adalah negara aktif dan penting serantau dan global berasaskan dasar luar 'bebas dan aktif' dalam melaksanakan ketenteraman dunia berasaskan kebebasan, perdamaian abadi, dan keadilan sosial.² Penerapan dasar bebas aktif pada masa Orde Baru berbeza dari yang telah dilakukan oleh pendahulunya, iaitu pemerintahan Presiden Soekarno. Pada tahun 1965 hingga 1980-an, politik luar negeri Indonesia cenderung bersifat *low profile* (merendah diri) dan dasar luar yang cenderung bersahabat, dengan imej-imej negara yang boleh dipercayai. Dimulai dengan menandatangani persetujuan pemulihan hubungan Indonesia-

² Bebas artinya adalah Indonesia tidak memihak pada kekuatan-kekuatan yang pada dasarnya tidak sesuai dengan keperibadian bangsa yang dicerminkan dalam falsafah Pancasila. Aktif, berarti tidak hanya diam dalam menghadapi masalah antarabangsa sesuai dengan komitmen, aktif menghapuskan penjajahan di dunia, menciptakan keamanan dunia, dan menegakkan keadilan dalam dunia antarabangsa.

Malaysia pada 11 Ogos 1966 di Jakarta. Kemudian disambung dengan aktifnya kembali keahlian Indonesia di PBBB dan pemberian cadangan tentang pembentukan sebuah hubungan persahabatan di antara negara-negara di Asia Tenggara dalam sebuah forum kerjasama bernama ASEAN. Pembaikan hubungan luar negeri Indonesia terutama dengan pihak Barat (seperti: Amerika Syarikat, negara-negara maju Eropah Barat, dan lain) yang boleh menyokong pembangunan ekonomi negara dipertingkatkan. Tetapi pada sudut lain, Indonesia membekukan hubungan dengan negara-negara komunis terutama China berkaitan dengan peristiwa G 30 S PKI. Walaupun demikian, pada tahun 1990, Indonesia membuka kembali hubungan dengan China kerana alasan ekonomi dan kestabilan negara dari segi ekonomi serta politik.

Hasil dari semua itu, pada pertengahan tahun 1980-an menjadi saat dimana Indonesia berjaya menjadi negara dengan pertumbuhan ekonomi yang tinggi di kawasan Asia Tenggara, yang dikenali sebagai *the next asian tiger* dalam pembangunan ekonomi. Disebabkan oleh imej dan bukti Indonesia sebagai negara yang stabil secara ekonomi dan politik, dan sebagai negara yang bersahabat dan tidak membuat pertembungan, serta berjaya memulakan dan memimpin ASEAN, sejumlah prestasi diraih oleh Indonesia berkaitan dengan dasar luar, antara lain sebagai ketua Organisasi Konferensi Islam (OKI), ketua Gerakan Negara-Negara Berkecuali (Non Alignment Movement/NAM) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Indonesia pada era kepemimpinan Presiden Soeharto yang disebut dengan Orde Baru (1968-1998), menunjukkan kuasa insaniah yang berkesan di kawasan

Asia Tenggara. Faktor kepemimpinan Orde Baru dan imej tokoh Soeharto sangat menonjol. Gaya kepemimpinan Presiden Soeharto sangat berpusat dan banyak mengerahkan tentera sebagai barisan utama, sehingga membawa kepada sistem kenegaraan yang cenderung authoritarian dan berpusat. Ciri-ciri yang tegas dan berkarisma membuat Soeharto disegani dan dihormati oleh para negarawan antarabangsa, khususnya di Asia Tenggara. Selain itu, di dunia antarabangsa, terutama di Dunia Barat, Soeharto mempunyai sebutan popular, iaitu "*The Smiling General*" kerana selalu kelihatan tersenyum di hadapan awam. Kerana berjaya dalam membina negaranya, terutama dalam menekan lajunya angka kelahiran, beliau dianugerahi penghargaan UN *Population Award* di New York pada 8 Jun 1989. Di dalam negara, Soeharto dianugerahi gelaran "Bapak Pembangunan" kerana berjaya memimpin pembangunan negaranya. Soeharto makin hormati manakala berjaya mengangkat maruah bangsa Indonesia di latar ekonomi Asia. Di ASEAN, Soeharto dianggap berjasa kerana turut mengembangkan organisasi serantau sehingga diambil kira di dunia. Robert Edward Elson (2001) menulis, bahawa Soeharto adalah tokoh yang amat penting selama abad ke-20 di Asia.

3.3.2. Singapura

Kuasa insaniah Singapura yang dibina sejak zaman kepemimpinan Lee Kuan Yew adalah unik. Nama rasmi Singapura adalah Republik Singapura dan merupakan negara pulau yang berwilayah terhad di Asia Tenggara. Terletak di Selatan Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan selat kecil dengan negeri Johor. Oleh kerana kedudukannya hampir dengan pelbagai laluan perdagangan

laut dan udara, telah menjadikan Singapura sebagai hub pengangkutan antarabangsa di Asia, dan merupakan salah sebuah pelabuhan yang paling sibuk di dunia. Bank Dunia meletakkan Singapura pada peringkat hub logistik teratas dunia.

Selain kurangnya sumber bumi, jumlah penduduk Singapura juga kecil. Namun, dari sudut kepadatannya negara ini menduduki peringkat ke dua selepas Monaco (United Nations, Departement of Economic and Social Affairs. <http://esa.un.org/unpd/wpp/Excel-Data/population.htm>). Kebanyakan penduduknya adalah bekas pendatang dari pelbagai keturunan bangsa dan etnik, seperti: Cina, Melayu, India dan pelbagai keturunan Asia dan lainnya yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi budaya Singapura.

Secara formal negara Singapura merupakan negara republik dengan sistem pemerintahan berasaskan demokrasi berparlimen. Akan tetapi sistem politik Singapura sangat terpengaruh oleh nilai-nilai tempatan (*Asia values*) yang diajarkan oleh Lee Kuan Yew. Nilai-nilai Asia versi Singapura ialah: mengutamakan bangsa, kumpulan dan masyarakat dari segi peribadi; keluarga sebagai unit paling asas dari masyarakat; penghormatan dan sokongan kumpulan terhadap individu, sepakat tanpa pergaduhan; dan harmoni perkauman dan agama. Selain itu, pentadbiran Singapura juga dilandasi antara lain oleh asas-asas kepemimpinan, pragmatisme, jangkaan perubahan dan tetap relevan; pentadbiran yang baik, meritokrasi, kepelbagaian budaya; dan peluang yang sama rata. Nilai-nilai atau asas-asas ini wujud dalam budaya yang berlaku di Singapura.

Lee Kuan Yew juga memperjuangkan strategi pembangunan ekonomi yang ternyata berjaya dan menakjubkan. Singapura pada awalnya melaksanakan strategi penggantian import, kemudian beralih menghasilkan barangan perkilangan untuk ekport sebelum muncul sebagai negara yang paling moden di Asia Tenggara. Pembangunan fizikal bandar Singapura yang diperlihatkan tidak hanya mencerminkan masyarakat pelbagai budaya tetapi juga semakin bersifat global, bahkan sebagai kosmopolitan. Singapura terbina sebagai kota pelbagai tujuan dan hub, seperti: perniagaan, tempat bekerja, pelancongan, belanja, perubatan dan kesihatan, serta kesenian dan kelonggaran yang menyenangkan, lengkap, megah dan terkenal. Dilengkapi dengan kemudahan pengangkutan dan penginapan bertaraf dunia. Dalam hal pendidikan tinggi, Singapura menyediakan universiti-universiti penyelidikan berkelas dunia. Dengan pembangunan yang dibangunkan Singapura telah berjaya menyediakan kesejahteraan buat rakyatnya dan berkembang dari negara golongan Dunia Ketiga menjadi salah satu negara maju di dunia yang terkenal. Singapura akhirnya menjadi salah satu Empat Harimau Asia bersama dengan Korea Selatan, Hong Kong, dan Taiwan.

Untuk mengatasi kedudukan geografi yang lemah, Singapura merasa perlu untuk mendapatkan kawalan keselamatan dari pihak yang lebih kuat. Oleh itu, Singapura bekerjasama dengan Amerika Syarikat dan negara-negara yang termasuk dalam *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) untuk mengawal di sekitar Singapura, termasuk Selat Melaka. Kapal tentera Amerika Syarikat kemudian menjadikan Singapura sebagai pangkalan untuk berehat, mengisi minyak dan membaiki kapal sambil mengawal di sekitar kawasan tersebut.

Kehadiran Amerika Syarikat dilihat oleh negara-negara serantau lain sebagai cubaan memperluas hegemoni Amerika Syarikat di Asia Tenggara.

Dalam bidang politik dan perdagangan antarabangsa, Singapura melakukan hubungan diplomatik dengan banyak negara secara dua hala mahupun banyak hala. Singapura turut serta menyertai NAM dan terlibat aktif dalam PBB, pertubuhan ASEAN, APEC, Asean Regional Forum (ARF), Asia-Europe Meeting (ASEM), The World Trade Organization (WTO), East Asia Community (EAC) dan organisasi-organisasi antarabangsa serantau yang lain. Singapura adalah salah satu negara pertama yang membuka kembali hubungan dengan Rakyat China pada tahun 1978. Menjaga hubungan baik dengan Malaysia dan Indonesia merupakan perkara penting yang diamalkan Singapura kerana keadaan geografi yang bersilang. Singapura kerap menyediakan bantuan kemanusiaan ke negara lain serantau dan menjalankan tugas penjagaan perdamaian dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kegiatan Singapura di peringkat antarabangsa juga merupakan sebahagian daripada strategi kuasa insaniah Singapura untuk mempamerkan imej warganegara dunia yang baik dalam masyarakat negara antarabangsa.

Faktor berkarisma dan gaya kepemimpinan yang bercorak authoritarian-rasional daripada Lee Kuan Yew sebagai seorang Perdana Menteri pertama (1959 hingga 1990) berpengaruh terhadap sistem politik dan kestabilan ekonomi di Singapura. Kepimpinan beliau dapat menyingkirkan komunisme, menyatukan pelbagai etnik, menegakkan undang-undang, membina pemerintahan yang bersih,

menyusun angkatan bersenjata, dan melengkapi segala fasiliti bertaraf dunia bagi pelancong dan pelabur (From Third World To First, The Singapore Story: 1965-2000). Selepas bersara, Lee Kuan Yew tetap dihormati dan diperlukan, malah beliau turut mendapat status baru ekoran jasa beliau yang diperlukan, iaitu sebagai Menteri Senior, dan kemudian menjadi Menteri Penasihat.

3.3.3. Thailand

Kerajaan Thailand atau juga dikenali sebagai Muang Thai atau Siam atau negara Gajah Putih merupakan sebuah negara di Asia Tenggara yang bersempadan dengan Malaysia, Myanmar, dan Laos, Kamboja. Thailand dipimpin oleh Raja sebagai ketua negara yang mempunyai sedikit kekuasaan secara langsung di bawah perlembagaan. Raja menjadi pelindung agama Budha dan lambang identiti dan perpaduan bangsa Kerajaan Thailand. Raja melantik Perdana Menteri, yang biasanya adalah pemimpin parti majoriti di parlimen, sebagai ketua pemerintahan. Perdana Menteri bertugas mengikut tempoh yang ditetapkan atau digulingkan melalui rampasan kuasa. Tentera memainkan peranan yang cukup signifikan dalam politik negara ini.

Penduduk di Thailand terdiri daripada pelbagai etnik Thai, Laos, Melayu, Cina, Mon, Khmer dan beberapa etnik yang lain. Oleh kerana majoriti penduduknya memeluk agama Budha beraliran Theravada, maka nilai-nilai politik atau ideologi yang berlaku di Kerajaan Thailand secara tradisional juga dipengaruhi oleh nilai-nilai Buddhis, nilai-nilai kerajaan, dan nilai-nilai yang lain.

Budaya tradisional Thai lebih bercorak Buddhis, yang boleh dilihat dari kuil-kuil yang indah dan megah sebagai tempat untuk beribadat bagi kaum Budha. Kuil-kuil ini juga merupakan objek menarik bagi pelancongan. Selain itu, objek lain yang menarik seperti pelbagai hiburan untuk orang dewasa dan makanan khas Thailand. Sejenis seni atau sukan yang disebut Muay Thai pernah diminati ramai di seluruh dunia. Sektor pelancongan telah menjadi industri perkhidmatan yang paling penting bagi ekonomi dan kemajuan Kerajaan Thai terutama kepada kewujudan peluang kerja, pengagihan pendapatan dan pemasukan pertukaran asing dan lain-lain. Hasil kejayaan Thailand ditunjukkan dari kemampuannya dalam menjadi tuan rumah acara pertandingan sukan serantau untuk beberapa kali, iaitu Southeast Asian Games.

Thailand merupakan negara pengeksport beras terbesar di dunia, getah alam, dan hasil pertanian lain. Thailand juga telah membina industri pembuatan automobil, elektronik, petrokimia, perlombongan dan minyak. Kejayaan pembinaan sektor ekonomi dan budaya ini telah menjadikan Thailand sebagai salah satu '*litte dragon*' Asia (Arne Kislenko. 2002).

Dalam sejarah, politik luar negeri Thailand kerap diistilahkan sebagai "pokok buluh di antara angin" ("*bamboo in the wins*") kerana kedudukan geografi yang diapit oleh negara-negara lain, maka corak politik luar negerinya dilihat sebagai berhati-hati, fleksibel, oportunistik, penyesuaian dan pragmatik (Arne Kislenko. 2002). Dengan corak yang demikian, Thailand membina hubungan diplomatiknya dengan negara-negara di dunia terutama dengan negara-negara besar dan negara bukan-komunis serantau Asia Tenggara dalam usaha untuk

memastikan keselamatan, meningkatkan perdagangan, dan menjaga kebebasan nasional. Hubungannya dengan Amerika Syarikat sejak tahun 1945 sangat penting dalam membentuk bangsa Thai yang moden. Thailand yang menjadi “pangkalan” tentera Amerika Syarikat dalam usaha membendung komunis ke Asia mengalami perubahan ekonomi dan sosial yang sangat besar serta mendapat cabaran yang serius dari segi budaya tradisional mahupun hubungannya dengan negara-negara lain di rantau, terutama di Indocina (Barbara Leitch LePoer. 1987). Namun demikian, Thailand komited dalam menyelesaikan masalah dengan negara-negara jiran Indocina (Kamboja, Laos, dan Vietnam) tersebut. Fleksibiliti Thailand dalam dasar luar negeri telah membolehkan negara tersebut mengelak dari penaklukan atau penjajahan oleh kuasa asing. Thailand menjalin hubungan kerjasama antarabangsa dengan negara-negara lain dalam banyak pertubuhan sesuai dengan kepentingannya, seperti: SEATO, ASEAN, Gerakan Non-Blok, dan APEC.

Tokoh yang paling berpengaruh di Thailand sejak tahun 1946 hingga kini adalah Raja Bhumibol Adulyadej. Beliau dikenali sebagai Raja Rama IX dan berkahwin dengan Mom Rajawongse Sirikit Kitiyakara. Beliau sangat dihormati dan dianggap sebagai pemimpin dari segi moral yang dimanfaatkan untuk menyelesaikan krisis politik dalam beberapa peluang. Beliau sangat memberi perhatian ke atas hak dan kesejahteraan petani. Kepemimpinan beliau mendapat tempat di hati rakyat kerana sentuhan-sentuhan peribadi yang ditunjukkan. Beliau gemar akan fotografi dan mengarang atau menterjemah. Beliau juga dikenali sebagai seorang atlit berlayar dan memperolehi pingat emas dalam Asian Games pada tahun 1967 di Manila, Filipina. Kepemimpinan beliau selama 60 tahun di

Thailand menjadikan beliau sebagai raja ketua negara terlama di dunia. Teladan dan integriti Raja Bhumibol perlu diambil contoh.

3.3.4. Brunei Darussalam

Brunei Darussalam atau Brunei, yang bermaksud "Tempat yang Damai" atau "Rumah Keamanan" adalah negara berdaulat di Asia Tenggara yang terletak di pantai utara pulau Kalimantan. Wilayah Brunei dikelilingi oleh wilayah Malaysia, dan terdiri atas dua kawasan yang berasingan, iaitu wilayah barat dan timur. Kawasan sempadan sebelah barat dengan Serawak hingga timur wilayah itu, dan sebelah utara bersempadan dengan Laut China Selatan. Brunei adalah negara kerajaan tertua di antara kerajaan-kerajaan lain di tanah Melayu. Namun Brunei memperoleh kemerdekaan sepenuhnya dari Inggeris pada awal Januari 1984.

Sebagai negara yang mempunyai corak pemerintahan monarki mutlak, Sultan tidak hanya berkhidmat sebagai Ketua Negara dan Ketua Kerajaan, tetapi juga sebagai Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan dengan dibantu oleh Majlis Penasihat Kesultanan dan beberapa Menteri. Sementara itu, parlimen yang ada tidak mempunyai kuasa selain menasihati sultan. Disebabkan oleh pemerintahan mutlak Sultan, Brunei menjadi salah sebuah negara yang paling stabil dari segi politik di Asia.

Ekonomi Brunei Darussalam yang dianggap antara tertinggi di dunia tertumpu pada sektor minyak bumi dan gas alam yang menyumbang kepada pendapatan nasional. Kerajaan Brunei cuba melakukan kepelbagaian sumber

ekonomi melalui usaha peningkatan di bidang perdagangan dan industri, seperti tekstil, makanan dan minuman ringan, serta bahan bangunan. Diuruskan berdasarkan asas campuran keusahawanan dalam negeri dan asing, pengawalan kerajaan, kebajikan masyarakat serta tradisi kampung. Brunei Darussalam hingga kini adalah termasuk dalam klasifikasi sebagai negara maju kerana mempunyai Indeks Pembangunan Manusia tertinggi kedua di Asia Tenggara setelah Singapura. Brunei juga mempunyai produk domestik kasar per kapita terbesar kelima di dunia. Menurut Forbes, Brunei juga negara terkaya kelima dari 182 negara kerana mempunyai ladang minyak bumi dan gas yang luas.

Syariat Islam diterapkan dengan ketegasan di dalam pelaksanaan pemerintahan Kerajaan Brunei Darussalam mahupun kehidupan bermasyarakat. Ditambah dengan ideologi konservatif yang disebut Melayu Islam Beraja (MIB) diperkenalkan di Brunei pada tahun 1991 untuk melengkapi monarki sebagai pembela iman.

Budaya bangsa Brunei mirip dengan budaya Melayu, dengan pengaruh kuat dari Hindu dan Islam, tetapi kelihatan lebih konservatif dibandingkan dengan Malaysia. Kerajaan memberikan perkhidmatan perubatan, subsidi beras dan perumahan bagi rakyatnya. Brunei sedang membina dirinya sebagai pusat perjalanan antarabangsa antara Asia, Eropah dan Australia atau New Zealand. Brunei menyediakan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan secara percuma. Tidak ada cukai peribadi atau cukai syarikat di Brunei.

Hubungan luar yang terpenting adalah dengan negara bekas pentadbirannya, iaitu Inggeris, khususnya dalam menjalin perjanjian pertahanan keamanan Brunei. Selain menjadi ahli ASEAN, Brunei juga ahli Bangsa-bangsa Kamanwel, PBB, dan APEC. Brunei aktif menyumbang ke arah menggalakkan keamanan, keselamatan, kestabilan dan kemakmuran di rantau Asia Tenggara termasuk menyelesaikan secara damai konflik di antara mereka. Seperti konflik Kepulauan Spratly yang melibatkan hampir semua negara ASEAN (kecuali Indonesia, Kamboje, Laos dan Myanmar) dan China. Konflik Brunei dengan Malaysia antara lain dalam masalah sempadan laut yang menghasilkan minyak dan gas bumi; tuntutan Brunei ke atas Limbang, Sarawak, dan ke atas pulau-pulau kecil yang terletak di antara Brunei dan Labuan Malaysia.

Haji Sir Hassan al Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah adalah Sultan ke-29 Kerajaan Brunei Darussalam merangkap sebagai Perdana Menteri, menteri pertahanan dan kewangan Brunei Darussalam. Beliau adalah Jeneral Kehormatan di angkatan bersenjata Inggeris dan Indonesia dan Laksamana Kehormat Armada di Angkatan Laut Inggeris. Beliau mempamerkan dirinya sebagai Inspektur Jeneral Polisi (IGP) dari *Royal Brunei Police Force*. Sultan Bolkiah banyak mendapat gelaran kehormatan. Gelaran kehormatan "Sir" diberikan oleh Ratu Elizabeth II dari Britania Raya. Gelaran akademik doktor kehormat dari beberapa universiti negara lain, seperti dari Universiti Rusia, University Oxford, Inggeris, Universiti Aberdeen, Skotlandia, Universiti Chulalongkorn Thailand, Universiti Gajah Mada, Yogyakarta, Universiti Nasional Singapura, King's College, London dan University Indonesia. Selain itu, di bidang ketenteraan, beliau mendapat

jawatan komisen kehormatan sebagai Marshal Udara di Royal Air Force Inggris Raya, dan sebagai Laksamana Kehormatan Tentera Laut Kerajaan Britania Raya, serta menjadi anggota kehormatan dari Atbara Satgas Indonesia. Kemudian Sultan diberi pangkat Kolonel Kehormat Khusus dari Pakistan Service Group. Oleh Tentera India Sultan diberikan lencana merah dan sayap penerjun payung dari pasukan payung Black Hawk. Selain itu juga, beliau dianggap sebagai orang terkaya di dunia pada tahun 1997.

3.4. Kehadiran Kuasa Insaniah Negara-negara Dari Luar Rantau

Kuasa insaniah sebagai alternatif kepada '*hard power*' dalam menangani hubungan antarabangsa daripada Republik Rakyat China (RRC atau China) telah mendapat perhatian yang serius daripada ahli politik dan golongan akademik tempatan. Kuasa insaniah bercorak China atau sering dirujuk sebagai '*charm offensive*' (Joshua Kurlantzic. 2007) dan dengan model pembangunan yang disebut oleh pihak luar sebagai '*Beijing Consensus*' (Joshua Cooper Ramo. 2004: 4-5) dilancarkan oleh RRC dengan mengembangkan penggunaan alat-alat budaya, hubungan diplomatik dan bantuan ekonomi untuk meningkatkan rayuan di seluruh dunia (www.npc.gov.cn).

Budaya, terutama yang diwarisi dari Konfucionisme, menjadi sumber kuasa insaniah yang penting bagi China sejak dulu dan telah dipertimbangkan perluasan pengaruhnya ke seluruh dunia bersamaan dengan semakin meningkatnya minat antarabangsa untuk mempelajari budaya China. Kementerian pendidikan China menyokong penyebaran budaya konfucionisme ini melalui

bidang pendidikan dengan membina pusat kajian bahasa dan budaya China, seperti British Council atau Goethe Institute, iaitu Institut Confusius di seluruh dunia (Bates Gills and Yanzhong Huang, 2006: 17-36).

Kuasa insaniah RRC pada pasca Mao menampilkan wajah dan imej baru yang kurang bertelagah, tetapi lebih membina, sepakat dan bertanggungjawab dalam menghadapi permasalahan serantau mahupun global dalam hubungan dua hala atau banyak hala dengan negara-negara lain, dan dalam pertubuhan antarabangsa (PBBB, ASEAN, dan lain-lain). Kehadiran diplomatik negara ini dipertingkatkan dan menjana muhibah antarabangsa, khususnya di Asia Tenggara, kerana sebahagiannya berdekatan dan hubungan sejarah ke rantau ini. Antara lain dengan menawarkan pembiayaan atau pinjaman konsesi bagi projek-projek infrastruktur dan projek-projek pembangunan sumber semula jadi, pelaburan ekonomi, serta menandatangani perjanjian perdagangan. Bantuan asing China dalam bentuk seperti bantuan pembangunan rasmi (*Official Development Assistance/ODA*), geran pembangunan, subsidi dan konsesi pinjaman dan pelaburan luar negara yang ditaja oleh pemerintah, serta bantuan kemanusiaan dan program-program kesejahteraan serta bantuan makanan. Semua ini telah menjadikan negara Republik Rakyat China sebagai sumber utama daripada bantuan ekonomi asing dan sumber penting pembiayaan infrastruktur di Asia Tenggara.

Bantuan asing dan projek-projek ekonomi yang disokong pemerintah PRC kepada negara-negara di Asia Tenggara untuk sebahagian besar adalah untuk memenuhi keperluan pembangunan China sendiri. Seperti akses kepada sumber-

sumber semula jadi, memudahkan ekport bahan-bahan mentah ke China, menyelamatkan pengangkutan sumber-sumber yang melepasi rantau, dan juga untuk sebab-sebab diplomatik dan strategik jangka panjang.

Bantuan dan pelaburan China telah banyak membantu terutamanya di negara-negara yang telah diabaikan oleh para penderma bantuan utama dari Barat. Bantuan asing dan kegiatan ekonomi yang berkaitan dari China semakin disukai kerana prosedur perolehannya lebih cepat dan mudah tanpa syarat politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar. Banyak projek-projek awam yang dibina atau dibiayai oleh RRC di negara asing dilihat menarik dan secara nyata menyediakan faedah jangka pendek, seperti pusat kebudayaan kebangsaan, stadium, dan lebuh raya. Aktiviti bantuan dan pelaburan seperti ini sering dibentangkan pada mesyuarat sidang kemuncak dua hala dengan niat untuk melambangkan secara kukuh persahabatan antara China dan negara-negara membangun yang terlibat. Selain itu, kegiatan China di Asia Tenggara semakin bersepadu dari segi ekonomi (bahkan juga bantuan ketenteraan), khususnya di Burma (Myanmar), Kamboja, Vietnam, Laos dan Filipina, meskipun negara-negara serantau ini juga mencegah agar tidak terlalu berada dalam pengaruh China. Pembinaan infrastruktur yang banyak dibiayai PRC adalah yang berkaitan dengan tenaga kuasa hidro, pertanian, pembinaan kapal, perlombongan, jalur rel kereta api dan pembangunan projek besar yang lain. Pembinaan ini juga bergantung kepada sokongan China akan bahan-bahan, peralatan, kepakaran teknikal, dan buruh. Perdagangan China dengan negara-negara (ASEAN) bahkan lebih besar daripada perdagangan dengan Afrika dan Amerika Latin.

Perkembangan kuasa insaniah China dalam hubungan diplomatik dan pengaruh kekuatan ekonomi di negara membangun di rantau Asia Tenggara seperti ini telah menjadi satu kebimbangan bagi pesaing-pesaingnya, iaitu Amerika Syarikat dan Jepun. Amerika Syarikat menyatakan kekecewaannya atas dasar luar China yang menyediakan bantuan asing tanpa syarat, sehingga mereka kehilangan keupayaan untuk mempengaruhi tingkah laku penerima bantuan dalam hal pembangunan politik dan pembaharuan demokratik, hak asasi manusia, pembaharuan ekonomi, dan pemeliharaan alam sekitar yang menjadi perhatian utama Amerika Syarikat. Fenomena kebimbangan akan kekuatan China ini kemudian menjadi salah satu faktor yang mendorong Amerika Syarikat untuk kembali meningkatkan peranannya di Asia Tenggara.

Amerika Syarikat telah lama memainkan peranan luar yang paling penting di Asia Tenggara dalam mempamerkan kuasa insaniah yang dimiliki, selain kuasa ketenteraan, dan kuasa ekonomi. Model ekonomi Amerika Syarikat juga telah menarik perhatian negara-negara berkembang untuk diikuti. Dasar *Washington Concensus* dilaksanakan di negara-negara berkembang sejak 1990-an pasca runtuhnya model sosialis dari Soviet, yang di antaranya memberikan kemudahan-kemudahan bagi negara lain, terutama negara-negara membangun, termasuk yang ada di rantau Asia Tenggara, untuk melakukan urusan niaga perniagaan dan ekonomi dengan Amerika Syarikat.

Kekalahan Amerika dalam perang Vietnam memaksa Amerika untuk mengurangkan penglibatan di Asia Tenggara, yang membuatkan negara ASEAN tertarik untuk meningkatkan kerjasama ketenteraan dengan Amerika Syarikat.

Seperti, Singapura yang menandatangani memorandum untuk menyediakan kemudahan bagi angkatan udara Amerika Syarikat dan berterusan dengan kerjasama pertahanan kedua-dua negara. Perkara ini kemudian dijadikan peluang oleh Amerika Syarikat dalam mencapai kepentingannya di kawasan Asia Tenggara.

Amerika Syarikat menyakini bahawa Asia Tenggara adalah kawasan yang mempunyai prospek jangka panjang bagi banyak kepentingan Amerika Syarikat ke hadapan. Dilihat dari kedudukannya yang strategik, Asia Tenggara merupakan pusat lalu lintas dari sebahagian besar perdagangan dunia yang melewati selat Melaka. Lokasi Asia Tenggara penting sebagai pangkalan bagi kehadiran tentera Amerika Syarikat di Pasifik Barat dan Samudera Hindia. Oleh sebab itu, akses bebas dan terbuka di laluan di Asia Tenggara untuk kepentingan ekonomi mahupun ketenteraan telah menjadi kepentingan Amerika Syarikat.

Jumlah penduduk Asia Tenggara yang ketara memberi potensi besar bagi pemasaran produk-produk industri dan perkhidmatan Amerika Syarikat. Tahap pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara secara awam masih rendah, sehingga kemampuan dalam membina industri masih dianggap lemah. Perkara ini menguntungkan negara industri seperti Amerika Syarikat untuk memasuki pasaran Asia Tenggara. Bermulanya pasaran bebas juga memberikan kemudahan bagi Amerika Syarikat dalam perkara ini.

Setelah Jepun, syarikat-syarikat Amerika Syarikat termasuk dalam turutan kedua terbesar yang meminati pelaburan di Asia Tenggara yang hasilnya

menyumbang pendapatan kekayaan Amerika Syarikat. Pelbagai sektor pelaburan di negara-negara Asia Tenggara yang boleh meningkatkan kepentingan ekonomi kawasan ini bagi Amerika Syarikat.³ Manakala negara-negara Asia Tenggara pula menjadikan pertumbuhan ekonomi salah satunya bergantung pada pelaburan asing. Sehingga kesejahteraan ekonomi, sosial, peningkatan pendidikan serta program pengurangan kemiskinan, juga bergantung pada pelaburan asing.

Asia Tenggara mempunyai pasaran yang berpotensi bagi produk dan industri perkhidmatan, dan sebagai kawasan utama dari sumber-sumber daya alam yang penting, serta menjadi tempat pelaburan yang menguntungkan. Rantau ini juga memiliki pelbagai kekayaan sumber tenaga dan alam dunia (seperti emas, tembaga, timah) serta sumber-sumber yang boleh diperbaharui (seperti getah, kopi, serta kayu) yang luar biasa. Hasil bumi seperti minyak dan gas juga tidak terhitung. Seperti yang terdapat di Indonesia, iaitu pelaburan Amerika Syarikat digunakan untuk aktiviti lombong emas di Papua dan industri minyak di Aceh.

Dasar luar Amerika Syarikat dalam sejarahnya terhadap negara-negara di dunia telah menerima banyak legitimasi. Inisiatif-inisiatif jangkauan global dasar luar Amerika Syarikat untuk meningkatkan bantuan asing, memerangi HIV/AIDS dan keganasan telah menggalakkan kuasa insaniah dengan menerima kekaguman dan simpati dari negara-negara lain. Pada amnya, dasar luar Amerika Syarikat yang secara konsisten adalah berdasarkan pada demokrasi dan menghormati hak

3 Syarikat-syarikat Amerika Syarikat tersebar luas di Rantau Asia Tenggara, meliputi industri pengeluaran (Ford, General Motors, Honeywell, Intel, dan sebagainya), departemen stores (K-mart, JC Penney, Federal Dept. Stores), industri energi (Exxon Mobil, Unocal, Freeport, Newmont Mining, Eron, dll), industri perkhidmatan (UPS, FedEx, American International Groups, Citigroup, grup hotel, dll), dan sebagainya. Asia Tenggara juga merupakan pengeluar utama elektronik dan semikonduktor chip untuk perusahaan-perusahaan telekomunikasi Amerika Syarikat seperti Motorola.

asasi manusia, sering kali memenangi hati dan minda masyarakat yang mencari kebebasan.

Kepentingan politik-ideologi Amerika Syarikat dan perluasan pengaruhnya menerusi budaya di rantau Asia Tenggara juga menjadi perhatian besar. Sepanjang sejarah Amerika Syarikat, budaya tinggi dan budaya popular yang dihasilkan oleh negara ini telah berjaya secara global dan menyumbang kepada terbentuknya kuasa insaniah yang ketara. Salah satu contoh sumber kuasa budaya Amerika Syarikat adalah sistem pendidikan, bahasa, industri filem Hollywood, pelbagai jenis muzik popular, acara-acara televisyen, dan sebagainya. Melalui budaya tersebut, mesej-mesej politik-ideologi Amerika Syarikat disampaikan kepada masyarakat Asia Tenggara. Namun, Amerika Syarikat kemudiannya mendapat saingan di rantau Asia Tenggara apabila Jepun mula mengembangkan pengaruh budayanya di rantau ini.

Kawasan Asia Tenggara mempunyai erti penting bagi negara Jepun, baik secara geografi kedudukan Asia Tenggara yang strategik mahupun jumlah penduduk yang berpotensi bagi perluasan pasaran. Jepun dalam membina kuasa insaniahnya di Asia Tenggara, masih dibayangi oleh imej yang berkaitan dengan aksi tenteranya dimasa lalu, dan tindakan ekonominya yang menguntungkan pihak sendiri. Walau bagaimanapun, Jepun tetap memperoleh imej baru yang lebih mesra meskipun imej yang sebelumnya masih tidak dapat dilupakan.

Jepun menjadi pesaing tradisional yang berdaya tahan yang mempunyai pengalaman besar dan warisan budaya yang kaya dalam persaingan melaksanakan

kuasa insaniah. Pengalaman memenangi hati dan minda masyarakat luar negara berlaku sejak tahun 1873 yang berkaitan dengan sumber budaya. Namun, terjadi kemunduran ketika tentera Jepun dilihat agresif dalam melaksanakan *hard power* kepada negara-negara di Asia. Setelah kekalahannya pada Perang Dunia II, Jepun memberi fokus pada pembangunan ekonomi dan masuk menjadi anggota masyarakat antarabangsa dengan membawa isu-isu perbaikan dan membina semula ikatan-ikatan diplomasi. Dengan itu, Jepun menubuhkan *Japan Foundation* di seluruh dunia yang bergerak dalam bidang pendidikan, seni dan budaya serta bahasa.

Jepun menyedari negaranya mempunyai potensi sumber kuasa insaniah yang lebih besar daripada negara-negara Asia yang lain, terutamanya sumber budaya. Budaya tradisional Jepun seperti seni, seni bina, makanan tradisional, disiplin dan seni mempertahankan diri telah lama disukai oleh dunia luar. Kuasa insaniah budaya Jepun ini kemudiannya diperkasakan lagi oleh budaya popular oleh pihak swasta Jepun yang kreatif dalam menghasilkan karya-karya budaya kontemporari yang menarik dan diminati oleh orang ramai di seluruh dunia. Budaya popular Jepun kontemporari ini disebut '*Cool Japan*' (Douglas McGray. 2002) yang terdiri dari kartun anime, komik manga, J-fesyen, musik J-pop dan J-rock, karaoke, makanan shushi, permainan, drama televisyen, barang-barang elektronik pengguna, dan sebagainya. Budaya kontemporari bersama-sama dengan budaya tinggi tradisional Jepun ini telah menjadikan negara Jepun sebagai suatu kekuatan budaya di rantau Asia Tenggara, bersaing dengan kuasa budaya Amerika dan China, serta Korea (Peng Er Lam. 2007 24:349–363).

Model ekonomi Jepun adalah aset kuasa insaniah yang penting, yang telah membawa Jepun berjaya menjadi negara Asia pertama dalam industri dan pemodenan. Kejayaan ekonomi Jepun ini telah memberi inspirasi kepada negara-negara membangun Asia yang lain, termasuk di rantau Asia Tenggara, dan dijadikan model ekonomi yang bercorak Asia yang boleh dicontohi. Jepun juga mempunyai syarikat multinasional automotif yang berjaya dan terkenal di seluruh dunia dengan jenama Toyota, Honda dan Sony (Peng Er Lam. 2007: 4) yang mempamerkan imej yang positif bagi negara Jepun. Prestasi ekonomi Jepun yang menakjubkan ini tidak hanya menjadikan bangsa Jepun kaya, tetapi juga memperluas kuasa insaniah negara itu di akhir abad ke-20.

Pertukaran ekonomi Jepun dengan negara-negara Asia-Pasifik semakin berkembang. Negara-negara membangun yang termasuk dalam ASEAN menganggap Jepun penting untuk pembangunan Negara mereka. Saham dan pelaburan serta bantuan Jepun ke negara-negara ASEAN bersaing dengan pelaburan dan bantuan yang diberikan oleh Amerika Syarikat. Pada akhir tahun 1980-an, pemerintah Jepun membuat usaha bersama untuk meningkatkan gambaran diplomatiknya untuk mencari peranan yang tepat dalam bidang politik sebagai bangsa perdamaian, terutama di Asia. Jepun meminta perkongsian baru dengan ASEAN dan berjanji tidak akan melampaui skop ekonomi yang murni. Sebagai bukti peranan baru ini, Jepun mengambil bahagian aktif dalam mempromosikan rundingan untuk menyelesaikan konflik Kamboja. Pada tahun 1997, negara-negara ahli ASEAN bersama dengan Jepun, China, dan Korea Selatan bersetuju untuk mengadakan perbincangan tahunan untuk lebih

mengukuhkan kerjasama serantau, yang dinamakan mesyuarat ASEAN Plus Three.

Dengan kejayaan ekonomi yang dimiliki, Jepun meningkatkan pengaruhnya melalui pembangunan kuasa insaniah yang lain iaitu dasar rasmi negara untuk memenangi simpati pihak luar melalui bantuan asing ODA kepada negara-negara membangun antaranya ke kawasan Asia Tenggara. Bantuan luar negara lain disalurkan melalui PBBB. Jepun juga turut mengirinkan tenteranya untuk memberikan perkhidmatan penjagaan perdamaian antarabangsa di beberapa kawasan konflik, seperti Timor Leste, Cambodia, Angola, dan lainnya. Jepun, melalui JET (*The Japan Exchange and Teaching*) giat menyelenggara pertukaran pelbagai program untuk pelajar dan guru asing ke Jepun. Jepun telah merintis usaha-usaha seperti kempen "Visit Japan " untuk menarik pelajar dan pelancong asing datang ke Jepun. Semua prestasi dasar luar Jepun ini telah mencipta nama baik yang besar daripada sumber-sumber kuasa insaniah Jepun.

Walaupun begitu, terdapat beberapa halangan yang menjadi cabaran bagi Jepun dalam meluaskan kuasa insaniahnya. Seperti halangan demografi yang serius, serta bahasa dan huruf Jepun yang sukar dipelajari telah mengurangkan minat pelajar dan tenaga mahir untuk datang ke Jepun. Selain itu, imej kezaliman Jepun pada masa lalu yang sukar dilupakan dan beberapa perlakuan pemerintah masa kini terhadap kelompok minoriti etnik di negaranya yang tidak boleh diterima, telah menjadikan kuasa insaniah Jepun sering tersangkut perkembangan dan pengaruhnya.

3.5. Hubungan Antarabangsa Malaysia Di Rantau Asia Tenggara

Terletak secara berpusat di Semenanjung Malaya, Malaysia sudah berupaya membina kejayaannya dari satu pemimpin kepada pemimpin berikutnya sejak kemerdekaan negara tersebut. Menyesuaikan diri dengan perkembangan global, Malaysia secara berperingkat melakukan pemodenan dari menjadi negara pembekal sumber bahan mentah, perindustrian barang setengah jadi, industri barang jadi sekaligus industri perhatian. Kemajuan perkembangan Malaysia sejak kemerdekaannya pada tahun 1965 telah membawa negara tersebut semakin mendekati kriteria negara-negara industri maju baru Asia (NIB). Bahkan semasa Kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad pembangunan negara-bangsa yang terlihat dapat dikategorikan sebagai suatu pembinaan kuasa insaniah yang bercorak Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin sememangnya berusaha keras agar kuasa insaniah Malaysia kelihatan berbeza dari pesaingnya di rantau dan mampu menghadapi tawaran dan cabaran dari kuasa insaniah negara-negara yang lebih besar yang berasal dari luar rantau Asia Tenggara. Kejayaan suatu kuasa insaniah teruji di dunia apabila pelaksanaannya terlebih dahulu bermula di negara-negara jiran. Untuk itu, Malaysia menjaga hubungan baik dan mesra dengan negara-negara serantau meskipun tidak selalu berjalan lancar.

Hubungan Malaysia dengan negara-negara serantau ASEAN dipelihara dengan baik, meskipun tidak terlepas dari permasalahan atau pertikaian yang serius di antara mereka. Hubungan Malaysia dan Indonesia yang dijalin kerap disamakan dengan hubungan adik dan abang. Salah satu hubungan yang terbina ialah apabila para pekerja daripada negara Indonesia mencari pendapatan di

Malaysia. Pertukaran pelajar juga terus bertambah. Dalam bidang ekonomi dan pelaburan, Malaysia yang mempunyai ekonomi lebih baik terus berusaha untuk mengembangkan iklim pelaburan di Indonesia. Meskipun kelihatan akrab, tetapi kedua-dua negara ini masih terlibat dalam pertikaian mengenai pelepasan Kepulauan Sipadan dan Ligitan, serta pemilikan Pulau Ambalat

Hubungan Malaysia dengan Singapura pula, meskipun terjalin mesra tetapi juga berlaku perselisihan yang disebabkan oleh beberapa perkara yang sensitif bagi kedua-dua negara. Di antaranya seperti: status Pulau Batu Puteh; bekalan air dari Johor ke Singapura; rancangan pembinaan jambatan ke dua berbentuk 'S' yang menghubungkan Malaysia dan Singapura di Tambak Johor oleh pihak Malaysia; kehadiran pesawat tentera udara Singapura di Johor; kawalan di Selat Malaka; pelawaan Singapura kepada Amerika Syarikat dalam mengawal keselamatan Selat Melaka; dan hubungan intim Singapura dan Israel, yang mana Israel adalah 'musuh' Malaysia dan Indonesia.

Malaysia dan Thailand biasanya bekerjasama dalam bidang-bidang seperti perdagangan dan pelaburan, keselamatan, pendidikan, sukan, pelancongan, pembangunan yang berkaitan dan sosio-ekonomi di kawasan sempadan. Perselisihan hubungan antara kedua-dua kerajaan kerap terjadi yang disebabkan oleh masalah yang terjadi di sempadan yang berkaitan dengan kaum minoriti rakyat Thailand yang kebanyakannya Islam, pelarian dan tindakan sisa-sisa gerakan komunis.

Hubungan antara Malaysia dengan Brunei Darussalam dimulakan sejak Januari 1984. Kedua-dua negara berkongsi dalam menjalinkan kerjasama dua hala dalam bidang perdagangan dan pelaburan, kesihatan, pendidikan, pertahanan dan pelancongan. Brunei Darussalam pada bahagian darat adalah bersempadan dengan Malaysia bahagian Timur di Pulau Kalimantan, pernah bersengketa mengenai perbatasan di Limbang. Namun jalan penyelesaian dicapai apabila Brunei melepaskan dakwaannya dan mengakui wilayah tersebut sebagai wilayah kekuasaan Malaysia.

Hubungan erat antara Malaysia dan China pasca Mao, apabila China telah mengubah dasar-dasar luarnya yang menjamin tidak akan campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara-negara di rantau Asia Tenggara, termasuk negara Malaysia. Sementara itu, kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang lebih berpandangan ke Timur melihat China tidak lagi merupakan musuh yang harus dilawan melainkan rakan yang berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dari pihak Barat, menghubungkan lebih dekat dengan wilayah Timur Asia yang makmur, terutama ekonomi China yang berkembang pesat untuk mengurangi pergantungan Malaysia terhadap pasaran Amerika Syarikat.

Selepas kemerdekaan, hubungan Malaysia dan Jepun saling bergantung. Malaysia memerlukan pelaburan dan bantuan ekonomi daripada Jepun. Sebaliknya Jepun memerlukan bahan mentah dan pasaran Malaysia. Hubungan kedua-dua negara semakin ditingkatkan sejajar dengan pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur dan Dasar '*Buy British Last*' oleh pemerintahan Tun Dr.

Mahathir Mohamad. Jepun dijadikan sebagai model pembangunan bagi Malaysia kerana telah berjaya dalam bidang ekonomi yang mengamalkan budaya kerja positif kepada rakyatnya selepas Perang Dunia Kedua. Bagi menjayakan dasar ini, kerajaan Malaysia melaksanakan banyak program kerjasama dengan Jepun. Antara lain di sektor-sektor industri automotif, elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan dan sebagainya. Kilang kereta kebangsaan Proton yang membanggakan Malaysia di awal pengeluarannya telah menjalinkan kerjasama dengan syarikat Mitshubishi dari Jepun.

Hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada amnya adalah intim dan erat dalam perkara hubungan ekonomi, keselamatan dan pertahanan, khususnya semasa perang Dingin. Namun, seterusnya hubungan antara kedua-dua negara sering dilihat penuh dengan perbezaan. Pelbagai perbezaan yang paling serius adalah dalam perkara dasar perdagangan, konsep hak asasi manusia dan demokrasi versi Amerika Syarikat yang ingin diterapkan di Asia, agenda liberalisasi Amerika Syarikat untuk Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC), dan sikap pembangkang Washington terhadap alternatif yang diajukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, iaitu Kumpulan Ekonomi Asia Timur (the East Asian Economic Grouping/EAEG), serta tanggapan Amerika Syarikat dan IMF terhadap krisis kewangan Asia, isu Palestin-Israel, dan yang terakhir iaitu 'Perang Melawan Keganasan' dari Amerika Syarikat (Helen E S Nesadurai. 2004). Meskipun perbezaan-perbezaan ini mengandungi potensi yang boleh merosakkan hubungan antara dua pemerintah, namun kedua-duanya dapat mengatasinya dengan baik.

Setelah berlakunya peristiwa serangan 11 September di Amerika Syarikat, hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat menunjukkan hubungan ke arah yang lebih baik dalam saling berkerjasama untuk ‘memerangi’ keganasan antarabangsa.

3.6. Rumusan

Negara-negara Asia Tenggara pada amnya mempunyai keupayaan sumber kuasa insaniah yang mengagumkan. Sumber budaya, aktiviti antarabangsa, nilai-nilai ideologi, dan watak pemimpinnya telah mempunyai kesan yang kuat terhadap hubungan di antara negara-negara serantau, mahupun pada bahagian lain dunia. Negara-negara Asia Tenggara telah meluaskan pandangan konsep kuasa insaniah dari takrifan yang pertama kali diciptakan oleh Joseph Nye. Nye mengecualikan pelaburan, bantuan dan diplomasi rasmi dari kuasa insaniahnya. Sementara pemahaman dan pelaksanaan kuasa insaniah di Asia Tenggara mencakupi pelaburan dan bantuan luar negara yang kepentingannya berada di luar bidang keamanan atau penggunaan kekerasan (*hard power*).

Negara-negara seperti Amerika Syarikat, China dan Jepun telah mengenal pasti dan membangunkan strategi kuasa insaniah mereka yang sesuai bagi negara-negara membangun untuk meluaskan pengaruh di kawasan Asia Tenggara. Amerika Syarikat melancarkan tarikan budaya berteknologi canggih dan budaya popular, nilai-nilai politik demokrasi, bantuan ekonomi dan pelaburan asing serta keselamatan tentera. China pula mengisi kekosongan sasaran kuasa insaniah yang tidak mendapat perhatian negara-negara penderma yang lain, mengembangkan

penggunaan alat-alat budaya, pendidikan, bantuan asing dan hubungan diplomatik. Kuasa insaniah Jepun melalui daya tarikan budaya tinggi, budaya moden, teknologi tinggi, dan pembangunan kemajuan bangsa yang berjaya telah memberi inspirasi untuk dicontohi oleh negara-negara Asia Tenggara. Dalam menanggapi kehadiran ketiga-tiga kuasa insaniah daripada negara-negara kuat ini di rantau Asia Tenggara, Malaysia secara terang-terangan telah mengiktiraf Jepun sebagai model kemajuan, menunjukkan sikap mesra dengan RRC, sebaliknya berwaspada terhadap Amerika Syarikat.

Negara-negara serantau Asia Tenggara membina kuasa insaniah masing-masing mengikut kemampuan yang dimiliki. Indonesia di bawah kepemimpinan Orde Baru melancarkan hubungan diplomatik yang mantap di pertubuhan ASEAN, memperkasa kekuatan seni budaya dan watak berkarisma Presiden Soeharto. Strategi kuasa insaniah Singapura tertumpu pada sumber daya manusia dan pengetahuan, dengan membuat peraturan yang sangat ketat dan meningkatkan pelaburan. Lee Kuan Yew sebagai Perdana Menteri yang tegas telah memberi jaminan keamanan bagi rakyatnya dan para pelabur serta pekerja asing. Thailand mempunyai keunggulan dasar luar yang fleksibel, nilai-nilai dan budaya tradisional yang unik, dan Raja Bhumipol yang disegani. Brunei Darussalam yang kaya dalam hal ekonomi, sejahtera dan aman, serta Sultan Bolkiah yang pandai dan berkarisma.

Melihat kepada pembinaan kuasa insaniah negara-negara jiran seperti yang dijelaskan, Malaysia harus pandai dan bijak menghadapinya. Untuk memperoleh legitimasi antarabangsa sebagai yang mewakili kepentingan serantau atau

kepentingan kaum khas berasaskan agama, atau kepentingan negara-negara Selatan, atau kepentingan umat manusia yang lebih luas, paling tidak Malaysia harus mendapatkan pengakuan dan sokongan terlebih dahulu daripada negara-negara terdekat serantau di Asia Tenggara. Status sebagai kepimpinan atau kuasa serantau merujuk bukan hanya kepada keupayaan relatif dalam material dan gagasan berbanding dengan negeri-negeri lain serantau, tetapi kepada pengiktirafan dan kesediaan mereka untuk mengikuti. Oleh sebab itu, kuasa insaniah dilancarkan tidak hanya untuk menarik pihak lain daripada luar kawasan yang berpotensi, kaya dan bermanfaat bagi kemajuan pembinaan negara Malaysia sahaja, tetapi juga untuk menarik minda dan hati negara-bangsa serantau untuk memberikan sokongan. Mungkin untuk perkara inilah corak kuasa insaniah negara Malaysia dalam kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dibina.

BAB 4

KUASA INSANIAH NEGARA MALAYSIA

4.1. Pengenalan

Bab ini memberikan jawapan ke atas soalan nombor dua penyelidikan untuk mengenal pasti kewujudan kuasa insaniah yang telah dibina Malaysia dengan menggunakan sumber-sumber budaya, nilai-nilai politik dan pelaksanaan dasar luar; dan mendedahkan mesej politik di sebalik semua kewujudan daripada sumber kuasa insaniah Malaysia itu.

Untuk menjawab soalan-soalan ini, pertama digunakan pendekatan dan kerangka teori kuasa insaniah daripada Joseph S. Nye dan mengenai *currency of power* daripada L. Vuving terhadap setiap sumber iaitu: nilai-nilai politik, budaya dan dasar luar yang dibina oleh kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diduga memperkasakan *currency* atau daya tarikan 3 B (*brilliance, benignity, beauty*) untuk menarik hati dan minda khalayak yang berpihak. Selanjutnya digunakan kaedah penafsiran semiotik dari Barthesian untuk mendapatkan mesej-mesej politik yang berada di sebalik wujud daripada sumber-sumber kuasa insaniah negara Malaysia itu.

4.2. Profil Malaysia

Malaysia terletak di Asia Tenggara yang merupakan sebuah negara persekutuan yang terdiri daripada pembahagian tiga belas negeri dan tiga wilayah persekutuan. Nama "Malaysia" digunakan pada tahun 1963 ketika Persekutuan Malaya

bergabung dengan Singapura, Sabah, dan Sarawak sesuai dengan Resolusi Majlis Umum PBB 1514 dalam proses penjajahan. Pada 9 Ogos 1965, Singapura keluar dari Malaysia dan menjadi negara merdeka yang bernama Republik Singapura.

Malaysia secara fizikal dibahagikan antara barat dan timur. Malaysia Barat berada di hujung selatan Semenanjung Malaysia yang menjangkau dari sempadan Thailand ke pulau Singapura. Sabah dan Sarawak berada di hujung utara Kalimantan yang dipisahkan oleh negara Brunei iaitu termasuk ke dalam wilayah Malaysia Timur. Ibu kota negara Malaysia ialah Kuala Lumpur yang terletak di Semenanjung dan merupakan pusat perniagaan dan kewangan Malaysia. Putrajaya pula merupakan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan Malaysia.

Penduduk Malaysia pada tahun 2010 terdiri daripada lebih 28 juta orang yang sebahagian besar tinggal di kawasan semenanjung. Mereka terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik, agama dan bahasa. Keturunan etnik Melayu dicatatkan sebanyak 67 peratus, 25 peratus keturunan bangsa Cina, dan tujuh (7) peratus keturunan India, serta kurang dari satu (1) peratus keturunan-keturunan lain. (http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&id=1215)

Bahasa rasmi Malaysia adalah bahasa Melayu yang telah ditetapkan kerajaan sebagai bahasa kebangsaan pada tahun 1967. Kepelbagaian bahasa yang lain daripada pelbagai etnik juga digunakan sebagai bahasa yang dipertuturkan dalam kelompok masing-masing. Sementara penggunaan bahasa Inggeris sebagai warisan kolonial tetap digunakan sebagai bahasa kedua, khususnya dalam perniagaan dan pendidikan.

Dalam sejarah Malaysia, bentuk identiti kebangsaannya telah menjadi persoalan penting sama ada berasaskan etnik Melayu, hibrida, atau daripada etnik yang lain. Sehingga kini, pelbagai usaha untuk memperoleh penyelesaian yang terbaik bagi mewujudkan “bangsa Malaysia” yang satu tetap dilaksanakan. Walaupun terdapat pelbagai keturunan, pembahagian wilayah hidup dan tempat tinggal, pembahagian kerja dan pendidikan semakin kurang dibezakan. Ini bermaksud setiap etnik mendapat peluang yang sama. Kepelbagaian agama tidak menjadikan negara Malaysia sebagai negara sekular. Ini ditunjukkan dalam pelaksanaan perlembagaan kerajaan yang telah menetapkan agama Islam sebagai agama rasmi Negara.

Rakyat Malaysia yang berbilang keturunan ditadbir oleh kekuasaan raja berpelembagaan. Ketua negara persekutuan ialah seorang raja yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong. Setiap lima tahun, seorang sultan akan dipilih secara bergilir-gilir dari sembilan Sultan yang mewakili pelbagai negeri untuk menjadi Raja sebagai ketua negara dan ketua agama rasmi.¹ Sementara itu, urusan pemerintahan kerajaan yang menggunakan sistem parlimen dijalankan oleh seorang Perdana Menteri, iaitu seorang pemimpin parti majoriti di dewan rendah atau Dewan Rakyat dan mendapat sokongan majoriti parlimen yang kemudian direstui oleh Yang di-Pertuan Agong.

Sejak kemerdekaan, Malaysia ditadbir oleh pakatan parti pelbagai yang disebut Barisan Nasional (BN). BN terdiri dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaysia (MCA), dan Kongres India Malaysia

¹ Empat pemimpin negeri lainnya yang bergelar Gubernur tidak turut serta di dalam pemilihan Raja atau Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

(MIC) (Boon Kheng Cheah. 2002: 27). UMNO yang dibentuk pada tahun 1946 merupakan parti politik yang paling besar dan dominan di Malaysia dalam mewakili keturunan etnik Melayu. MCA dibentuk untuk mewakili keturunan bangsa Cina Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1949. MIC pula dibentuk pada tahun 1946 untuk mewakili masyarakat keturunan kaum India. Selain ketiga-tiga parti politik tersebut, terdapat *Pan-Malaysian Islamic Party* atau lebih dikenali dengan nama PAS, dan *Democratic Action Party* (DAP), yang kemudiannya kedua-dua parti ini menjadi sebahagian dari *the Pakatan Rakyat Coalition* (parti pakatan rakyat) sebagai parti pembangkang terhadap parti pemerintah. (Boon Kheng Cheah. 2002: 1-2)

Pembangunan negara sejak merdeka dilakukan oleh kerajaan untuk mencapai kemakmuran, kesejahteraan dan kebahagiaan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia (Abdul Rahman Abdul Azis. 2009: 14-15). Pada masa Perdana Menteri pertama Malaysia, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra (1957-1970), pembangunan lebih merupakan pembentukan suatu negara merdeka dan berdaulat pasca penjajahan. Seperti menyatukan Sabah, Sarawak dan Singapura, yang membawa perubahan nama dari Persekutuan Tanah Melayu kepada Malaysia. Kerana jasa yang diberikan, beliau diberi gelaran sebagai ‘Bapa Malaysia’. Pembangunan negara Kerajaan Tanah Melayu telah merangka Rancangan Pembangunan Malaysia Lima Tahun, yang terbahagi kepada empat bidang projek, iaitu menjimatkan wang, perkhidmatan kesihatan, memberikan kebahagiaan, dan pembangunan sosial.

Pembangunan lebih jelas negara Malaysia adalah pada masa kepemimpinan Tun Abdul Razak (1970-1976). Dalam tempoh tersebut, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan pembangunan untuk menaik taraf hidup yang bersesuaian dengan tuntutan masyarakat moden bagi semua rakyat tanpa mengira asal usul telah dilaksanakan. Tun Abdul Razak mendapat gelaran ‘Bapa Pembangunan’, dan ‘Arkitek Rekayasa Sosial Malaysia’ (Abdul Rahman Abdul Azis. 2009: 15). Pada masa kepemimpinan Tun Hussein Onn (1976-1981) pembangunan yang dilaksanakan adalah menerusi program-program dan kerja-kerja legasi Tun Abdul Razak. Oleh sebab itu, beliau dikatakan sebagai ‘*care taker government*’ Jasa-jasa beliau dapat dilihat dalam merealisasikan DEB, terutama rancangan Malaysia Ketiga dan permulaan Rancangan Malaysia Keempat, serta menangani isu-isu perpaduan kaum. Kejayaan dalam mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi, serta keselamatan dan keharmonian kaum selama menjalankan pembangunan dalam masa kepemimpinannya, telah menyebabkan beliau diberi gelaran ‘Bapa Perpaduan’ (Abdul Rahman Abdul Azis. 2009: 16).

Pembangunan Malaysia selanjutnya berlaku semasa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003). Pembangunan yang dilaksanakan dapat dikategorikan sebagai suatu usaha pembinaan kuasa insaniah. Dengan memperkasa potensi sumber nilai-nilai politik, sumber budaya dan sumber dasar luar Malaysia seperti sumber-sumber kuasa insaniah yang dinyatakan oleh Joseph Nye. Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin tidak hanya merancang dan melaksanakan pembangunan kuasa insaniah ini, tetapi juga aktif secara peribadi mempromosikan kuasa insaniah yang dibina. Justeru itu, penglibatan aktif Tun

Dr. Mahathir Mohamad ini telah menjadikan kuasa insaniah negara Malaysia mempunyai keistimewaan tersendiri.

Bagaimana dan seperti apa kuasa insaniah negara Malaysia dibangunkan pada masa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dijelaskan di bahagian seterusnya.

4.3. Daya Tarikan Kuasa Insaniah Malaysia: *Bersih, Cekap dan Amanah*

Seperti yang telah dinyatakan oleh L. Vuving (2009), bahawa kekuatan tarikan dari kuasa insaniah bukan hanya dari sumber-sumber yang dibina, namun juga dari tarikan atau *currency* yang terlibat, atau dengan sengaja dipamerkan pada sumber-sumber tersebut sebagai magnet yang menarik perhatian masyarakat sasaran yang memihak kepada pihak pertama. *Currency of power* yang diajukan oleh Vuving, seperti nilai-nilai 3B, iaitu *brilliance*, *benignity*, dan *beauty* merupakan nilai-nilai standard kebaikan positif universal. Nilai-nilai sebagai *currency* atau kekuatan tarikan ini digunakan sebagai imej oleh pihak pertama yang ingin ditanamkan ke dalam fikiran dan hati pihak sasaran melalui pelbagai medium perwakilan. Masyarakat sasaran yang tertarik dan terkesan akan pelbagai medium perwakilan yang menunjukkan imej-imej tersebut boleh diharapkan pilihannya untuk memihak kepada pihak pertama.

Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat memiliki nilai-nilai yang serupa dengan nilai-nilai 3B, walaupun dalam urutan yang tidak sama, iaitu: *bersih (clean)*, *cekap (efficient)*, dan *amanah (trustworthy)* atau sering diringkaskan menjadi BCA. Tun Dr. Mahathir Mohamad yang

pertama kali mengemukakan nilai-nilai BCA ini di awal pemerintahannya pada tahun 1981 sebagai nilai-nilai yang harus diamalkan oleh rakyat Malaysia dalam bekerja dan berperilaku untuk mendapat hidup yang lebih baik. Tun Dr. Mahathir Mohamad menetapkan nilai yang pertama iaitu *bersih* serupa dengan makna nilai *beauty*, iaitu ‘bersih’ dalam moral yang tinggi, tatatertib dan berdisiplin, tidak menyeleweng dan tidak melakukan rasuah; tidak memihak sebelah pihak atau berat sebelah; tidak mementingkan diri sendiri; tidak khianat, hasad dan dengki. Dalam nilai bersih ini juga termasuk suatu yang sihat, rapuh dan indah atau menawan.

Nilai yang kedua ialah *cekap*, serupa dengan makna nilai *brilliance*, iaitu kualiti pemimpin (atau individu, agen) yang intelektual, berpengetahuan, berpengalaman dan mahir dalam bidangnya; mempunyai produktiviti yang tinggi dan berkualiti dalam kerja dan hasil; berani, tegas, responsif, berprinsip dan mempunyai keyakinan diri, serta berwawasan ke hadapan dan proaktif. Selain itu, nilai cekap berkaitan dengan nilai-nilai moden dan kemajuan, seperti: mampu, profesional, boleh, teratur, produktif, berkeahlian, pantas, dan mahir, serta berwawasan perniagaan.

Nilai yang ketiga, iaitu *amanah* serupa dengan makna nilai *benignity* atau kemurahan hati dan berintegriti. Nilai ini berkaitan dengan tugas dan kewajipan sosial dan etika yang baik; rela dan cuba menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam batas kuasa yang ditentukan; gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif yang ditetapkan; mempunyai sifat luhur dan murni, jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi.

Nilai-nilai BCA ini juga merupakan salah satu dari nilai-nilai lain yang wujud dari pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mahathirisme). Oleh sebab itu, dalam mencari keistimewaan kuasa insaniah Malaysia, semua sumber yang diperkasakan dan diwujudkan ke dalam pelbagai medium boleh diselidiki nilai-nilai BCA yang terkandung di dalamnya sebagai mesej-mesej politik imej daripada kepemimpinan Mahathir Mohamad. Dengan demikian, nilai-nilai BCA tidak hanya diperuntukkan kepada rakyat Malaysia tetapi juga ditujukan bagi khalayak antarabangsa yang tertarik. Nilai-nilai yang dikongsi akan memudahkan Malaysia untuk mendapatkan sokongan dalam mengukuh dan mengekalkan kuasa insaniah yang digunakan.

Dalam penyelidikan ini, kuasa insaniah negara Malaysia menerusi kajian sumber-sumbernya, iaitu nilai-nilai politik, budaya, dan dasar luar dengan nilai-nilai sebagai imej sekaligus *currency of power* yang cuba disebar oleh kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam setiap medium perwakilannya adalah nilai-nilai BCA Mahathirisme.

Penjelasan dalam bahagian berikutnya adalah jawapan kepada soalan tentang apa dan bagaimana corak sumber budaya kuasa insaniah Malaysia dibangunkan oleh kepemimpinan Mahathir Mohamad.

4.4. Sumber Nilai Politik Kuasa Insaniah Malaysia

Nilai-nilai politik (ideologi) sangat penting dalam kuasa insaniah. Nilai-nilai politik yang hendak disampaikan kepada masyarakat sasaran hendaknya mampu membuatkan masyarakat merasa kagum. Pada amnya imej yang terlibat

merupakan imej *beautiful* atau imej *bersih* versi Mahathirisme untuk dapat menarik perhatian masyarakat sasaran. Penyampaian nilai-nilai politik-ideologi ini, wujud dalam pelbagai medium sumber budaya dan sumber dasar luar. Nilai-nilai politik-ideologi ini menjadi landasan bagi pengembangan autoriti ke dalam dan ke luar negara. Dalam negara, nilai-nilai ini untuk menyatukan bangsa yang ada, bagi luar negara pula nilai-nilai tersebut untuk membendung perbezaan dan membolehkan terjalinnya kerjasama yang baik. Semakin sesuai nilai-nilai tersebut dengan kecenderungan yang ada pada suatu masa, semakin akan meningkatkan penerimaan yang positif dan meningkatkan kuasa insaniah suatu negara. Pihaknya akan memperoleh kredibiliti dan legitimasi sebagai pihak yang boleh mewakili (representatif), serta dijadikan sebagai pedoman, contoh, pendorong dan inspirasi.

Nilai-nilai politik Malaysia pada masa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dikenali dengan istilah Mahathirisme. Gagasan Mahathirisme oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri adalah gagasan-gagasan politik dan pemikiran falsafah beliau yang kerap menjadi dasar dan kaedah dalam menjalankan tugas pemerintahannya. Pelbagai pandangan dan pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam gagasan ini bercorak Asia dan Malaysia, yang sering dikategorikan sebagai nilai-nilai Asia versi Malaysia, atau nilai-nilai Asia Mahathir, atau juga Model Mahathir. Mahathirisme, seperti yang dinyatakan oleh Mohd Sani (2000), antara lain mencerminkan tiga nilai utama, iaitu anti-imperialisme Barat, pemerintah yang kuat, dan melindungi komuniti.

Selepas perantikan sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengajukan tiga nilai standard penting, serupa dengan nilai positif universal, bagi

bangsa yang bertamadun, bermaruah dan bermoral untuk diamalkan bagi rakyat Malaysia. Nilai-nilai tersebut adalah *bersih*, *cekap* dan *amanah*. Nilai-nilai ini pada awalnya diperkenalkan sebagai rujukan bagi para pegawai negara dalam menjalankan tugas-tugas kerajaan. Namun seterusnya nilai-nilai ini dikaitkan dengan nilai-nilai “Keteladanan Kepemimpinan yang Boleh Dicontoh”, untuk diterapkan dan dikongsi oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum dalam lingkungan sosial mereka agar kelak menjadi budaya dan etos perilaku yang positif dan membanggakan bagi identiti bangsa Malaysia.

Nilai-nilai Mahathirisme juga sering disebut sebagai nilai-nilai Asia versi Malaysia (*Malaysia's Asian Values*) selaras dengan nilai-nilai Asia pada amnya iaitu mencerminkan kemakmuran (*prosperous*), demokratik, pemodenan, tidak mengancam (*non-threatening*) serta berbeza dengan nilai-nilai Barat. Nilai-nilai *Mahathirisme* yang dilihat keistimewaannya sebagai suatu kebijaksanaan lokal Malaysia, antara lain adalah gagasan “Kebangsaan Malaysia”, Dasar Luar “*Look East*” dan dasar “*Buy British Last*”, slogan dan dasar “Kepemimpinan melalui teladan” dan “Malaysia Boleh” (Abdu Rahman Abdul Aziz.2009), serta banyak lagi. Slogan “Malaysia Boleh” masih digunakan hingga kini. Istilah ini sememangnya terkenal sehingga banyak dicontohi pihak luar negara, seperti oleh Presiden Amerika Syarikat iaitu Barrack Obama dengan versinya sendiri, iaitu “*Yes, we can*”.

Mahathirisme yang seterusnya ialah Visi 2020 atau sering ditulis “Wawasan dua puluh-dua puluh”. Idea ini dicetuskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam penyampaian kertas kerjanya dengan judul “*Laluan ke Depan*”

(*The Way Forward*) di hadapan Majlis Perniagaan Malaysia. Visi 2020 bertujuan untuk meningkatkan negara Malaysia menjadi sebuah negara industri dan negara maju sepenuhnya dalam pelbagai bidang kehidupan (sosial, politik, rohani, dan psikologi) serta juga terciptanya perpaduan kebangsaan dan sosial menjelang tahun 2020.

Visi 2020 ini telah dijadikan pedoman dan digunakan dalam pelbagai program kerja pemerintah dan agenda pembinaan jangka panjang nasional. Pihak-pihak swasta juga menyelaraskan kerja-kerja mereka dengan visi negara Malaysia ini. Dari segi akademik dan bersifat formal, visi ini terdapat dalam subjek pelajaran mahupun makalah-makalah dan buku-buku para intelektual Malaysia. Secara tidak formal pula, visi ini kerap dipromosikan melalui poster-poster, papan iklan, papan tanda, dengan atau tanpa gambar Tun Dr. Mahathir Mohamad, di jalan-jalan, dalam pelbagai akhbar, dalam jawatan atau dalam acara-acara keramaian. Turut dikesan pula melalui sebuah lagu patriotik berjudul “Wawasan 2020” yang liriknya memberi semangat visi negaranya². Selain itu juga, sebuah filem produksi Malaysia mengambil tajuk “*Twenty:20*” yang telah mendapat inspirasi dari Visi 2020 Malaysia.

Ternyata bukan hanya Malaysia yang memiliki harapan menjadi negara maju pada tahun 2020. Terdapat juga beberapa negara membangun yang lain telah mencadangkan tujuan dan sasaran yang hendak dicapai pada tahun yang sama, seperti: Trinidad dan Tobago, Chili, India, Oman, Pakistan, dan Philipina. Turut serta Shanghai juga akan memastikan untuk menjadi pusat kewangan

² Lagu berjudul “Wawasan 2020” telah dikarang oleh Besar, lihat “Wawasan 2020 Song Lyrics”. <http://www.cml.utm.my/merdeka/calon/merdeka24/wawasan.html>).

antarabangsa dan hub perkapalan global pada tahun tersebut. Namun, pihak mana yang menuruti pihak mana dalam turutan ke hadapan tidak dapat dipastikan, akan tetapi, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam salah satu tulisannya memberikan alasan yang sederhana dan rasional berasaskan pada cara yang digunakan oleh *the optometrist* (ahli cermin mata) dalam mengukur pandangan mata seseorang yang jernih sebagai contoh, iaitu 20/20 menandakan pandangan seratus peratus baik bagi kedua-dua mata seseorang (<http://www.smpke.jpm.my/> Sumber: <http://www.smpke.jpm.my/01/10/1999> 1999/01/10). Makna konotatif daripada visi 2020 Malaysia ini mengandungi harapan yang ingin dituju dan dicapai oleh negara dan bangsa Malaysia.

Mahathirisme juga turut mencakupi gagasan kebangsaan Malaysia. Kebangsaan Malaysia dalam pelaksanaannya lebih mudah dianggap sebagai gagasan yang kerap diperdebatkan. Dalam pelaksanaan kebangsaan, dapat dilihat melalui keharmonian yang wujud dalam kalangan penduduknya yang berbilang kaum, budaya, bahasa dan agama. Sehingga tepat apabila kemudian muncul gagasan kebangsaan yang menarik dan mengagumkan dalam bentuk slogan atau *tagline* iaitu “*Malaysia, Truly Asia*”. Slogan ini wujud pada tahun 1987 dan kemudian digunakan pada tahun 1999 sebagai jenama (*brand*) kempen pemasaran bagi tujuan pelancongan Malaysia ke seluruh dunia. Dengan memasarkan keberkesanan pelbagai bangsa yang terdapat di Malaysia kepada pelancong asing secara tidak langsung dapat memberi maklumat tentang keharmonian dan keindahan nilai-nilai kebangsaan Malaysia sebagai negara yang toleransi, saksama dan bersatu meskipun berbeza. Pendatang dari luar yang juga

berbeza akan tertarik dan senang berkunjung ke Malaysia yang memiliki kepastian dan jaminan adanya penerimaan atas pelbagai perbezaan.

4.5. Sumber Budaya Malaysia

Sumber budaya Malaysia sebagai kuasa insaniah sejatinya dibina sebagai sarana penyampaian nilai-nilai politik Mahathirisme. Sebagai daya tarikan, diperkasakan imej *cekap* pada medium perwakilannya berupa artifak-artifak budaya yang ditampilkan dihadapan masyarakat sasaran. Masyarakat sasaran yang terpikat dan kagum akan lebih mudah dan senang untuk diajak bekerjasama dan memberikan sokongan kepada Malaysia.

Negara Malaysia tidak seperti negara jiran yang lain, iaitu Indonesia atau Thailand, yang boleh mempamerkan kekayaan budaya tradisional serta budaya popular yang khas yang menarik sebagai unggulan kuasa insaniah mereka ke dalam bentuk yang pelbagai yang boleh dilihat dan dibanggakan. Pemerintah Tun Dr. Mahathir Mohamad berupaya mengurangkan kekurangan tersebut dengan membangunkan landasan budaya yang lebih menonjolkan unsur perpaduan dan kecanggihan dalam dunia moden semasa, meskipun budaya keturunan Melayu Malaysia yang diketengahkan. Untuk membezakan dan memberikan watak tersendiri dalam pembangunan kuasa insaniah budaya negara-negara Asia Tenggara yang lain, pemerintah Tun Dr. Mahathir Mohamad membina projek-projek mega yang canggih, berkelas dunia dan hebat yang boleh membuat pihak sasaran kagum, hormat dan memberikan penilaian yang positif bagi reputasi Malaysia.

Projek mega tersebut antara lain adalah projek kereta nasional Proton, Lapangan Terbang Udara Antarabangsa Kuala Lumpur, rangkaian bandar super moden dalam kerangka Multimedia Super Corridor iaitu Bandar Putrajaya dan Bandar Cyberjaya dan tidak ketinggalan bangunan ikon Menara Berkembar Petronas.

4.5.1. Projek Kereta Nasional Proton

Kereta nasional Proton dihasilkan oleh Malaysia untuk memberi kesan pertama bahawa Negara Malaysia sebagai negara berkembang, mampu dan kreatif dalam penguasaan dan penerapan ilmu pengetahuan dan teknologi. Pada awalnya, kereta yang diperkenalkan tidak semata dibuat sebagai sarana pengangkutan yang berfungsi, melainkan sebagai medium yang mewakili prestij berdasarkan kecekapan, dan ukuran pembangunan ekonomi. Produk kereta sangat berkaitan dengan kecekapan karya budaya tinggi dalam ilmu pengetahuan dan teknologi canggih, dan pembuatannya termasuk dalam industri berat dengan modal yang sangat besar. Oleh sebab itu, negara yang mampu membuatnya akan dikagumi masyarakat antarabangsa dan mendapat penghormatan (ta'zim) dari negara-negara lain. Namun, bagi negara pengeluar, pengeluaran kereta bukan hanya ingin memperoleh penghargaan tersebut, terdapat motivasi-motivasi lain yang lebih dalam yang bersifat politik atau ideologi yang disematkan dalam pengeluaran tersebut.

Negara-negara pengeluar kereta pada amnya termasuk ke dalam kategori negara industri maju dan kaya, atau negara Dunia Pertama. Negara-negara ini

sebahagian besar berada di bahagian barat dunia, dan di antaranya adalah negara-negara bekas penjajah, seperti Inggeris, Jerman, Perancis, Itali dan juga Amerika Syarikat. Sementara itu, pengeluar kereta yang berada di Asia, adalah Jepun, Korea dan India. Indonesia pula hanya melibatkan diri dalam tempoh waktu yang singkat untuk menghasilkan kereta nasional sendiri yang bekerjasama dengan Korea Selatan sebelum dilanda krisis kewangan pada tahun 1997.

Semasa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau ingin membuat negara-bangsa Malaysia yang dipimpinnya sebagai negara yang maju dan cekap ditandai dengan kemampuannya dalam menghasilkan kereta nasionalnya sendiri. Untuk tujuan tersebut, pada awalnya Malaysia bekerjasama dengan negara lain, iaitu Jepun, yang dipilihnya sesuai dengan wawasan dan dasar yang berorientasi ke Timur atau *Look East Policy*. Dana kebangsaan yang besar digunakan untuk menghasilkan pengeluaran berprestij ini.

Perusahaan kereta Nasional Sdn Bhd, singkatan Proton, ditubuhkan pada 7 Mei 1983. Dalam ucapan perasmian pelancaran kereta pertama Proton Saga, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kembali keputusan pemerintah untuk melaksanakan program perindustrian berat, adalah untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara perindustrian. Berikut ini petikkan ucapan beliau:

“ Keputusan Kerajaan untuk melaksanakan program perindustrian berat di negara ini adalah bertujuan untuk memperluas dan mengukuhkan asas perindustrian negara dalam usaha untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara perindustrian. Meskipun negara kita baru sahaja menceburi bidang perindustrian, ianya akan berjaya dengan sepenuhnya sekiranya kita sanggup bekerja keras, berdisiplin dan mengurus dengan cekap dan jujur.....”

“Pada hari ini, negara kita melangkah setapak lagi ke hadapan ke arah pembangunan perindustrian. Kilang Kereta Nasional dan pengeluaran

PROTON SAGA adalah bukti kesanggupan kita untuk mencapai objektif-objektif pembangunan perindustrian negara.” (Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif, Tajuk : Pembukaan Rasmi Kilang Kereta Nasional dan Pelancaran PROTON SAGA Lokasi : Shah Alam, Selangor .Tarikh : 09-07-1985 <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=622>)

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menegaskan bahawa kejayaan Projek Kereta Nasional membawa erti yang sangat besar terhadap ekonomi negara Malaysia selain berbangga dapat mengeluarkan kereta keluaran Negara sendiri. Projek ini akan menjadi nadi penggerak bagi pertumbuhan dan pembangunan industri lain dan bidang-bidang yang berkaitan, serta membuka peluang-peluang pelaburan dan pekerjaan.

Tugas berat ini disokong oleh Perbadanan Industri Berat Malaysia Berhad (HICOM), Mitsubishi Motors Corporation dan Mitsubishi Corporation dari Jepun. Kilang Proton terletak di Batu Tiga, Shah Alam, Selangor, dan di Tanjung Malim, Perak. Awalnya menggunakan teknologi dari perusahaan Mitsubishi, namun kemudian Proton mengembangkan teknologi dalam negara.

Proton telah menghasilkan pelbagai jenis kereta, dan tidak hanya untuk digunakan di dalam negara tetapi juga telah diekport, di antaranya ke negara-negara di Eropah, Asia dan juga Australia, bahkan sehingga ke Trinidad dan Tobago. Proton Saga merupakan nama kereta bagi model pertama yang dilancarkan pada bulan September 1985. Merebut perhatian pasaran kerana harga Saga lebih rendah daripada kereta lain yang sejenis dan daya tarikan patriotismenya. Pada tahun 1986, Proton cuba menjual Saga di Amerika Syarikat namun usaha tersebut kurang berhasil. Sebaliknya, varian saga Knight Proton

yang diperkenalkan pada tahun 1988 yang memang dirancang untuk pasaran Eropah cukup popular di Inggeris.

Gambar 4.1. Peluncuran Proton Putra pada Disember 30, 1996



*Gambar diambil dari: <http://www.proton.com/Corporate/About-Proton/Corporate-Information/History-of-PROTON.aspx>

Kejayaan pengeluaran automotif nasional Proton ditunjukkan melalui kemampuannya dalam memenuhi tugas sosial atau *Corporate Social Responsibility* (CSR). Proton kerap menjadi penaja utama bagi kegiatan-kegiatan domestik dan antarabangsa. Di antaranya Proton pernah menjadi penaja utama untuk Norwich City FC dari tahun 2003 hingga 2006. Dalam menyambut pelancaran Proton Gen.2 pada 7 Mac 2005, Pos Malaysia Berhad telah meraikan kejayaan pengeluaran kereta tersebut dalam bentuk pengeluaran setem khusus.

Dengan mempamerkan kemampuan mengeluarkan kereta Proton yang berimej *cekap*, pemerintah Tun Dr. Mahathir Mohamad ingin mempamerkan kepada dunia khususnya negara-negara maju di Barat bahawa negara Malaysia sebagai negara membangun telah memperoleh taraf kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, pekerja yang berkualiti, peringkat ekonomi dan budaya yang dapat

diselarikan dengan negara-negara maju yang lain. Pada ketika itu, dalam negara-negara di rantau Asia Tenggara, Malaysia telah membuktikan dirinya sebagai negara yang sudah melepasi kategori dunia ketiga dan hanya perlu melangkah melewati kategori sedang membangun, untuk bergabung dengan negara-negara industri baru (NICs) atau salah satu Macan Asia yang dapat dibanggakan.

Selain itu, dengan menggandingkan Negara Jepun sebagai rakan Asia dalam mewujudkan pembangunan industri berat ini, Pemerintah Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kepada negara-negara Barat dan negara-negara serantau akan orientasi politik kepemimpinannya yang condong ke Timur. Dengan bekerjasama dengan negara sesama dari Timur (Jepun) kejayaan boleh dicapai. Oleh sebab itu, Negara Malaysia menjadikan dirinya sebagai teladan bagi negara-negara serantau lain untuk mengikut jejaknya untuk maju sambil juga memajukan bersama dunia bahagian Timur.

Selain itu, pemerintah Tun Dr. Mahathir Mohamad mencipta dan menjadikan kereta nasional Proton berimej *cekap* untuk meyakinkan rakyatnya akan kemampuan diri mereka yang kompetitif. Kereta Proton adalah ikon dari bentuk penaklukan kecekapan budaya Barat oleh kecekapan budaya persaudaraan Timur di Asia dari negara industri baru Malaysia yang wujud berkat kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kuat.

4.5.2. Bangunan Ikon: Menara Berkembar Petronas

Persaingan global antara negara untuk mengetengahkan kuasa insaniah melibatkan persaingan untuk membangunkan bangunan tertinggi di dunia dengan

imej *brilliance*.³ Gedung, menara atau bangunan yang tertinggi dalam sesebuah negara atau tertinggi di dunia akan menjadi bangunan ikon kejayaan negara yang membuatnya. Namun, tidak semua bangunan tertinggi yang dibangunkan di seluruh dunia akan menjadi ikon kejayaan suatu kepemimpinan atau pemimpin negara yang mengasaskan dalam pembuatannya, kecuali di negara Malaysia. Di Malaysia, Menara Berkembar Petronas dan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menjadi tri-tunggal (3 dalam 1) yang sulit dipisahkan sebagai ikon-ikon yang saling mengukuhkan kehadiran antara satu sama lain.

Menara Berkembar Petronas (juga dikenal sebagai *Petronas Tower* atau hanya *Twin Towers*) di Kuala Lumpur ialah bangunan yang terdiri dari sepasang menara yang sama dengan ketinggian 451.9m (1483 kaki). Kedua-dua menara ini disambungkan oleh jejantas gantung dua tingkat (*double-decker Sky Bridge*) sepanjang 58.4 meter pada tingkat 41 dan 42. Kedua-dua menara yang berdiri menjulang tinggi dengan megah ini pernah menjadi bangunan tertinggi di dunia dari tahun 1998 hingga 2004 dari segi ukuran aras pintu masuk utama hingga atas struktur, sebelum diatasi oleh menara Taipei 101.⁴ Sungguhpun begitu, sebagai menara berkembar, menara berkembar Petronas ini masih merupakan yang tertinggi di dunia pada abad ke-20.

³ Persaingan pembangunan bangunan tertinggi ini telah berlangsung sejak bangunan tertinggi pertama, iaitu bangunan '*the Home Insurance*', dibangunkan di Chicago, Amerika Syarikat, pada tahun 1885 dan dilancarkan pada tahun 1931. Kemudian *Empire State Building* menjadi bangunan tertinggi pertama di dunia yang memiliki lebih dari 100 tingkat hingga tahun 1973 ketika dikalahkan oleh World Trade Center. Selanjutnya wujud bangunan *Willis Tower* (Sears Tower), Menara Kembar Petronas (MK Petronas) dan Taipei 101, dan Burj Khalifa (dengan ketinggian 828 meter atau 2,717 kaki) yang saling usul menyusul sebagai bangunan tertinggi di dunia. Yang terakhir ini akan dapat dikalahkan oleh Kingdom Tower, bangunan yang diusulkan di Jeddah, Arab Saudi, berketeggian mencapai 1,000 meter (3281 kaki) yang akan selesai pembangunan pada tahun 2017

⁴ Dinyatakan sebagai bangunan tertinggi di dunia ketika siap pada tahun 1998 - melebihi 442 meter Willis setinggi Tower di Chicago, Amerika Syarikat

Nama “Petronas” diambil dari nama perusahaan minyak nasional negara Malaysia yang telah memberi banyak sumbangan bagi kekayaan negara Malaysia. Dirancang oleh arkitek terkenal dan berpengalaman dalam membangunkan bangunan-bangunan tinggi, berasal dari Argentina, iaitu César Pelli bersama rakan kongsinya dari Amerika Syarikat. Terpilih melalui pertandingan reka bentuk antarabangsa, namun kemudian direka bentuk semula oleh pemerintah Malaysia, termasuk oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pembinaannya dilancarkan pada bulan September 1992 dengan menelan kos perbelanjaan yang sangat besar dan siap pada tahun 1998, serta rasmi dibuka pada tarikh 28 Ogos 1999. Menara Berkembar Petronas terletak di pusat Bandar Kuala Lumpur iaitu di jalan Ampang. Berdiri menjulang ke atas dengan jumlah 88 tingkat dan bergabung di tingkat 41 dan 42 oleh sebuah jejantas gantung dua tingkat (*double-decker sky bridge*) sepanjang 58.4 meter. Jejantas gantung berdiri 170 meter di atas permukaan jalan dengan sokongan lengkungan yang membentuk pintu gerbang simbolik pusat kota ini merupakan jejantas dua tingkat tertinggi di dunia. Jejantas gantung ini menjadikan Menara Kembar Peronas semakin unik dan menarik yang mengundang ramai pihak untuk merasa berada di jejantas yang tergantung di langit di suatu ketinggian yang luar biasa. Jejantas gantung ini memang dibuka kepada orang awam yang ingin melihat pemandangan kota dari atas meskipun dikenakan bayaran.

Gambar 4.2. Menara Berkembar Petronas



Gambar diambil dari internet:
<http://designyoutrust.com/2010/08/kuala-lumpur-inspiration-the-petronas-towers/>

Bahagian luar Menara berkembar dibuat dari *stainless steel* (keluli tahan karat) yang bersinar dan berkilauan di bawah sinar matahari. Kedua-dua bahagian menara dibuat dengan menggunakan kombinasi gaya seni bina tradisional dan moden. Gaya seni bina campuran budaya Hindu, Buddha dan Islamik atau Arab, serta pengaruh budaya Eropah dan China. Menariknya, menara berkembar ini

mempamerkan unsur angka lapan. Terdiri dari 88 tingkat dengan strukturnya mengikuti 8-aturan dari China yang memberikan kepentingan besar bagi nombor lapan, atau menggunakan reka bentuk bintang segi lapan seni Islam Melayu. Di lobi pintu masuk menara menampilkan reka bentuk gabungan motif tradisional dengan motif kontemporari Malaysia yang diadaptasi dari kain songket dan ukiran kayu, manakala reka bentuk lantai pula seperti reka bentuk tenunan tikar. Secara keseluruhan bangunan ini, baik dari luar mahupun dalam kelihatan mewah dan spektakular. Lebih lagi pada waktu malam, Menara Berkembar Petronas yang bersinar dan berkilap kelihatan berdiri anggun menyinari lingkungan sekelilingnya.

Ketika berdiri di hadapan gedung dan melihat ke arah pintu masuk, Menara Dua adalah bangunan di sebelah kiri, dan Menara Satu merupakan bangunan di sebelah kanan. Kedua-dua menara mempunyai kegunaan yang berlainan. Sebahagian besar ruangan dalam Menara Satu diperuntukkan untuk urusan pejabat (*office*). Hampir sepenuhnya dihuni oleh pekerja-pekerja Petronas, sebahagian lagi oleh projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC), serta beberapa anak syarikat dan syarikat kongsi yang lain. Sementara di Menara Dua pula, tersedia ruang-ruang untuk disewakan kepada pihak swasta tempatan mahupun antarabangsa. Di antaranya yang sudah ada adalah syarikat-syarikat *bonavide* yang terkenal.⁵,

Kemegahan bangunan menara berkembar yang luar biasa ini dimeriahkan lagi di aras-aras bahagian bawahnya oleh pusat membeli-belah dan hiburan yang

⁵ Syarikat-syarikat tersebut seperti Huawei Technologies, Accenture, AVEVA, Al Jazeera Bahasa Inggeris, Carigali Hess Bloomberg, Boeing, IBM, Khazanah Nasional Berhad, McKinsey & Co, TCS, HCL Technologies, Krawler, Microsoft, Badan (sebuah perusahaan modeling) dan Reuters.

sangat mewah, iaitu Suria KLCC.⁶ Kebanyakan kedai yang ada berasal dari luar Malaysia yang sudah mempunyai nama besar dan terkenal di seluruh dunia yang turut menjadikan Suria KLCC dan Menara Petronas semakin dikenali. Nama-nama asing atau jenama antarabangsa yang terkenal dipamerkan bagaikan pameran tanda-tanda kemewahan. Bagi mereka yang suka berbelanja (*shopaholics*) terdapat pelbagai barangan fesyen dan gaya hidup yang mempunyai kualiti terbaik dan terkenal daripada butik-butik model kelas dunia.⁷ Pelbagai jenama antarabangsa terkenal menyemarakkan dan menyokong lagi aura bintang Menara Berkembar Petronas. Tempat hiburan dan santai juga tersedia⁸, seperti pawagam, Dewan Filharmonik, Aquaria KLCC, Galeria Peronas dan Pusat Petrosains. Tidak ketinggalan juga tersedia tempat makan dari pelbagai kedai makan terkenal di dunia, seperti Dome, Kentucky Fried Chicken, MacDonald, dan lain lain.

Di aras bawah dan di luar pusat membeli-belah daripada Menara Berkembar Petronas tersedia tempat letak kereta dan taman KLCC yang cukup luas, laluan untuk pejalan kaki, pertunjukan air pancut bercahaya, kolam air dan tempat bermain untuk kanak-kanak.

Seperti bangunan tinggi lainnya, Menara Berkembar Petronas juga mempunyai pelbagai tafsiran. Misalnya, Menara Berkembar Petronas dianggap

⁶ "Suria" adalah kata Melayu asli berasal dari bahasa Sanskrit "surya", yang bererti "sinar matahari".

⁷ Di antaranya: Aigner, Alfred Dunhill, Bally, Brioni, Burberry, Calvin Klein, Chanel, Chopard, Coach, DKNY, Emilio Pucci, Emporio Armani, Ermenegildo Zegna, Fendi, Frank Muller, Giorgio Armani, Gucci, Hugo Boss, Jimmy Choo, Karen Millen, Louis Vuitton, Marc Jacobs, Miu Miu, Moschino, Paul Smith, Piaget, Prada, Rolex, Salvatore Ferragamo, Stuart Weitzman, Tod's dan Versace.

⁸ *The Tanjong Village Cinemas* yang merupakan Bioskop multiplex TGV terluas di Kuala Lumpur. Pelbagai tempat *edutainment* juga tersedia. Antara lain aquarium besar 'Aquaria KLCC' yang menampilkan terowong bawah air dengan bermacam-macam spesies ikan yang cantik dan unik dari Malaysia dan seluruh dunia. Dewan Filharmonik yang merupakan dewan konsert di Suria KLCC yang menjadi pangkalan utama Orkestra Filharmonik Malaysia. Yang lainnya adalah Galeri Petronas, iaitu galeri seni tempat pameran seni terulung di Malaysia, dan Pusat Petrosains Petronas yang menumpu pada industri penggalan minyak di Malaysia

sebagai yang sengaja dibuat untuk menandakan bandar yang membolehkan bangsa pembuatnya ditandakan pada peta dunia sebagai negara-negara moden dan metropolitan. Menara Berkembar Petronas sebagai titik pusat (*centre point*) dari sebuah bandar dan sebagai ‘ruang pameran kemodenan’ bangsanya yang tidak hanya menekankan unsur visibiliti tapi juga visitabiliti dan *investible* (dapat ‘dilebur’). Menara Kembar Petronas boleh juga dilihat sebagai salah satu bahagian dari pertunjukan KLCC yang memiliki fungsi simbolik sebagai momentum sejarah masa depan sebagai persiapan Malaysia bersaing di peringkat global, dan menempatkan negara-bangsa Malaysia sebagai warga ‘berkelas dunia’ (Tim Bunnell, 2000: 76-68). Seperti bangunan atau menara tinggi lainnya (*tall building*), Menara Berkembar Petronas juga disebut sebagai bangunan super tinggi (*super tall*) atau bangunan pencakar langit (*skyscraper*).⁹ Menara Berkembar Petronas juga kerap digelar sebagai ‘Pagoda Asia’¹⁰ kerana reka bentuk yang dibuat menampakkan kombinasi antara prinsip-prinsip bangunan dari Barat dan geometrik Islamik dengan gaya Asia ala Malaysia. Menara Berkembar bagi sebahagian orang, di katakan seperti menara ‘panoptikon’ dari Bentham dan Foucault, yang dibangunkan untuk mengawasi dan mengendalikan perhatian dan keutamaan masyarakat.

Membina bangunan tinggi dengan daya jangkau yang luas merupakan suatu prestasi kecekapan. Mereka yang melihat akan merasa kagum seperti

⁹ Yang disebut sebagai pencakar langit (*skyscraper*) biasanya adalah bangunan yang dibuat dari karangka baja dengan ketinggian lebih dari sepuluh tingkat, atau berdasarkan keterangan dari www.emporis.com, berketinggian lebih dari 35 meter, yang dirancang untuk penggunaan pejabat dan komersial (Donald McNeil, 2005: 42).

¹⁰ Pada awal abad ke-20, bangunan-bangunan tinggi didominasi oleh negara-negara Barat dengan bentuk geometrik yang sederhana yang mencerminkan kecenderungan (trend) gaya antarabangsa atau falsafah moden. Kemudian pada abad selanjutnya ketika bangunan pencakar langit mula wujud di negara-negara Asia, maka pendekatan rancangan seni bina juga beralih. Bersamaan dengan pengaruh postmodernisme maka keinginan untuk memasukkan unsur-unsur maknawi yang bersifat kearifan lokal, baik dalam budaya, sejarah mahupun kepercayaan setempat yang digabungkan dengan unsur-unsur falsafah dan teknologi moden menjadi satu kegiatan yang pasti.

diingatkan akan kehebatan imej *brilliance* negara Malaysia, yang menggiring mereka secara langsung untuk mengakui bahawa Malaysia adalah negara yang cekap. Selain itu, keberanian negara dalam menyaingi bangunan menara tertinggi di negara lain yang terlebih dahulu mempunyai nama kemashyuran, tidak hanya akan mendulang reputasi antarabangsa tetapi juga merebut semua prestasi reputasi, dan kemashyuran yang telah diraih oleh bangunan menara saingannya yang terdahulu. Cara ini merupakan jalan pintas yang kreatif dalam memperoleh kuasa kemashyuran sebagai suatu kuasa insaniah walaupun melibatkan kos pembangunan yang sangat besar. Oleh itu, saat kemenangan menara kembar Petronas pada tahun 1998 sebagai menara tertinggi di dunia dengan mengalahkan bangunan menara termashyur sebelumnya yang terdapat di negara Barat dan dimiliki oleh negara *super power*, iaitu Menara Willis (sebelumnya *Sears Tower*) di Amerika Syarikat telah diraikan oleh negara dan rakyat Malaysia sebagai simbol kemenangan kecekapan kreativiti negara di sepanjang sejarah pembangunannya. Menara Kembar Petronas kemudian menjadi ikon kejayaan dan kebanggaan bagi negara dan bangsa Malaysia khususnya, dan kebanggaan bagi negara berkembang yang lain, termasuk yang terdapat di Asia.

4.5.3. Koridor Raya Multimedia Malaysia, KLCC, Cyberjaya dan Putrajaya

Multimedia Super Corridor (MSC) Malaysia merupakan projek pembangunan zon ekonomi berkemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang komprehensif. Diwujudkan sesuai dengan visi seperti yang diketengahkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1 Ogos 1996 iaitu menyediakan lingkungan multimedia yang

ideal dan menarik untuk perniagaan bagi syarikat-syarikat multi-nasional asing. Selain itu, projek MSC juga diarahkan untuk mempercepat transformasi negara Malaysia menuju masyarakat berpengetahuan di tahun 2020.

Keluasan MSC adalah seluas 750 kilometer persegi, memanjang dari sebelah Utara di Pusat Kota Kuala Lumpur (KLCC) ke Selatan hingga Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang. Dalam lingkaran kawasan ini, MSC dibangunkan dua projek mega iaitu Putrajaya dan Cyberjaya. Putrajaya merupakan pentadbiran pemerintahan persekutuan Malaysia yang baru, Manakala Cyberjaya pula merupakan bandar teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan bangunan-bangunan “pintar”, universiti teknologi maklumat dan infrastruktur ICT mutakhir yang diperuntukkan bagi kehidupan dan perniagaan.

Terdapat tujuh aplikasi spesifik yang dianggap sebagai pembuka projek MSC. Aplikasi-aplikasi tersebut adalah: e-pentadbiran (*e-government*), pengubatan jarak jauh (*telemedicine*), penyelidikan dan pembangunan, tapak pembuatan global, dan pemasaran tanpa batas, kad pelbagai guna, dan sekolah pintar. Semua itu merupakan aplikasi konseptual untuk menyediakan lingkungan yang optimal untuk menyokong syarikat multimedia di dalam MSC.

Aplikasi-aplikasi tersebut akan menyediakan Malaysia dan syarikat antarabangsa lain peluang untuk beroperasi secara lebih terbuka dengan industri-industri maju dalam bidang multimedia, institusi penyelidikan dan akademik, serta pelanggan dalam satu lokasi pelaburan yang menurut pemerintah Malaysia sebagai paling menarik di dunia. Aplikasi-aplikasi tersebut juga membolehkan syarikat-syarikat untuk membangunkan pusat kecerdasan untuk aktiviti

penyelidikan dan pengembangan serta mewujudkan pusat perkhidmatan nilai tambah antara syarikat-syarikat yang ada di peringkat serantau dengan pelanggan-pelanggannya.

Bandar di mana aplikasi-aplikasi yang dinyatakan dibangunkan adalah Cyberjaya. Dirasmikan pada Mei 1997 oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad. Pada peringkat awal pembangunan, bandar ini direncanakan sebagai taman ilmu pengetahuan dan menjadi pusat utama dari MSC di Malaysia. Bandar ini diidamkan untuk menjadi Lembah Silikon Malaysia, seperti yang terdapat di Amerika Syarikat. Bandar ini diharapkan menjadi pusat perkembangan negara Malaysia untuk masa yang akan datang dengan wujudnya pelbagai perusahaan dalam bidang teknologi maklumat. Tema utama pembangunan Cyberjaya secara ringkas adalah: menjadi pusat multimedia yang akan menarik syarikat-syarikat multimedia atau IT bertaraf dunia; menyediakan infrastruktur bersepadu dan sistem IT yang canggih; dan sistem pengangkutan yang canggih dan cekap dengan penekanan kepada pengangkutan awam. Di bandar ini juga terdapat universiti Multimedia yang mendidik pelajar menjadi pakar IT yang diperlukan bagi kemajuan MSC Malaysia.

Bandar yang termasuk dalam projek MSC Malaysia adalah Kuala Lumpur City Centre atau KLCC yang dikenali sebagai kawasan segitiga mas Kuala Lumpur. Dirancang untuk menjadi sebuah bandar di dalam sebuah bandar, dengan keluasan 100 hektar. Di dalam KLCC inilah menara tinggi berkembar Petronas

dibangunkan, selain pusat-pusat perniagaan, pelancongan dan hiburan yang menarik dan berkelas dunia.¹¹

Selain itu juga, pusat membeli-belah di sekitar jalan Bukit Bintang yang menyerupai Ginza Tokyo, New York Fifth Avenue dan Orchard Road Singapura, telah memainkan peranan besar dalam menarik pelanggan. Suria KLCC merupakan salah satu tujuan utama perbelanjaan di Malaysia kerana lokasinya di bawah Menara Kembar Petronas. Untuk lebih memikat pelancong, sejak tahun 2000, Menteri Pelancongan Malaysia mengadakan aktiviti jualan mega tiga kali setahun, dengan potongan harga yang menarik untuk semua berbelanja di Malaysia. Semua pusat perbelanjaan didorong untuk menyertai aktiviti ini dalam menjadikan Kuala Lumpur sebagai tujuan pelancongan terkemuka.

Selain itu, di KLCC juga bagi peminat dunia hiburan waktu malam disediakan pilihan tempat untuk bersukaria seperti *Zouk Club*, *Cynna Bar*, *Heritage Mansion*, dan *Row Heritage*. Berdekatan dengannya disediakan hotel lima bintang yang merupakan lanjutan rangkaian hotel besar di seluruh dunia.

Bangunan peninggalan selepas penjajahan dan bangunan baru dan tinggi di KLCC diubah suai dengan indah oleh senibina moden dan pascamoden yang merupakan perpaduan pengaruh penjajahan lama, tradisi Asia, dan inspirasi Islam Melayu. Seperti Stesen kereta api, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Menara

¹¹ Dataran Merdeka (Merdeka Square) di Gedung DPR, Istana Budaya, Istana Negara (National Palace), Kuala Lumpur Tower, Muzium Negara (National Museum), Dunia Putra Trade Centre, Negara Tugu (Monumen Nasional) dan masjid seperti Masjid Jamek, di Masjid Negara (National Mosque) dan Persekutuan Territory Masjid. [54] tempat-tempat pelancongan lainnya termasuk Aquaria KLCC, Gua Batu, Makam Pahlawan (Nasional Mausoleum), National Science Centre, Petaling Street, Royal Selangor Pewter Visitor Centre, Zoo Negara (National Zoo), dan acara-acara seperti pusat kebudayaan Melayu, festival budaya Cina di Thean Hou Temple dan perarakan Thaipusam di Sri Mahamariamman Temple.

Telekom, Menara Berkembar Petronas, Menara Maybank, Kompleks Dayabumi, dan Pusat Islam.

Kuala Lumpur semakin indah dan unik dengan berdirinya dua buah menara tinggi dunia. Selain Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur atau *KL Tower* juga antara menara tinggi dunia yang secara rasmi dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tarikh 1 Oktober 1996. Menara Kuala Lumpur terletak di atas Bukit Nanas dengan ketinggian 421m (1403 ft), merupakan struktur bangunan tertinggi di Asia Tenggara, dengan struktur konkrit tunggal tertinggi di dunia dan menara komunikasi tertinggi keempat di dunia (selain Menara CN 553m di Toronto, Menara Ostankino 537m di Moskow, dan Menara Shanghai 450m di Shanghai). Dalam KLCC juga terdapat kemudahan pendidikan berkualiti antarabangsa. Terdapat beberapa sekolah Antarabangsa, seperti *Fairview International School* dan *Alice Smith International School*. Pengangkutan awam seperti Putra LRT (*Light-Rail Transit*), Star LRT dan KL Monorail membuat perjalanan dari dan menuju ke KLCC dan tempat-tempat lain secara cepat dan nyaman. Selain itu, dari lapangan terbang KLIA juga disediakan laluan bagi pengangkutan yang secara langsung boleh sampai ke pusat KLCC dengan cepat. Semua kemudahan yang disediakan dan dirancang adalah untuk saling menyumbang dalam pembangunan Malaysia supaya dapat menjadi daya tarikan, kesenangan dan populariti KLCC untuk sentiasa dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat terutamanya pelancong asing.

Bandar lain yang termasuk dalam zon MSC Malaysia adalah bandar baru Putrajaya¹². Bandar ini dilihat sebagai bandar bertema (*theme city*). Selain diperuntukkan sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Malaysia yang bersifat formal, bandar ini juga dirancang ke dalam perancangan bandar yang bersifat hiburan bagi pelancong tempatan mahupun antarabangsa.

Sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Malaysia, bandar Putrajaya dilengkapi dengan teknologi jaringan maklumat dan telekomunikasi multimedia yang terbaru dan canggih, serta sistem pengangkutan dan pelbagai kemudahan jenis pengangkutan am yang lengkap untuk menghubungkan Putrajaya dengan wilayah-wilayah di luarnya. Pusat pentadbiran Bandar Putrajaya terletak dikawasan Perdana yang terdiri dari lima presint, iaitu Presint Kerajaan, Presint Komersial, Presint Awam dan Kebudayaan; Presint Pembangunan Campuran, dan Presint Sukan dan Rekreasi. Sementara kawasan Kerajaan Persekutuan terletak di Presint kerajaan yang berkedudukan strategik di semenanjung yang dikelilingi oleh tasik buatan.

Bandar bertema dilihat dari pelbagai bangunan yang spektakular dibina dengan pembangunan menyerupai bangunan-bangunan megah yang terdapat di tempat lain dan terkenal di dunia. Contohnya, Putrajaya Boulevard mengambil model dari *the Champs Elysees* di Paris dan yang serupa di Iran (Tourism Malaysia, Tourism Malaysia, Ministry of Tourism, September 2009, Cr/Ih/MPM). Di hujung Selatan Baoulavard, terdapat bangunan pejabat Perdana Menteri (*The*

¹² Bandar Putrajaya dahulunya bernama Perang Besar dan berada di bawah wilayah negara bahagian Selangor. Wilayahnya seluas 46 km² dan lokasinya terletak di antara Bandar Kuala Lumpur di sebelah Selatan dan *KL International Airport* (KLIA), Sepang di sebelah utaranya. Bandar ini ditubuhkan pada 19 Oktober 1995 dan pada 1 Februari 2001 Putrajaya dirasmikan sebagai wilayah persekutuan Malaysia yang ketiga (dua wilayah lainnya adalah Kuala Lumpur dan Labuan) oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Bandar ini diurus oleh Perbadanan Putrajaya (*Putrajaya Corporation*), dan penduduknya sebahagian besar adalah para pegawai kerajaan.

Office of the Prime Minister), dan di ujung Selatan terdapat bangunan *Putrajaya International Convention Center* (PICC). Kedua-dua bangunan megah ini telah menjadi ikon-ikon Malaysia.

Dengan moto: *Bandar raya Taman, Bandar raya Bestari (Garden City, Intelligent City)* Putrajaya dilengkapi dengan lingkungan alam buatan untuk mengimbangi kelestarian dan memberi pemandangan yang menyegarkan. Antaranya, pembangunan taman-taman yang indah dan terancang, dan beberapa tasik buatan, iaitu Taman Selatan, Taman Wetlands Putrajaya dan Tasik Putra. Terdapat juga beberapa jejantas yang dibina dengan reka bentuk yang indah dan mengagumkan. Salah satunya adalah Jejantas Putra yang melintas di atas Danau Putrajaya yang menghubungkan antara Presint Pemerintah dengan Presint Pengembangan Campuran dan juga menghubungkan Putra Square dengan Dataran. Jejantas ini dilihat mempunyai persamaan dengan Jejantas Khaju di Esfahan di Iran. Yang menariknya, bangunan Jejantas ini berupa tiga dek besar yang telah direka untuk menjadi ciri khas Putrajaya.

Terdapat juga beberapa bangunan yang menjadi ikon Bandar Putrajaya dan ikon-ikon Malaysia. Seperti "Perdana Putra"¹³ yang terletak menghadap ke Dataran Putra yang mula dibina pada tahun 1997, dan siap pada April 1999. Selain itu, Sri Perdana terletak di atas sebuah kawasan yang berbukit di tengah-tengah bandar Putrajaya yang membolehkan pemandangan dilihat dari segala penjuru di kawasan tersebut. Sri Perdana adalah tempat kediaman rasmi Perdana

¹³ Terdiri dari Jawatan Perdana Menteri, Wakil Perdana Menteri, Menteri dan Wakil Menteri dalam Jabatan Kementerian, Ketua sekretari Pemerintah, Unit koordinasi Pelaksanaan, dan Industri Malaysia-Kelompok Pemerintah untuk Teknologi Tinggi (MIGHT).

Menteri. Bangunan Sri Perdana yang cantik dihias dengan kesenian ukiran Melayu zaman dahulu.

Berdekatan dengan Dataran Putra terdapat bangunan masjid, iaitu Masjid Putra yang dikelilingi oleh tasik Putrajaya. Masjid ini direka bercirikan elemen-elemen Islamik dari negara-negara Parsi, Turkmenistan, Kazakhstan and Morocco. Jalan masuk utama ke Masjid ini dibina mengikut corak pintu gerbang dari Persia. Perkara yang menarik dengan seni bina Masjid ini adalah kubah Masjid ini berwarna merah jambu, dengan reka bentuk dan hiasan ukiran menyerupai ukiran yang ada pada kubah-kubah masjid di Mesir. Selain itu, bahagian dalam kubah dihiasi ukiran dan hiasan yang diilhamkan dari seni ukiran tradisi etnik Melayu. Bangunan Masjid ini terdiri dari empat aras. Di salah satu aras, terdapat muzium manuskrip Al-Quran dan perpustakaan.

Gambar 4. *The Putrajaya International Convention Centre (PICC).*



*Gambar diambil oleh penyelidik

Putrajaya juga menyediakan tempat untuk mengadakan mesyuarat atau persidangan yang bertaraf antarabangsa, iaitu *The Putrajaya International Convention Centre* (PICC). PICC menyediakan kemudahan pertemuan berkelompok dengan pusat-pusat persidangan antarabangsa seperti yang ada di London, Tokyo dan Paris. PICC terletak di atas dataran yang sedikit berbukit, iaitu di atas Taman Puncak Selatan di Presint 5, menghadap danau yang indah dan berada tepat diujung Dataran sehingga kewujudan PICC yang megah dapat dilihat dengan jelas dari pelbagai kawasan sekitar. Bangunannya berbentuk bulat dan bumbungnya pula dianggap unik dengan bentuk seperti topi koboi dari Amerika. Sebahagian besar dinding bangunan dibina menggunakan kaca, sehingga sinar matahari boleh menerangi auditorium. PICC juga telah mendapat beberapa penghargaan selepas pembinaannya yang banyak memberi kemudahan kepada negara.

Gambar 4.4 Monumen Milenium dan Mercu Tanda Pertama Putrajaya



*Gambar diambil oleh penyelidik

Selain itu juga, terdapat juga sebuah tugu peringatan yang disebut Monumen Milenium yang mempunyai ketinggian mencapai 68 meter dan berdiri di sebuah taman luas di Presint 2. Tugu ini hampir sama dengan tugu Washington di Washington DC. Bentuknya seperti obelisk (tanda) yang direka menggunakan logam kukuh dengan lukisan yang menunjukkan tempoh-tempoh penting sejarah bangsa Malaysia. Pada malam hari tugu ini akan memancarkan cahaya terang mewarnai kawasan sekeliling Bandar Putrajaya.

Pembangunan Putrajaya dimulai dengan pembangunan Mercu Tanda Pertama Putrajaya (*The Landmark Putrajaya*) pada tahun 1995. Berbentuk struktur kapsul dengan campuran tema berteknologi tinggi, bermotif kontemporari dan tradisional. The Landmark Putrajaya terletak di kawasan tertinggi dalam Taman Putra Perdana di Presint 1 Putrajaya.

4.5.4. Lapangan Terbang Udara Antarabangsa Kuala Lumpur

Kuala Lumpur International Airport (KLIA) terletak di Sepang, Selangor, 50 kilometer dari Kuala Lumpur, adalah lapangan terbang antarabangsa terbesar dan yang paling sibuk di Malaysia dan di Asia Tenggara. Kos pembangunan lapangan terbang ini menjangkau RM 8.5 bilion atau US \$ 3.5 bilion ("History of KLIA". 1998. <http://www.dcaklia.gov.my/EnglishPages/MENU/MainFrame.htm>) untuk menggantikan *Subang International Airport*¹⁴ dan menjadi terminal utama (hub) untuk syarikat penerbangan Malaysia Airlines dan Air Asia. Dibangunkan

¹⁴ Subang International Airport sekarang bernama Sultan Abdul Aziz Shah Airport

menggunakan konsep memuliakan hutan yang hijau dan rimbun untuk memberikan suasana damai, dan memperkenalkan alam flora Malaysia kepada penumpang terutama pelancong. Dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afa pada 27 Jun 1998.

KLIA adalah sebuah lapangan terbang yang terdapat pelbagai kemudahan dan perkhidmatan serta sikap petugas yang mesra pelanggan dan ramah dapat membuatkan penumpang merasa selesa dan rasa dihormati. Namun, menurut Vilirio, KLIA dilihat sama dengan lapangan terbang yang melalui proses pemodenan yang lain. Vilirio menyatakan bahawa lapangan terbang tidak lagi sekadar tempat pendaratan pesawat udara dengan kedatangan pengunjung dan barang, malah juga turut menjadi fokus ritual dan pameran spektakuler pelbagai medium dengan pelbagai mesej, peraturan dan kedaulatan sekaligus sebagai satu lokasi hiburan berkelas antarabangsa melalui anggapan pertama (dan juga terakhir) mengenai suatu negara dibentuk bagi pelawat mahupun pelancong (John Armitage. 2000). Dengan model lapangan terbang seperti inilah, KLIA dibina untuk mendapatkan kesan bagi imej yang cekap Malaysia yang menyumbang dalam pembinaan kuasa insaniah.

KLIA merupakan salah satu terminal terluas di dunia yang mampu menampung lebih dari seratus juta penumpang setiap tahun. Secara keseluruhan, bangunan yang berhubungan dengan penumpang dikenali sebagai Kompleks Terminal Penumpang (*The Passenger Terminal Complex/PTC*). PTC terdiri dari tiga bangunan, iaitu Bangunan Terminal Utama (*the Main Terminal Building*), Bangunan Satelit (*the Satellite Building*) dan bangunan anjung atau *the Contact*

Pier (the rectangular-shaped terminal). PTC dibina dengan perancangan yang menekankan pada aspek keluasan. Bumbung bangunan yang tinggi dan luas memberi ruang bagi udara beredar secara semulajadi dan memberi perlindungan dari sinar matahari atau hujan. Cahaya matahari boleh memancar memasuki bangunan, khususnya melalui sebahagian besar dinding yang terdiri dari susunan kaca. Penggunaan kaca sebagai dinding bangunan ini membolehkan penumpang atau orang awam untuk melihat pesawat melakukan pendaratan atau berlepas serta kegiatan-kegiatan yang lain di landasan seperti aktiviti mengangkut barang. Pemandangan ini dapat memberi kesan kagum kepada pemelihat yang biasanya tidak dapat dirasai di lapangan terbang di tempat lain. Selain itu juga, juga disediakan laluan monorail atau *aerotrains* sebagai penghubung yang membawa penumpang ke tempat pemeriksaan imigrasi dengan lebih cepat dan ringan.

Secara fungsional, KLIA telah mempunyai catatan reputasi yang membanggakan dengan mendapat sejumlah penghargaan dari pertubuhan-pertubuhan dunia. Penghargaan tersebut dinilai dari kemampuan menangani jumlah penumpang dan pengiriman kargo.¹⁵ Penilaian oleh pengunjung pula sebagai salah satu medium yang memperlihatkan imej-imej *cekap* adalah dari beberapa perkara yang dialami.

Perkara pertama yang dinilai oleh pengunjung adalah dari segi keselamatan melalui cara dan peralatan pegawai dalam menegakkan kedaulatan. Seperti peralatan teknologi dan maklumat yang bijak dan canggih yang direka

¹⁵ Pada tahun 2006, KLIA merupakan lapangan terbang antarabangsa paling sibuk ketujuh di Asia. Pada tahun 2008, KLIA menduduki peringkat ke dua puluh tujuh lapangan terbang paling sibuk oleh lalu lintas kargo. Pada tahun yang sama, KLIA telah meraih peringkat ke empat dari lima peringkat lapangan terbang berprestij (*the top five airports*) di dunia dari *Skytrax Airport of the Year awards*. Selain penghargaan-penghargaan tersebut, KLIA adalah lapangan terbang pertama di dunia yang diberi akreditasi dengan *Airport Service Quality (ASQ)* dan *Assured certificate from Airports Council International (ACI)*. <http://www.malaysiaairports.com.my/index.php/international/kl-international-airport-klia>

agar kepadatan penumpang dapat diatasi dengan membuat pengunjung dapat bergerak ke seluruh tempat atau penjuru bangunan tanpa perlu bersesak dalam tempat yang sama. Panduan dengan tanda-tanda kemudahan yang disediakan dalam pelbagai bahasa juga telah memberikan satu ciri keselamatan kepada pengunjung luar (asing) yang berada di tempat baru. Kemudahan untuk keselesaan dan keselamatan pengunjung OKU juga disediakan sesuai dengan standard dunia. Pegawai keselamatan KLIA sebagai petugas keselamatan nasional dilengkapi dengan TAMS (Sistem Total Manajemen Lapangan terbang atau Total Airport Management System) untuk boleh meyakinkan pengunjung bahawa mereka aman dari ancaman pihak luar.

Keselamatan berimej *cekap* juga boleh dilihat dari kemudahan sanitasi dan kebersihan secara menyeluruh di dalam semua ruang KLIA sebagai jaminan keselamatan kesihatan bagi penumpang. Ruang yang luas untuk peredaran udara yang segar dan wangi, lantai yang bersih dan berkilat, dan penyediaan tempat pembuangan sampah dan kotoran. Lapangan terbang ini juga menyediakan kemudahan tandas lima bintang yang lengkap dan petugas kebersihan sentiasa menjaga kebersihan di kawasan ini yang membuatkan penumpang sentiasa selesai akan keselamatan kesihatannya. Antara kemudahan yang lain adalah penyediaan kerusi-kerusi rehat yang empuk bagi penumpang semasa menunggu penerbangan berikutnya. Pelancong pengembara (*backpacker*) dibiarkan tidur terlentang jika perlu di kerusi ruang menunggu. Air mineral percuma bagi yang haus tersedia. Perkhidmatan *hotspot* internet dengan komputer tersedia bagi penumpang yang memerlukan. Kesan imej *cekap* dari pembentangan kemanan negara dan jaminan

keamanan kemanusiaan yang ditunjukkan di lapangan terbang ini dapat meyakinkan pengunjung asing untuk menjadikan Malaysia terutama Kuala Lumpur sebagai destinasi yang aman dan menjamin keamanan. Kuasa insaniah negara Malaysia wujud dengan sendirinya secara jelas di dalam agen-agen keamanan yang mengatur keselamatan terminal dan kelengkapan yang tersedia untuk melayani penumpang atau pengunjung.

Imej-imej *cekap* Malaysia juga boleh dilihat dari pertunjukkan simbol-simbol kebangsaan di KLIA. Berada di PTC para penumpang dapat melihat susunan simbol-simbol budaya dan nasional Malaysia. Misalnya simbol yang dikeluarkan oleh syarikat penerbangan nasional dengan gambar atau logo Wau, iaitusalah satu simbol layang-layang tradisional Malaysia. Namun, yang paling menarik adalah yang terdapat dalam ruang *lounge* kedatangan di KLIA, yang telah diperuntukkan sebagai ruang pameran (*display*) warisan nasional (*national heritage*). Simbol-simbol nasional ditampal di pelbagai sudut di sekitar KLIA yang menjadikan suasana KLIA lebih menarik, seperti yang dikatakan oleh Iyer, memainkan peranan besar dalam membentuk kesan pertama (*first impression*) akan suatu tempat. *Lounge* kedatangan di KLIA ini seakan menyatakan “Ini adalah kami sebagai sebuah bangsa (yang satu) ...Malaysia!”. Selain itu, seperti yang dikatakan Debbi Lisle, lapangan terbang juga menciptakan bentuk eksotik dari yang dangkal atau cetek (budaya popular) dan mempamerkan perkara-perkara yang aneh atau unik nasional hingga dapat pengakuan global (Francois Debrix, and Cynthia Weber. 2003: 13) Seperti terdapatnya kedai cenderamata yang menyediakan gantungan kunci berupa miniatur Menara Berkembar Petronas, T-

shirt bergambar bunga kebangsaan yang tertulis “*I Love Malaysia*”, alat tulis pen dengan corak dan warna bendera Malaysia, poskad bergambar tempat-tempat menarik di Malaysia dan sebagainya.

Simbol nasional yang memberi imej tentang harapan negara Malaysia atas lingkungan hidupnya juga dipamerkan di lapangan terbang ini. Bertambah unik lagi apabila di tengah-tengah bangunan terminal, para penumpang dipamerkan oleh suatu pemandangan lanskap hutan dibalik kaca, iaitu pohon-pohon dan air terjun buatan. Lanskap hutan ini juga menjadi hiburan dan rasa santai para penumpang dalam menyegarkan kembali tenaga yang diperlukan bagi suatu perjalanan. Komitmen negara Malaysia untuk mempromosikan tanggungjawab terhadap lingkungan penumpang dari dalam dan luar negara telah diakui dan dianugerahi perakuan pertama dan kepada satu-satunya lapangan terbang oleh Green Globe pada tahun 2004.

Yang ketiga adalah imej cekap yang paling gemerlap melalui pertunjukan imperatif komersial KLIA, yang menjadikan dirinya seperti sebuah pusat membeli belah antarabangsa. Di dalam KLIA, penumpang yang masuk selalunya akan masuk ke dalam perangkat rayuan komersial. Di sini Individu tidak hanya ditransformasi menjadi penumpang tetapi juga sebagai konsumer yang berharga. Dari pintu pelepasan, penumpang akan memasuki kawasan Terminal Satelit tempat terdapatnya *tax-free shopping* (kedai bebas cukai). KLIA juga menjadi tuan rumah bagi empat tumpuan retail utama: barangan mewah, barangan perjalanan (higienis personal, cermin mata, makanan ringan, majalah, buku poket, dan sebagainya); minuman (kafe, bar atau pub, serta restoran-restoran yang

terkenal); dan produk tradisional (kedai cenderamata). Beberapa butik jenama taraf antarabangsa yang terkenal juga terdapat dalam kawasan satelit KLIA. Selain itu, Hotel lima bintang, iaitu Hotel Pan Pacific KLIA menyediakan kemudahan transit yang mewah dan berprestij.

Imej *cekap* KLIA juga dilihat dari budaya konsumerisme yang dapat dilihat dalam setiap sudut, khususnya di pusat perbelanjaannya (*Mall*). Mesej-mesej komersial untuk menarik keinginan pelanggan di lapangan terbang ini dipaparkan pada setiap ruang yang tersedia. Ini dapat dilihat pada papan-papan iklan (*billboards*) di dinding-dinding, iklan-iklan pada kedua-dua sisi landasan jalan yang bergerak (*moving walkways*), dan slogan-slogan pada troli barang penumpang (*luggage trolley*). Pusat membeli-belah di dalam KLIA sudah menjadi keperluan penumpang dan pelancong masa kini, sejak budaya konsumerisme tidak lagi boleh dipisahkan dari kehidupan dan gaya hidup harian masyarakat dunia. Dengan menjadikan KLIA menjadi pusat kuasa magnetisme dalam pelbagai kemudahan tarikan, KLIA sama seperti lapangan terbang antarabangsa di negara lain telah menjawab cabaran dan peluang yang diberikan mengikut zaman. Masyarakat konsumer terdorong untuk menggunakan semua kemudahan yang ditawarkan. Sejauh mana daya tarikan sesebuah medan membeli-belah (*mall*) di dalam lapangan terbang, telah mengurangkan perbezaan antara *mall* dan lapangan terbang untuk tidak lagi semata kerana masalah reka bentuk. Kesan positif terakhir yang didapat para pelancong sebelum mereka kembali ke tempat asalnya adalah diperoleh dari *Mall* di KLIA. Oleh sebab itu, KLIA harus boleh membuat penumpang menjadi pengunjung dan konsumer yang ingin menghabiskan

waktunya lebih lama dalam menjalankan gaya hidup pelancong moden di lapangan terbang, berbelanja, menikmati hidangan dan menghabiskan sisa mata wang asingnya. Apabila berjaya maka terbuktiilah kuasa insaniah Malaysia juga memainkan peranan dengan baik.

4.5.5 Acara: *Commonwealth Games* ke XVI - 1998

Kemampuan negara dalam menyelenggara acara besar sukan antarabangsa menjadi penting dalam pencarian reputasi dan prestasi, serta mewujudkan identiti yang berdaya saing (Simon Anholt.2007: 110) Imej-imej negara tuan rumah (*host country*) mempunyai peluang besar untuk dipamerkan secara langsung dan dilihat tidak hanya oleh atlet asing yang datang tetapi juga oleh penonton luar negara melalui liputan media antarabangsa ke seluruh dunia. Salah satu kelebihan daripada acara antarabangsa ialah apabila tuan rumah mahir atau cekap dalam mengatur pelaksanaannya dan berjaya mempersembahkan upacara pembuka dan penutup acara yang mengagumkan sehingga terpahat dalam memori peserta serta penonton televisyen di seluruh dunia. Kejayaan penyelenggaraan acara sukan antarabangsa ini dapat membantu meningkatkan kuasa insaniah negara ke seluruh dunia dengan keuntungan-keuntungan bagi yang menyertainya (Uma Purushothaman. 2010). Seterusnya negara tuan rumah akan menjadi sorotan mata dunia dan media antarabangsa selama acara berlangsung.

Malaysia tidak melepaskan peluang yang ada untuk menampilkan kesanggupan dan kejayaan negara-bangsanya dihadapan dunia untuk menarik perhatian antarabangsa apabila mendapat peluang pertama untuk menjadi tuan

rumah perlumbaan sukan negara-negara Komanwel. Peluang baik ini menawarkan prestij antarabangsa tersendiri kepada Malaysia (*Mahathir, The Past And The Present*, Kumpulan Pidato pada <http://www.mahathir.com/malaysia/speeches/1998/1998-09-08.php>).

Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mengibarkan kemenangan Malaysia bahkan sebelum pertandingan dimulai apabila beliau memaklumkan bahawa Malaysia adalah negara pertama yang bukan berbangsa keturunan Inggeris tetapi terpilih menjadi negara penyelenggara berdasarkan hasil kemenangan pemilihan di antara negara-negara anggota Komanwel. Commonwealth Games ke XVI (CG) yang diadakan pada tahun 1998, merupakan peristiwa sukan terbesar terakhir di abad ke-20 yang pertama kali diadakan di Benua Asia dan yang pertama kali juga diselenggarakan oleh negara membangun. Pada kesempatan ini juga adalah yang pertama kali menggunakan teknologi maklumat untuk pertandingan dan sistem pengurusan keputusan, dan beberapa prestasi keutamaan yang lain. Acara CG XVI di Kuala Lumpur ini menjadi arena bagi Malaysia untuk memperoleh nama baik atau reputasi antarabangsa dan memberikan memori manis bagi semua peserta dari pelbagai bangsa. Di antaranya adalah dengan mempamerkan persembahan imej-imej kehebatan Malaysia.

Acara ini berlangsung pada 11 September hingga 21 September 1998 di kompleks sukan negara di daerah Bukit Jalil. Acara yang berlangsung penuh dengan gegak gempita, warna warni soroton cahaya laser dan kemeriahan suara terompet acara majlis pembukaan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar bin Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan penutupannya oleh Queen Elizabeth II,

dan dimeriahkan pula oleh bintang terkenal antarabangsa Celine Dion dan Rod Stewart. Penonton yang hadir memenuhi ruang stadium dan mendapat liputan oleh rancangan televisyen RTM secara langsung dan dipancarkan ke seluruh dunia.

Sebagai tuan rumah, Malaysia tidak hanya harus sahaja menunjukkan kebolehan atlet-atletnya di medan pertandingan sukan, malah juga harus menunjukkan kebolehan dalam kecekapan menyediakan kemudahan yang memadai dan berstandard antarabangsa. Perkara ini dilakukan oleh pemerintah Malaysia yang membangunkan prasarana stadium sukan yang canggih untuk pertandingan-pertandingan seperti acara ini. Seluruh kegiatan CG XVI bertempat di kompleks sukan negara Bukit Jalil yang dibina berkelas dan berstandard antarabangsa seperti yang tergambar pada stadium-stadiumnya yang megah. Dilengkapi dengan alat teknologi tinggi daripada sistem kuasa yang dinamik untuk menyiarkan muzik dan mesej serta sistem pencahayaan yang diprogramkan. Salah satu yang sangat menarik perhatian dari stadium ini ialah kerusi-kerusi yang diberi pelbagai warna mewujudkan kesan visual gerakan bendera Malaysia.

Sebagai tuan rumah Malaysia berkesempatan untuk menampilkan logo bagi acara ini, iaitu bunga Hibiscus yang mewakili warisan budaya negara Malaysia. Biasanya logo-logo pada acara pertandingan CG sebelumnya berwarna merah, putih dan biru sahaja untuk menggambarkan warna-warni bendera Inggeris Raya. Namun kali ini Malaysia menambahnya dengan warna kuning. Melalui penambahan warna pada logo tersebut, Malaysia ingin menandai sekaligus

mengabadikan kehadiran dan keberaniannya dalam acara besar yang bersejarah bagi sejarah Komanwel.

Gambar 4.5 Logo Commonwealth Games XVI 1998 Kuala Lumpur



Gambar diambil dari internet: <http://i1.ytimg.com/vi/VyCz6pSK51U/hqdefault.jpg>

Selain itu, maskot rasmi yang dipertunjukkan negara tuan rumah, adalah ikon seekor orang utan yang dinamakan Wira. Kata wira atau '*a hero*' dalam bahasa Inggeris bermakna orang-orang yang berbakti untuk memberikan yang terbaik bagi masyarakatnya. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa Malaysia dalam Kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad didorong untuk tampil sebagai wira dari awal dan akhir acara berlansung. Wira bagi bangsanya mahupun bagi bekas negara-negara jajahan Inggeris di Asia.

4.5.6. Litar Antarabangsa Perlumbaan Kereta F1 Sepang

Kemewahan nilai sesebuah kereta tidak cukup jika tidak dilengkapi dengan pertunjukan daya kepantasannya. Keadaan alam tropika yang ekstrem di Malaysia membolehkan Negara tersebut menyelenggara cabaran perlumbaan yang dapat menghibur penonton dan dalam masa yang sama dapat mempamerkan imej-imej yang diperlukan bagi suatu reputasi antarabangsa. Peluang ini digunakan Malaysia untuk menunjukkan kemampuannya dan mendorong pihak lain untuk turut serta dalam projek litar Formula 1 yang menjadikan Malaysia sebagai negara salah satu destinasi grand prix dunia. Terletak tidak jauh dari KLIA, dan sekitar 60 km di Selatan Bandar Kuala Lumpur iaitu di Sepang Selangor telah dibina litar perlumbaan kenderaan bermotor, iaitu Litar Antarabangsa Sepang atau *Sepang International Circuit* (SIC) Malaysia. Dirancang oleh Hermann Tilke dari Jerman, SIC dapat diakses melalui sarana moden Utara-Selatan Expressway, jaringan kereta api, dan jaringan jalan raya menjadikan litar ini sebagai tempat yang ideal untuk acara antarabangsa kelas dunia. Tun Dr. Mahathir Mohamad membuka secara rasmi SIC pada tarikh 9 Mac 1999.

Secara spesifik, SIC merupakan tempat yang digunakan untuk Formula Satu Grand Prix Malaysia, A1 Grand Prix serta motosikal Grand Prix Malaysia. Selain itu juga, digunakan sebagai tempat bagi banyak peristiwa besar sukan permotoran yang lain. Malaysia juga menaja pasukan Formula 1 Stewart. Litar sukan yang mewah ini sangat menarik tidak hanya bagi kalangan penggemar automotif antarabangsa tetapi juga masyarakat awam. Daya tarikan yang diperolehi tidak hanya kerana berita mengenai perlumbaan antarabangsa yang

diadakan di sana, dan para pelumba dunia yang terkenal, serta kereta-kereta lumba yang hebat, tetapi juga reka bentuk arena perlumbaan yang spektakuler dan kemudahan yang canggih bagi pemandu mahupun penonton yang tersedia.

Imej *cekap* boleh diperhatikan dari kemudahan yang tersedia. Selain diadakan acara Formula 1 setiap tahun, SIC juga menjadi tuan rumah Kejuaraan Super GT, World Motor Grand Prix dan kegiatan-kegiatan lain yang menyenangkan. Rangkaian kemudahan perlumbaan juga tersedia untuk disewa. SIC telah diberi kehormatan untuk menggabungkan logo F1 dalam namanya. Terdapat beberapa bahagian daripada trek perlumbaan yang sangat luas yang membolehkan pelumba memotong dengan keadaan cerun yang mendebarkan. Selain itu, terdapat trek yang membolehkan dua pelumba untuk berjalan secara serentak, dan tersedia kemudahan keunggulan yang lain bagi perlumbaan yang berprestij. Secara keseluruhan, trek boleh menampung sehingga ribuan penonton pada suatu waktu. Podium utama dan *Corporate Suites* memiliki kapasiti 32,000. Sementara podium lainnya dapat mengisi sehingga 18,500 jumlah penonton. Teras dari titik litar dan fokus adalah Bangunan Pit tiga tingkat, menghadap tempat duduk utama. Semua kemudahan utama ditempatkan di situ seperti terdapat ruang kawalan pertandingan, Kelab Paddock mewah dan pejabat pengurusan. Blok pentadbiran untuk Litar Antarabangsa Sepang adalah Pusat Selamat Datang, yang juga berfungsi sebagai pintu gerbang ke tempat duduk utama. Selain pejabat, terdapat juga kedai, muzium automotif dan kedai makan. Jalur secara elektronik dihubungkan melalui rangkaian sistem kabel gentian optik sepanjang trek dengan diawasi oleh sejumlah kamera televisyen litar, yang

dipantau berpusat pada bilik pengawasan pertandingan. Setiap kejadian di sepanjang litar direkodkan oleh kamera dan dikawal ketat oleh petugas sepanjang acara berlansung. Dengan kesedaran bahawa keselamatan adalah penting dan menjadi keutamaan, Litar Antarabangsa Sepang menyediakan blok khusus terletak di sebelah Pit Building, yang dikhaskan untuk tujuan pusat perubatan (*Medical Centre*). Jika terdapat acara besar berlansung, blok ini akan berubah menjadi sebuah hospital kecil yang lengkap.

Walau bagaimanapun, Litar Antarabangsa Sepang tidak hanya mempamerkan kecekapan kemudahan fizikal yang tersedia bagi sukan permotoran sahaja. Di tempat yang disebut 'Rumah Motorsports' ini terletak aspirasi Malaysia untuk menjadikan SIC sebagai hub bagi kegiatan perlumbaan motor antarabangsa, sekurang-kurangnya untuk wilayah Asia, dan mendorong negara-negara jiran untuk memulakan industri baru di bidang sukan permotoran baik bagi tujuan mendapatkan prestij mahupun bagi keuntungan ekonomi.

4.6. Sumber Dasar Luar Malaysia

Selain ditujukan untuk mencapai kepentingan negara dan menyampaikan mesej-mesej politik (Mahathirisme) ke luar negara, dasar luar Malaysia sebagai sumber kuasa insaniah harus kelihatan sebagai yang legitimet, boleh dipercayai dan mempunyai kemenangan moral. Untuk mencapai objektif ini, imej *benignity* atau imej *amanah* diterapkan pada medium perwakilan berupa tampilan sikap dan tindakan yang beretika dan bermoral, sesuai dengan norma-norma dan nilai-nilai sosial antarabangsa yang berlaku, baik yang termaktub atau yang tidak termaktub

(*ethical based*), serta menunjukkan tanggungjawab dan komitmen sosial terhadap persoalan dunia dan masyarakat antarabangsa. Antaranya dengan memberikan bantuan luar negara, menjalin hubungan persahabatan dua hala dengan negara lain, terutama jiran serantau; menjadi ahli yang aktif dan proaktif di dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa global mahupun regional; dan menghadiri dan menjadi tuan rumah pelbagai persidangan antarabangsa yang bermanfaat bagi dunia. Perilaku antarabangsa yang menunjukkan nilai *amanah* akan mendapat simpati, hormat dan membuat pihak sasaran tidak ragu untuk bekerjasama.

Dalam melaksanakan dasar luar Malaysia sebagai suatu kuasa insaniah, kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi corak yang berbeza daripada kepemimpinan para perdana menteri sebelumnya. Meskipun pendirian dasar luar negara dilihat lebih banyak berorientasikan ekonomi, tetapi kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam berdiplomasi dengan tema-tema yang berlainan untuk memberikan kesan yang menarik perhatian pada aktiviti dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa; dalam memberikan bantuan luar negara hubungan dua hala, mahupun dalam memberikan bantuan kemanusiaan dan penjagaan keamanan dunia. Semua ini dilakukan dalam kerangka orientasi politik luar negara yang bercorak Dasar Pandang Ke Timur (*Look East Policy*), yang berusaha mengurangkan pergantungan yang tinggi kepada Barat, ingin berdikari dalam semua aspek, memberikan keutamaan yang lebih kepada hubungan ekonomi, dan mementingkan kerjasama dengan Selatan-Selatan.

4.6.1. Aktif dalam Pelbagai Pertubuhan Antarabangsa

ASEAN merupakan tumpuan politik luar yang utama bagi Malaysia dan menyokong inisiatif perpaduan serantau ASEAN. Malaysia terlibat dalam meningkatkan keselamatan serantau di Asia Pasifik dan dalam membantu negara-negara jiran yang kurang maju. Contohnya, Malaysia mengambil bahagian secara aktif dalam Forum Serantau ASEAN (ARF) yang ditubuhkan pada tahun 1994 untuk meningkatkan politik dan keselamatan kerjasama di rantau Asia - Pasifik. Malaysia juga mengambil bahagian dalam ASEAN Free Trade Area (AFTA), dan komited terhadap the ASEAN Investment Agreement (AIA).

Malaysia juga merupakan rakan kongsi yang aktif dalam proses ASEM dan telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan pendidikan dan pertukaran di antara negara-negara ASEM (<http://www.asem-education-secretariat.org/en/21215/index.html>). Malaysia merupakan ahli yang aktif dalam Pertubuhan Negara-Negara Islam. Selain itu, Malaysia berkesempatan mempengerusikan dan menjadi tuan rumah penyelenggaraan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di Bandar Putrajaya. Malaysia juga menjadi tuan rumah Ekspo OIC Pertama, dan bersama dengan lapan negara lain Malaysia ikut membentuk dan membina kumpulan D-8 (<http://www.kln.gov.my>). Malaysia juga menjadi ahli dan pengerusi dalam Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM). Malaysia aktif bersama dengan negara-negara bekas jajahan Inggeris dalam Komanwel. Begitu juga penglibatan Malaysia di pertubuhan APEC, dan bahkan Malaysia berperanan penting dalam pembentukan dan pengembangan G-15 dan G-77.

Malaysia aktif melakukan kerjasama antarabangsa untuk kesejahteraan dan kemakmuran ekonomi di dalam pelbagai institusi antarabangsa. Sebagai contoh dalam Kerjasama Ekonomi Asia Timur, bermula dari gagasan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi penubuhan EAEG pada tahun 1990, yang kemudian diubah menjadi EAEC pada tahun 1995, dan selanjutnya adalah ASEAN +3 Malaysia aktif dalam kerjasama pembangunan serantau, khususnya antara sub wilayah negara-negara jiran, dengan Konsep Segi Tiga Pertumbuhan. Malaysia melancarkan diplomasi ekonomi melalui pelaburan ke luar negara dengan prinsip ‘makmurkan jiran anda’ Kerjasama Selatan-Selatan; MIGHT; Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), dan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) . (Rusdi Omar & Mas Juliana Mukhtaruddin: 177)..

Imej *amanah* Malaysia sebagai warga dunia ditunjukkan dalam forum-forum pertubuhan antarabangsa. Misalnya, Malaysia memberikan gagasan atau pemikiran ke dalam pertubuhan; melontarkan kritikan kepada negara-negara Barat atas sikap ketidakadilannya terhadap negara-negara Dunia Ketiga dalam dasar perdagangan yang memihak kepada negara maju, dan reformasi sistem pentadbiran PBB yang didominasi oleh negara-negara besar dunia. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga adalah pencetus idea program 'Dialog antarabangsa Langkawi' berasaskan konsep menang-menang. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga sempat melontarkan pemikirannya mengenai ‘Antartika sebagai warisan bersama dunia’. Tentangan terhadap dasar Apartheid juga berjaya dikemukakan.

Tindakan politik luar negara Malaysia berimej amanah telah mengagumkan dunia antarabangsa pada amnya dan masyarakat sasaran secara

khusus. Situasi ini boleh dilihat berdasarkan penghargaan-penghargaan yang diberikan kepada Malaysia. Contohnya, Malaysia diberi penghormatan dan kepercayaan untuk mengendalikan persidangan-persidangan bertaraf antarabangsa seperti PATA dan Kumpulan Selatan-Selatan; Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad diangkat selaku Presiden *International Conference on Drug Abuse* pada tahun 1985; Malaysia diangkat menjadi presiden perhimpunan Agung PBBB ke 41 pada tahun 1986; keputusan Komanwel untuk memberikan peluang kepada Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi CHOGM pada tahun 1989 di Kuala Lumpur; Malaysia dilantik sebagai wakil Asia untuk kerusi tidak tetap dalam Majlis Keselamatan PBBB, dan sebagai Pengerusi G 77 pada tahun 1989.

4.6.2. Memberikan Bantuan Luar Negara dalam Hubungan Dua Hala

Malaysia menunjukkan imej *amanah* sebagai warga dunia dalam pelbagai tindakan sosial untuk kebaikan bersama dalam hubungan dua hala dengan negara-negara lain. Selain membina hubungan diplomatik untuk tujuan perdagangan, pelaburan, sains dan pemindahan teknologi, budaya, dan pelancongan dengan semangat Kerjasama Selatan-Selatan, dengan negara-negara membangun atau negara-negara dunia ketiga, dan negara-negara Islam (portal rasmi Kementerian Luar Negeri, Malaysia, Wisma Putra dalam <http://www.kln.gov.my/web/>). Malaysia juga memberikan sokongan dan bantuan bagi sebab-sabab yang dialami oleh negara-negara tersebut. Bantuan yang diberikan dalam bentuk sokongan moral mahupun sikap solidariti, bantuan sosial dan bantuan pendidikan (Ruhanas Harun. 2009: 23-28).

Malaysia memberikan sokongan moral dan sikap solidariti kepada negara-negara atau pihak-pihak sesama Islam, juga kepada Palestin, Afganistan, Irak dan Bosnia. Malaysia memberikan bantuan luar kepada Palestin sebagai berikut: sokongan moral dengan menyokong Resolusi PBBB 238 dan 242 yang berkenaan dengan Palestin; menyediakan tempat bagi persidangan *Palestine for Asia* di Kuala Lumpur pada tahun 1983; mengumpul dana bagi mangsa bangsa Palestin; memberikan bantuan bagi membina semula wilayah Palestin; dan memberikan dana pendidikan bagi pelajar Palestin. Hal yang hampir sama juga dilakukan oleh Malaysia bagi pihak mujahidin Afganistan.

Selain itu, Malaysia juga memberikan tindakan sokongan moral dan bantuan sosial kepada kaum muslim Bosnia. Seperti melontarkan kritikan-kritikan terhadap PBBB dalam banyak perkara; menampung pelarian muslim Bosnia di Malaysia. Malaysia juga telah menunjukkan rasa solidariti islamnya secara objektif yang disesuaikan dengan konteksnya terhadap negara Iran atau Iraq yang tengah bermusuhan. Bantuan pendidikan turut diberikan kepada pelajar muslim yang berasal dari Bosnia dan dari Timur Tengah dianggarkan telah mencapai 6000 orang (Ruhanas Harun. 2009: 23-28).

Selain itu Malaysia komited untuk membantu menamatkan pengasingan Burma atau Myanmar dengan menggalakkan pembaharuan politik melalui pembangunan ekonomi.

4.6.3. Memberikan Bantuan Kemanusiaan dan Perdamaian Dunia

Negara Malaysia yang berimej amanah turut ditunjukkan melalui sikap dan perilaku antarabangsa yang menunjukkan tanggungjawab dan komitmen sosial kepada persoalan dunia dan masyarakat antarabangsa. Malaysia kerap menghulurkan pelbagai bantuan antarabangsa dalam penjagaan keamanan PBBB, bantuan kepada mangsa bencana alam, memperjuangkan kelestarian lingkungan semula jadi, dan sebagainya.

Malaysia yang menganggotai UNSC, turut serta menjaga keamanan dan keselamatan antarabangsa, di beberapa buah negara, iaitu Kemboja, Somalia, Bosnia, Kosovo, Namibia dan Timur Leste. Malaysia turut giat menentang sikap pilih kasih, berat sebelah dan tindakan pintas di luar lingkungan PBBB.

Malaysia juga turut serta dalam kerjasama antarabangsa serantau yang kukuh untuk membanteras keganasan, menentang kekuatan yang menyalahkan agama atau kaum, menyarankan pelbagai aspek pendekatan dalam membanteras keganasan termasuk mengenal pasti dan menghapuskan penyebabnya. Dengan menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC berkenaan keganasan pada tahun 2002, menubuhkan SEARCCT yang memberikan tumpuan utama kepada latihan dan pembinaan keupayaan.

4.7. Analisis Semiotika Terhadap Sumber Kuasa Insaniah Negara Malaysia

Analisis semiotik terhadap sumber budaya daripada kuasa insaniah negara Malaysia dalam kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui pameran pelbagai bangunan mega projek, adalah sebagai berikut:

4.7.1. Analisis Semiotik pada Aras Pertama dan Kedua: Sumber Budaya

Penanda (*signifier*) 1

Paparan mengenai pelbagai sumber budaya: Kereta kebangsaan Malaysia Proton, Projek MSC Malaysia dan jaringan bandar di sekitarnya (Cyberjaya, Putrajaya dan KLCC), Menara Berkembar, KLIA, F1 Sepang dan CWG seperti yang telah dijelaskan dalam sub bahagian di atas merupakan *signifier*1.

Petanda (*signified*) 1

Dari paparan *signifier*1, secara spontan atau automatik wujud imej *brilliance* sebagai tanda denotatif (1) yang maknanya wujud dari kuasa mitos pengetahuan dan pemaknaan am atau universal, rasional dan dominan yang dipercayai dan dikongsi oleh masyarakat luas. Salah satu rujukan makna konseptualnya sebagai *signified* (1) adalah daripada L. Vuving. Menurut Vuving, *brilliance* merupakan kemampuan pelaku dalam mencapai suatu kejayaan. Imej *brilliance* yang dimiliki aktor sebagai properti dan modal dapat membawa kepada kejayaan menjadi *currency* yang memikat pilihan dan perhatian masyarakat untuk meniru, menghormati dan menghargai sekaligus menguatkan pelaku sebagai imej yang mempunyai reputasi fungsional yang dapat diteladani dan dipercayai dapat membawa masyarakat kepada kejayaan.

Tanda (*Sign*) 1 dan Penanda (*Signifier*) 2 (Tanda Denotatif dan Mitos)

Malaysia ialah negara berimej *brilliance* merupakan mitos yang ingin disampaikan oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, dan sebagai *currency* yang

menarik untuk memikat pilihan dan perhatian masyarakat sasaran dari dalam dan luar negara.

Petanda (*Signified*) 2

Malaysia yang berimej *brilliance* sebagai mitos dalam pelbagai sumber budaya daripada kuasa insaniah yang dibina oleh kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan dipertunjukkan kepada masyarakat dalam dan luar negara, pada aras kedua dalam penafsiran semiotik boleh disingkap semula adanya tanda lain yang bersifat ideologi. Ideologi yang dominan dan berlaku pada masa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan perkara yang disebut dengan istilah Mahathirisme.

Konsep Mahathirisme yang dirujuk sebagai landasan penafsiran di sini diambil daripada pandangan beberapa pakar Malaysia (Kho boo Teik, Ahmad Fawzi, Mohd Azizudin Mohd Sani dan Sivamurugan Pandian) yang membahagikan konsep ini menjadi tiga dimensi utama, iaitu: anti imperilisme, authoritarian; dan nasionalisme.

Tanda (*Sign*) 2

Semua sumber daya yang dibina dalam kuasa insaniah Malaysia dalam kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dikenali sebagai Mahathirisme yang sedaya upaya disampaikan sebagai mesej-mesej politik pemerintah menjadi tarikan kepada masyarakat sasaran sama ada dari dalam mahupun luar negara. Terutama negara-negara Asia Tenggara sedang membina kuasa insaniah

bersumberkan beberapa kuasa insaniah negara dari luar rantau Asia Tenggara yang hadir di rantau tersebut.

4.7.2 Analisia Semiotik pada Aras Pertama dan Kedua: Sumber Dasar Luar

Analisis semiotik terhadap sumber dasar luar daripada kuasa insaniah negara Malaysia dalam kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pelbagai diplomasi formal dan diplomasi awam yang dijalankan.

Penanda (*signifier*) 1

Paparan mengenai pelbagai dasar luar, iaitu: penglibatan dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa; memberikan bantuan luar negara dalam hubungan dua hala; memberikan bantuan kemanusiaan dan perdamaian dunia, seperti yang telah dijelaskan pada sub bahagian di atas, merupakan *signifier*1.

Petanda (*signified*) 1

Dari paparan *signifier*1, secara spontan atau automatik wujud imej *benignity* sebagai tanda denotatif (1) yang maknanya wujud dari kuasa mitos pengetahuan dan pemaknaan am atau universal, rasional dan dominan yang dipercayai dan dikongsi oleh masyarakat luas pada umumnya. Salah satu rujukan makna konseptualnya sebagai *signified* (1) adalah dari L. Vuving. Menurut L. Vuving *benignity* adalah keramahan sosial meliputi perilaku yang tidak membahayakan bagi pihak lain, pro-aktif dan aktif melindungi dan menyokong pihak lain. *Benignity* terletak pada kebaikan, kemurahan hati, serta sikap bertanggungjawab,

cinta akan kedamaian dan tidak mementingkan diri sendiri, menghormati, menghargai dan mendengar atau menaruh perhatian terhadap pihak lain. Bentuknya antara lain ialah pemberian pertolongan kemanusiaan (melalui pelaku masyarakat sivil atau pejabat perwakilan negara, mahupun tentera dengan perangkat ketenteraannya) dan sokongan diplomatik (L. Vuving. 2007: 14) serta bantuan ekonomi. *Benignity* akan mewujudkan dan menerima rasa terimakasih dan penghargaan (*gratitude*) serta simpati daripada pihak lain.

Tanda (*Sign*) 1 dan Penanda (*Signifier*) 2 (Tanda Denotatif dan Mitos)

Malaysia sebagai sebuah negara berimej *benignity* merupakan mitos yang ingin disampaikan oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, dan sebagai *currency* yang menarik untuk memikat pilihan dan perhatian masyarakat sasaran dari dalam dan luar negara.

Petanda (*Signified*) 2

Malaysia yang berimej *benignity* sebagai mitos dalam pelbagai sumber budaya daripada kuasa insaniah yang dibangun oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan dipertunjukkan kepada masyarakat dalam dan luar negara pada aras kedua dalam penafsiran semiotik boleh disingkap semula adanya tanda lain yang bersifat ideologi. Ideologi yang dominan dan berlaku pada masa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah Mahathirisme.

Konsep Mahathirisme yang dirujuk sebagai landasan penafsiran di sini diambil dari pandangan beberapa pakar Malaysia yang membahagikan konsep ini

menjadi tiga dimensi utama, iaitu: anti imperialisme, *authoritarian*; dan nasionalisme.

Tanda (*Sign*) 2

Semua sumber pelaksanaan dasar luar yang dibina dalam kuasa insaniah Malaysia dalam kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad wujud daripada Mahathirisme. Mahathirisme sedaya upaya ingin disampaikan sebagai mesej-mesej daripada politik pemerintah semenarik mungkin kepada masyarakat sasaran sama ada dari dalam mahupun luar negara. Terutama negara-negara Asia Tenggara yang tengah membina kuasa insaniah dan kuasa-kuasa insaniah negara-negara dari luar rantau Asia Tenggara yang hadir di rantau tersebut.

4.7.3 Analisis Semiotik pada Aras Pertama dan Kedua: Sumber Nilai-Nilai Politik

Analisis semiotik terhadap sumber budaya daripada kuasa insaniah negara Malaysia dalam kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui pelancaran pelbagai gagasan dan pemikiran yang menjadi asas daripada pembinaan sumber budaya dan pelaksanaan dasar luar, adalah seperti berikut:

Petanda (*signifier*) 1

Paparan mengenai pelbagai sumber nilai-nilai politik budaya: *bersih*, *cekap* dan *amanah*, “Kepemimpinan melalui teladan, Kebangsaan Malaysia”, Dasar Luar “*Look East*”, dasar “*Buy British Last*”, dan slogan “Malaysia Boleh”, dan

sebagainya seperti yang telah dijelaskan pada sub bahagian di atas merupakan *signifier*¹.

Penanda (*signified*) 1

Dari paparan *signifier*¹, secara spontan atau automatik wujud imej *beauty* sebagai tanda denotatif (1) yang maknanya wujud dari kuasa mitos pengetahuan dan pemaknaan am atau universal, rasional dan dominan yang dipercayai dan dikongsi oleh masyarakat luas pada umumnya. Salah satu rujukan makna konseptualnya sebagai *signified* (1) adalah dari L. Vuving. Menurut Vuving *Beauty* berkenaan nilai-nilai yang memberikan rasa tenang dan aman, harapan dan perluasan diri (*self extension*) sehingga menarik pihak lain untuk mendekati dan berkongsi.

Tanda (*Sign*) 1 dan Penanda (*Signifier*) 2 (Tanda Denotatif dan Mitos)

Malaysia sebagai negara berimej *beauty* atau bersih merupakan mitos yang ingin disampaikan oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, dan sebagai *currency* yang menarik untuk memikat pilihan dan perhatian masyarakat sasaran dari dalam dan luar negara.

Petanda (*Signified*) 2

Malaysia yang berimej berimej *beauty* atau bersih sebagai mitos dalam pelbagai sumber nilai politik dari kuasa insaniah yang dibina oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan dipertunjukkan kepada masyarakat dalam dan luar negara, pada aras kedua dalam penafsiran semiotika, boleh disingkap semula

adanya tanda lain yang bersifat ideologi. Ideologi yang dominan dan berlaku pada masa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan konsep yang disebut dengan Mahathirisme.

Konsep Mahathirisme yang dirujuk sebagai landasan penafsiran di sini diambil daripada pandangan beberapa pakar Malaysia (Kho boo Teik, Ahmad Fawzi, Mohd Azizudin Mohd Sani dan Sivamurugan Pandian) yang membahagikan konsep ini menjadi tiga dimensi utama, iaitu: anti imperilisme, authoritarian; dan nasionalisme.

Tanda (*Sign*) 2

Semua sumber nilai politik yang dibina dalam kuasa insaniah Malaysia dalam kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan Mahathirisme. Mahathirisme ingin disampaikan sebagai mesej-mesej politik pemerintah dengan cara tarikan tertentu kepada masyarakat sasaran sama ada dari dalam mahupun luar negara. Terutama negara-negara Asia Tenggara yang tengah membina kuasa insaniah dan kuasa-kuasa insaniah negara-negara dari luar rantau Asia Tenggara yang hadir di rantau tersebut.

4.8. Mesej-mesej Politik Kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad

Mesej-mesej politik kepemimpinan atau pemerintah Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disampaikan melalui sumber-sumber budaya, dasar luar dan nilai-nilai politik dalam pembinaan kuasa insaniah negara Malaysia pada asasnya adalah Mahathirisme. Mesej-mesej Mahathirisme tersebut adalah seperti berikut:

Pada dimensi pertama, Malaysia sebagai salah satu negara membangun dan negara Islam di Asia, yang mewakili negaranya sendiri mahupun negara-negara Asia dan Asia Tenggara, terutama yang beragama Islam, adalah negara yang bersih, cekap dan amanah dalam pembangunan kemajuan dan kemakmuran berdasarkan asas dan cara-cara Asia (*Asian Way*) yang unggul berbanding dengan cara-cara Barat.

Pada dimensi kedua, pembangunan kecekapan sumber-sumber budaya, sumber dasar luar dan sumber nilai-nilai politik sebagai kuasa insaniah Malaysia adalah juga untuk menunjukkan dan difahami bahawa pemerintah Malaysia yang kuat dan tegas pada masa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan sebarang authoritarian seperti tuduhan yang kerap dilemparkan oleh pihak Barat. Kekuatan pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad dibangunkan atas dasar kecekapan dari pemimpin yang mempunyai banyak prestasi antarabangsa dari pelbagai bidang dan menjalankan pemerintahan secara damai tanpa penggunaan kekerasan (perang).

Pada dimensi ketiga, pembangunan kecekapan sumber-sumber budaya, sumber dasar luar dan sumber nilai-nilai politik sebagai kuasa insaniah Malaysia adalah juga untuk mendorong, menggalakkan dan mewujudkan rasa kepercayaan diri, atas kemampuannya dalam menghasilkan karya-karya kecekapan, amanah dan kebersihan pada pelbagai bidang, dalam rangka mewujudkan cita-cita bersama yang cemerlang pada tahun 2020 kepada rakyat Malaysia khususnya, dan masyarakat Asia atau Asia Tenggara pada umumnya. Pembentukan mitos dengan imej *brilliance* atau cekap; imej *benignity* atau amanah dan imej *beauty* atau bersih

yang menyokong kuasa ideologi secara menarik di dalam pelbagai sumber budaya, sumber dasar luar dan sumber nilai-nilai politik dalam pembinaan kuasa insaniah Malaysia adalah seperti yang telah dijelaskan dan tersingkap makna kuasa ini akan lebih efektif apabila disertai usaha lain untuk lebih memperoleh perhatian masyarakat antarabangsa. Lebih lagi ketika persaingan identiti para pelaku hubungan antarabangsa masa kini yang lebih mengutamakan kuasa insaniah berbanding kuasa kasar (*hard power*). Kuasa insaniah tidak cukup hanya dengan melaksanakan unsur tarikan untuk memikat perhatian masyarakat yang memihak, seperti yang dijelaskan oleh Nye, tetapi juga harus menggalakkan penampilan untuk lebih dikenali dan disukai. Kedua-dua perkara ini sangat erat kaitannya dengan dunia selebriti. Oleh sebab itu, cara-cara selebriti dalam membuat diri selalu dikenali dan disukai ramai boleh digunakan bagi negara mahupun perwakilannya.

Dalam penyelidikan ini, yang dilihat sebagai perwakilan negara dalam usaha menggunakan cara-cara selebriti untuk mengangkat negara Malaysia ke tahap lebih tinggi untuk diperhatikan dan terkenal adalah Perdana Menteri, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau sebagai sumber pemimpin dalam pembinaan kuasa negara Malaysia boleh memberikan sumbangan yang lebih besar apabila bersedia menjalankan peranan sebagai selebriti dalam mengukuhkan dan mempertahankan kuasa bintang yang dimiliki. Penjelasan tentang perkara ini akan dijelaskan dalam bab selanjutnya.

4.9. Rumusan

Berdasarkan penjelasan di atas, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan kuasa insaniah Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang ditujukan terutama ke kawasan Asia Tenggara telah dilaksanakan secara serius.

Dalam membangunkan kuasa insaniah, Malaysia menunjukkan perilaku yang bersifat pragmatik terhadap perubahan geopolitik dan ekonomi yang dinamik pada tempoh yang berlangsung di dunia, terutama yang terjadi di rantau Asia Tenggara dan yang berkenaan dengan negara berkembang dan kerjasama selatan-selatan. Maka dari itu untuk terus relevan dengan keperluan negara, sumber-sumber kuasa insaniah terus dibina secara progresif dan dinamik meskipun melibatkan kos pembangunan dan risiko juga besar. Sementara itu, sebagai negara membangun yang ingin segera ke tahap negara maju, Malaysia memerlukan dana, ilmu pengetahuan berteknologi tinggi dan pasaran. Malaysia perlu mencari dana baru untuk mengurus niaga dengan negara luar. Malaysia perlu mencari bidang yang memberikan kelebihan, dan corak baru dasar-dasar strategi yang lebih agresif dan progresif. Terutama ketika persaingan kuasa insaniah antara negara-negara besar di Asia Tenggara menarik negara-negara serantau untuk saling bersaing. Di samping itu, ketika negara-negara serantau juga tengah giat membina negaranya untuk meningkatkan diri dari menjadi negara pengeluar bahan mentah dunia menjadi negara industri, bahkan mereka juga memperkasa strategi kuasa insaniah yang sama untuk menarik pihak luar untuk bekerjasama. Olek sebab itu, menjadi satu cabaran bagi Malaysia untuk menunjukkan strategi yang berbeza dan lebih menonjol di antara negara serantau, terutama Negara jiran.

Mahathirisme sebagai nilai-nilai politik dan asas rujukan kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam membangunkan kuasa insaniah Malaysia telah menyediakan dasar-dasar dan pelaksanaan-pelaksanaanya yang dipercayai boleh membawa Malaysia kepada kejayaan yang dicita-citakan dan dijangka hingga tahun 2020. Wujudnya pembinaan fizikal sumber budaya dalam pelbagai projek rumah api dan pelaksanaan diplomasi rasmi mahupun diplomasi awam di arena antarabangsa yang ketara telah memberikan ciri bagi kuasa insaniah yang bercorak Asia Malaysia. Kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sedaya upaya cuba meraih imej-imej positif terbaik dengan pantas di rantau yang diperlukan untuk mendatangkan aliran-aliran sumber pembangunan yang melicinkan pencapaian visi 2020.

Kuasa Insaniah negara Malaysia yang bercorak Asia Malaysia yang khas adalah Malaysia yang berimej positif seperti berikut: (1) Malaysia merupakan negara yang bersih dengan memiliki komitmen dalam menjalankan hubungan antarabangsa berdasarkan nilai-nilai politik yang mengutamakan *bersih, cekap, dan amanah* yang selaras dengan nilai-nilai Asia dan nilai-nilai universal yang berlaku; (2) Malaysia sebagai negara membangun di Asia dan Asia Tenggara yang maju, cekap dalam penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi yang disokong oleh kekuatan ekonomi dan kewangan yang dapat dipercayai; (3) Malaysia mempunyai integriti antarabangsa yang kuat, toleran, bersedia membantu, serta kekeluargaan bercorak Asia dan Islamik yang dapat dipercayai dan diajak bersahabat.

Imej-imej Mahathirisme yang khas dan berbeza yang dibangunkan oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam usaha mengajak dan menggalakkan pilihan dan perhatian masyarakat sasaran, terutama di rantau Asia Tenggara, untuk memberikan sokongan dan kepercayaan kepada Malaysia, tidak lepas daripada sumbangan besar daripada corak peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Watak peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber kepimpinan dalam pembinaan kuasa insaniah Malaysia yang sangat ketara dan turut mewarnai corak khas bagi kuasa insaniah Malaysia perlu dikaji tersendiri.

BAB 5

IMEJ-IMEJ SELEBRITI TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI SUMBER KUASA INSANIAH NEGARA MALAYSIA

5.1. Pengenalan

Bab ini mengandungi jawapan kepada soalan penyelidikan ketiga, iaitu apa dan bagaimanakah imej-mej selebriti yang dibina oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menyokong dan mengekalkan kuasa insaniah di Malaysia. Pertama diperkenalkan dahulu Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui nama dan sebutan yang diperoleh. Selepas itu, melalui perspektif teori selebriti imej Tun Dr. Mahathir Mohamad dikenal pasti dan penjenisan selebriti yang sesuai untuk beliau. Semua tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber pemimpin kemudian dianalisis sebagai seorang selebriti dalam mewujudkan dan mengekalkan kuasa bintang serta memperkasakan imej-imej selebriti. Seterusnya ialah mengkaji kaedah yang digunakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber pemimpin yang berperanan sebagai selebriti untuk memperkasakan kuasa bintangnya dan menyumbang kepada pengukuhan dan pengekalkan kuasa insaniah Malaysia.

5.2. Nama, Sebutan dan Gelaran

Pepatah mengatakan, “Apalah erti sebuah nama”, namun tidak semua orang dalam hidupnya mempunyai nama yang terus meningkat dengan gelaran atau panggilan

yang diberikan oleh orang lain kepada dirinya, seperti yang dialami oleh tokoh utama penyelidikan ini. Sudah tentu penambahan nama yang diberikan merupakan hasil dari perbuatan atau prestasi yang dinilai oleh pemberi sebagai suatu yang selayaknya dianugerahkan kepada dirinya.

Nama "Mahathir" diberikan oleh orang tuanya setelah beliau lahir ke dunia pada tarikh 20 Disember 1925 di bandar Alor Setar. Sesuai dengan adat Melayu Islam di Malaysia, nama beliau kemudian ditambah dengan 'Bin' dan 'Mohamad' menjadi "Mahathir Bin Mohamad". Bin bererti anak lelaki dari bapanya yang bernama 'Mohamad'.

Di luar nama rasmi ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga memperoleh nama timangan iaitu "Che Det " yang berlaku dalam keluarga dan juga di kawasan beliau tinggal iaitu di kampung Seberang Perak, Alor Setar. Setelah nama Che Det digunakan oleh penulis dalam beberapa akhbar, sehingga nama ini Che Det semakin dikenali ramai. Nama rasminya semakin terkenal tidak sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negara. Kini, nama Che Det sudah menjadi milik rakyat Malaysia yang mempersatukan mereka dalam satu perasaan yang sama, iaitu sayang dan hormat kepada pemilik nama yang sebenar, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Nama Tun Dr. Mahathir Mohamad memperoleh tambahan dengan pelbagai gelaran yang diterima daripada pihak luar berdasarkan kepada prestasi beliau dalam pelbagai bidang dan jasa-jasa beliau terhadap bangsa dan negara Malaysia. Seperti gelaran Doktor yang merupakan gelaran akademik pertama

yang diterimanya selepas menamatkan pendidikan dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine di Singapura pada 1947. Gelaran doktor kehormat (*honoris causa*) kemudian semakin banyak diterima daripada universiti yang menganugerahi beliau kerana kepakarannya dalam pelbagai bidang. Namun panggilan "Dr. Mahathir" sudah mewakili semua gelaran tersebut.

Gelaran 'Dato' pada nama Mahathir Mohamad diperolehi selepas beliau dianugerahi galaran itu oleh Raja-Raja Malaysia semasa beliau menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri. Gelaran terakhir iaitu gelaran Tun dianugerahkan oleh Sultan Agong sebagai ketua negara Malaysia pada 31 Oktober 2003 bersamaan dengan tarikh persaraan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Gelaran ini merupakan tanda penghargaan negara kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad di atas jasa dan bakti beliau kepada negara sepanjang 22 tahun memimpin negara Malaysia. Bersamaan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dinobatkan sebagai "Bapa Pemodenan Malaysia" kerana berjaya membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara industri baru di Asia Tenggara.

Nama atau gelaran juga diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad daripada orang atau pihak lain. Seperti "Doktor UMNO" merupakan panggilan pesakit yang berubat di kliniknya di Alor Setar. " Dr M " atau "Tun M" adalah sebutan ringkas yang ditujukan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kerap muncul di media cetak dan media internet.

5.3. Pemimpin Selebriti

Sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menjalankan khidmat bakti selama lebih dari dua dekad (1981-2003) yang merupakan suatu fakta berprestij dalam pemerintahan yang tidak boleh dinafikan. Sebagai seorang pemimpin, Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh melewati batas rasmi, ruang dan tempoh apabila ada orang-orang dari dalam mahupun luar negara bersedia dipimpin, menjadi pengikut dan memelihara aura kepemimpinannya serta semua legasinya. Hal ini dibolehkan apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri sanggup dan bersedia menerapkan cara-cara seperti cara-cara yang digunakan oleh seorang selebriti dalam mengukuh dan mengekalkan kuasa bintangnya.

Masih jarang terdapat individu atau pihak yang menyedari ataupun mengiktiraf Tun Dr. Mahathir Mohamad dikenal pasti sebagai seorang selebriti dengan sendirinya. Mungkin kerana keterbatasan pemahaman mereka atas makna dari selebriti tersebut, atau penolakan atas makna pejoratif (yang merendahkan) yang kerap diberikan bagi status selebriti. Seperti yang telah dihuraikan dalam Bab 2 bahawa selebriti adalah sistem perwakilan-konvensyen-konvensyen, struktur-struktur dan peredarannya – iaitu selebriti melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat awam. Oleh sebab itu, selebriti tidak lagi terhad hanya di dunia skrin kaca televisyen, tetapi juga hadir dalam pelbagai bidang kehidupan. Dari bidang politik antara lain mewujudkan pemimpin selebriti, atau *celebrity in-chief* (Schroeder. 2004) atau *politician celebrity*, dan kemudian diplomat selebriti (Cooper, 2008). Syarat-syarat utama menjadi selebriti, seperti yang diajukan oleh

Rojek, merupakan populariti (*fame*) yang diperoleh kerana keturunan (*ascribed*) dan memiliki pelbagai prestasi yang diakui awam (*achieved*). Ataupun seperti yang juga dikatakan oleh Boorstin sebagai, terkenal kerana populariti semata-mata, atau popular hasil daripada penyebaran media (*attributed*). Namun yang paling penting daripada semua itu ialah memiliki peminat atau pengikut yang suka dan setia kepadanya.

Berasaskan kepada syarat-syarat selebriti di atas, bagaimanakah Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh dikenal pasti sebagai selebriti? Kemunculan dan populariti Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai selebriti bukan kerana beliau seorang artis yang sering muncul di kaca televisyen atau layar perak. Status selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad juga bukan diperoleh kerana garis keturunan daripada keluarga terkenal kerana beliau berasal daripada keluarga biasa dan tidak terkenal. Populariti dan perolehan status selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad disebabkan hasil pelbagai kejayaan yang diusahakan dan diraih sepanjang umur beliau yang telah menunjukkan corak sebagai seorang intelektual, ahli politik dan pemimpin negara; dan juga oleh pembinaan budaya atas perwakilan dirinya sebagai pemimpin yang berharga dan luar biasa bagi ramai orang di dalam mahupun luar negara. Seterusnya beliau mempunyai banyak peminat dan pengikut setia yang suka dan sayang kepadanya dan bersedia dipimpin serta menjaga aura kepemimpinannya (bukti mengenai ini boleh disemak pada bab 6). Oleh kerana perkara tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh dikatakan sebagai pemimpin selebriti yang terkenal kerana kualiti kepemimpinannya dan prestasi-prestasi awam yang dihasilkannya.

Sebagai pemimpin selebriti yang memegang jawatan sebagai pemimpin parti politik UMNO dan pemimpin negara Malaysia, beliau mempunyai keistimewaan-keistimewaan tersendiri. Keistimewaan dalam kekuasaan, kepercayaan, kehormatan, dicontohi, serta segala kemudahan penyokong. Keistimewaan ini tidak dimiliki oleh ahli-ahli politik selebriti atau selebriti ahli politik biasa yang bukan pemimpin parti atau negara. Keistimewaan yang dimiliki Tun Dr. Mahathir Mohamad ini boleh dimanfaatkan oleh beliau sendiri dan negara untuk mengangkat dan membawa negara dan bangsa Malaysia yang diwakili kepada kedudukan yang baik dan disukai ramai dari dalam dan luar negara. Perkara ini menjadi relevan apabila seterusnya beliau berkhidmat sebagai salah satu sumber penting dalam membangunkan kuasa insaniah negara Malaysia. Apabila kuasa insaniah Malaysia yang dipimpin oleh kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan untuk tempoh yang singkat tetapi untuk kekal seterusnya, maka strategi selebriti dalam mengukuh dan mengekalkan kuasa bintangnya boleh digalakkan untuk digunakan. Sebagai sumber pemimpin dalam strategi pembinaan kuasa insaniah, dengan rela atau tidak Tun Dr. Mahathir Mohamad harus berperanan sebagai atau seperti selebriti dalam mengusahakan kuasa bintang bagi dirinya serta boleh menyumbang dan menyokong kuasa insaniah negara Malaysia yang diwakilinya.

Dengan menjadi selebriti, seperti yang dikatakan oleh Pramod K. Nayar, penampilan, gaya hidup, kemahiran, kejayaan, tingkah laku atau sikap Tun Dr. Mahathir Mohamad harus menjadi kualiti dan norma yang diinginkan orang ramai dan dapat dijadikan contoh (Nayar. 2009: 26). Selain itu, Tun Dr. Mahathir

Mohamad harus bersedia menjadi komoditi yang menguntungkan untuk dipasarkan, atau menjadi selebriti pendukung (*celebrity endorser*) bagi pengiklanan terutamanya untuk kepentingan negara.

Selain itu, menjadi selebriti bagi seseorang atau negara tidak hanya menjanjikan pemujaan dan penghormatan untuk sepanjang masa. Dengan memiliki status dan kuasa bintang, akan memudahkan jalan untuk mendapatkan pelbagai kemudahan, keuntungan dan keistimewaan daripada pihak lain yang akan semakin berpeluang untuk meraih apapun yang dijangka. Oleh yang demikian, dalam pembinaan kuasa insaniah, kuasa bintang turut diperlukan.

5.4. Imej-imej Selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad

Dalam memainkan peranan sebagai pemimpin selebriti yang diperlukan dalam mencapai tujuan kuasa insaniah negara Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad harus melakukan tips seperti syarat yang dinyatakan oleh Niel Gabler (1998) untuk seorang selebriti. Antara lain, beliau harus secara berterusan menghasilkan naratif yang menarik bagi mengekalkan statusnya sebagai selebriti. Dalam hal ini, naratif-naratif tersebut mengandungi imej-imej selebriti atau kuasa bintang, seperti yang dikemukakan oleh Chris Rojek (2001), iaitu *elevation*, *magic*, dan *immortality* yang dipamerkan melalui pelbagai jenis media atau medium yang relevan. Kuasa bintang ini, seperti yang dinyatakan oleh Rojek, akan kelihatan apabila ketiga-tiga imej ini diuruskan secara berkaitan dan berterusan.

5.4.1. Imej *Elevation*

Imej *elevation* merujuk kepada proses sosial dan budaya yang dibuat untuk mewujudkan dan mengangkat selebriti melebihi peringkat status orang awam yang biasa. Selain faktor kekayaan dan kemewahan sebagai simbol kejayaan dan kehormatan selebriti dalam pasaran masyarakat, faktor bagaimana perkara tersebut diperoleh dan diakui oleh masyarakat awam sebagai prestasi-prestasi yang meningkat adalah penting untuk dicapai, kemudian dipamerkan dan dipertahankan sebagai selebriti yang ketara. Dengan lain kata, *imej elevation* adalah berkaitan dengan kualiti kecekapan selebriti yang dimiliki.

Sebagai pemimpin selebriti, Tun Dr. Mahathir Mohamad harus dapat mengangkat imej dirinya sendiri melebihi status orang lain dengan menunjukkan imej *elevation* kepada masyarakat. Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pelbagai karya dan usaha yang berterusan, serta menghasilkan pelbagai prestasi yang ketara dan luar biasa di mata penilaian awam. Semuanya ini boleh dimanfaatkan sebagai naratif-naratif yang perlu dipamerkan. Antara contoh, Tun Dr. Mahathir Mohamad pandai menulis dan hasil penulisannya diterbitkan sebagai buku yang boleh digunakan oleh orang awam; Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pekerjaan sebagai ahli politik dan negarawan yang kedudukannya semakin meningkat; serta lain-lain yang boleh dijadikan naratif untuk dipamerkan. Penjelasan yang berikut adalah tentang naratif-naratif mengenai diri Tun Dr. Mahathir Mohamad sepanjang hidup beliau (selepas dewasa) yang mengandungi imej-imej *elevation* yang boleh dipamerkan.

5.4.1.1. Prestasi Dalam Karya Tulis

Tidak semua pemimpin dunia mempunyai kemahiran menulis pandangan dan pemikiran untuk layak diterbitkan kecuali Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kekuatan dari hasil penulisannya terletak pada gaya bahasa yang digunakan cukup mudah difahami dan senang dibaca sehingga mesej-mesej yang dimasukkan di dalam ayat boleh disampaikan tanpa disedari pembaca. Karya tulis yang telah dibuatnya pada amnya adalah mengenai ulasan politik dan sosial di Semenanjung Malaysia, kaum Melayu serta perkaitannya dengan dunia antarabangsa.

Sejarah prestasi Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam menghasilkan karya tulis yang semakin meningkat dan menjadikan beliau terkenal dan terhormat bermula dari usia muda. Tulisan awal disiarkan di dalam majalah sekolahnya "Darulaman". Setelah menjadi mahasiswa di Singapura hasil penulisannya di muat dalam majalah kolejnya iaitu "Coudron", media "World Medicine" yang berasal dari United Kingdom, "Intisari" terbitan Malaysia, dan ruangan-ruangan pada akhbar the Sunday Times, serta The Straits Times dengan nama samaran "CHE Det". Sivamurugan Pandian dalam bukunya Legasi Mahathir mencatat 21 artikel yang pernah disumbangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan telah dimuatkan dalam akhbar The Straits Times (Lihat Jadual 5.1).

Setelah tamat sebagai pelajar hasil penulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad tetap konsisten mengenai Malaysia, tetapi semakin berani dan tegas dalam mendedahkan kenyataan-kenyataan beliau. Buku pertama yang diterbitkan adalah berjudul The Malay Dilemma pada tahun 1970, telah mendapat sambutan jualan terbaik (*best seller*) dan kemudian dicetak berulang kali.

Jadual 5.1. Tajuk-tajuk Artikel Che Det dalam Akhbar The Straits Times

Tarikh	Tajuk
20 Julai 1947	<i>Malay Women Make Their Own Freedom</i>
26 September 1948	<i>Malay And Higher Education</i>
17 Oktober 1948	<i>Malays And Higher Education: Summing Up</i>
28 November 1948	<i>Town Malays Drop National Dress</i>
9 Januari 1949	<i>Ronggeng is Popular</i>
23 Januari 1949	<i>Picnic Time in The Dusun</i>
6 Februari 1949	<i>Rains Bring Fish To Sawah</i>
24 Februari 1949	<i>Malay – “Modern and Standard”</i>
7 Julai 1949	<i>Tapak Cherpu Duli Yang Maha Mulia</i>
24 Julai 1949	<i>Malay Housewives Are Busy</i>
7 Ogos 1949	<i>The Rulers Are Losing Loyalty</i>
18 September 1949	<i>Weekly Fair At Alor Setar</i>
9 Oktober 1949	<i>Rulers And Rakyat – Climax Is Near</i>
30 Oktober 1949	<i>Malay Padi Planters Need Help</i>
20 November 1949	<i>Changing Malay Marriage Customs</i>
27 November 1949	<i>Malay Progress And The University</i>
8 Januari 1950	<i>Malay In South Siam Struggle On</i>
9 April 1950	<i>Tew Thoughts On Nationality</i>
23 April 1950	<i>Plight Of Malay Fisherfolk</i>
27 Mei 1950	<i>Dato’Onn: The Unconverted Opposition</i>
9 Februari 1951	<i>The Peninsular Malays Union</i>
23 April 1950	<i>Plight of Malay Fisherfolk</i>

*Dikutip dari Khoo Boo Teik (1995: 82) dan Sivamurugan Pandian (2005: 34) .

Buku-buku Tun Dr. Mahathir Mohamad yang seterusnya, *The Challenge* (1986), *the Way Forward* (1998), dan lain-lain telah menjadikan diri Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi terkenal di seluruh Malaysia dan mula dikenali di luar negara sebagai intelektual Malaysia yang berprestij dan produktif. Populariti beliau semakin membantu kewibawaan diri Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam mencapai kerjaya politik, kemudian dianggap sebagai orang nombor satu di Malaysia.

Penulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad terus dihasilkan dan diterbitkan semula. Buku-buku penulisan beliau dijadikan sebagai rujukan tidak hanya oleh kalangan akademik, mahupun negarawan tetapi juga oleh masyarakat Malaysia dan antarabangsa. Apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya menjadi tokoh yang dianggap orang nombor satu di Malaysia, maka jumlah penulisan yang telah ditulis dalam bentuk naskah ucapan rasmi tidak terhitung jumlahnya kerana terlalu banyak yang telah dihasilkan. Rekod mengenai ucapan-ucapan ini boleh dibaca pada buku-buku khusus yang diterbitkan, atau pada laman-laman internet milik Kerajaan atau milik Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

Jadual 5.2 di bawah ini menunjukkan sejumlah tajuk buku yang ditulis oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

**Jadual 5.2. Tajuk buku yang ditulis oleh
Tun Dr. Mahathir Mohamad.**

Tarikh	TAJUK
1970,1981	<i>'The Malay Dilemma'</i>
1976	<i>On Facing Challenges</i>
1980	<i>Leadership Heritage</i>
1986	<i>The Challenge</i>
1989	<i>Regionalism, Globalism and Spheres of Influence: ASEAN and the Challenge of Change into the 21st Century</i>
1991	<i>Sixth Malaysia Plan 1991-1995</i>
1994	<i>Combating Poverty: Farmers and Fishermen</i>
1995	<i>The Malaysian System of Government</i>
1995	<i>The Voice of Asia</i>
1995	<i>Democracy, human right, EAEC, and Asian values: Selected speeches bt Tun Dr. Mahathir Mohamad</i>
1995	<i>The Early years, 1947-1972</i>
1995	<i>Islam and The Muslim ummah: selected speeches</i>
1995	<i>Science, technology, and creativituty: Selected speeches</i>
1995	<i>Mahathir: The Awakening</i>
1995	<i>Regional Development and the Pacific community: Selected speeches</i>
1995	<i>The Pacific Rim in the 21st century</i>
1996	<i>Islam : The Misunderstood Religion: A Lecture Given at Oxford on 16 April 1996'</i>
1996	<i>Islam : The Misunderstood Religion: A Lecture Given at Oxford on 16 April 1996</i>
1996	<i>The Voice of Asia: Two Leaders Discuss the Coming Century</i>
1997	<i>The Asian Values Debates</i>
1997	<i>Korridor raya multimedia: penjelasan PM (Siri pengetahuan am)</i>
1998	<i>The Way Forward</i>
1998	<i>Excerpts from the speeches of Tun Dr. Mahathir Mohamad on the multimedia super corridor by Mahathir bin Mohamad</i>
1998	<i>The Challenges of Turmoil</i>
1999	<i>A new Deal for Asia</i>
2000	<i>The Malaysian Currency Crisis: How and Why It Happened</i>
2000	<i>Islam & the Muslim ummah: selected speeches od Dr Mahathir</i>
2001	<i>Malays forget easily</i>
2002	<i>The Role of Islam In The Modern State Islam, Terrorism and Malaysia's Response</i>
2002	<i>Islam and The Muslim Ummah</i>
2002	<i>Globalisation and the New Realities: Selected Speeches</i>
2002	<i>Reflection on Asia</i>

Sambungan: Jadual 5.2.

2002	<i>Globalisation and the New Realities: Selected Speeches</i>
2002	<i>Reflection on Asia</i>
2002	<i>Globalisation and the New Realities: Selected Speeches</i>
2003	<i>A Tribute to Dr. Tun Dr. Mahathir Mohamad: A Great Leader and Statesman</i>
2003	<i>Terrorism and the Real Issues</i>
2003	<i>Ask the Malaysia Prime Minister</i>
2004	<i>Reflections in Asean</i>
2005	<i>The Chinese Malaysian Contribution</i>
2007	<i>Dr Mahathir's: selected letters to world</i>
2008	<i>BLOGGING to unblock</i>
2010	<i>A Doctor in the House</i>

Berdasarkan jadual di atas, karya-karya penulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sentiasa dihasilkan dan diterbitkan telah menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai kemampuan tersendiri sebagai sumber bernilai atau 'modal' yang berharga untuk dibangunkan dan dipertingkatkan. Dilihat dari kualiti dan jumlah karya penulisan yang telah dihasilkannya boleh dikatakan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai penulis sekaligus pemikir yang berkedudukan lebih tinggi daripada penulis lain, khususnya di Malaysia. Bahkan sebagai negarawan dan pemimpin utama Malaysia pada masanya, prestasi menulis yang produktif ini tidak dapat disaingi oleh para negarawan atau pemimpin utama di negara-negara jiran di serantau Asia Tenggara.

5.4.1.2. Kerjaya dalam Politik dan Kenegaraan

Prestasi awam Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyumbang bagi pembentukan imej *elevation* secara jelas dapat dilihat melalui kerjaya politik beliau. Kerjaya

beliau semakin meningkat dan mencapai kemuncak apabila berjaya menduduki kerusi sebagai ketua UMNO dan kemudian sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat.

5.4.1.2.1. Kerjaya Politik

Perjalanan kerjaya politik Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih daripada separuh hidupnya. Bermula dari bawah hingga dapat menyandang kedudukan tertinggi dalam parti politik di Malaysia, bahkan terus diperlukan walaupun ketika beliau sudah bersara. Beliau mula menyelami dunia politik sejak tahun 1945 semasa mengambil bahagian dalam kempen menentang Malayan Union. Kemudian hasrat politik beliau disalurkan secara institusi ketika parti UMNO ditubuhkan pada 1946, dan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan salah seorang daripada ahli yang terawal mendaftarkan diri sebagai ahli parti berkenaan. Peningkatan kerjaya politik secara rasmi dapat dilihat melalui kejayaan-kejayaan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berkhidmat sebagai Pengerusi Parti di Negeri Kedah, dan Pengerusi Jawatankuasa Politik. Beliau mendapat kepercayaan politik daripada masyarakat yang memberikan sokongan dalam Pilihan Raya Kota Setar tahun 1964 untuk menduduki kerusi ahli parlimen. Setelah itu, beliau menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1965.

Selama menjadi ahli parlimen Tun Dr. Mahathir Mohamad konsisten memfokuskan perhatiannya pada isu-isu Melayu. Semangat untuk mengangkat maruah kaum Melayu dan menidakkan segala kritikan terhadap keadaan yang ada di Malaysia pada saat itu telah membuatnya mendapat gelaran sebagai "Malay

Ultra" dan menimbulkan rasa tidak senang Tunku Abdul Rahman, yang pada ketika itu menjawat jawatan sebagai Ketua Parti. Berikutan peristiwa 13 Mei 1969, Tun Dr. Mahathir Mohamad dipecat sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO selepas surat yang dihantar kepada Tunku Abdul Rahman Putra al Haj.

Walaupun dalam 'pengasingan' Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak berdiam diri melainkan tetap mengembangkan idea-idea yang ditulis dan dibukukan dengan tajuk " Dilema Melayu" (The Malay Dilemma). Buku yang mendedahkan dan menganalisis perwatakan orang Melayu tersebut telah mendapat perhatian orang ramai dan media massa, yang menandakan kembalinya kemunculan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tambahan pula, ketika itu wujudnya reaksi keras dari Kepemimpinan Tengku Abdul Rahman Putra yang melarang peredaran luas buku tersebut, yang membuatkan orang ramai semakin merasa untuk ingin mengetahui dan mengenal pengarangnya dengan lebih jauh. Penghargaan orang ramai terhadap buku tersebut dan juga simpati atas segala aktiviti beliau dalam parti telah membawa Tun Dr. Mahathir Mohamad kembali ke pentas politik. Beliau diterima menjadi ahli UMNO semula pada 7 Mac 1972, dan kemudian dilantik menjadi pengerusi Lembaga Perindustrian Makanan Malaysia (Food Industry of Malaysia atau FIMA).

Kerjaya politik Tun Dr. Mahathir Mohamad semakin meningkat secara mantap ke puncak pimpinan parti dan kerajaan ketika Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri. Antaranya menjadi senator pada tahun 1973, sebagai Pengerusi Majlis Universiti Nasional, memperoleh kemenangan pada pemilihan raya pada

tahun 1974, dan menjadi Menteri Pelajaran dan kemenangan di UMNO pada tahun 1975.

Apabila Perdana Menteri Tun Abdul Razak meninggal dunia pada 1976, penggantinya Datuk Hussein Onn kemudian melantik Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Menteri. Bersamaan dengan jawatan baru yang disandang pada ketika itu, beliau masih diberi kepercayaan menjadi Menteri Pendidikan, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menjadi Timbalan Presiden UMNO 1976 dan beberapa tahun kemudian berjaya menjadi Presiden UMNO pada 26 Jun 1981. Kemudiannya beliau diangkat sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-empat pada 16 Julai tahun yang sama berikutan perletakan jawatan Tun Hussein Onn atas sebab-sebab kesihatan. Lapan hari selepas itu jawatan Menteri Pertahanan dipimpin beliau.

Walaupun pada awalnya, kepimpinan nasional Tun Dr. Mahathir Mohamad melibatkan pelbagai isu sensitif seperti perselisihan dengan sultan-sultan, percanggahan dalam simbol tradisional Melayu, isu skandal kewangan yang melibatkan tokoh-tokoh utama dalam pemerintahannya, namun Tun Dr. Mahathir Mohamad kembali memenangi kepimpinan UMNO pada tahun 1984. Dalam pilihan raya umum parti pada tahun 1987 beliau mengalahkan pesaingnya dalam mempertahankan kepemimpinannya. Di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, UMNO dan Barisan Nasional (BN) menjadi parti yang berkuasa (*the ruling Party*) kerana kemenangan-kemenangan yang berterusan dalam Pilihan Raya pada tahun 1982, 1986, 1990, 1995, dan 1999 dan mengekalkan majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat.

Pada hari Isnin 19 Mei 2008 pada masa 12:35 waktu tempatan, Tun Dr. Mahathir Mohamad isytiharkan diri untuk keluar dari UMNO di hadapan 1,000 ahli UMNO Kedah di Alor Setar. Namun, Mahathir kembali menyertai UMNO pada tahun 2009, dan nombor ahli sebagai 0000001 dikekalkan baginya.

5.4.1.2.2. Kerjaya Sebagai Perdana Menteri

Tun Dr. Mahathir Mohamad mencapai puncak kerjaya politik dan kenegaraan dengan menjadi Perdana Menteri Malaysia pada 16 Julai 1981 pada umur 56 tahun. Tun Dr. Mahathir Mohamad menjawat jawatan sebagai menteri, atau menteri-menteri untuk beberapa kali dalam aspek yang berbeza iaitu sebagai menteri pertahanan, menteri dalam negeri, menteri kehakiman, menteri kewangan, dan menteri tugas-tugas khas. Tun Dr. Mahathir Mohamad bercita-cita untuk membuatkan nama Malaysia dikenali dalam pentas dunia dan maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Oleh itu, beliau menyedari bahawa perubahan perlu dilakukan. Langkah awal yang dilakukan adalah dengan menggerakkan kempen 'Bersih - Cekap - Amanah' dan 'Kepimpinan Melalui Teladan' untuk memperkemarkan struktur pembentukan kerajaan ke arah menerapkan nilai bertanggungjawab dan etika murni khususnya dalam kalangan kakitangan awam dan masyarakat secara amnya. Antara perkara yang diketengahkan ialah penggunaan 'kad perakam waktu' dan pemakaian tanda nama kepada kakitangan kerajaan. Selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad mengamalkan dasar "*Buy British Lasts*", beliau memperkenalkan 'Dasar Pandang Ke Timur' dengan Korea dan Jepun sebagai model dalam memulakan pembinaan bangsa Malaysia yang utuh.

Konsep Persyarikatan Malaysia diperkenalkan yang melibatkan rakyat, terutama bumiputera, untuk turut memacu negara ke arah kemajuan. Beliau turut memulakan pembangunan sektor industri berat dan industri permotoran dan menghasilkan kereta nasional Proton, projek litar Formula 1, dan pesawat terbang ringan 'Eagles X-TS', serta pelancaran MEASAT 1 dan MEASAT 2 .

Dalam merencanakan lagi sektor perniagaan dan ekport negara, Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan 'Sogoshosha' dengan 'Dasar Perindustrian Negara' yang bertujuan mengorentasikan kegiatan ekonomi Malaysia kepada ekport barangan industri demi mengurangkan pergantungan ekonomi terhadap komoditi dan seterusnya mempertingkatkan teknologi negara melalui pemindahan teknologi. Melalui dasar ini, HICOM, Perwaja dan beberapa kilang berkapasiti tinggi telah diwujudkan.

Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan pelbagai dasar dan konsep baru yang lain, seperti Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam; Dasar Kependudukan 70 juta, dan lain-lain dasar untuk membaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan dalam sektor awam. Antaranya termasuklah mengubah masa kerja, dan melaraskan masa antara semenanjung Tanah Melayu dan Sabah, Sarawak.

Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad juga melakukan pembangunan prasarana canggih seperti, projek lebuh raya dan pengangkutan berteknologi tinggi, pembinaan bandar raya pentadbiran persekutuan 'Putrajaya', pembangunan mega projek bertaraf dunia seperti Menara Kuala Lumpur, pembangunan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan menara berkembar yang tertinggi di dunia. Projek mega seterusnya ialah Empangan Bakun dan Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Tun Dr. Mahathir Mohamad juga memperkenalkan 'Koridor Raya Multimedia (MSC) dan bandar Cyber yang dilengkapi dengan universiti multimedia dan sekolah bestari.

Dalam hubungan antarabangsa, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya menarik perhatian dunia dalam banyak peluang dan acara dunia, serta di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang melibatkan Malaysia menjadi ahli. Gagasan- gagasan yang inovatif dan kritikan-kritikan berani yang dilontarkan kepada kuasa barat dan kuasa besar dunia mengejutkan banyak pihak. Hal ini menyebabkan Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku pemimpin Dunia Ketiga yang mula diberi perhatian media antarabangsa dan dikenali ramai. Hasilnya, wujud pelbagai peranan-peranan baru di arena antarabangsa yang boleh meningkatkan lagi prestasi-prestasi dirinya yang bertaraf dunia.

Berkat semua pembinaan negara Malaysia yang telah dilaksanakan Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau dianggap sebagai seorang pemimpin dunia yang berjaya. Imej *elevation* Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah ditunjukkan dan diusahakan melalui pelbagai karya, kerjaya dan prestasi sebagai prestasi- prestasi yang meningkat dan berjaya telah mengukuhkan dirinya sebagai pemimpin yang tidak hanya terkenal kerana gambaran media tetapi mempunyai nilai tinggi yang berprestij sebagai negarawan bertaraf antarabangsa. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menunjukkan perbezaan yang signifikan berbanding perdana menteri Malaysia terdahulu, dan daripada negarawan-negarawan negara jiran serantau. Sebagai sumber kuasa insaniah, imej *elevation* Tun Dr. Mahathir Mohamad dapat

mengangkat imej negara Malaysia yang diwakilinya di peringkat persaingan antarabangsa.

Imej *elevation* Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas bersara masih dikekalkan. Tun Dr. Mahathir Mohamad tetap berkarya dan membakti kepada negara. Beberapa jawatan disandang oleh beliau iaitu sebagai penasihat Kerajaan bagi syarikat Petroleum Nasional Bhd (Petronas) dan bagi Perusahaan Automobil Nasional Bhd (Proton). Mahathir juga menyandang jawatan sebagai Presiden Kehormat dalam *The Perdana Leadership Foundation*, dan beberapa yayasan bukan keuntungan (non-profit) yang lain. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga sering muncul dalam pelbagai aktiviti sosial, termasuk dalam media sosial dalam dunia maya (internet). Karya beliau lainnya di luar dunia politik dan bersifat peribadi seperti meneroka perniagaan kedai roti.

5.4.2. Imej *Magic*

Imej *magic* merupakan kemampuan selebriti dalam melakukan pelbagai helah dan usaha atau kegiatan yang menarik perhatian dan rasa kagum masyarakat, serta mewujudkan sesuatu yang berkesan dan luar biasa di luar bidangnya untuk menegaskan dan mengukuhkan karisma dan aura kuasanya. Berikut dijelaskan tentang naratif-naratif yang berimej *magic* mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad.

5.4.2.1. Gaya Hidup Populis (kerakyatan)

Sebagai salah satu pengurusan karisma, pemimpin selebriti perlu menampilkan suatu gaya hidup dirinya sebagai individu yang berbeza, di sebalik gambaran

formal dan kaku dalam menjalankan tugasnya sebagai pemegang jawatan tinggi. Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu memperlihatkan dirinya dari sisi yang berbeza secara menarik yang menunjukkan persamaan dan tidak terdapat perbezaan dengan rakyat dipimpinnya dalam menjalani kehidupan seharian berasaskan nilai-nilai sosial dan budaya yang sama. Kesan sebagai salah satu bahagian antara mereka, terutama masyarakat yang dipimpin, peminat dan pengikutnya perlu diperlihatkan. Dengan begitu, masyarakat akan merasa lebih dekat dan senang akan diri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sebagai pemimpin Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu menjadi wakil dari diri mereka dan harapan-harapan mereka yang belum tentu dapat mereka lakukan dan wujudkan sendiri tanpa bantuan pemimpin.

Gambaran gaya hidup popular Tun Dr. Mahathir Mohamad telah banyak diperlihatkan melalui naratif-naratif dan gambar-gambar dalam buku, liputan filem dokumentari, dan media lain. Gambaran hidup mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad dipaparkan sama seperti kebanyakan orang pada umumnya dalam menjalani kehidupan perkahwinan, berkeluarga dan bermasyarakat. Seperti, sebagai suami yang bertanggungjawab dan setia kepada isterinya, iaitu Dr Siti Hasmah bt Mohd Ali; sebagai bapa yang penuh perhatian terhadap tujuh orang anaknya; dan sebagai rakan atau sahabat yang baik.

Naratif-naratif mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang yang mempunyai jiwa sosial dan suka memberi pertolongan kepada kaum yang miskin juga diperlihatkan. Seperti Tun Dr. Mahathir Mohamad tercatat sebagai doktor yang suka menolong pesakitnya dengan suka rela tanpa bayaran, terutama kepada orang yang kurang mampu, ketika berada di kliniknya di Alor Setar. Sikap

prihatin juga diperlihatkan dengan memberikan bantuan kepada negara-negara Dunia Ketiga yang lain dengan membantu dari segi kewangan dan kemahiran pentadbiran.

Sama seperti orang lain pada amnya, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga diperlihatkan mempunyai kegemaran yang menarik, selain membaca dan menulis, iaitu membuat ukiran kayu. Setelah beliau tamat mengikuti kursus pertukangan kayu di Inggeris, Tun Dr. Mahathir Mohamad dikenali sebagai seorang yang kreatif dan dianugerahkan penghargaan "*Honorary Freedom of the worshipful Company of Carpenters*" oleh British Carpenters Society pada tahun 1989 (Faridah Abdul Rasyid, 2012).

Pemimpin, seperti juga selebriti, yang memperlihatkan mempunyai gaya hidup yang sama dengan gaya hidup masyarakat yang lain dan sesuai dengan nilai-nilai sosial dan budaya yang berlaku akan lebih mudah mendapatkan simpati, kepercayaan, sokongan dan kesetiaan secara suka rela dari mereka.

5.4.2.2. Pentas ‘Drama Monolog’

Kadangkala pemimpin, seperti selebriti, perlu menunjukkan sikap sentimental, romantik dan sedih dalam menyuarakan curahan hati masyarakat sebagai curahan hati dirinya. Selain itu, pemimpin dalam menyampaikan mesej-mesej, pandangan-pandangan, dan visi-visi politik tidak harus selalu secara formal dan kaku. Kadangkala pemimpin boleh melakukan sesuatu isu yang lain daripada biasa

sebagai suatu kejutan untuk menarik rasa kagum dan hormat bagi menambah aura kharismatik yang dimiliki.

Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat memahami hal ini. Situasi ini kerana, kadangkala mesej-mesej, pandangan-pandangan dan visi-visi politik disampaikan sebagai suatu curahan hati yang disampaikan dengan gaya berdeklamasi di hadapan masyarakat. Sajak yang bertajuk 'Perjuangan Yang Belum Selesai' dibacakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad di hadapan masyarakat pada acara Malam Puisi Utusan pada 4 Mei 1996. Acara yang disiarkan melalui televisyen ini telah membuat rakyat Malaysia yang melihatnya turut tersentuh dan juga membuatkan mereka merasa kagum kepada beliau. Ketika itu, beliau mendeklamasikan sajak mengenai negara-bangsa Malaysia dengan menunjukkan perasaan pilu. Peristiwa yang sama juga berlaku di hadapan masyarakat pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 23 Jun 2001, yang bertajuk 'Melayu Mudah Lupa' oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO. Peristiwa yang paling menyentuh dan menarik rasa simpati dan kagum dari penonton adalah pada acara penutupan mesyuarat tahunan UMNO pada 22 Jun 2002. Pada ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad memaklumkan pengunduran dirinya dari seluruh jabatan di pemerintahan dan kerajaan secara tersekat-sekat dan teresak-esak kerana menangis serta air mata yang tidak berhenti mengalir. Pada 31 Oktober 2003 adalah memori terakhir beliau berada di jawatan rasminya dan mendapat liputan secara langsung yang disiarkan ke seluruh negeri telah membuat rakyat Malaysia yang menontonnya turut merasa sedih (Faridah Abdul Rasyid: 2012: 540).

Mungkin peristiwa yang menyayat hati yang berlaku adalah secara tidak sengaja dan tidak dirancang oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, namun apa yang disaksikan masyarakat awam mengenai peristiwa-peristiwa tersebut bagaikan sebuah tontonan drama monolog tersendiri, telah menunjukkan sikap dirinya yang lain yang lebih bersifat popular. Masyarakat bertambah kagum dan percaya bahawa di sebalik ketegasan dan keteguhan dalam memimpin, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai kelembutan hati dan penyayang. Rasa kagum masyarakat yang semakin meningkat kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dapat membuat mereka tertarik dan ingin selalu memberi sokongan.

5.4.2.3. Berniaga Roti: Pemimpin yang Sederhana

Karisma Tun Dr. Mahathir Mohamad dipelihara melalui pembukaan perniagaan kedai roti. Seperti pepatah terkenal dari pakar roti, Brendan Wilkes, "*Bread brings people together*" (roti membawa masyarakat bersama-sama), mungkin falsafah ini lah yang difikirkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika beliau berniat membuka perniagaan kedai roti. Selepas bersara, Tun Dr. Mahathir Mohamad sempat mengisytiharkan dirinya di hadapan media massa untuk melibatkan dirinya pada dunia perniagaan, iaitu membuka kedai roti. Berbanding membuka perniagaan yang lebih berat, pilihannya ini telah menambah karismanya dan membuat masyarakat bertambah kagum akan dirinya sebagai seorang yang bersahaja atau sederhana.

Gambar 5.1. Kedai Roti The Loaf di Pulau Langkawi



*Gambar diambil oleh penyelidik sendiri

Kemudian, Mahathir membuka kedai roti pertamanya yang diberi nama The Loaf di Telaga Harbour Park, Langkawi Malaysia, pada tahun 2006. Kedai roti The Loaf ternyata bukan kedai roti biasa dan bersahaja, tetapi berupa bistro yang bergaya.

Kedai roti ini merupakan usaha kongsi beliau bersama syarikat Jepun. "The Loaf" di Kuala Lumpur yang diwujudkan satu demi satu, iaitu di Pavilion Kuala Lumpur di jalan Bukit Bintang, Empayar Belanja Galeri Subang Jaya dan Boulevard IOI Puchong, kemudian di Bangsar Village. Syarikat roti ini dirancang untuk membuka perniagaan yang sama di Bali, Phuket, Singapura, Tokyo, London dan New York.

Gambar 5.2. Di dalam Kedai Roti The Loaf di Pulau Langkawi



*Gambar diambil oleh penyelidik sendiri

The Loaf adalah roti gaya Jepun dengan menggunakan teknik pembakaran dan chef-chef berasal dari Jepun. Namun The Loaf, juga menggabungkan resipi Jepun dengan resipi-resipi Malaysia dan Eropah, termasuk kuih kering yang baru dibakar. Pembeli yang datang juga akan diberi potongan sehingga lima puluh peratus untuk roti-roti perdana.

The Loaf dibina oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad mungkin untuk misi tersendiri. Bentuk kedai roti The Loaf berupa resto dan bistro yang direka dengan gaya rekaan bangunan Eropah, dan seni dalaman bercirikan Asia yang mengingatkan bahawa roti merupakan makanan popular masyarakat dunia. The Loaf tidak hanya menyediakan pelbagai jenis roti, tetapi juga berusaha untuk menghasilkan jenis- jenis roti yang merupakan perpaduan resipi dari pelbagai budaya yang ada di Malaysia dan dunia. Adunan resipi roti, termasuk kuih kering dan kuih-mueh lain, yang berasal dari Jepun dengan resipi-resipi roti dan kek yang juga berasal dari negara lain, seperti Perancis, India, Itali, Malaysia dan lain-

lain merupakan cara lain untuk menyatakan tentang kebangsaan Malaysia sesuai dengan slogan " *Malaysia trully Asia* " yang bahkan kelihatan seperti "*Malaysia trully global*" seperti bayangan dalam salah satu Visi 2020 bagi negara Malaysia di masa hadapan.

Secara simbolik, dengan kombinasi pelbagai resipi, bangsa Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan bangsa-bangsa asing yang lain diajak untuk menikmati bersama kelazatan roti yang dihasilkan. Kebaikan lain yang diperolehi adalah rasa bangga dan ketiadaan jarak dengan pemilik kedai roti ini yang adalah bekas orang nombor satu di Malaysia, berpengaruh besar di ASEAN dan terkenal di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu, ini adalah salah satu cara daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menguruskan karisma beliau berimej *magic* dengan menghadirkan diri sebagai orang yang bersederhana melalui perniagaan roti sebagai medium budaya popular yang popular dan demokratik disamping menyampaikan mesej-mesej politiknya .

5.4.2.4. *Celebrity Endorser*

Celebrity endorser, seperti yang dijelaskan oleh Larry Z. Leslie, adalah selebriti yang memanfaatkan status dan karismanya untuk mempengaruhi niat dan perilaku konsumen untuk menarik komoditi yang ditawarkan di dalam sebuah iklan. Selain itu selebriti juga dapat memanfaatkan iklan promosi komoditi tersebut untuk kepentingan mengekalkan kedudukannya sebagai selebriti (Larry Z. Leslie, 2011: 45-47).

Selebriti memasarkan suatu produk bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Namun seorang bekas Perdana Menteri sebagai *celebrity endorser* adalah perkara yang jarang terdapat di dunia meskipun produk yang dipasarkan adalah berkaitan dengan pengeluaran nasional negaranya. Walaupun Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah salah satu pengasas, pesuruhjaya, tokoh yang terkemuka dalam sejarah projek automotif nasional, tetapi selepas bersara nilai status selebriti Mahathir Mohamad seakan lebih menyerlah untuk dijadikan sebagai *celebrity endorser* bagi mempromosikan kereta-kereta Proton. Menjadi *celebrity endorser* bagi pengeluaran nasional Proton harus boleh diterima oleh pelbagai kaum dan bangsa yang ada di Malaysia dan mewakili negara di pasaran antarabangsa. Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah tokoh yang paling tepat dan masih tiada pengganti hingga kini sebagai *celebrity endorser* dalam mempromosikan dan memasarkan hasil pengeluaran negaranya di dalam mahupun di luar negara, tidak hanya untuk keuntungan atau nilai komersial sahaja, tetapi juga untuk meningkatkan prestij reputasi bangsa dan negaranya.

Salah satu bukti Tun Dr. Mahathir Mohamad yang boleh dilihat menjadi *celebrity endorser* adalah di tempat hentian bas di pinggir jalan di kampus Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia. Contoh lain boleh dilihat dalam hasil penulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam blog Chedet atau dalam media sosial Facebook yang kerap mempromosikan kereta proton dan menggalakkan rakyat Malaysia untuk membeli dan memakai kereta nasional tersebut.

Gambar 5.3 Sebagai *Celebrity Endoser* dalam Iklan Kereta Poton



*Gambar diambil penyelidik sendiri

Menjalankan tugas sebagai *celebrity endorser*, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat seperti tidak mengalami sebarang kesulitan. Mahathir telah terlatih, berpengalaman dan mempunyai prestasi dalam bidang ekonomi dan perniagaan sejak di usia belia semasa penjajahan Jepun. Tun Dr. Mahathir Mohamad turut membantu menjalankan gerai kecil-kecilan dengan menjual cendol, membuka kedai kopi, kuih-muih, serta menjual buah-buahan di Pekan Rabu Alor Setar. Sebelum menyertai dunia politik, beliau telah bekerja sebagai pembantu di stesen minyak, di samping bekerja di klinik kesihatan. Semasa menjadi Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dikenali sebagai 'No 1 Salesman' bagi Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan senang akan mempromosikan Malaysia terutama dasar pelaburan dan keuntungan-keuntungan apabila menanamkan modalnya di Malaysia. Ketika masih menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad kerap

menyelitkan promosi kereta Proton di dalam pidato-pidato yang disampaikan. Selepas bersara Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai *celebrity endorser* tetap dilakukan.

5.4.2.5. Sebagai *Netizen*

Pada tarikh 1 Mei 2008, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan blog perdana dengan tajuk " Dr. Tun Dr. Mahathir Mohamad" dengan alamat www.chedet.com. Paparan blog menggunakan bendera negara Malaysia dan gambar wajah Tun Dr. Mahathir Mohamad bercermin mata sedang tersenyum di antara ilustrasi gambar ikon-ikon kejayaan pembinaan yang telah dilakukan dalam kepemimpinannya yang lalu, seperti, Menara Petronas, Bandar Putra Jaya, Litar Sepang dan jambatan terpanjang di Malaysia. Laman blog ini bertujuan untuk menerbitkan semula penulisannya. Tulisan perdana Tun Dr. Mahathir Mohamad di hari pertama bertajuk "*The Appointment of Judges.*" Telah mendapat 1000 komen penghargaan dari pembaca pada hari yang sama tulisan tersebut dipaparkan.

Gambar 5.4. Laman *Timeline* Blog Tun Dr. Mahathir Mohamad



*Gambar diambil dari internet: <http://www.chedet.com>

Dalam blog ini, Mahathir memperkenalkan diri sebagai Perdana Menteri Malaysia bagi tempoh 1981 hingga tahun 2003. Pada laman pertama dalam ruang "about me", Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan kebenaran beliau kepada siapa sahaja untuk mengakses pelbagai pemikiran dan tulisan beliau. Pada ruang "Visitor" saat terakhir dikunjungi oleh penyelidik pada tarikh 16 Februari 2012 telah berjumlah 38755436 orang yang telah mengakses blog tersebut. Pengunjung boleh memberi komen ke atas pelbagai topik penulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam laman Chedet tersebut. Setiap pembaca laman blog tersebut sudah pasti akan merasa teramat kagum dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika semua lapisan masyarakat mengetahui bahawa pada umur senja dan pasca menunaikan tugas rasmi kenegaraan, Tun Dr. Mahathir Mohamad masih terus menuangkan pandangan fikiran dan gagasaannya yang terkini dan berbeza-beza sesuai dengan konteks atau peristiwa yang ada dan berlaku di Malaysia mahupun dunia pada masa ini. Topik-topik yang dipaparkan dalam laman mutakhir pada tarikh kajian 16 Februari 2012 kelihatan dalam satu bulan, dan dalam setiap minggu beliau boleh menghasilkan 2 tulisan.

Jadual 5.3. Tajuk tulisan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada www.chedet.com. (dikunjungi penyelidik pada 12 Februari 2012)

No. urut	Tajuk	Signature	Tanggal ditulis/posting	Jumlah komentar
1	"Regimme Change"	written by Chedet	12 Februari 2012	16
2	"Letter to Hanan	written by Chedet	10 Februari 2012	21
3	"Lapok"	written by Chedet	8 Februari 2012	39

Sambungan Jadual 5.3.

4	“Proton Cars”	written Chedet	by	7 Februari 2012	39
5	“Cuti-cuti Malaysia”	written Chedet	by	1 Februari 2012	53
6	News Report	written Chedet	by	30 Januari 2012	64
7	Kaitan Bangsa dengan Bisnes”	written Chedet	by	25 Januari 2012	60
8	“Europe and North American	written Chedet	by	19 Januari 2012	50
9	“Hak Merayu”	written Chedet	by	17 Januari	82
10	“Suing in Court”	written Chedet	by	11 Januari	37

Gambar 5.5. Laman *Timeline* Blog Mahathir.com



*Gambar diambil dari internet: <http://www.mahathir.com>

Selain blog, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mempunyai laman rangkaian internet yang lain, iaitu "mahathir.com". Laman web ini bukan digunakan untuk memaparkan jurnal hasil penulisan yang dibuat beliau sendiri, tetapi memaparkan tulisan- tulisan yang berkenaan dengan dirinya di masa lalu dan di masa kini. Dalam laman utama 'home' terdapat pilihan maklumat berbentuk menu butang pautan, iaitu: *Latest, Profile, Interviews, Books, Speeches*, dan *Nobel Prize Nomination*. Selain itu, terdapat juga pautan-pautan rangkaian internet milik pihak lain yang memuatkan catatan mengenai diri dan kegiatan Tun Dr. Mahathir


Mohamad, seperti Star News^{1,2,3} ; Asia Times 1; IHT 1; Time Mag 1.2; aliran; International Times; Sydney Morning Herald; Kompas (BM); Jakarta Post; National Post; dan BBC. Pada ruang '*Latest*' mengandungi berita atau maklumat terkini mengenai diri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Bagi yang beminat untuk mempelajari isi naskah-naskah pidato beliau, dipaparkan lengkap maklumat tersebut mulai dari tahun 1990 hingga 2003.

Dalam media sosial antarabangsa Facebook (Fb), Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mempunyai akaun sendiri. Terdapat beberapa akaun, samada akaun peribadi atau akaun daripada peminat (*fan page*). Akaun Fb rasmi "Mahathir Bin Mohamad" adalah milik Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang mempunyai pengikut atau kawan sebanyak 4592 yang juga pengguna Fb pada 16 Februari 2012. Daripada laman utama Fb beliau, dapat dilihat 'kawan-kawan' Fb beliau menyapa, memberi salam, dan menyatakan penghargaan beliau yang ditulis dalam status komen. Selain itu, terdapat juga pengunjung yang menghantar nota untuk dikongsi bersama dengan pengguna Fb yang lain menerusi halaman utama Fb beliau agar dapat dilihat dan dibaca oleh pengguna Fb yang mengikuti perkembangan beliau. Dalam pilihan foto pula, hanya terdapat lapan jenis gambar dirinya yang dikongsikan dan salah satunya adalah gambar isteri beliau. Terdapat satu komen diberikan oleh teman Fb beliau mengenai jumlah foto yang dimuat naik dianggap terlalu sedikit jika dibandingkan dengan perjalanan hidup Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sentiasa berwarna-warni.

Akaun Fb yang kedua adalah laman peminat (*fan page*), dengan nama "Dr. Mahathir bin Mohamad" dengan status sebagai ahli politik . Dengan gambar

profil diri Tun Dr. Mahathir Mohamad sedang tersenyum dan tertulis '*a docter in the house*' yang diambil dari gambar kulit buku terakhirnya dengan tajuk yang sama. Gambar laman utama seperti biasanya adalah gambar bangunan-bangunan ikon Malaysia, seperti Menara Berkembar Petronas. Terdapat sejumlah 1,626,418 orang pengikut yang boleh dilihat pada tanda *like*, sejumlah 419 nota telah dikongsikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Nota-nota tersebut adalah perkara sama dengan yang terdapat dalam blog pertama miliknya. Pada album gambar terdapat empat buah album, iaitu album '*profile pictures*' (11 gambar), '*wall photos*' (6 gambar) album '*cover photo*' (1 buah gambar); dan album yang diberi judul '*Father of Modern Malaysia*' (48 gambar).

Gambar 5.6. Sampul Majalah



*Gambar diambil dari internet: Utusan.com.my

Kehadiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam media sosial Facebook (Fb) telah menjadi topik perbincangan di kalangan masyarakat Malaysia. Salah satu tajuk majalah terbitan tempatan menulis berita mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mempunyai jumlah 'kawan' atau peminat terbanyak di Fb dibandingkan dengan tokoh-tokoh awam terkenal yang lain di Malaysia, iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak, Fara Fauzana, Scha Al-Yahya dan Yuna. Jumlah kawan atau *likes* dalam laman akaun Fb pada era komunikasi masa kini bukan sahaja menandakan tahap populariti, tetapi telah menjadi suatu ukuran pencapaian dan penilaian baru yang turut menentukan reputasi seseorang.

5.4.2.6. Berkongsi Aura Bintang dengan Artis-artis Hiburan

Dari beberapa narasi yang diciptakan dan dipamerkan terhadap khalayak dalam usaha untuk melihara dan menambah aura bintang, terdapat satu perkara lagi yang tak kalah pentingnya. Seperti yang dikatakan oleh John Street, selebriti dari kalangan apapun boleh berkongsi aura secara sengaja atau tidak dan secara langsung atau tidak bersama selebriti lain yang juga memiliki aura yang sama untuk memperkuat pancaran aura mereka masing-masing.. Walaupun demikian syaratnya harus terlihat oleh khalayak ramai atau memperoleh perhatian media yang luas.

Apa akan yang berlaku apabila dua tokoh terkenal dan paling terkemuka di Malaysia dalam bidangnya masing-masing dipertemukan dalam satu acara yang bisa jadi sengaja dibuat (*pseudo-event*). Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang bekas Perdana Menteri Malaysia yang sangat terkenal berjumpa dalam

satu acara dengan Siti Nurhaliza yang adalah seorang penyanyi wanita atau selebriti dunia hiburan terkemuka. Siti bertugas sebagai *host* dalam acara *talk show* yang bertajuk: “Siti, Hiburan dan Bicara” di salah satu televisyen di Malaysia. Perkara yang serupa berlaku ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad juga terlihat bersama dengan bintang film Bollywood terkenal di India yang telah menjadi selebriti antarabangsa iaitu Shah Rukh Khan (SRK) dalam acara meraikan hari jadi beliau ke 87 di Hotel Le Maridien yang beritanya diliput oleh media massa dan ditayangkan di televisyen. Bahkan pasca acara itu tayangan videonya boleh dilihat di media sosial Youtube (<http://www.youtube.com/watch?v=fByf8FKnM6g>).

Gambar 5.7. Berkongsi Aura Bintang dengan Siti Nurhaliza



*Gambar diambil dari internet: Youtube

http://www.youtube.com/results?search_query=siti+nurhaliza+dan+mahathir+mohamad+show

Dalam acara *talk show* bersama Siti Nurhaliza yang berjalan santai Tun Dr. Mahathir Mohamad ditanya mengenai apa yang membuat kecermerlangan beliau dalam berfikir sehingga menjadi pemimpin yang hebat. Penonton di rumah dan di studio mengetahui sangat bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad cemerlang dalam berfikir dan hebat dalam memimpin. Mereka juga tahu Siti sendiri adalah juga seorang yang cemerlang dan hebat dalam bidang tarik suara dan hiburan di Malaysia juga di Asia Tenggara. Bila dua orang hebat bertemu maka pertukaran dan penambahan aura kecermerlangan mereka terjadi. Orang yang menonton acara ini akan terkesan dan kagum menyaksikan dua bintang yang cemerlang.

Demikian pula yang terjadi ketika perjumpaan antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Shah Rukh Khan di Hotel Meridien Kuala Lumpur. SRK merupakan tetamu istimewa untuk hadir di hari yang istimewa bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad. SRK duduk di antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah. SRK terlihat beramah mesra dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri. Semua mata tetamu yang hadir dan para pengambil gambar tertuju kepada mereka.

Kemudian SRK ikut menyanyikan lagu “*Happy Birthday to You*” untuk Tun Dr Mahathir Mohamad yang terlihat sukacita. Yang menarik adalah Tun Dr. Mahathir Mohamad dan istri ikut bergoyang badan ketika SRK menyanyikan lagu yang dipopularkannya ialah “*kuch kuch hota hai*”. Meskipun pertemuan Tun Dr, Mahathir Mohamad dan SRK cukup singkat namun pertemuan aura kebhinekaan keduanya demikian gemerlap. Seperti mendapat semangat baru dihari

kelahirannya aura Tun Dr. Mahathir Mohamad bertambah bersinar. Kongsy aura antar kedua-dua selebriti sangat diperlukan mereka untuk mencerahkan kembali kewujudan kuasa bintang masing-masing.

Gambar 5.8. Berkongsi Aura Bintang dengan Shah Rukh Khan



*Gambar diambil dari internet: Youtube.com
<http://www.youtube.com/watch?v=fByf8FKnM6g>

Naratif-naratif yang berimej *magic* ini telah membuat kuasa bintang Tun Dr. Mahathir Mohamad semakin bersinar yang pada gilirannya akan menyinari kuasa insaniah negara Malaysia yang diwakilinya. Pengukuhan imej-imej *elevation* dan imej *magic* selanjutnya memerlukan imej selebriti yang lain, iaitu *immortality* yang dijelaskan dalam bahagian seterusnya.

5.4.3. Imej *Immortality* (keabadian)

Imej *immortality* adalah keabadian karisma atau tenaga kuasa bintang yang dimiliki seseorang. Keabadian melalui status selebriti yang sentiasa dihasilkan dan diwujudkan oleh pihak media massa, para peminat dan pengikut dan juga oleh tokoh selebriti itu sendiri di dalam suatu hubungan yang dinamakan *para-social interaction*. Oleh itu, Bahagian seterusnya akan membincangkan mengenai tempat-tempat dan aktiviti-aktiviti yang berpotensi mengekalkan tokoh berkarisma Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diusahakan bersama dengan kerajaan, institusi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Manakala pengekalan kuasa bintang Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dilakukan oleh peminat dan pengikut setianya sebagai suatu hubungan para-sosial akan dianalisis dan dijelaskan pada bab selanjutnya.

5.4.3.1. Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad

Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) terletak di dalam kawasan universiti negara, iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah, Malaysia. Dibina pada 19 Ogos 2003 untuk menjadi pusat rujukan utama pemikiran para Perdana Menteri dan tokoh-tokoh besar negara. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad mendapat tempat yang istimewa ini dilihat dari nama yang diabadikan dalam institusi ini.

Dalam melaksanakan fungsi sebagai institusi mengekalkan pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad atau Mahathirisme, IPDM menyediakan kemudahan seperti: bantuan rujukan penyelidikan, pengendalian seminar, simposium,

persidangan dan kolokium terutama yang berkenaan dengan maklumat tentang Tun Dr. Mahathir Mohamad. Bidang-bidang yang diberi tumpuan antara lain adalah politik, perundangan, ekonomi, kepimpinan, dasar luar, keselamatan, pengurusan, pendidikan, kewangan Islam, hubungan antara agama, sains dan teknologi, belia atau beliawanis, dan isu-isu globalisasi, serta pembangunan sumber manusia. Kelengkapan sarana perpustakaan berupa buku-buku dan jenis penerbitan lain, serta keratan akhbar yang berkaitan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad disediakan oleh IPDM. Tidak ketinggalan IPDM juga menerbitkan buku-buku dan jurnal sendiri. Aktiviti sampingan adalah mengkomersialkan aktiviti-aktiviti IPDM untuk menjana pendapatan kepada Universiti.

Gambar 5.9. Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di UUM



*Gambar diambil sendiri oleh penyelidik

Walaupun IPDM juga memberikan tempat, perhatian dan kemudahan bagi kajian-kajian mengenai bekas Perdana Menteri Malaysia lainnya, sebelum dan sesudah Tun Dr. Mahathir Mohamad, tetapi Tun Dr. Mahathir Mohamad, seperti yang dikatakan oleh timbalan pengarah sebagai '*pull power*' atau magnet daripada pusat kajian ini tetap dipelihara dan diutamakan. Melalui IPDM, pemikiran-pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak hanya disimpan sebagai dokumen dan kepustakaan, tetapi diwacanakan semula sehingga terkini dan relevan supaya kekal untuk generasi masa kini dan akan datang. Dengan demikian, melalui IPDM, kuasa bintang Tun Dr. Mahathir Mohamad, sekaligus kuasa insaniah Malaysia dapat dikekalkan.

5.4.3.2 Galeria Perdana Tun Dr. Mahathir Mohamad

Muzium negara adalah projek milik negara dan sebagai sebahagian cara untuk mengekalkan budaya tinggi wilayahnya. Muzium seperti yang dikatakan oleh Nick Prior (2002) merupakan suatu ruang yang samar. Dari satu sudut, muzium dianggap sebagai ruang pembelajaran untuk pengukuhan identiti kebangsaan yang penting bagi sejarah kedudukan atau reputasi suatu negara. Dari sudut yang lain, muzium dianggap sebagai ruang yang telah menyumbang dalam perjuangan kuasa simbolik atau kuasa negara. Muzium juga merupakan suatu bentuk tontonan yang memaparkan kejayaan pertumbuhan suatu peradaban, kelas dan budaya yang ada di wilayahnya sejak dulu hingga kini. Namun terdapat muzium, biasanya disebut galeri, yang mengkhususkan pada satu jenis artifak atau pada satu tokoh awam

utama sejarah sahaja, seperti pemimpin, yang mempunyai maksud dan tujuan tersendiri.

Galeri lebih bersifat personal dan '*one man show*', yang biasanya untuk memaparkan koleksi peribadi untuk tujuan-tujuan tertentu. Galeria yg memfokuskan pada seorang pemimpin negara dengan mempamerkan pelbagai barangan pemberian atau hadiah-hadiah mewah dari pemimpin pelbagai negara lain, seperti yang dikatakan oleh Leslie, merupakan penegasan kebesaran pemimpin melalui kebesaran pihak pemberi. Hubungan simbiosis mutualistik antara karisma kebesaran pemimpin negara-negara juga boleh dipaparkan di sebuah galeri.

Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan Perdana Menteri Malaysia yang tidak hanya terlibat dalam sejarah Malaysia tetapi juga dalam sejarah hubungan antarabangsa, maklumat-maklumat yang diperolehi hasil dari jasa beliau tersebut dipaparkan di dalam muzium kecil tapi cukup mewah, iaitu Galeria Perdana. Galeria Perdana berupa kompleks muzium yang terletak di Kilim, Mukim Air Hangat, Pulau Langkawi, di sebelah hujung Utara Malaysia. Galeria Perdana menyerupai Muzium Purna Bhakti Pertiwi yang terdapat di Jakarta Indonesia, dan The International Friendship Exhibition hall di Korea Utara.

Galeria Perdana secara formal adalah wahana pameran barangan bersejarah tentang pengabdian Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada negara dan bangsanya yang boleh dimanfaatkan sebagai objek pelancongan pendidikan. Secara khususnya, muzium ini menyimpan dan mempamerkan benda-benda seni bermutu tinggi yang diperolehi Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa menjawat

jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat dan isterinya, Dr. Siti Hasmah bt. Mohd. Ali dari para negarawan luar negara, pegawai dalam negara, dan orang-orang terkenal lain sebagai cenderamata. Selain itu, pameran daripada bukti-bukti penghargaan dan tanda jasa yang diterima Tun Dr. Mahathir Mohamad dari pelbagai institusi dalam dan luar negara juga ditunjukkan. Melalui adanya galeria ini, dapat dikekalkan karisma sekaligus kebesaran Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Malaysia.

Galeria Perdana terdiri daripada tiga buah bangunan yang saling berhubung dan dibina dengan gaya semi tradisional dengan reka bentuk gaya oriental. Bangunan Galeria memaparkan kesan sederhana dari luar tetapi megah di dalamnya. Menurut Esa bin Haron, seorang Pengarah Galeria Perdana, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut serta merancang bangunan galeria ini dari segi seni bina dan pedalaman, bumbung atap (*ceiling*) dan juga tempat untuk diletakkan benda-benda yang terlibat.

Lebih dari 9000 koleksi yang terdiri daripada pelbagai barangan dipamerkan secara bergilir. Pada suatu masa hanya 200 koleksi yang boleh dipamerkan mengikut kesesuaian tempat dan sebagainya. Seperti yang dinyatakan dalam risalah, Galeria ini mempamerkan koleksi-koleksi yang terlibat adalah untuk rakyat Malaysia, namun untuk melihatnya pengunjung harus membayar tiket masuk sebanyak RM 5 untuk dewasa, dan RM 2 untuk kanak-kanak.

Pameran koleksi hadiah dan cenderamata terbahagi kepada beberapa tema mengikut jenis di dalam ruang yang terbahagi menjadi beberapa blok. Dalam blok A, tersusun hadiah dan cenderamata yang diperbuat daripada kayu, lakuer, kristal

dan kaca. Batu permata yang indah dan instrumen muzik juga dipaparkan. Benda-benda rumah tangga yang diperbuat dari tembikar dan tekstil yang sangat mewah serta hadiah yang bertema Islamik juga dipaparkan.

Dalam Blok B, tersusun koleksi hadiah dan cenderamata yang diberikan kepada Dr . Siti Hasmah. Barangan yang diperbuat dari perak, gangsa, timah, dan tembaga seperti set alat makan, seperti teko, cawan, pinggan dan sudu. Dalam Blok C, terdapat koleksi lukisan, perhiasan dan lain-lain. Pada tingkat bawah, terdapat blok lain yang mengandungi beberapa koleksi kenderaan, seperti kereta, kereta kuda, basikal dari kayu, dan juga beca. Salah satunya yang menarik adalah kereta lumba F1 yang dibanggakan rakyat Malaysia. Di tingkat yang sama terdapat juga pelbagai model kecil kenderaan.

Hadiah berupa pelbagai jenis senjata tajam juga dipamerkan di salah satu bilik. Sebahagian daripada hadiah-hadiah dan cenderamata dimasukkan ke dalam peti kaca lengkap dengan keterangan tentang asal usul pemberian tersebut. Antara lain, terdapat kipas dinding yang cantik pemberian Ketua Negara Republik Rakyat China, cengkeram siput daripada Perdana Menteri Bahamas, plak dari TYT Robert G. Mugabe seorang Presiden daripada Zimbabwe, tenunan daripada isteri Perdana Menteri Myanmar dan selendang dari Ibu Negara Ghana. Pemisah ruang yang diperbuat daripada ukiran kayu dan kulit bergambar wayang adalah dari Presiden Indonesia. Patung- patung cantik juga dipaparkan yang dihantar daripada Belanda, Korea, Jepun, Thailand, Caribbean, Macedonia dan Denmark

Di bilik lain tersusun foto-foto yang dipamerkan di dinding dengan bingkai yang indah. Semuanya gambar Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan para

pembesar asing atau pemimpin dari negara lain. Juga terdapat gambar Tun Dr. Mahathir Mohamad bergambar di tengah-tengah orang ramai anak-anak Malaysia.

Gambar 5.10 Pameran gambar-gambar Tun Dr. Mahathir Mohamad



*Gambar-gambar ini diambil sendiri oleh penyelidik.

Di ruang khas lain tersimpan tanda-tanda kehormat yang secara rasmi pernah diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Selain itu, bentuk penghargaan lain berupa tulisan ucapan dalam rangka "We Children of Malaysia

Loves You" dipamerkan di dinding laluan penghubung antara bangunan. Ucapan tersebut adalah ucapan dari kanak-kanak Malaysia yang diwakili oleh pelajar sekolah kebangsaan Air Panas Setapak, Kuala Lumpur, seperti keterangan yang terdapat di bawah bingkai yang dipaparkan, ditujukan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Gambar 5.9 Pameran Penghargaan Terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad



*Gambar-gambar ini diambil sendiri oleh penyelidik.

Boleh dikatakan bahawa ‘Tanpa buku maka bukanlah Tun Dr. Mahathir Mohamad’. Oleh sebab itu, terdapat ruang perpustakaan mini yang mengandungi buku-buku, terutama buku-buku mengenai dirinya yang ditulis oleh penulis lain mahupun oleh dirinya sendiri. Terdapat juga transkrip ucapan-ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan beberapa dokumen lain yang diletakkan di rak-rak buku yang diperbuat daripada kayu yang berkualiti tinggi. Dilengkapi dengan kerusi berbantal dan meja yang cantik akan membuat pengunjung merasa selesa untuk membaca di dalam bilik baca yang sejuk.

Dari segala barangan yang dipamerkan di Galeria Perdana ini, aura kemewahan dan prestasi serta kebesaran nama-nama pemberinya telah menyumbang bagi pengukuhan karisma dan kebesaran imej ketokohan Mahathir Mohamad. Selain itu, boleh dikatakan, dari adanya Galeria akan dapat dipaparkan kepada masyarakat akan adanya sokongan, penghargaan, dan legitimasi terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad khususnya, dan negara Malaysia amnya, dari seluruh dunia yang diwakili oleh barangan yang dipamerkan. Pelawat ke galeria dimaklumkan untuk tidak melupakan sejarah kecemerlangan Malaysia pada masa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Oleh sebab itu, galeria ini tidak hanya akan menjadi muzium reputasi Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kuasa insaniah Malaysia pada masa kepemimpinannya, tetapi juga usaha mengekalkan kuasa bintang Tun Dr. Mahathir Mohamad.

5.5. Rumusan

Cara Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam menjalankan tugasnya sebagai sumber pemimpin dalam membina kuasa insaniah Malaysia dapat difahami melalui penempatan dirinya sebagai selebriti. Sebagai pemimpin selebriti, Tun Dr. Mahathir Mohamad harus sentiasa menghasilkan naratif-naratif berimej *elevation*, *magic* dan *immortality* untuk mengukuhkan dan mengekalkan kuasa bintang yang dimiliki. Kuasa bintang sebagai kuasa tertinggi yang dimiliki selebriti, lebih daripada kuasa insaniah, merupakan kuasa yang mengasar hati dan minda masyarakat sasaran tidak hanya untuk memperoleh perhatian dan pilihan mereka yang memihak, tetapi juga untuk mengikatnya sebagai peminat dan pengikut yang setia. Melalui mereka, kuasa bintang sekaligus kuasa insaniah Malaysia yang diwakili oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh dikukuhkan dan dikekalkan. Fenomena pengukuhan dan pengekaln kuasa insaniah seperti yang terjadi di Malaysia dengan menjadikan Perdana Menterinya sebagai sumber utama tidak berlaku di negara-negara lain di Asia Tenggara.

BAB 6

PENERIMAAN KHALAYAK TERHADAP USAHA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI SUMBER KUASA INSANIAH MALAYSIA

6.1. Pengenalan

Bab ini mengandungi jawapan untuk soalan keempat penyelidikan. Salah satu perkara yang boleh menunjukkan adanya penerimaan dari masyarakat terhadap kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pembangunan kuasa insaniah negara Malaysia dengan penglibatan pesona dirinya sebagai pemimpin berimej selebriti adalah terbentuk dengan sendirinya suatu hubungan yang disebut dengan *para-social relationship* (hubungan para-sosial).

Para-social relationship bukan suatu hubungan yang nyata, sebaliknya suatu hubungan yang dibayangkan terjadi antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan ramai peminat dan pengikutnya yang menciptakan suatu ikatan emosional di antara mereka. Dari pihak Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau harus memenuhi perkara yang menjadi harapan ramai peminat dan pengikutnya. Dari pihak peminat dan pengikutnya pula, mereka akan memberikan dorongan dan sokongan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

6.2. *Para-social Relationship*

Hubungan para-sosial, seperti yang telah dijelaskan pada bab 2, merupakan jalinan ikatan emosional yang terjadi antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan orang-orang yang menyukai, peminat dan pengikutnya. Mereka adalah orang-

orang yang kagum dan terpesona oleh gaya kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Mereka percaya dan mengakui kejayaan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam membina negara dan bangsanya, dan sumbangannya terhadap dunia. Mereka menyukai watak dan peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai insan yang sama seperti diri mereka juga, tetapi dianugerahkan kelebihan dan kemampuan yang boleh membawa mereka kepada suatu keadaan yang lebih baik. Oleh sebab itu, mereka ingin Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama mereka, sebagai model peranan dan terus berkarya untuk mereka dan kemajuan bersama. Oleh itu, mereka akan memberikan semangat dan sokongan sepenuhnya dalam apa jua bentuk kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Salah satu bentuk semangat dan sokongan daripada peminat dan pengikutnya adalah dalam bentuk pemberian penghargaan dan juga penubuhan kumpulan-kumpulan peminat (pengikut) kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Biasanya penghargaan adalah dalam pelbagai bentuk anugerah penghormatan yang diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Manakala penghargaan dari segi pembentukan institusi yang berkaitan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah penubuhan yayasan peringkat antarabangsa, kelab-kelab peminat dan penyokong.

Dengan wujudnya *para-social relationship* ini, ungkapan pemilihan mereka yang memihak kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber kuasa insaniah terwujud. Melalui *para-social relationship* ini juga, kuasa binatang Tun Dr. Mahathir Mohamad dapat diwujudkan, dipelihara dan dikekalkan. Selama kuasa bintang Tun Dr. Mahathir Mohamad masih bersinar, selama itu juga kuasa

insaniah negara Malaysia yang pernah dipimpinnya dan menjadikan dirinya sebagai perwakilan turut bersinar.

Bahagian seterusnya akan menjelaskan tentang penghargaan-penghargaan yang diterima dalam *para-social relationship* dari pihak peminat dan pengikutnya dalam memberikan dorongan dan sokongan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam bentuk pemberian pelbagai penghargaan dan penubuhan pelbagai institusi.

6.2.1. Pelbagai Penghargaan untuk Tun Dr. Mahathir Mohamad

Sumbangan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pemikiran dan gagasan yang sebahagian besar telah ditransformasikan dalam pelaksanaan kepemimpinannya, ataupun penggubalan sesuatu dasar negara bangsa dan dunia antarabangsa, telah mendapat penilaian, penghargaan dan penghormatan dari institusi-institusi kerajaan dan swasta, dari kalangan akademik tempatan mahupun antarabangsa, serta dari orang perseorangan. Terdapat beberapa bentuk penghargaan yang diterima, antaranya berupa pemberian anugerah kehormatan, penulisan karya peringkat sarjana mengenai diri Tun Dr. Mahathir Mohamad, penggunaan nama pada pusat kajian, nama penghargaan, pentas drama mengenai sejarah Tun Dr. Mahathir Mohamad, dijadikan sebagai ikon Malaysia, dijadikan tokoh wira animasi dalam permainan video, dan sebagai buku komik mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad.

6.2.1.1. Pelbagai Anugerah Kehormat

Pelbagai jenis penghargaan yang disebut sebagai ‘anugerah kehormat’ dan ijazah kehormat doktor falsafah telah diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad atas pemikiran-pemikiran dan jasa-jasa beliau yang sangat besar kepada Kerajaan Malaysia dan dunia. Anugerah ini diberikan oleh kerajaan negeri yang terdapat di Malaysia, dari pihak luar negara dan dari kalangan akademik.

Jadual 6.1 berikut disenaraikan anugerah kehormat yang diterima oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dari kerajaan negeri yang terdapat di negara Malaysia, iaitu:

Jadual 6.1. Anugerah Tempatan dari institusi-institusi Kerajaan Malaysia

Anugerah Tempatan		
TAHUN	NAMA ANUGERAH	NEGERI
2003	D.K. Darjah Kerabat Yang Amat Mulia	Kedah, Malaysia
2002	D.K. Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati	Kelantan, Malaysia
1997	TuanKu Syed Putra Of Perlis Royal Outstanding Award	Perlis, Malaysia
	S.S.A.P. Seri Sultan Ahmad Shah Pahang	Pahang, Malaysia
1996	Fellowship of The International College of Surgeons	Malaysia
	Anugerah Cemerlang	Perlis, Malaysia
1995	D.K. The Most Esteemed Order Of The Royal Family Of Tuanku Syed Putra	Perlis, Malaysia
1994	Wira Keadilan	Pasir Mas Foundation
1989	D.K.(I) The Most Esteemed Order Of The Royal Family Of Johor	Johor, Malaysia
	D.U.K. Kedah Order Of Merit	Kedah, Malaysia

Sambungan: Jadual 6.1

1985	P.I.S Pingat Pertama Ibrahim Sultan	Johor, Malaysia
1982	D.U.N.M Darjah Utama Negeri Melaka	Melaka, Malaysia
	S.S.M.T Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu	Terengganu
	D.K.N.S Darjah Kebesaran Seri Paduka Negeri Sembilan	Negeri Sembilan, Malaysia
1981	D.U.P.N Darjah Utama Pangkuan Negeri	Pulau Pinang, Malaysia
	S.P.N.S Seri Paduka Negeri Sembilan	Negeri Sembilan, Malaysia
	S.P.D.K Seri Panglima Darjah Kinabalu	Sabah, Malaysia
	S.P.C.M Seri Paduka Cura Si Manja Kini	Perak, Malaysia
1980	D.P.Sarawak Dato Patinggi Bintang Kenyalang	Sarawak, Malaysia
1979	S.P.M.J. Dato' Seri Paduka Mahkota Johor	Johor, Malaysia
1978	S.P.M.S. Seri Paduka Mahkota Selangor	Selangor, Malaysia
1977	D.S.D.K. Seri Setia DiRaja Kedah, Kedah	Kedah, Malaysia
	SSAP Seri Sultan Ahmad Shah	Pahang, Malaysia
1976	The Second Tun(Dr) Ismail Oration Academy of Medical	Malaysia
1965	Pingat Perak	Perak, Malaysia

*Sumber data di[eroleh dari
http://www.mykedah2.com/20hall_fame/201a_2_award.htm

Anugerah-anugerah kehormat antarabangsa dari beberapa negara dan institusi bukan-negara diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pelbagai bidang, antara lain seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.2 berikut:

Jadual 6.2. Anugerah dari Institusi-institusi Antarabangsa

	Anugerah Antarabangsa	
TAHUN	NAMA ANUGERAH	PEMBERI
2013	Awarded a lifetime of achievements	International University of Sarajevo (IUS) 2013
2012	the Rafik Hariri Award for Leadership, Statesmanship, and Good Governance	the Rafik Hariri Foundation (Libanon) and the UN-Habitat
2008	Honorary Fellowship for his profound understanding of science, strong leadership, promoting science and technology policy,	the RIKEN Wako Japan
2005	the Al-Gaddafi International Prize for Human Rights	Libya
2001	"Special Millennium Recognition Award"	Federation Dentaire Asean
	Awarded "Anugerah Kecemerlangan Millennium Asean"	Asean Business Forum
	Conferred an Honorary PhD	Meiji University, Japan
	The Asean Achievement Millennium Award	Asean Business Forum
2000	Lifetime Achievement Award	USA, Chicago
	NASYO's Distinguished International Leadership Awards	-
1999	U Thant Peace Award By Sri Chinmoy International	San Francisco USA
1998	Asocio IT Award 1998	Malaysia
	Order Of National Flag - First Class	Republic of Korea
	Commandeur De La Grande Etoile	Djibouti
	Honorary PhD In Law, Al-Azhar University	Egypt
	Honorary PhD In Literature, Khartoum University	Sudan
	Honorary Fellowship Award Chartered Institute Of Marketing Of The United Kingdom	United Kingdom

Sambungan: Jadual 6.2

	International Federation of Asian & Western Pacific Constructors' Associations (IFAWPCA - Atsumi Award)	Japan
1997	Honorary Fellowship Of The Royal College Of Physicians Of Edinburgh	Scotland
	The Order Of Jose Marti	Cuba
	Honorary PhD Of Humanity, Mongolia University	Mongolia
	Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati Darjah Pertama (DK)	Brunei Darussalam
	Wisha Al-Albar	Lebanon
	The Order Of Good Hope Class One Grand Cross (GOLD)	South Africa
	Ahmad Al-Fatah	Bahrain
	Mubarakh Al-Kabir	Kuwait
	King Faisal International Prize For Service To Islam	Saudi Arabia
1996	Jawaharlal Nehru Award	India
	The Dragon Of Bosnia	Republic Of Bosnia-Herzegovina
	Fellowship Of The International College Of Surgeons Award Honorary Fellow College International De Chirurgiens	Malaysia
	The Little Angels	Republic of Korea
	Honorary Professor	Kyrgyz Republic
1995	Alcaldia De Cartagena	Argentina
	The Order Of The Sun Of Peru	Peru
	The Order Of The El Sol Del Peru	Peru
	Commander Grand Cross of The Order Of The White Rose Of Finland	Finland
1994	Al-Nahda First Class	Jordan
	The World Health Organisation Health-For-All Gold Medal WHO	United Nations
	Grand Cross Of Civil Merit	Spain
	Jawaharlal Nehru Award	India
1993	Honorary Member	Institute of Landscape Architects Malaysia

Sambungan: Jadual 6.2

	Honorary Citize	Albania
1991	Fellow Royal College Of Physicians Of Ireland	Ireland
	Fellow Royal College Of Surgeons Of Ireland	Ireland
	Grand Cordon Of The Order Of The Rising Sun	Japan
	Visitante Distinguido - El Republicano Ayuntamiento De Monterrey	Peru
	Ciudad De Mexico Huesped De Honor	Mexico
	Order Of The Aztec Eagle	Mexico
	Order Of The Merit Of Chile, Grand Cross	Chile
	Paul Harris Fellowship By The Rotary Club International	USA
	Grand Cross of The Order of The Liberator General San Martin	Argentina
	Diploma Huesped Ulustre -La I Municipadad De Santiago	Chile
	Order Nacional Do Cruzeiro Do Sul, Gra Cruz (National Order of The Southern Cross, Grand Cross, Second Class)	Brazil
	Medallion Ilustre Municipalidad De Valparaíso	Chile
	Honorary Award Of The Worshipful Company of Carpenters	U.K.
1990	The Order of The Liberator Second Class	Venezuela
1989	“Honorary Freedom of the Worshipful Company of Carpenters”	British Carpenters Society , 1989
1987	Mahaputra Adiputra	Indonesia
1986	Honorary Membership Of The Alumni Association - The Alumni Association Of The King Edward VII College Of Medicine And The Faculties Of Medicine, Universities Of Malaya & Singapore	Singapore
	Grand Cross (1st. Grade)	Germany
1984	Grand Cross Of National Order	Mali
	1st Master Builders Gold Medal	Malaysia

Sambungan: Jadual 6.2

1983	Nishan I-Quaid-Azam (Supreme Leaders)	Pakistan
	Gang Hwa Medal	South Korea
	Head Of State Humanitarian Service-Dadah Abuse	Malaysia
1981	Knight Grand Cordon (Special Class) Of The Most Exalted Order Of White Elephant	Thailand

Anugerah-anugerah juga diterima dari institusi akademik. Universiti-universiti dari dalam negara mahupun luar negara menganugerahkan gelaran-gelaran akademik tertinggi iaitu gelaran Doktor Kehormat (*doctor honoris causa*) dari pelbagai bidang kajian kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Jadual 6.3 berikut menyenaraikan gelaran doktor Kehormat yang diterima:

Jadual 6.3. Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah				
Tahun		Ijazah Kehormat	Universiti	Asal Universiti
1	1996	Anugerah Profesor Kehormat		Republik Kyrgyz
2	1997	Ijazah Kehormat Doktor Ilmu Kemanusiaan	Mongolia University	Mongolia
3	1998	Ijazah Kehormat Doktor Kesusasteraan	Khartoum University	Sudan
4	1998	Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang	Al-Azhar University	Egypt
5	2001	Ijazah Kehormat Doktor Falsafah	Meiji University	Jepun

Sambungan Jadual 6.3.

6	2004	Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi Pembangunan	Universitas Padjadjaran	Bandung Indonesia
7	2004	Ijazah Kehormat Doktor Persuratan	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Dhaka, Bangladesh
8	2004	Ijazah Kehormat Doktor Pemikiran Islam	Universiti Malaya	Kuala Lumpur
9	2004	Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan dan Teknologi	Universiti Teknologi Petronas	Tronoh, Perak
10	2004	Ijazah Kehormat Doktor Politik dan Kerajaan	Universiti Teknologi Mara	Shah Alam, Selangor
11	2004	Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang	Universiti Kebangsaan Malaysia	Bangi, Selangor
12	2004	Ijazah Kehormat Doktor pengurusan Pembangunan	Universiti Utara Malaysia	Sintok, Kedah
13	2004	Ijazah Kehormat Doktor Knowledge Science	Universiti Multi Media	Cyberjaya, Selangor
14	2004	Ijazah Kehormat Doktor Sains	Universiti Sains Malaysia	Pulau Pinang
15	2004	Ijazah Kehormat Doktor Kepemimpinan dan Pembangunan pendidikan	Universiti Pendidikan Sultan Idris	Tanjung Malim Perak
16	2004	Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi	Sabah University	Sabah
17	2004	Ijazah Kehormat Kajian Pembangunan	Sarawak University	Sarawak
18		Doktor Undang-Undang	University of Dhaka	
19	2005	Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang	International Islamic University	Islamabad, Pakistan

Sambungan Jadual 6.3.

20	2005	Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Honoris Causa)	University of Gezira	Sudan
21	2005	Ijazah Kehormat Doktor Falsafah	Waseda University	Jepun
22	2005	Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Teknologi	Kolej Universiti teknolgi Tun Hussein Onn	Batu Pahat Johor
23	2005	Ijazah Kehormat Doktor Sains	Universiti Tunku Abdul Rahman	Kuala Lumpur
24	2006	Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Teknologi	Universiti Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
25	2008	Ijazah Kehormat Doktor bidang politik dan ekonomi.	Universiti Aden	Aden ,Yemen
26	2009	Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan dan Pengurusan Teknologi	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	Melaka
27	2010	Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi & Pentadbiran Muamalat	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),	Negeri Sembilan
28	2011	Ijazah Kehormat Doktor	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Trengganu
29	2011	Ijazah Kehormat Doktor	Universiti Jordan,	Jordan
30	2011	Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan	Universiti Malaysia Perlis	Perlis
31	2012	Ijazah Kehormat Doktor kepemimpinan dan pemberdayaan bangsa Melayu.	Universitas Sebelas Maret (UNS)	Solo, Indonesia

Sambungan Jadual 6.3.

32	2012	Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan Automotif	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Pahang
33	2013	Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Komunikasi dan Teknologi (ICT)	Kolej Teknologi Maklumat Universiti Tenaga Nasional	Bangi

Pemberian anugerah pada setiap tahun yang diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai bentuk pengakuan dan penghormatan ini adalah berkaitan dengan imej-mej (3B dan BCA) yang telah dipamerkan beliau dalam karya-karya sebenar semasa memimpin Malaysia membina kuasa insaniah.

6.2.1.2. Hasil Penulisan Akademik Peringkat Sarjana

Kesan positif daripada corak kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mendorong ramai pelajar dan penyelidik pada peringkat sarjana di pelbagai jenis universiti di dalam dan di luar negara untuk melakukan penyelidikan akademik mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad dan perkara-perkara yang berkenaan dengannya. Melalui penyelidikan ini, hubungan para-sosial terbina yang ‘mendekatkan’ pelajar dengan tokoh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disukai ramai. Hasil penyelidikan akademik dalam format tesis di peringkat ijazah, sarjana dan kedoktoran ini merupakan bentuk testimoni mereka terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Meskipun tidak mudah memperoleh data untuk menyusun senarai hasil penyelidikan dan penulisan akademik pelajar-pelajar dari dalam dan luar negara,

namun beberapa penulisan berkenaan boleh diperoleh melalui kajian di perpustakaan-perpustakaan, dan bantuan internet pencari Google. Berikut ialah contoh beberapa karya penyelidikan akademik yang berjaya dikumpul:

Jadual 6.4. Hasil Penulisan Akademik Siswazah

	Tajuk	Nama	Thesis	University
1	Mahathir's Policy of 'Prosper Thy Neighbour' and Its Effects On Thai-Malaysia Relations in An Era Of Globalization	MD.Shukri Shuib	Master	University of Adelaide, 2004
2	Asian values and Mahathir's leadership	Kevin K.H. Kor.	Master	University of Adelaide (2003)
3	From triumphalism to the 'New Deal': Mahathir and the Asian century	Sven Alexander Schottmann	PhD	Monash University
4	"Islam, properly understood" Tun Dr Mahathir Mohamad on religion, Malaysian society and politics	Dr. Sven Alexander Schottmann	PhD	Monash University. (2010)
5	Tun Dr Mahathir Mohamad : a critical study of ideology, biography and society in Malaysian politics	Khoo, Boo Teik, 1955	PhD	Flinders University of S. Aust (1995)
6	Deregulation without liberalisation? : Malaysia's communication policies in the Mahathir era / John Carroll.	Carroll, John	Master	University of Sydney, (1997)
7	"Islam, properly understood" Tun Dr Mahathir Mohamad on religion, Malaysian society and politics	Dr. Sven Alexander Schottmann	PhD	Monash University. (2010)

Sambungan: Jadual 6.4

8	Tun Dr Mahathir Mohamad : a critical study of ideology, biography and society in Malaysian politics	Khoo, Boo Teik, 1955	PhD	Flinders University of S. Aust (1995)
9	Deregulation without liberalisation? : Malaysia's communication policies in the Mahathir era / John Carroll.	Carroll, John	Master	University of Sydney, (1997)
10	State-NGO relations in Malaysia in the Mahathir years	Patsy Amaradasa.	PhD	Deakin University, Victoria, 2007.
11	Kebijakan Moneter Dalam Ekonomi Islam Analisis Kebijakan Tun Dr Mahathir Mohamad Dalam Mengatasi krisis Ekonomi Malaysia 1997-1998	Khairul Anuar Bin Mohd Aminkhir	Bachelor	Fakultas Syariah dan Hukum UIN Syarif Hidayatullah Jakarta (2008)
12	Look east policy : kebijakan Luar Negeri Malaysia masa Mahathir Mohamad 1981-2003	Robiatul A.	Bachelor	Universitas Indonesia
13	Kebijakan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam sistem perekonomian Malaysia 1981-2003	Duwi Rahmadi	Bachelor	Universitas Sebelas Maret Surakarta (2006)
14	Politik luar negeri Malaysia pada masa pemerintahan pm. Tun Dr Mahathir Mohamad (1981-1994)	Nora Herlinsa		

Sambungan: Jadual 6.4.

15	Kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad (1981-1988): studi kasus kebijaka pandang ke Timur (Look East Policy) dalam usaha mencapai tujuan jangka panjang dari NEP (New Economic Policy) di Malaysia	Suani H. Timisela	Bachelor	Universitas Indonesia
16	Pengaruh Politik Dan Pemikiran DR Mahathir Bin Muhammad Terhadap Perkembangan Hukum Islam Di Malaysia	Mohd Nasiruddin Bin Othman	Bachelor	UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta
17	Peranan Mahathir Mohamad Sebagai Bapak Modernisasi Malaysia Tahun 1981-2003	FNK Dewi	Bachelor	Universitas Pendidikan Indonesia, 2013
18	Keberhasilan Mahathir Mohamad Mempertahankan Legitimasi Kekuasaannya Sebagai Perdana Menteri Malaysia	Faiqoh Nurul Hikmah	Bachelor	Universitas Jember (Jember) 2011
19	Kebijakan Mahathir Mohamad Dalam Sistem Perekonomian Malaysia 1981-2003	Duwi Rahmadi	Bachelor	Universitas Sebelas Maret 2006
20	Kode Operasional Mahathir Mohamad berkenaan dengan reorientasi kebijakan luar negeri Malaysia (1982-2004)	Aria Rangga Chandra	Bachelor	Universitas Padjadjaran, 2013

Sambungan: Jadual 6.4.

21	Peran Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad Dalam Kebijakan Penolakan Malaysia terhadap Bantuan IMF Pada Krisis Moneter 1997	Imelda Liliani Hutagaol	Bachelor	Universitas Paramadina
22	A Study Of Mahathir's Thought	Wang Juan	Master	Jilin University 2009
23	Malaysia-China Relations since Dr. Mahathir Mohamad: From Hostility to Accomodation	Susmita Barori	PhD	Jadavpur University, Kolkata, 2012
24	Malaysian foreign policy in the Mahathir era, 1981-2003	Karminder Singh Dhillon	PhD	Boston University, 2005.
25	Islam in Malaysia Foreign Policy Under The Premiership of DR. Tun Dr Mahathir Mohamad	Abdalla Mohamed Kutaisha	Master, 2006	University Kebangsaan Malaysia
26	Malaysia and Singapore Relations During Mahathir's Premiership	Nor Azlin Binti Mohamad Shamsudin	Master, 2006	University Kebangsaan Malaysia
27	Ketidakakuran Sivil danPendemokrasian PolitikMalaysia di Era Mahathir	Zawiyah Mohd Zain, M, Mohammad Agus Yusoff	PhD	University Kebangsaan Malaysia
28	Malaysia's Multilateral Diplomacy Under DR Tun Dr Mahathir Mohamad	Rostam Affendi Bin Saleh	Master,	University Kebangsaan Malaysia 2002
29	A crtictical discourse analysis of Mahathir Mohamad's speeches against the war on terror	Azimah Shurfa Mohammed Shukry	PhD	Universiti Malaysia 2011

Sambungan: Jadual 6.4.

30	A critical discourse analysis of the speeches of Dr. Mahathir	Kamila Ghazali	PhD	Universiti Malaysia 1999
31	Perjuangan UMNO dalam era Mahathir Mohamad	Teresa Suh Sim Kok	MPhil	Universiti Malaysia, 2001
32	Oksidentalisme dalam sastera Melayu sejak sebelum merdeka hingga era Mahathir Mohamad	Mohamad Saleeh bin Rahamad	PhD	Universiti Malaysia 2012
33	Dasar luar Malaya ke atas Britain: perbandingan di antara era Tunku Abdul Rahman dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad	Mohd. Efendi Daud	Master	Universiti Malaysia, 2008
34	Modenisasi dan pembinaan bangsa	Padilah Haji Ali	Master	Universiti Malaysia, 2005
35	Kepemimpinan Dr. Mahathir Mohamad sebagai juru cakap negara-negara membangun	Rajan Krishnan	Master	Universiti Malaysia, 2004
36	Peranan Dr. Mahathir Mohamad dan kesannya terhadap dasar luar Malaysia 1981-1999	Boon Tat Ho	Master	Universiti Sains Malaysia, 2000
37	<i>Persuasive Language In Selected Speeches Of Tun Dr. Mahathir Mohammad</i>	Abdul Rahman Alkhirbash	PhD	Universiti Putra Malaysia. 2010
38	Analisis Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai Islam dan Pelaksanaan Dasarnya dalam negara Malaysia	Zulfa Jamalie	PhD	Universiti Utara Malaysia, 2011
39	Pemikiran Pembangunan Berteraskan Sistem Nilai-Budaya: Kajian Terhadap Pendekatan Dr. Tun Dr Mahathir Mohamad 1981-1986	Khairul Azman Mohamad Suhaimy		Universiti Utara Malaysia

Sambungan: Jadual 6.4.

40	<i>The Rise and Collapse of Finance-War Hegemony: As Antonio Gramsci Defined its Rise and as Dr. Tun Dr Mahathir Mohamad Spells its Collapse.</i>	Poppy Irawan	Master	Universiti Utara Malaysia. (2011)
41	Analisis Pemikiran Mahathir Mohamad Mengenai Islam dan pelaksanaan dasarnya dalam negara Malaysia	Zulfa Jamalie	PhD	Universiti Utara Malaysia, 2011
42	Pemikiran Mahathir mengenai pembengunan ekonomi orang Melayu dalam tiga dekad (1970-1999) satu kajian berdasarkan buku Dilema Melayu, Cabaran dan Jalan Ke Puncak	Afifah Asriati	Master	Universiti Utara Malaysia, 2010
43	Gaya Kepmimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad: Penglibatan Bealiau dalam Pembangunan Ekonomi Orang Malaysia.	Sivarasan Kalidawson	Master	Universiti Utara Malaysia, 2006

Secara tidak langsung melalui karya-karya penyelidikan akademik yang dilakukan oleh para pelajar yang berasal dari seluruh dunia telah menyebarkan dan mengekalkan Mahathirisme dan karakter ketokohan Tun Dr. Mahathir Mohamad, serta memperkenalkan lebih jauh mengenai negara Malaysia.

6.2.1.3. Mahathir Global Peace School di Yogyakarta-Indonesia

Bentuk penghargaan dan penghormatan lain terhadap pemikiran dan jasa-jasa Tun Dr. Mahathir Mohamad yang boleh dijadikan contoh adalah berupa pemberian

nama kepada pusat-pusat kajian. Mahathir Global Peace School adalah nama pusat kajian yang dikongsi bersama antara Universitas Muhammadiyah Yogyakarta Indonesia dengan Perdana Global Peace Foundation Malaysia, yang diilhamkan berdasarkan cara Tun Dr. Mahathir Mohamad yang senantiasa mengutamakan jalan perdamaian dalam hubungan antarabangsa.

Mahathir Global Peace School merupakan institusi pendidikan yang berfokus mengenai pencegahan perang dan resolusi konflik yang mengutamakan perdamaian dalam menyelesaikan masalah antarabangsa. Pelajar yang mengikuti pengajian di institusi ini terdiri daripada pelbagai budaya dan latar belakang pendidikan dan bertujuan untuk mencapai pemahaman yang mendalam tentang keamanan dan keselamatan bersama. Mereka juga didedahkan untuk turut terlibat dengan pertubuhan bukan kerajaan (non governmental Organization atau NGO), kerajaan, agensi-agensi bantuan, PBBB dan pertubuhan lain.

Melalui Mahathir Global Peace School ini, pemikiran-pemikiran dan gagasan-gagasan Tun Dr. Mahathir Mohamad dipelihara dan juga diamalkan di luar wilayah Malaysia.

6.2.1.4. *Mahathir Award* (Anugerah Mahathir)

Terdapat beberapa nama penghargaan yang menggunakan nama Tun Dr. Mahathir Mohamad dari pertubuhan-pertubuhan berdikari, semi-berdikari dan tidak mengambil keuntungan di Malaysia. Penghargaan tersebut merupakan suatu

bentuk penghargaan dan penghormatan terhadap prestasi-prestasi awam Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam banyak bidang.

'Mahathir Award', yang sebelumnya dikenali sebagai *'Academy of Science Malaysia Award'*, dikeluarkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM), merupakan penghargaan yang diberikan kepada ahli-ahli sains, institusi, dan pertubuhan di seluruh dunia bagi mengiktiraf sumbangan dan inovasi ke arah menyelesaikan masalah di kawasan tropika dan dalam kalangan masyarakat global melalui sains dan teknologi (<http://www.akademisains.gov.my/index.php>) dan http://www.akademisains.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=38&Itemid=214).

Gambar 6.1. Mahathir Global Award



* Diambil dari internet: dan <http://globalpeaceaward.com/award.php>

'Mahathir Award for Global Peace' adalah penghargaan yang terdiri dari pada beberapa bentuk penghargaan, iaitu *'Peace Innovation'*, *'Peace Communication'*, *'Peace Philanthropy'*, *'Peace Education'*, *'Peace Mediation'*,

dan *'Youths of Peace'*, yang dikeluarkan oleh *The Mahathir Global Peace Foundation*. Kriteria untuk calon penerima penghargaan ini dinilai dan dipilih berdasarkan sifat-sifat dan pencapaian yang menggambarkan Tun Dr. Mahathir Mohamad, seperti pemikir, kesungguhan, inovatif, jiwa kepemimpinan dan keberanian dalam mengutamakan cara damai (<http://globalpeaceaward.com/foundation.php>; dan <http://globalpeaceaward.com/award.php>).

The Mahathir Global Peace Foundation juga menganugerahkan tanda kehormatan *"the lifetime campaigner for Peace and Freedom of the Mahathir award for global peace"* yang pertama kali diberikan kepada bekas Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela pada 27 Ogos 2013. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mendapat anugerah kehormatan *"the lifetime campaigner for global Peace award"*. Kedua-dua jenis penghormatan tersebut diberikan kepada tokoh-tokoh yang memberi sumbangan kepada perdamaian dunia (<http://www.jagranjosh.com/current-affairs/nelson-mandela-became-the-first-recipient-of-the-mahathir-award-1377700047-1>).

"The Brand Laureate Tun Dr. Mahathir Patron Award" merupakan salah satu daripada anugerah *The Brand Laureate Brand Personality Awards* yang dikeluarkan oleh *The Asia Pacific Brands Foundation (APBF)*. Anugerah ini diberikan untuk menghormati individu-individu yang berjaya, memberikan sumbangan dan membantu negara berkembang dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan menjadikan kehidupan lebih selesa (http://www.thebrandlaureate.com/awards/ibp_tdmpa.php).

6.2.1.5. Pentas Muzikal Tun Dr. Mahathir Mohamad

Penghargaan terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dapat dilihat daripada sebuah pementasan drama muzikal yang dibuat oleh CTRA Production. *Pentas Muzikal Tun Mahathir* telah ditayangkan di Panggung Sari Istana Budaya Kuala Lumpur¹ pada akhir tahun 2010.

Pementasan ini, seperti keterangan yang dipaparkan dalam buku petunjuk, dipersembahkan untuk menghargai Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah menjadi sebahagian daripada nafas kehidupan bangsa Malaysia lebih dari 20 tahun sebagai Pemimpin dan Bapa Malaysia. Tujuan pementasan ini adalah untuk mengetahui dan menyelami tentang personaliti dan pengalaman pahit manis yang telah dilalui oleh negarawan ulung Tun Dr. Mahathir Mohamad (Muzikal Tun Mahathir 2, 2010: 3). Walau bagaimanapun, maksud daripada pementasan tersebut dikatakan bukan hanya untuk menonjolkan karya-karya Tun Dr. Mahathir Mohamad semata-mata tetapi lebih kepada satu tanggungjawab untuk merakyatkan masyarakat sekaligus menobatkan kehebatan seorang tokoh negarawan; dan memberi penghargaan kepada mantan Perdana Menteri Malaysia yang keempat ini. Selain itu juga, Pementasan ini sebagai tanda pengiktirafan yang tinggi dan menghargai segala pengorbanan, keberanian dan kecekalan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam menaikkan nama Malaysia menjadi negara yang disegani dan dihormati di mata dunia. Ini merupakan tanda terima kasih, rasa

¹ Sebelumnya Istana Budaya bernama Theatre Nasional. Istana Budaya secara rasmi dibuka oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada bulan September 1999, adalah tempat utama di Malaysia untuk semua jenis teater, termasuk teater muzikal, operet, konsert klasik dan opera dari pertunjukan lokal dan antarabangsa. Bangunan ini terletak di sebelah Galeri Seni Nasional di Jalan Tun Razak di Kuala Lumpur.

sayang dan mengenang budi Tun Dr. Mahathir Mohamad daripada rakyat Malaysia (Muzikal Tun Mahathir 2, 2010: 3-7).

Pementasan tentang kisah hidup Tun Dr. Mahathir Mohamad berjudul *Che Det* telah dirancang oleh pihak Istana Budaya sejak 2005, namun dapat direalisasikan ketika izin diberikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada akhir tahun 2009. Pentas muzikal ini telah digelar sebagai dua kali musim di Panggung Sari Istana Budaya. Pada musim pertama, pada 24 September hingga 4 Oktober 2010, namun telah ditunda sehingga 9 Oktober kerana sambutan di luar jangkaan. Musim berikutnya adalah pada 20 hingga 30 Januari 2011 yang turut berjaya menonjolkan ketokohan mantan perdana menteri ini dengan kutipan jualan terlaris. Harga tiket yang dikenakan adalah RM 30, RM 50, RM 80, RM100 and RM150.

Pada bahagian koridor bangunan Panggung Sari Istana Budaya terdapat pameran kecil mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad. Terdapat pameran gambar-gambar, klip berita surat khabar dan keterangan-keterangan mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad. Terdapat juga cenderamata yang boleh dibeli.

Ekspresi kekaguman, kecintaan, dan penghargaan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad disampaikan dalam tempoh dua jam waktu pementasan tentang kisah perjalanan hidup Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pementasan tersebut memuatkan sebanyak dua puluh enam babak dengan satu kali rehat di antaranya. Pementasan drama muzikal ini menggabungkan antara naratif yang dinyanyikan, melalui gerakan, dan muzik dalam penggambaran peringkat-peringkat secara kronologi perjalanan kehidupan dan perjuangan Tun Dr. Mahathir Mohamad

mulai dari beliau lahir ke dunia, zaman kanak-kanak sehingga dewasa. Dibantu oleh sistem panggung, suara dan pencahayaan yang canggih, properti, muzik, nyanyian dan kemiripan aktor yang melakonkan sebagai watak Tun Dr. Mahathir Mohamad membantu menghidupkan penggambaran kisah dan melancarkan penyampaian cerita.

Secara kronologi, sejarah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai tokoh penting bagi Malaysia digambarkan dalam babak-babak berkaitan dalam pementasan yang diadakan. Pementasan dimulakan dengan penceritaan sejak beliau dilahirkan ke dunia yang disambut gembira oleh kedua-dua orang tuanya. Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mempunyai sembilan adik beradik berjaya meriuhkan suasana rumah ayahnya Encik Mohamad. Babak kehidupan Tun Dr. Mahathir Mohamad selanjutnya disusun dari masa pendudukan Jepun, pemberontakan terhadap Uni Malaya (Malayan Union), kegiatan di sekolah perubatan di Singapura iaitu tempat beliau bertemu dengan Siti Hasmah Mohd Ali yang kemudian dijadikan isterinya. Diselitkan babak percintaan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Hasmah sewaktu menuntut di universiti di Singapura dalam tahun 1950an yang turut menjadi babak yang mengandungi elemen menarik. Demikian pula dengan babak pada masa berumahtangga dan menyambut kelahiran anak pertama, serta pembukaan Klinik Maha di Kedah. Seterusnya ialah peringkat awal kehidupan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam dunia politik dan berparti dalam UMNO.

Gambar 6.2 Poster Muzikal Tun Mahathir 2 dan Penyelidik



*Gambar koleksi penyelidik

Pementasan babak peristiwa 13 Mei 1969 yang riuh juga turut diselitkan iaitu peristiwa yang menyebabkan tokoh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menghasilkan karya tulisannya yang terbesar iaitu *The Malay Dilemma* dengan serius. Seterusnya menjadi Timbalan Perdana Menteri, dan akhir penceritaan tentang dirinya sebagai Perdana Menteri ke empat Malaysia. Selepas itu, perjalanan kegemilangan Malaysia dipaparkan dengan pelbagai cabaran yang perlu dilalui semasa pentabirannya sebagai Perdana Menteri Malaysia, termasuk hubungannya dengan tiga timbalan perdana menteri.

Pementasan ini turut memaparkan babak Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam mendapatkan ilham untuk masa depan Malaysia yang disebut Visi 2020 yang disusuli dengan misi-misinya yang telah wujud satu persatu, antaranya

dalam pembangunan projek mega yang telah membanggakan rakyat Malaysia. Tidak ketinggalan juga babak tentang cabaran-cabaran yang dihadapi Tun Dr. Mahathir Mohamad dari dalam dan luar negara. Babak penceritaan mencapai kemuncak dengan peristiwa pernyataan pengunduran diri yang penuh hiba dan rasa sedih beliau dan masyarakat sehingga kemudian beliau benar-benar meletakkan jawatan sebagai perdana menteri. Akhir sekali, dari cerita ketokohan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sudah lanjut usia berdiri menghadap penonton berbicara menyampaikan mesej-mesej bagi generasi penerus Malaysia. Setelah itu, layar ditutup perlahan-lahan dan penonton yang terbawa perasaan terkesima lalu bertepuk tangan dengan riuh memenuhi ruangan dengan rasa haru dan bangga.

Pada keseluruhannya, ungkapan-ungkapan pihak produksi atas kecintaan dan kekaguman terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui pentas drama muzikal ini dianggap telah berjaya. Dengan menggambarkan imej-imej bersih, cekap dan amanah Tun Dr. Mahathir Mohamad dan ‘Mahathirisme’ dalam kisah sejarah perjuangan negara Malaysia ini, pihak penyelenggara telah turut mengekalkan kuasa insaniah Malaysia dan imej-imej bintang Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Malaysia yang telah berjasa bagi kuasa insaniah Malaysia.

6.2.1.6. Sebagai Ikon Malaysia

Penghargaan terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai watak pemimpin terulung Malaysia kerana prestasi-prestasinya yang belum dapat ditandingi di

negaranya, kemudian dijadikan ikon atau jenama kemajuan Malaysia berimej cekap, terdapat dalam klip video tayangan preview (pratonton). Klip video pratonton tersebut ditayangkan dalam suatu majlis persidangan yang diadakan oleh Perdana Leadership dan dibuat oleh syarikat persendirian berhad Les' Copaque.

Sebagai sebuah syarikat animasi, Les' Copaque diberi penghormatan oleh MDeC untuk membuat video singkat yang menampilkan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam bentuk animasi. Dalam animasi ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak melibatkan diri dalam melakukan animasi sebaliknya dilakukan oleh karakter animasi terkenal dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia mahupun di luar negara, iaitu Ipin dan Upin². Video tersebut merupakan video sesi ucapan pemimpin yang terulung untuk peneraju syarikat-syarikat yang bertaraf MSC (Multimedia Super Coridor) agar meningkatkan pencapaiannya. Untuk siri yang pertama, bekas perdana menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapannya sebagai pencetus idea melahirkan MSC.

Rakaman video pratonton ini boleh ditonton dan dimuat turun dari laman internet *Youtube*. Dalam klip video animasi ini, watak Tun Dr. Mahathir Mohamad direka berdiri di depan logo MSC dan berbicara sesuatu mengenai MSC dan Visi 2020. Setelah watak Tun Dr. Mahathir Mohamad selesai berbicara, beralih pula kepada karakter Ipin dan Upin yang berbicara bahawa ‘jika tidak ada

² Rekaman video boleh dilihat dalam laman *You Tube* dengan tajuk “*Tun Mahathir dan Upin dan Ipin*” (jumlah yang melihat 431,410 dan 29 pemberi komen) dan “*Upin dan Ipin bersama Tun Dr Mahathir*” (jumlah yang melihat 1,548), dan “*Tun Dr Mahathir dan Upin Ipin Preview*” (jumlah yang melihat 217,184 dan 72 pemberi komen).

Tun Dr. Mahathir Mohamad, maka MSC Malaysia juga tidak akan wujud’, dan ‘jika tidak ada MSC Malaysia, maka tidak akan ada mereka (filem siri animasi Ipin dan Upin)’. Selepas itu, kedua-dua karakter Ipin dan Upin datang mendekati dan mengajak Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk memberi ucapan lebih lanjut di luar filem animasi tersebut.

Gambar 6.3. Tun Dr Mahathir Mohamad bersama dengan Ipin dan Upin



*Gambar dari internet: www.youtube.com

Melalui klip video ini, MDeC dan Les' Copaque Production Sdn. Bhd mengukuhkan kembali imej-imej positif (BCA) Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Bapa Pemodenan Malaysia yang akan mewariskan imej-imej tersebut kepada Ipin dan Upin sebagai simbol mewakili generasi muda Malaysia.

6.2.1.7. Sebagai Wira dalam Permainan Video

Penghargaan terhadap tokoh wira Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berjuang untuk bangsanya mahupun negara-negara Dunia Ketiga disampaikan

melalui permainan video yang telah dihasilkan oleh pihak swasta. Melalui permainan bergenre pergaduhan, sesiapa sahaja boleh meniru gaya wira Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mencari dan memenuhi harapan mereka sebagai wira pada karakter Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam permainan video.


Karakter Tun Dr. Mahathir Mohamad diwujudkan sebagai wira bangsa Melayu yang ditandai dengan baju Melayu yang dikenakan dan siap untuk berjuang. Lawannya adalah karakter WWE Superstars, wira fantasi dan wira selebriti, seperti Cloud Strife, MJ. Dan Goku SSJ 4, Superman dan Batman, Naruto, dan Michael Jackson. Satu-satunya karakter perempuan sebagai lawan adalah Ella.

Permainan dimulakan dengan kemunculan karakter Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pilihan karakter lawan dengan latar belakang gambar bendera negara Malaysia serta diiringi suara latar lagu kebangsaan Malaysia 'Negaraku'. Karakter wira Tun Dr. Mahathir Mohamad menggunakan baju sut seluar panjang gaya Barat, akan berganti dengan memakai baju Melayu ketika digerakkan untuk bertarung dengan karakter lawannya. Pilihan yang ada dalam babak pertarungan tanpa menggunakan senjata atau dengan memakai senjata.

Senjata yang digunakan berupa keris dan 'tenaga dalaman'. Setelah bertarung dan memenangi permainan pertarungan, karakter Tun Dr. Mahathir Mohamad kembali berganti baju yang sama semula, lalu mengibarkan bendera kebangsaan Malaysia, dan akan dipaparkan mesej '*congratulations*'. Pemain kebiasaannya yang berasal dari Malaysia, atau setidaknya penggemar Tun Dr. Mahathir Mohamad walau dari mana asalnya, akan memilih karakter Tun Dr.

Mahathir Mohamad serta mensimulasikan diri untuk merasakan tarikan kewiraan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Gambar 6.4 Keping-keping Permainan Video Tun Dr. Mahathir Mohamad




*Gambar diambil dari internet: youtube.com

Penghargaan dari pereka permainan video terhadap kewiraan Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui permainan video ini secara tidak langsung juga mengajak dan menggalakkan para pemain untuk mencontohi sikap keberanian dan patriotik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak gentar menghadapi lawan seperti yang kerap dilakukan beliau dalam dunia nyata. Permainan ini tidak hanya meraikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai wira kaum Melayu, tetapi juga bangsa Malaysia secara keseluruhan yang berani dalam menghadapi persaingan antarabangsa di Asia Tenggara dan dunia.

6.2.1.8. Sebagai Karakter Utama Dalam Buku Komik

Penghargaan yang diberikan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan sahaja dalam bentuk pingat, tetapi diberikan dalam apa jua bentuk yang boleh memberi kebaikan seperti sebuah buku komik. Sebuah buku komik atau kartun mengenai biografi Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dihasilkan oleh Eugene Yu dan diterbitkan oleh MPH Publishing pada tahun 2008.


Gambar 6.6 Sampul Buku Komik “Mahathir Mohamad” oleh E.Yu



*Gambar Diambil oleh penyelidik sendiri

Tetapi E. Yu bukan orang yang pertama membuat komik mengenai Mahathir Mohamad. Seorang kartunis terkenal Malaysia, iaitu Datuk Mohammad Nor Khalid yang biasa dipanggil dengan “Lat” telah sering menggambar Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam wujud kartun yang sering muncul dalam akhbar kebangsaan, seperti *New Straights Times*, dan *Berita Minggu*, sebagai karikatur mengenai apa yang tengah berlaku di Malaysia yang berkaitan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri. Bahkan kumpulan karikatur mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad itu kemudian dibukukan dalam tajuk “Dr. Who” pada tahun 2004, dan telah diulang cetak untuk kali kedelapan pada tahun 2009.

Gambar 6.6 Sampul Buku Dr. Who? oleh Lat.



*Diambil dar internet: <http://timangtinggi.wordpress.com/page/24/>

E. Yu sepertinya berbeza daripada Lat, kali ini ia sengaja membuat buku komik dengan maksud untuk menyatakan penghargaannya kepada orang yang dikaguminya, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada halaman pertama, E.Yu

mengemukakan alasan mengapa beliau membuat komik tersebut. Rupanya selepas membaca literatur mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau semakin tertarik dan kagum dan berasa hormat terhadap peribadi Tun Dr Mahathir Mohamad. Selepas itu, beliau berniat untuk berkongsi perasaannya dengan orang lain, iaitu dengan membuat buku yang memperkenalkan Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih dari sekadar sebagai Perdana Menteri Malaysia seperti yang telah diketahui ramai.

Buku tersebut harus menarik dan menyenangkan kumpulan sasaran pembaca, iaitu dari umur kanak-kanak sehingga ke tahap umur dewasa. Oleh itu, E.Yu menghasilkan buku dalam bentuk komik yang informatif dan menarik untuk dibaca dan dilihat dari awal hingga akhir halaman. Inilah cara salah seorang warganegara yang tidak hanya menghargai pemimpinnya tetapi juga mencintai dan terpanggil untuk mengekalkan cerita hidup Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan caranya yang tersendiri.

6.2.1.8 Patung Lilin Tun Dr. Mahathir Mohamad

Penghargaan boleh juga berbentuk pembuatan patung lilin wujud sesesorang yang dipamerkan pada sebuah muzium terkenal di dunia, iaitu Muzium Madame Tussaud. Muzium ini adalah sebuah muzium lilin terkenal yang pertama kali dibina oleh pemahat lilin Marie Tussaud di London, Inggeris. Kini muzium ini telah memiliki cawangan-cawangan di beberapa bandar besar di dunia. Akan tetapi tidak semua orang boleh dibuatkan patung lilin oleh Muzium tersebut sekalipun beliau adalah orang yang berkuasa, negarawan apalagi orang biasa. Hanya beberapa orang yang mempunyai prestasi yang diiktiraf dunia atau di

rantau serta terkenal sekali dan tidak mudah dilupakan awam di dalam sejarah yang dibuatkan patung lilinya sebagai salah satu bentuk penghargaan terhadap dirinya.

Tun Dr. Mahathir Mohamad dari negara Malaysia ialah salah satu orang yang memenuhi kriteria tersebut di atas. Patung lilin menyerupai diri beliau boleh dilihat di Muzium Madame Tusaud cawangan Bangkok Thailand. Di Bangkok patung lilin Tun Dr. Mahathir Mohamad dipamerkan sedang berdiri memakai pakaian gaya Eropah dengan ungkapan wajah yang tersenyum lebar. Patung lilin Tun Dr Mahathir Mohamad disejajarkan dengan tokoh pemimpin lain yang memiliki pencapaian besar dan terkenal di dunia seperti Ratu Elizabeth ke 2, Presiden Soekarno, Mahatma Gandhi, Barack Obama, Aung San Suu Kyi, Mao Zedong, Dalai Lama, Vladimir Putin, Jeneral Prem Tinsulanonda, dan lainnya.

Gambar 6.7 Patung lilin Tun Mahathir Mohamad



*Gambar diambil dari internet:
http://pakmataki97.blogspot.com/2013_07_01_archive.html

Penghargaan bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad semacam ini juga merupakan ungkapan kepercayaan dan pengakuan awam antarabangsa atas pencapaian-pencapaian daripada kuasa insaniah yang telah diusahakan beliau selama masa kepimpinannya di Malaysia dan di arena antarabangsa. Penghargaan ini tidak sahaja telah membanggakan rakyat Malaysia yang datang dan melihatnya sendiri di Muzium Madame Tussaud di Bangkok, melainkan juga menjadi bahagian yang mengukuhkan dan mengekalkan ulang kuasa insaniah Malaysia dan kuasa bintang Tun Dr. Mahathir Mohamad di luar negara Malaysia.

6.2.2. Penubuhan Institusi-institusi

Hubungan para-sosial yang lain ialah wujudnya pelbagai yayasan dan kumpulan orang-orang yang secara jelas mengisytiharkan diri mereka bersama sebagai peminat dan pengikut setia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Yayasan dan kelab peminat (*fans club*) yang ditubuhkan memiliki sarana dan cara masing-masing dalam meraikan, memelihara dan mempromosikan kemantapan pemikiran dan perbuatan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang boleh dijadikan contoh.

6.2.2.1. Yayasan-yayasan

Beberapa yayasan yang melibatkan Tun Dr. Mahathir Mohamad di antaranya adalah Perdana Leadership Foundation (PLF) dan Perdana Global Peace Foundation (PGPF) .

Kedudukan yang agak terpencil di Putrajaya terdapat institusi bernama Perdana Leadership Foundation dan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan Presiden Kehormat yayasan tersebut. Ditubuhkan pada tahun 2003 sebagai sebuah pertubuhan yang tidak mencari keuntungan oleh para dermawan yang menyokong wawasan pengembangan penyelidikan dan pembelajaran khusus mengenai kepimpinan dan pembinaan negara Malaysia.

Dari laman internet yang dimiliki terdapat maklumat mengenai objektif yayasan ini. Antara lain adalah untuk menyerlahkan sumbangan Perdana Menteri Malaysia yang lalu, terutama Tun Dr. Mahathir Mohamad, dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik negara; meningkatkan kesedaran dan penghayatan warisan intelek Malaysia yang bernilai untuk pembangunan masa hadapan. Selain itu, dan lebih luas lagi, adalah untuk menggalakkan persefahaman global dengan menyediakan saluran untuk sarjana dan pemikir yang menjalankan penyelidikan dan perkongsian idea dalam pelbagai resolusi perdamaian yang abadi (http://www.perdana.org.my/index.php?option=com_content&view=article&id=178&Itemid=109).

Untuk keperluan objektif tersebut, yayasan menyediakan kemudahan perpustakaan fizikal dan digital dengan akses terus kepada pelbagai maklumat, koleksi yang selalu bertambah dalam pelbagai bahasa dan pelbagai format, seperti buku-buku, keratan akhbar, biografi, rakaman video dan rakaman bunyi, dan sebagainya. Selain itu, Yayasan ini juga mengadakan program-program, bengkel, seminar dan perbincangan, serta memberikan *Resident Fellowships* dan anugerah

penyelidikan yang berkenaan dengan kepemimpinan dan pembinaan bangsa Malaysia dari pelbagai aspek.

Perdana Global Peace Foundation (PGPF) merupakan yayasan yang bergerak dalam mempersiapkan langkah pertama tetapi tegas ke arah keamanan global dan menamatkan perang. Pengasas dan juga presidennya adalah Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disokong oleh golongan terkemuka dunia dalam bidang profesional, cendekiawan, penulis, negarawan yang bersama-sama telah menandatangani dan mentakrifkan Inisiatif Kuala Lumpur untuk menetapkan perang sebagai jenayah (<http://www.perdana4peace.org/about-2/>). Tujuannya adalah menentang peperangan dan mengutamakan perdamaian dan persefahaman global. Kegiatan yayasan ini ialah menganjurkan forum, seminar dan menyebarkan maklumat mengenai keamanan dan persefahaman global; menyenggara majlis dialog di peringkat kebangsaan dan antarabangsa mengenai isu-isu perdamaian; dan membuka jaringan dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang bekerja mengenai isu-isu perdamaian (<http://www.perdana4peace.org/about-2/pgpos-objectives/>).

6.2.2.2. Kumpulan-kumpulan Peminat dan Pengikut (Fans Club)

Terdapat beberapa kumpulan yang menyatakan diri mereka sebagai peminat dan pengikut Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kehadiran mereka boleh dilihat di laman-laman media sosial di internet, antaranya ialah Facebook (Fb).

“Kelab Che Det” adalah kumpulan pencinta dan pengikut setia Tun Dr. Mahathir Mohamad, baik perempuan ataupun lelaki dari setiap lapisan

masyarakat. Lokasi kelab ini di Ukay Perdana Ampang Kuala Lumpur. Kelab ini memiliki akaun di Fb dengan nama Kelab Che Det dan laman di internet dengan nama yang sama di alamat www.kelabchedet.com. Dalam kedua-dua media internet tersebut digabungkan moto kelab ini, yang menyatakan keinginan untuk meneruskan amanah Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai suatu perjuangan mereka.

Akaun Fb kumpulan ini dinamakan “Kelab Chedet” (KCD) yang diwujudkan pada 30 November 2008. Jumlah pengikutnya adalah sebanyak 2,023 orang. Kelab ini memiliki moto sendiri iaitu: “Menyokong dan mendukung perjuangan Tun Dr. Mahathir Mohamad demi agama, bangsa dan negara” (<https://www.facebook.com/kelabchedet?fref=ts>). Menurut keterangan dalam laman Fb, kelab ini ditubuhkan hasil cetusan rasa kesedaran dan keinsafan untuk melihat perkara-perkara yang dibangunkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa berkhidmat sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO diteruskan demi survival orang Melayu khususnya dan negara amnya. Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh Kelab ini seperti: bekerjasama dengan Perdana Leadership Foundation (PLF) iaitu Program KCD-PLF Dialogue Series yang membolehkan peserta berdialog secara terus dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad, melakukan perbincangan mengenai warisan Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama ahli kelab secara berkala (maklumat dari Presiden Kelab Chedet iaitu Pizi Jimat dalam temubual di Kuala Lumpur pada 31 Mac 2014).

“Legasi Tun Dr. Tun Dr. Mahathir Mohamad” merupakan nama dalam akaun Fb. Terdapat maklumat yang wujud pada tahun 2013 dengan misi untuk

meneruskan perjuangan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam memastikan kejayaan dasar-dasar Wawasan 2020 berteraskan ekonomi ilmu (<https://www.facebook.com/LegasiTDMM/info>).

“Saya Sayang Tun Dr. Mahathir Mohammad” juga merupakan nama akaun di Fb. Laman Fb ini dikatakan dibina sebagai tanda sokongan dan rasa sayang kepada bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir yang telah memegang jawatan tersebut selama 22 Tahun. Boleh dikatakan bahawa laman ini bukan untuk mengangkat mahupun memuja tetapi sekadar perkongsian maklumat mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad, selain juga membincangkan mengenai isu-isu politik semasa <https://www.facebook.com/ILOVETUNM?fref=ts>).

Dengan nama yang hampir serupa, hanya penambahan kata ‘sangat’ juga diwujudkan sebuah lagi akaun Fb iaitu “saya sangat saying Tun Dr. Mahathir Mohamad”. Meskipun tidak secara jelas memberi alasan atau misi akaun Fb ini, tetapi di dalam lamannya jelas menunjukkan maklumat mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad (<https://www.facebook.com/SayaSangatSayangTunDrMahathirMohammad?fref=ts>).

“Mahathir Quotes” adalah akaun Fb yang dibuat oleh seorang peminat. Seperti yang dikatakan dalam laman tersebut, tujuan dibina laman tersebut adalah untuk mendidik melalui kutipan-kutipan inspiratif dari bekas Perdana Menteri keempat Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad (<https://www.facebook.com/MahathirQuotes>).

Dalam Fb juga, terdapat akaun laman kumpulan terbuka (*open group*). Laman ini juga dimanfaatkan oleh para peminat dan pengikut setia Tun Dr.

Mahathir Mohamad untuk berkumpul. Antaranya ialah laman kelab peminat “CheDet.Com Fan Club.” Seperti keterangan yang terdapat pada lamannya, kelab ini ditubuhkan sebagai menzahirkan sokongan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk terus menyumbang buah fikiran yang tidak ternilai kepada agama, bangsa dan negara. Selain itu, dikatakan bahawa kelab peminat chedet.com adalah generasi yang cintakan keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara seperti yang mereka nikmati semasa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Mereka mengimpikan sebuah negara Malaysia yang maju dengan rakyatnya yang berbilang kaum seperti yang dicita-citakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk rakyat Malaysia (<https://www.facebook.com/groups/27391957109/?fref=ts>).

Laman kumpulan terbuka yang lain di Fb adalah “Kami Menyokong Tun Dr. Mahathir Mohamad” yang telah mempunyai pengikut atau teman Fb sebanyak 6000 orang. Di sini terdapat perkataan bahawa mereka akan senantiasa menyokong Tun Dr. Mahathir yang telah berjasa membangunkan Malaysia selama dua dekad (<https://www.facebook.com/groups/penyokong.mahathir/>).

Laman terbuka Fb berikutnya ialah “Tun Dr. Mahathir” yang diciptakan oleh Puan Eranee Rusli. Dikatakannya, laman ini merupakan penghargaan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan seorang tokoh dan hanya satu-satunya tokoh peribadi yang berkarisma yang pernah memimpin Malaysia. (<https://www.facebook.com/groups/TunDrM/>). Laman ini telah berjaya mengumpulkan pengikut sebanyak lapan ribu orang (8000). Mereka mengisytiharkan bahawa Tun Dr. Mahathir merupakan idola Malaysia yang

sebenar. Dalam ruangan fail (*file*) terdapat tulisan-tulisan dan testimoni mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad (<https://www.facebook.com/groups/penyokong.mahathir/>).

6.3. Pendapat Informan

Hasil jawapan dari temubual terhadap beberapa *informant* mengenai Malaysia pada masa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan hasil pembangunan kuasa insaniah adalah positif. Mereka sedar bahawa Malaysia telah melancarkan strategi kuasa insaniah. *Informant* mengagumi dan tertarik akan hasil pembinaan sumber budaya, khususnya semua projek mega yang boleh diamati secara langsung sebagai hasil karya yang luar biasa dan mencerminkan kepintaran Malaysia. Antara semuanya, yang paling berkesan adalah dengan pembangunan Menara Berkembar Petronas. Semuanya dilihat dari segi kecanggihan teknologi serta struktur bangunannya, dan kemewahan reka bentuk serta kemudahan yang tersedia bagi orang awam. Mereka iktiraf kesanggupan dana yang dimiliki untuk mewujudkan semua perkara tersebut. Situasi ini menunjukkan kejayaan Malaysia di bawah pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mengatur pelaksanaan dalam bidang ekonomi dan kewangan negara.

Kesan yang diperoleh *informant* terhadap pelaksanaan dasar luar Malaysia atau diplomasi yang dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah juga positif. Mereka melihat aktiviti antarabangsa Malaysia, terutama di rantau Asia Tenggara dalam pertubuhan ASEAN, sebagai sesuatu yang menonjol dengan gagasan-gagasan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dikongsi untuk kemajuan

kumpulan negara serantau ini. *Informant* tertarik dengan gaya diplomasi Tun Dr. Mahathir Mohamad yang lantang tetapi tegas sebagai peneraju dalam menyampaikan mesej-mesej dan kepentingan negara Malaysia dan negara berkembang lain kepada dunia. Sikap prihatin dalam aktiviti sosial Malaysia terhadap persoalan negara-bangsa lain atau pihak-pihak antarabangsa yang memerlukan bantuan dan perhatian diketahui dan didengar oleh penceramah. Penceramah memberikan penilaian yang positif kepada Malaysia atas bakti sosial Malaysia yang telah dilakukannya.

Pemikiran, gagasan dan pandangan Malaysia melalui Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk kemajuan kawasan Asia Tenggara, negara-negara Dunia Ketiga, negara-negara Islam yang disampaikan melalui pelbagai media dan medium didengar dan diketahui oleh *informant*. *Informant* tertarik atas nilai-nilai di sebaliknya yang bercirikan Asia. Penceramah juga memberikan kesan dan penilaian yang positif.

Dari segi kesan terhadap watak kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengikut pandangan informant, mereka pada amnya merasa kagum, salut dan hormat. Semua hasil karya dan kerjaya Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai negarawan mahupun secara peribadi memperoleh pujian dan kesan yang positif. Meskipun sikap dan ketegasan beliau kerap menimbulkan kontroversi dan tidak popular, namun hal tersebut telah menjadikan beliau semakin popular. Semua masyarakat mengakui bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan salah seorang pemimpin besar Asia yang unik dan lain daripada yang lain serta patut dicontohi dan dipelihara warisannya.

6.4. Rumusan

Wujud penerimaan yang banyak dan pelbagai hingga kini daripada masyarakat melalui terciptanya *para-social relationship* terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin sekaligus sebagai selebriti sama ada dari pihak kerajaan, institusi, kumpulan mahupun perseorangan. Hal ini boleh dikatakan merupakan hasil daripada semua usaha yang telah dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam mengukuh dan mengekalkan kuasa insaniah dan kuasa bintang di negaranya dan di rantau Asia Tenggara yang kemudian dinikmati oleh rakyatnya dan masyarakat antarabangsa.

BAB 7

KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN PENYELIDIKAN

7.1. Pengenalan

Bab ini berisikan kesimpulan hasil penyelidikan, temuan-temuan yang diperoleh, dan perbincangan mengenai aspek implikasi kajian serta saranan.

7.2. Kesimpulan Penyelidikan

Berdasarkan kerangka teori mengenai pembinaan kuasa insaniah dari Kajian Hubungan Antarabangsa (KHA), penyelidik telah mengenal pasti bahawa Malaysia ketika kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003) telah melaksanakan pembinaan dengan menggunakan kaedah kuasa insaniah seperti yang disebutkan oleh Nye. Kuasa insaniah Malaysia yang dibina dengan menggunakan sumber-sumber yang dimiliki, iaitu budaya, nilai-nilai politik dan dasar luar, serta memperkasakan nilai-nilai positif semesta, iaitu 3B (*briilliance, benignity, beauty*) seperti yang biasa dilakukan dalam suatu pembinaan kuasa insaniah merupakan usaha untuk menarik perhatian masyarakat sasaran untuk memihak dan menyokong Malaysia.

Penyelidik menemukan bahawa nilai-nilai 3B secara kebetulan menyerupai dengan nilai-nilai yang menjadi salah satu rujukan falsafah Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam memimpin negara dan bangsanya, iaitu nilai-nilai BCA, iaitu *bersih, cekap* dan *amanah*. Dengan merujuk pada nilai-nilai positif

versi Tun Dr. Mahathir Mohamad inilah yang kemudian penyelidik sandarkan untuk menyingkap dan memahami lebih mendalam pembinaan sumber-sumber kuasa insaniah Malaysia.

Namun, dalam Malaysia, pembinaan sumber-sumber kuasa insaniah dan peningkatan yang dilakukan sehingga diketahui dan dikenali oleh masyarakat antarabangsa bukan hanya disebabkan oleh watak yang boleh dikategorikan sebagai spektakular dan berkelas dunia bagi sebuah negara membangun dan dunia ketiga, tetapi juga disebabkan oleh watak peribadi Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sangat signifikan dan menonjol. Oleh sebab itu, pembinaan kuasa insaniah Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sangat bercirikan watak pemimpinnya, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber kuasa insaniah tersendiri dan terkemuka. Peranan besar Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memberi warna kuasa insaniah Malaysia tersendiri dan berbeza bukan sahaja daripada apa yang telah dilakukan oleh para pemimpin Malaysia terdahulu, tetapi juga dari kuasa-kuasa insaniah yang dibina oleh negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara.

Selain daripada itu, melalui perspektif Kajian Budaya dan Budaya Popular, khususnya Kajian Selebriti, telah didapati dan dikenal pasti bahawa terdapat sumber-sumber dalam pembinaan kuasa insaniah Malaysia yang bersumber dari faktor peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri boleh dikategorikan mengandungi unsur-unsur pembinaan imej-imej selebriti (*elevation, magic, immortality*) dalam meraih dan mengekalkan kuasa bintang.

Kuasa bintang versi kajian selebriti yang terdiri dari tiga dimensi imej (*elevation, magic dan immortality*) merupakan kuasa tertinggi yang boleh diraih oleh selebriti untuk menarik pilihan dan perhatian peminat dan pengikut setia dengan cara menarik dan tanpa menggunakan kekerasan merupakan bentuk yang sama, tetapi dengan nama yang berbeza, dari dan dengan kuasa insaniah versi kajian KHA. Oleh sebab itu, dalam penyelidikan ini penyelidik berjaya dalam menutup jurang (*bridging the gap*) antara dua kajian dan dua teori, sekaligus berjaya dalam menambah satu jenis kuasa, iaitu kuasa bintang dalam kajian KHA yang tidak boleh lagi diabaikan dalam memahami suatu kuasa insaniah yang dibina oleh pelaku antarabangsa dalam arena politik dunia.

Sesuai dengan apa yang diajukan oleh Vuving, penyelidik sepakat bahawa gaya tarikan kuasa insaniah bukan terletak pada sumber-sumbernya sahaja, tetapi pada nilai-nilai yang dikandung. Oleh sebab itu, dengan menggunakan kaedah semiotika Barthesian penyelidik telah berjaya menyingkap nilai-nilai yang terkandung di sebalik imej fizikal sumber-sumber kuasa insaniah yang dibina oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad termasuk di sebalik penampilan karakter Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri. Nilai-nilai positif daya tarikan yang dikenal pasti tidak hanya nilai-nilai yang bersifat am, semesta dan mitos pada peringkat denotatif belaka, tetapi nilai-nilai yang bersifat khusus dan subjektif pada peringkat konotatif, iaitu falsafah negara Malaysia yang berlaku dan sangat bercirikan Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang disebut dengan Mahathirisme.

Mahathirisme itu sendiri telah dikenal pasti sebagai nilai-nilai falsafah yang mengutamakan dan memperjuangkan Malaysia, Asia Tenggara, Asia, dunia

Islam, dunia ketiga dan negara membangun yang boleh disaingi dengan nilai-nilai falsafah dari Barat. Oleh sebab itu, daya tarikan Mahathirisme yang ditunjukkan bukan sesuatu yang janggal bagi bangsa Malaysia sendiri dan bagi masyarakat serantau Asia Tenggara khususnya. Dengan demikian, kuasa insaniah yang dibina di Malaysia pada masa kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih dilihat sebagai alat untuk memperoleh legitimasi dan kepercayaan dari sasaran terdekatnya terlebih dulu. Sasaran ini ialah bangsa Malaysia sendiri pada peringkat dalam negara dan masyarakat jiran serantau Asia Tenggara pada peringkat regional atau serantau sebagai landasan yang boleh menyokong pencapaian kuasa insaniah yang lebih besar sebagai tujuan yang harus diraih pada peringkat global.

Cara kuasa insaniah Malaysia dilaksanakan melalui suatu bentuk diplomasi, sama ada secara diplomasi formal, diplomasi awam dan diplomasi selebriti dalam negara mahupun antarabangsa adalah merupakan instrumen yang efektif dan strategik bagi kepemimpinan Malaysia dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dengan penjelasan mengenai dapatan di atas, dan daripada paparan jawapan kepada soalan kajian nombor 1, 2, 3, dan 4, kesimpulan daripada penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Seperti negara-negara lain di dunia yang semakin mengutamakan cara-cara halus dan damai, untuk memperoleh reputasi antarabangsa yang positif sebagai suatu bentuk kuasa tersendiri yang diperlukan bagi kelancaran suatu kewujudan yang istimewa, negara Malaysia di bawah kepemimpinan Tun Dr. Mahathir

Mohamad juga turut membangunkan kuasa insaniah. Kuasa insaniah yang dibangunkan bukan dalam negara sahaja tetapi berkaitan dengan konteks di sekitar, yakni selain konteks dalam negara adalah juga konteks serantau Asia Tenggara. Di peringkat rantau Asia Tenggara, setiap negara sedang membina kuasa insaniah. Masing-masing memiliki keunggulan sumber-sumber insaniah tersendiri yang boleh disaingi, dan setiap negara juga memiliki pemimpin negara yang berdaya tahan dan terkenal. Antara negara-negara serantau sendiri terdapat konflik-konflik yang belum dapat diselesaikan yang memerlukan cara lain dalam meredakan masalah yang timbul, iaitu dengan kuasa insaniah. Selain itu, kuasa-kuasa insaniah dari negara-negara yang berasal dari luar serantau Asia Tenggara, seperti Amerika Syarikat, China, dan Jepun, yang turut memeriahkan persaingan kuasa insaniah di rantau turut dipertimbangkan oleh pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana pengaruh dan sokongannya turut mewarnai kejayaan kuasa insaniah negara-negara serantau. Hal ini boleh dilihat dari dasar-dasar luar Malaysia dan kegiatan diplomatik yang dilakukan di rantau Asia Tenggara.

2. Kuasa insaniah versi Malaysia yang dibina oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui pemerkasaan sumber budaya, nilai-nilai politik, dan dasar luar, yang berimej 3B atau bernilai BCA memiliki watak-watak, yang membezakan dari kuasa insaniah negara-negara serantau Asia Tenggara yang lain. Hal ini dijelaskan seperti berikut:

a. Sumber budaya, pemerintah Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membina pelbagai projek mega prasarana yang mewah dan berkelas dunia. Bahkan dengan mengambil contoh-contoh yang terbaik, dan lebih dulu mempunyai nama di

peringkat dunia, watak identiti etnik Melayu dan keislaman juga ditekankan. Dengan memperkasakan nilai cekap dan berimej *brilliance* versi Asia dan Islamik, Malaysia ingin menyampaikan bahawa negaranya telah mencapai taraf kemajuan dalam teknologi dan kemakmuran ekonomi yang dapat dilihat dan dipercayai.

b. Sumber nilai-nilai politik yang menjadi asas pembinaan dasar budaya dan pelaksanaan dasar luar Malaysia, telah dikenal pasti merupakan nilai-nilai yang berasal dari pemikiran-pemikiran idelogi Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri yang disebut Mahathirisme. Mahathirisme dipromosikan sebagai yang bernilai bersih dan berimej *beauty* khas Asia dan Islamik untuk boleh diikuti bersama dan dipercayai boleh membawa kepada kehidupan yang lebih baik dan penuh damai tanpa membezakan kaum yang ada.

c. Sumber dasar luar, pelaksanaan diplomasi oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam hubungan anatarabangsa dua hala atau dalam pertubuhan banyak negara telah dikenalpasti mengandungi nilai-nilai amanah dan berimej *benignity*. Beliau membuktikan dengan menunjukkan kepada negara-negara jiran di Asia Tenggara dan negara-negara di dunia bahawa Malaysia adalah bangsa Asia yang sedang membangun dan selalu bersedia untuk menjalinkan persahabatan serta sentiasa bersedia untuk membantu pihak-pihak yang memerlukan dalam bentuk apapun, baik dari segi pemikiran, tenaga, dan barangan. Dalam hal ini, difokuskan kepada negara-negara membangun, dunia ketiga dan negara Islam yang sedang menghadapi masalah dan cabaran yang menimpa yang berkaitan dengan pihak Barat.

3. Cara memperkasakan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai sumber pemimpin bagi menyokong kuasa insaniah Malaysia adalah menjadikan dirinya berperanan sebagai seorang selebriti dalam mengukuhkan dan mengekalkan kuasa bintangnya. Untuk itu, imej-imej kuasa bintang *elevation*, *magic* dan *immortality* harus sentiasa dihidupkan melalui pelbagai naratif, pelbagai jenis media dan medium perwakilan, serta kehadiran-kehadiran secara langsung Tun Dr. Mahathir Mohamad di khalayak dengan cara yang meyakinkan, mengagumkan, dan menjanjikan masa depan yang lebih baik. Masyarakat tertarik dan menerima serta menjadikannya sebagai idola, kemudian menjalin suatu hubungan yang antara dirinya dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang disebut *para-social relationship*. Hubungan ini turut menentukan kejayaan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam mengekalkan kuasa bintang yang menyumbang bagi pembinaan kuasa insaniah.

4. Kewujudan kuasa insaniah Malaysia boleh dilihat melalui kejayaan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam memainkan peranan sebagai selebriti dalam menjalankan tugasnya sebagai sumber kuasa insaniah Malaysia. Hal ini dilihat daripada kewujudan *para-social relationship* dalam pelbagai bentuk. Bentuk pertama ialah pemberian pelbagai penghargaan terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad dari masyarakat dalam negara dan antarabangsa yang kagum dan mengakui semua prestasi yang telah dilakukan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi rakyat dan negara yang dipimpinnya, dan perhatiannya terhadap permasalahan dunia ketiga, dunia Islam dan Asia. Bentuk kedua adalah dengan wujudnya kelab-kelab peminat (pengikut) Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan suatu kekuatan

adanya suatu pengakuan dan kepercayaan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa terhadap kuasa insaniah yang telah dibina oleh kepemimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Melalui *para-social relationship* inilah, kuasa bintang Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Kuasa insaniah Malaysia dibela dan dikekalkan.

7.3. Implikasi Penyelidikan dan Cadangan

Berdasar rumusan penyelidikan ini penyelidik mengajukan implikasi dan cadangan penyelidikan.

Penyelidikan dengan menggunakan pendekatan ekletik daripada Kajian Hubungan Antarabangsa dan Culural Studies atau Budaya Populer dan Kajian Selebriti mengenai kuasa insaniah Malaysia dan imej-imej selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad, telah boleh mengurangkan jurang antara kedua-dua kajian sebagai implikasi teori yang menyumbang sebagai penambahan bagi teori-teori yang sedia ada dalam Kajian Antarabangsa (IS/International Studies).

- 1) Penambahan satu unsur unit analisis dalam kajian kuasa insaniah (*soft power*), telah menambah satu unsur sumber kajian kuasa insaniah dari tiga sumber yang diajukan oleh Joseph S. Nye, menjadi empat, iaitu: sumber pemimpin negara sebagai perwakilan dari negara-bangsa yang berdimensi keseluruhan sumber *soft power* iaitu sumber budaya, sumber dasar-dasar luar, dan sumber nilai-nilai politik.
- 2) Penambahan satu unsur dalam dimensi kuasa pada salah satu fokus KHA, khususnya daripada Steven Lukes mengenai dimensi kuasa ketiga, dan kuasa insaniah dari Joseph S. Nye, iaitu kuasa bintang beserta kandungan

imej-imejnya dapat menarik perhatian dan pilihan hati dan minda masyarakat sasaran untuk memihak dan memberi sokongan kepada yang mempunyai kuasa.

Dalam mengajukan cadangan, dari segi kaedah penyelidikan, kajian ini memperoleh maklumat yang masih terbatas melalui informan temu bual, sehingga maklumat yang diperoleh kurang komprehensif dalam melengkapinya dengan maklumat yang lebih mendalam mengenai masa lampau ketika fenomena kajian berlangsung pada masanya, dan mengenalpasti sama ada efek-fek daripada fenomena itu masa kini benar-benar ad seperti yang diduga. Selain itu ketidakberjayaan dalam memperoleh maklumat langsung dari *key person* yang boleh dijadikan data pengasahan dalam memberikan penafsiran-penafsiran semiotik yang lebih akurat.

Berdasarkan dapatan kajian dan keterbatasan, maka perlu dilakukan pengkajian lebih lanjut mengenai kenyataan-kenyataan dan keberkesana dari sumber budaya, sumber dasar luar dan sumber nilai-nilai politik, serta sumber pemimpin Malaysia daripada legasi kuasa insaniah Malaysia kepemimpinan Mahathir Mohamad dengan pendekatan yang yang lebih sah (*valid*) dan terukur sehingga pendekatan eklektik dan interpretif yang cenderung bersifat subjektif namun terkawal ini boleh dibetulkan dan menjadi lebih sempurna.

Dari sumber-sumber kuasa insaniah yang telah dibina oleh kepemimpinan Mahathir Mohamad dan telah mengangkat negara Malaysia menjadi perhatian antarabangsa maka perlu untuk diteliti cara-cara yang lebih mantap dalam

mengekalikan dan mengembangkannya sehingga lebih berkesan tidak hanya bagi Asia Tenggara tetapi juga bagi bagian-bagian dunia lainnya.

BIBLIOGRAFI

1. Buku

- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2005). *Nilai dan etika dalam pembangunan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- _____. (2009). *Idea pemerintahan perdana menteri Malaysia*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- _____. (2009). *Membudayakan integriti dalam tugas*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- _____. (2010). *Koleksi ucapan Tun DR. Mahathir Mohamad mengenai Pemodenan pentadbiran awam Malaysia*. Sintok: Institut pemikiran Tun DR. Mahathir Mohamad, UUM.
- Ahmad Faiz Abdul Hamid. (2005). "*Malaysia and South-South cooperation during Mahathir's era, determining factors and implications*". Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan: Pelanduk Publications.
- Alexander, J. C. (2010). *The Performance of politics, Obama's victory and the democratic struggle for power*. Oxford: Oxford University Press.
- Anderson, B. (1991). *Imagined community: reflections on the origins and spread of nationalism*. London: Verso.
- Anholt, S. (2007). *Competitive identity, the new brand management for nation, cities and region*. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Armitage, J. (2000). *Paul Virilio: From modernism to hypermodernism and beyond*. London: Sage Publication Ltd.
- Barthes, R. (1972). *Mythologies*, New York: Noonday Press.
- Berenskoetter, F., & Williams, M. J. (2007). *Power in world politics*. London: Routledge.
- Berenson, E., & Giloi, E. (2010). *Constructing charisma: celebrity, fame, and power in nineteenth-century Europe*. Oxford: Berghahn Books.
- Bloom, W. (1990). *Personal identity, national identity and international relations*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Boorstin, D. J. (1992). *The Image, a guide to pseudo-events in America*. New York: Vintage Books.
- Boo, T. K. (1995). *Paradoxes of Mahathirism, an intellectual biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Boon, K. C. (2002). *Malaysia: the making of a nation*. Singapore: The Institute of Southeast Asian Studies.
- Braudy, L. (1986). *Frenzy of renowns: fame and its history*. New York: Vintage Books.
- Bromley, D. B. (1993). *Reputation, image and impression management*. New York: John Wiley & Sons.
- Bunnell, T. (2004). *Malaysia, modernity and the multimedia super corridor, a critical geography of intelligent landscapes*. London: Routledge Curzon.
- Cashmore, E. (2006). *Celebrity/Culture*, Oxon: Routledge.

- Chandran Jeshurun. (2007). *Malaysia: fifty years of diplomacy*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Chong, A. (2007). *Foreign policy in global information space, actualizing soft power*. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Cooper, Andrew Fenton. (2008). *Celebrity diplomacy*. Boulder Co: Paradigm Publishers.
- Corner, J., & Pels, D. (Eds.). (2003). *Media and the restyling of politics*. London: Sage Publications Ltd.
- Cox, Robert, & Sinclair, T. J. (1996). *Approach to world order*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design : choosing among five traditions*. London : Sage Publications.
- Dhal, Robert. (1961). *Who governs? democracy and power in an American city*. New Haven: Yale University Press.
- Debrix, F., & Cynthia W. (2003). *Rituals of mediation, international politics and social meaning*. Minneapolis, London: University of Minnesota Press.
- Dicks, B. (2004). *Culture on display, the production of contemporary visitability*, London: Open University Press.
- Dinnie, K. (2011). *City branding, theory and cases*. New York: Palgrave MacMillan.
- Edensor, T. (2002). *National identity, popular culture and everyday life*. Oxford: Berg.
- Ezra F. V. (2011). *Deng Xiaoping: the transformation of China and his relations with Southeast Asia*. New York: Harvard University Press.
- Faridah Abdul Rasyid. (2012). *Biography of the early Malay doctors 1900-1975 Malaysia and Singapore*. Xlibris Corporation.
- Foucault, Michel. (1998). *The history of sexuality Vol. 1: the will to knowledge*. London: Penguin.
- Gabler, N. (1998). *Life the movie: how entertainment conquered reality*. Toronto: Vintage Books.
- Gilpin, R. (1981). *War and change in world politics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Goffman, E. (1956). *The presentation of self, in everyday of life* (Social Sciences Research Centre, Monograph no.2). Edinburgh: University of Edinburgh.
- Goverde, H., Cerny, P. G., Haugaard, M., & Lentner, H. (2000). *Power in contemporary politics, theories, practices, globalizations*. London: Sage Publication, Ltd.
- Govers, R., & Go, F. (2009). *Place branding, glocal, virtual and physical identities, constructed, imagined and experienc*. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Gramsci, A. (1971), *Selections from the prison notebooks of Antonio Gramsci*. New York: International Publisher.
- Shireen Haron & Zuraidah Musib. (2012). *Pemasaran politik di Malaysia*. (Eds.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hasan. (1990). *Mahathir great Malaysian hero*. Kuala Lumpur: Mediaprint Publications.

- Hefner, R. W. (2001). *The politics of multuculturalism, pluralism and citizenship in Malaysia, Singapore, and Indonesia*, (Ed.). Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Herwitz, D. (2008). *The star as icon*. New York: Colombbia University Press.
- Ho, K. L. & Chin, H. *Pentadbiran Mahathir, prestasi dan krisis dalam pemerintahan* (Eds.), Singapura: Times Books Internastional.
- Holmes, S. & Redmond, S. (2006). *Framing celebrity, new directions in celebrity culture*. London: Routledge.
- Holsti, R. O. (1996). *Public opinion and American foreign policy*. Ann Arbor, MI: University of Michigan Press.
- Ismail Ibrahim. (2002). *Pemikiran Dr. Mahathir tentang Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ilggen, T. L. (2006). *Hard power, soft power and the future of transatlantic relations*. Hampshire: Ashgate.
- Jervis, R. (1970). *The logic of images in international relations*. NJ: Princeton University Press.
- Mustapa Kasim & Abdul Rahman Abdul Aziz. (2007). *Kelangsungan pentabiran*. Sintok, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. UUM.
- _____. *Tun Dr. Mahathir's legacy, inspirational learning experience, reflections the Mahathir years*. Washington: South East Asia Studies Program.
- _____, Abdul Rahman Abdul Aziz, Muhamed Nor Azman Nordin, & Hasliza Shafie. (2007). *Koleksi syarahan Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena penganugerahan ijazah kehormat*. Sintok: Institut Pemikiran Tun DR. Mahathir Mohamad. UUM.
- _____, Abdul Rahman Abdul Aziz., Muhamed Nor Azman Nordin, & Hasliza Shafie. (2007). *Merdeka wacana pembangunan dan kedaulatan negara*. Sintok: Institut Pemikiran Tun DR. Mahathir Mohamad. UUM.
- Kellner, D. (1995). *Media culture, cultural studies, identity and politics between modern and postmodern*. London: Routledge.
- _____. (2003). *Media spectacle*. London: Rouletdge.
- Keohane, R.O. (Ed.). *Neorealism and its critics*. New York: Columbia University Press.
- Klotz, A., & Deepa Prakash. (2008). *Qualitative methods in international relations*. Basingstoke, Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Kotler Ph., Rein I.J. & Stoller M. R. (1987). *High visibility. the professional guide to celebrity marketing. How executives, politicians, entertainers, athletes and other professionals create, market and achieve succesfuli image*. London: Heine-mann.
- Krause, J., & Renwick, N. (1996). *Identities in international relations*. Oxford: St. Antony's College.
- Kurlantzic, J. (2007). *Harm offensive: how China's soft power is transforming the world*. New Haven and London: Yale University Press
- Lawson, S. (2006). *Culture and context in world politics*. Hampshire: Palgrave Macmillan.

- Lee K. Y. (2000). *From third world to first, the Singapore story: 1965 – 2000*. New York: Harper Collins Publisher.
- Leach, N. (1997). *Rethinking architecture, a reader in cultural theory*. London: Routledge.
- Lebow, R. N. (2008). *A cultural theory of international relations*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Leslie, L. Z. (2011). *Celebrity in the 21st century, a reference handbook*. California: ABC-CLIO.LLC.
- Li, M. (2009). 'China's emerging strategy in international politics'(Ed). Boulder, NewYork: Lexington Books.
- Lord, Carnes. (2006). *Losing hearts and minds?, public diplomacy and strategic influence in the Age of terror*. Westport CT 06881: Greenwood Publishing Group, Inc.
- Louw, P. E. (2005). *The Media and political process*. London: Sage Publication. Ltd.
- Lukes, S. (2005). *Power: a radical view*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Mahathir Mohamad. (1970). *The Malay Dilemma*. Kuala Lumpur: Federal Publication
- _____. (1986). *The Challenge*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- _____. (2006). *Mahathir Mohamad, Islam, Knowledge and Other Affairs*, Kuala Lumpur: MPH Group Publishingthir.
- _____. (2011). *Mahathir Mohamad, Doctor in the House*, Kuala Lumpur.
- Melissen, J. (2005). *The new public diplomacy*. New York: Palgrave McMillan.
- Mills, C. W. (2000). *The power elites*. Oxford: Oxford University Press.
- Milne, R.S. & Diane K. M. (1999). *Malaysian politics under Mahathir*. London, New York: Routledge.
- Nair, Ramesh, Haque, M. S., & Mahmud Hasan Khan. (2008). *Constructing identities in the Malaysian media*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Pramod K. Nayar. (2009). *Seeing stars, spectacle, society and celebrity culture*. New Delhi: Sage Publications India Pvt Ltd.
- Ned Lebow, R. (2008). *A cultural theory of international relations*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nye Jr, J. S. (2004). *Soft power, the means to success in world politics*. New York: Public Affairs.
- _____, 2008. *The powers to lead*. Oxford: Oxford University Press.
- _____, 2011. *The future of power*. Oxford: Oxford University Press.
- Peter, C. J. (2009). *Celebrity, pedophilia, and ideology in American culture*. New York, Cambria Press.
- Post, R. C. (1986). *The social foundations of defamation law, reputation and the constitution*. California: LR 691
- Potts, J. (2009). *A history of charisma*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Pringle, Hamish. *Celebrity sells*. Chichester, West Sussex: John Wiley & Sons, Ltd.

- Ramo, C. (2004). *Beijing consensus*. London: Foreign Policy Centre.
- Reeves, J. (2004). *Culture and international relations, narratives, natives, and tourists*. London: Routledge.
- Reicher, S., & Hopkiins, N. (2001). *Self and nations*. London: Sage Publications.
- Rojek, Chris. (2001). *Celebrity*. London: Reaktion Books Ltd.
- Rolph, D. (2008). *Reputation, celebrity and defamation law*. Hampshire: Ashgate Publishing Limited.
- Rustam A. Sani, (1993). *Melayu baru dan bangsa Malaysia, cendekia dan krisis budaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Saukko, P. (2003). *Doing research in cultural studies, an Introduction to classical and new methodological approaches*. London: Sage Publications.
- Schroeder, Alan (2004). *Celebrity in-chief: how business took over the white house*. Boulder, Colorado: Westview Press.
- Seib, Philip. (2009). *Toward a new diplomacy, redirecting U.S. foreign policy*. New York: Palgrave MacMilland.
- Smith, A. D. (1991). *National identity*. Reno: University of Nevada Press.
- Snow, N., & Taylor, P. M. (2009). *Routledge handbook of public diplomacy*. New York: Routledge International.
- Storey, J. (2009). *Cultural theory and popular culture*. Harlow: Pearson, Education.
- Strauss, J. C. & O'Brien, D. B. C. (2007). *Staging politics, power and performance in Asia and Africa*. London: I.B. Tauris & Co Ltd.
- Steans, J., & Pettiford, L. *International relations: perspectives and themes*. Essex: Pearson Education Limited.
- Stewart, I. (2003). *The Mahathir legacy, the nation divided, a region at risk.* Crows Nest NSW 2065. Allen & Unwin.
- Sugiyono. (2009). *Metode penelitian kuantitatif dan kualitatif*. Bandung: Alfabeta.
- Sweeney, B. (1999). *Security, identity and interests, a sociology of international relations*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Truesdell, M. (1997). *Spectacular politics, Louis-Napoleon Bonaparte and the fete imperiale, 1849-1870*. New York: Oxford University Press.
- Turner, G. (2004). *Understanding celebrity*. London: Sage Publications.
- Tuch, T. (1990). *Communicating with the world: US public diplomacy overseas*. New York: St Martin's Press.
- .Watanabe, Y., & McConnell D. L. (2008). *Soft power superpowers, cultural and national assets of Japan and the United States*. (Eds). New York: An East Gate Book.
- Wain, B. (2009). *Malaysia maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Walker, J. A. (2003). *Art and celebrity*. London: Pluto Press.
- Wang, N. (2000). *Tourism and modernity*. New York: Pergamon.
- Weber, C. (1995). *Simulating sovereignty*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Weber, M. (1964. 1947). *The Theory of social and economic organization*. New York: Free Press.

- West, D. M., & Orman, J. (2003). *Celebrity politics, politics in America*. Upper Saddle River. New Jersey: Prentice Hall.
- Zairina Othman. (1984). *Political integration: a national language for Malaysia*. Michigan: Western Michigan University.
- Zakry Abadi, (1992). *Mahathir dalam dilema Melayu*. Kuala Lumpur: Gelanggang Pub.

2. Bab dalam Buku

- Derichs, Claudia. (2003). Ahli politik yang bertanding, wawasan yang bersaing: Wawasan 2020 Tun Dr. Mahathir Mohamad dan gelombang kebangkitan Asia Anwar Ibrahim, dalam Ho khai Leong, & Chin, James (Eds.), *Pentadbiran Mahathir: prestasi dan krisis dalam pemerintahan*. Singapore: Times Books International.
- Drake, P., & Higgin, M. (2006). ‘ I’m a celebrity, get me into politics’. The political celebrity and the celebrity politician, dalam Holmes, S. & Redmond, S. (Eds.) *Framing celebrity, new directions in celebrity culture*. (hlm. 87-100). London: Routledge.
- Eisenegger, M. (2008). The true, the good and the beautiful: reputation management in the media society dalam Zerfass A, Ruler V. B, & Sriramesh K, *Public Relations Research. European and International Perspectives and Innovations* (Eds) (hlm. 125-146). Wiesbaden: VS Verlag fur Sozialwissenschaften
- Guzzini, S. (2007). The Concept of Power: A Constructivist Analysis, dalam Felix Berenskoetter, F & Williams M. J. (Eds.), *Power in World Politics* (hlm. 23-42). London: Routledge.
- Lai, A. (2006). Glitter and Grain: aura and authenticity in the celebrity photographs of Juergen Teller dalam Holmes, S. & Redmond, S. (Eds.), *Framing Celebrity* (hlm 215-230). New York: Routledge.
- Morgan, N., & Pritchard, A. (2004). Meeting the destination branding challenge dalam Morgan, N., Pritchard, A., & Pride R. *Destination branding creating the unique destination proposition* (hlm. 59-78). Oxford: Elsevier Butterworth-Heinemann.
- Musa, G., & Melewar, T. C. (2011). Kuala Lumpur: Searching for the right brand dalam Dinnie, K. (Ed.), *City Branding, theory and cases* (hlm. 162-168). New York: Palgrave Macmillan
- Ooi, C. S. (2004). Brand Singapore: The Hub of ‘New Asia’ dalam Morgan, N., Pritchard, A., & Pride R. *Destination branding creating the unique destination proposition* (hlm. 242-260). Oxford: Elsevier Butterworth-Heinemann.
- Rojek, C. (2006). Identity dalam Rojek, C., Shaw, S. M., & Veal, A.J. *A Handbook of leisure studies* (Eds.) (hlm. 475-490). Hampshire: Palgrave Macmillan.

Waltz, K. "Reflection on theory in international politics: A Response to my critics" dalam Keohane, R.O. (Ed.). *Neorealism and its critics* (hlm. 322-345). New York: Columbia University Press.

Zheng, D. E. (2009) China's use of soft power in developing world: Strategic intentions and implications for the United States. Dalam Mc Giffret, C. *Chinese soft power and its implications for the United States.Competition and cooperation in the developing world* (Ed.) (hlm. 1-9). Washington: CSIS.

3. Artikel dalam Jurnal

Bachrach, P., & Baratz, M. S. (1962) Two faces of power. *The American Political Science Review*. 56, 947-952.

Digester, P. (1992). The fourth face of power. *The Journal of Politics*, 54 (4). University of Texas Press., 977-007.

Dowding, K. (2006). Three-Dimensional Power: A Discussion of Steven Lukes' Power: A Radical View, *London School of Economics and Political Science, Political Studies Review*. Vol 4. 136-145.

Fan, Y. (2006). "Branding the nation: what is being branded?" *Journal of Vacation Marketing*, 12:1, 5-14

Ferguson, N. (2003). Think again: Power. *Foreign Policy*: 18-24 (March-April)

Gills, B & Yanzhong H. (2006). Sources and limits of Chinese 'soft power'. *Survival*, vol. 48, no. 2, Summer.

Ikenberry & Kupchan (1990), Socialization and hegemonoc power. *International Organization/ Volume 44 / Issue 03 / Summer 1990*. 283-315.

Kellner, D. (2009). Barack Obama and celebrity spectacle. *International Journal of Communication* 3, 715-741

Kislenko, A. (2002), Bending with the wind, the continuity and flexibility of Thai foreign policy, *International Journal*. Vol. 57. No. 4.

Lukes, S. (2005). Power and the battle for heart and minds. *Millenium Journal of International Studies* 33 (3). 477-493.

Mohd Sani & Mohd Azizuddin. (2010). A comparative analysis of Asian values and Islam Hadhari in Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* bil.15, Jun 2010.

Nye, J. S. (1990). Soft power. *Foreign Policy* 80. 153-71

_____, & McGray, Douglas. (2002). "Japan's Gross National Cool". *Foreign Policy*, May/June 2002.

_____. (2004). 'The soft power of Japan'. *Gaiko Forum: Japanese Perspectives on Foreign Affairs*, Summer. 3-7.

Olins, W. (2002). "Branding the nation-The historical context". *Journal of Brand Management*, 9, 4-5. 241-248.

Ruhanas Harun. (2006). "In pursuit of national interest: Change and continuity in Malaysia's foreign policy towards the Middle East". *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat* Vol. 1, 2009. 23-38.

- Silk, M. Bangsa Malaysia: global sport, the city and the mediated refurbishment of local identities. *Media Culture and Society* 24 (6).
- Street, J. (2004). "Celebrity politician: Popular culture and political representation'. *The British Journal of Politics & International Relations Volume 6, Issue 4.* 437-438, 442.
- Stuart N. Soroka, (2003). *Media, public opinion, and foreign policy.* Harvard International Journal of Press/Politics 8 (1). 27-48.
- Uma Purushothaman. (2010). Shifting perceptions of power: Soft power and India's foreign policy. *Journal of Peace Studies* 17. 2-3
- Ying F. (2008). Soft power: Power of Attraction or Confusion? *Place Branding and Public Diplomacy Journal* 4:2, 147-158.
- Zulhamri Abdullah. (2009). Beyond corporate image: Projecting international reputation management as a new theoretical approach in a transitional country. *Int. Journal of Economics and Management* 3(1): 170 – 183

4. Kertas Kerja (Working Paper)

- Azizudin Moh. Sani. (2000). Mahathir Mohamad as a Cultural relativist: Mahathirism on human rights. *17th Biennial Conference of the Asian Studies Association of Australia.* Melbourne.
- Berenskoetter, F. (2007). Unity in diversity? Power in world politics. *SGIR Sixth Pan-European Conference.* Turin.
- Guzzini, S. (2002). "Power" in international relations: Concept formation between conceptual analysis and conceptual history. *43rd Annual convention of the International Studies Association.* New Orleans.
- Hartman, T. (2008). Hard questions for soft power. Realist solutions to American soft power. *Paper presented at the panel on the Challenges to the Concept of Power at the 49th International Studies Association Annual Convention.* San Francisco, CA.
- _____. (2009). The Power of attraction, an investigation of the source of American soft power during the Bosnian war (1992-1995). *Paper presented at the annual meeting of the WPSA ANNUAL MEETING "Ideas, Interests and Institutions".* Hyatt Regency Vancouver, BC Canada.
- Nesadurai, H. E.S. (2004). Malaysia and the United States: Rejecting dominant, embracing engagement. *Paper presented at the Symposium on Bush and Asia: America's Evolving Relations with East Asia.* The School of Political Science and International Studies, University of Queensland. Brisbane, Australia.
- Lee, Sook-Jong. (2009). South Korea's soft power diplomacy. *EAI Issue Briefing, June* No. MASI 2009-01.
- _____. (2009). China's soft power: Its limits and potentials. *EAI Issue Briefing No. MASI 2009-07* 2009. the East Asia Institute.
- Smith, K. (2009). South Africa and India as regional leaders: Gaining acceptance and legitimacy through the use of soft power. *The joint Brazilian*

- International Relations Association (BRAI) /International Studies Association (ISA) Convention. Rio de Janeiro, 9. , 22-24 July,*
- Vuving, A. L. (2009). How soft power works. *Paper presented on "Soft Power and Smart Power," at American Political Science Association annual meeting. Toronto, September 3, 2009.*

5. Artikel dalam Website

- Fan, Y. (2008). "Key perspectives in nation Image: A conceptual framework for nation branding". Brunel Business School. Diakses daripada <http://bura.brunel.ac.uk/handle/2438/1872>
- Kiss, B. (2005). Marketing culture and the celebrity politician. The restyling of politics in Hungary (Prime Minister Ferenc Gyurcsány. Diakses, daripada: <http://mek.oszk.hu/03300/03399/03399.rtf>.
- Gallarotti, Giulio M. (2011). "The power curse: The paradox of power in world politics". *Division II Faculty Publications*. Paper 58. Diakses daripada <http://wescholar.wesleyan.edu/div2facpubs/58>
- Nye, J. S. (2010). *Soft power and public diplomacy. Lecture series: Seminar Open to the Public*. Diakses daripada: <http://www.britishcouncil.org/new/about-us/75th-Anniversary/lecture-series/joe-nye/>
- Nesadurai, H. E. S. (n. d.). *Malaysia and The United States: Rejecting dominance, embracing engagement*. Diakses daripada: www.rsis.edu.sg/publications/WorkingPapers/WP72.pdf
- Purnendra Jain., & Groot, G. (2006). 'Beijing's soft power offensive'. *Asia Times Online*.
- KLIA Malaysia. (1998). *History of KLIA*. Diakses daripada: <http://www.dcaklia.gov.my/EnglishPages/MENU/MainFrame.htm>
- LePoer. B.L, (1987). *Thailand: A Country Study*. Diakses daripada: <http://countrystudies.us/thailand/> , pada 21 Februari 2010.
- Rusdi Omar Falsafah & Sivamurugan Pandian. *Pemikiran Politik Dr. Mahathir Mohamad*. Diakses daripada: http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=1&ved=0CBsQFjAA&url=http%3A%2F%2Fwww.management.utm.my%2Fdownload%2Fdoc_download%2F62-falsafah-pemikiran-politik-dr-mahathirmohamad.html&ei=OgS1U6KQGsq1uASakoD4Cw&usg=AFQjCNFx-qWiO7ZKLsGuKO3L8l7ieUl_vA&sig2=Vrx-EqQVA7Y-IOHLYUQ4mA&bvm=bv.70138588,d.c2E
- Snow, N. E. (n. d.) *Malaysia: MALAYSIA: Prime Minister Dr. Mahathir 'Engage dont contain*. Diakses daripada: <http://www.washingtoninternational.com/cf/news.cfm?showpage=84>
- Xiufang L & Naren Chitty, (2009). Reframing national image: A methodological framewor. *Conflict & communication online* Vol.8. No 2, 2009. Diakses daripada: www.cco.regener-online.de.

6. Artikel Pemerintah:

"History of KLIA". (1998). Diakses daripada:
<http://www.dcaklia.gov.my/EnglishPages/MENU/MainFrame.htm>)

Kutipan ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dari pada Koleksi Arkib Ucapan
Ketua Eksekutif, Tajuk : *Pembukaan Rasmi Kilang Kereta Nasional dan
Pelancaran PROTON SAGA*. Shah Alam, Selangor. Tarikh : 09-07-1985.
Diakses daripada:
<http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=622>, pada 21
Februari 2010.

"*Soft Power : A New Focus at China's Two Sessions*", National People's
Congress, People's Republic of China. Diakses daripada: www.npc.gov.cn

7. Dokumen Tidak Terpublikasi

Susmita Barori. (2012). *Malaysia-China relations since DR. Mahathir
Mohammad: From hostility to accommodation* (Thesis PhD), Kolkata:
Jadavpur University.

Afifah Asirati. (2010). *Pemikiran Mahathir mengenai pembangunan ekonomi
orang Melayu dalam tiga dekad (1970-1999)*. Suatu kajian berdasarkan
buku *Dileman Melayu, Cabaran dan Jalan Ke Puncak* (Thesis Sarjana
Sastra), Universiti Utara Malaysia.

Zulfa Jamalie. (2011). *Analisis pemikiran Mahathir Mohammad mengenai Islam
dan pelaksanaan dasarnya*, (Thesis Doktor Falsafah), Universiti Utara
Malaysia

R. Sivaperegasm P. Rajanthiran (2010). *Perisytiharan Malaysia sebagai negara
islam dan implikasinya ke atas politik Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah),
Universiti Kebangsaan Malaysia.

8. Artikel Akbar

Nye. Joseph. S..(2005 Desember 5). 'Soft power matters in Asia'. *The Japan
times-Opinion*. Daripada:
[http://belfercenter.ksg.harvard.edu/publication/1486/soft_power_matters_i
n_asia.html](http://belfercenter.ksg.harvard.edu/publication/1486/soft_power_matters_in_asia.html), pada 4. April 2014